



MEMOR
KERIS MAS

**30 TAHUN
SEKITAR
SASTERA**



memoir
KERIS MAS

**30 TAHUN
SEKITAR
SASTERA**

193280

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1979

Siri Kajian Sastera DBP Bil. 28

Cetakan Pertama 1979
© Hakcipta Keris Mas, 1979

M
988-9923
KER

132586

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur

\$5.00

1
Perpustakaan Negara

PERSEMBAHAN

BUKU ini berisi kumpulan *memoir* yang terpecah-pecah mengenai beberapa pengalaman hidup saya yang saya anggap ada hubungannya dengan peristiwa-peristiwa kesusasteraan Melayu dalam jangka masa kira-kira tiga puluh tahun — 1945-1977. Dalam beberapa hal, peristiwa-peristiwa itu merupakan pengalaman di mana saya terlibat secara langsung sebagai penulis atau sebagai aktivis. Dalam beberapa hal pula pengalaman itu adalah penglibatan sebagai editor yang memerhati, mengikuti dan menilai perkembangan-perkembangan yang berlaku.

Sepanjang yang tertulis dalam buku ini telah saya usahakan dengan jujur dan hati-hati untuk tidak melebihi apa yang saya ketahui dan saya alami tetapi oleh kerana dasarnya adalah *memoir* maka janganlah disalah-ertikan ia sebagai hasil kajian atau penyelidikan.

Banyak hal berlaku dalam masa tiga puluh tahun yang lampau. Banyak pula pergolakan dan kejadian yang mempengaruhi kehidupan, fikiran dan pandangan hidup bangsa kita, khususnya para sasterawan. Sebahagian kecil dari pergolakan-pergolakan dan peristiwa-peristiwa itu mungkin tergambar dalam pembicaraan buku ini. Saya tidak mungkin dapat berbicara dengan cara yang objektif, malah banyak yang akan terasa terlalu subjektif kerana sedikit sebanyaknya saya menceritakan penglibatan, penglihatan dan pandangan saya sendiri. Walaupun demikian saya sekali-kali tidak bermaksud untuk sekadar mengenang-nge-nang zaman lampau, menikmati kembali kegemilangan atau meratapi kegagalan diri saya peribadi. Tujuan saya amat ikhlas, semata-mata untuk meninjau kembali peristiwa-peristiwa lama sebagai tinjauan *retrospective* yang saya harapkan akan ada gunanya untuk men-

jangkau *perspective* baru dalam suasana berfikir, berkepercayaan dan berkebudayaan dalam zaman ini, zaman yang telah banyak berubah dan bergolak, zaman yang sedang diwarisi dan didukung oleh angkatan muda kita yang lebih luas ilmu pengetahuannya dan lebih banyak terdedah kepada pergolakan-pergolakan fikiran dan kehidupan yang kompleks dan rumit.

Pada masa ini saya merasa, melihat dan mengalami bahawa kesusasteraan Melayu telah dilihat dan dinikmati dari sudut kesusasteraan itu sepenuhnya sedangkan pada masa-masa yang lampau sastra banyak dipandang dari sudut persekitaran yang membentuknya. Betapa besarnya pengaruh ilmu pengetahuan di samping pengaruh sosial, politik dan ekonomi terhadap perkembangan sastra dapat dilihat dalam kegiatan-kegiatan, pengajian dan juga dalam hasil sastra sekarang. Walaupun saya sendiri selamanya berpendapat bahawa sastra haruslah pencapaian cipta bentuk dan isi yang seimbang mutunya namun pada masa-masa yang lampau pencapaian cipta kurang difikirkan dan diredakan. Proses selama tiga puluh tahun yang lampau memperlihatkan kemajuan yang sekarang ini memberikan hayat baru dan darjat baru pada kesusasteraan kita.

Beberapa nama saya sebut dalam buku ini, khususnya para sasterawan dan para aktivis sastra. Kepada mereka semua saya memohon ampun dan maaf sekiranya cerita saya tentang mereka mengandungi kesilapan. Demikian juga terhadap badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan. Bagaimanapun saya tidak menyebut apa yang tidak berhubung dengan peristiwa sastra atau latar belakangnya. Kepada merekalah dan kepada para pengikut yang akan meneruskan jejak mereka di belakang hari buku ini saya persembahkan.

Saya terhutang budi kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang memberikan kesempatan, galakan dan kemudahan selengkapnya kepada saya. Buku ini saya tulis sewaktu menjadi Penulis Tamu di Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya juga terhutang budi kepada Sdr. Mohd. Arif Ahmad (MAS), Singapura, Usman Awang, Wijaya Mala, Baha Zain dan Ayob Yamin yang banyak memberikan pertolongan. Dan saya ingin merakamkan di sini peranan isteri saya, Hajah Rosewita Haji Ali, yang membantu menghidupkan kembali peristiwa-peristiwa yang saya alami yang menjadi isi *memoir* dalam buku ini.

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur — Ogos 1978.

Keris Mas

KANDUNGAN

<i>PERSEMBAHAN</i>	v
PENDAHULUAN	1
Singapura Kali Pertama	2
Singapura Kali Kedua	14
PERMULAAN YANG TRAGIK	20
Penerbitan Pahlawan Rimba Malaya	24
Bercerita dan Berpidato	27
PEMIKIRAN POLITIK DAN KEBUDAYAAN	30
Mengenal Rakyat Desa	32
Satu Dorongan Baru	35
Singapura Kali Ketiga	38
Menjadi Wartawan	39
Horison Baru	43
Dari Politik ke Sastera	46
Nafas Baru Sastera Melayu	48
MENGAPA SINGAPURA	52
Politik Kiri Mulai Terdesak	56
Politik Kebudayaan	60
<i>Mastika</i> Berubah Corak	62

PENGARUH INDONESIA	69
Musim Novel	72
Buku dan Penulis	77
TERBENTUKNYA SEMACAM ANGKATAN BARU	82
Tenaga Baru di Singapura	85
Mencari Nama	90
Tumbuhnya Cita-cita Persatuan Penulis	92
LAHIRNYA PERSATUAN PENULIS	96
Angkatan Sasterawan 50	98
Lembaga Bahasa Melayu	104
Fikiran-fikiran Baru	108
TAHUN-TAHUN YANG BERGOLAK	121
Ingin Jadi <i>Pressure Group</i>	124
Seni Untuk Masyarakat	129
Pertelingkahan Yang Bererti dan Tidak Bererti	133
Penghidupan Penulis di Singapura	136
Berhenti dari Utusan Melayu	144
Ke Pulau Pinang dan ke Singapura Kembali	148
Perkembangan di Singapura	155
Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya	159
Kongres	163
Ke Dewan Bahasa dan Pustaka	172
Bukit Timbalan	175
Birokrasi dan Redtip	178
SASTERA DI KUALA LUMPUR	185
Persatuan Penulis Nasional	194
Sastera Berancang	203
Hadiah Sastera Kebangsaan	211
Semangat <i>Anti Establishment</i>	215
INDEKS	221



Gambar ramai Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga pada bulan September 1956 di Istana Besar, Johor Baharu.



Kongres Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) di Istana Kamping Gelam,
Singapura tahun 1947.

PENDAHULUAN

DALAM pendahuluan ini saya minta izin menceritakan dahulu secebis pengalaman hidup saya yang awal sebelum terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kesusasteraan. Pengalaman awal ini memanglah amat peribadi, menyentuh beberapa hal yang akhirnya mendorong saya melibatkan diri dengan kesusasteraan. Saya mempunyai keyakinan bahawa pengalaman-pengalaman awal itu banyak mempengaruhi sikap dan fikiran saya dalam dunia sastera bahkan dalam seluruh kehidupan saya yang mengandungi sifat-sifat positif dan negatif. Jika saya pernah menyumbangkan fikiran, menyumbangkan tenaga dan menyumbangkan karya dalam lapangan kesusasteraan maka sifat-sifat positif dan negatif yang terkandung dalam kegiatan-kegiatan dan hasil-hasil kegiatan itu adalah buah dari pengalaman-pengalaman awal tersebut. Per-tambahan ilmu pengetahuan dan pengalaman-pengalaman baru menjadi punca koreksi yang berlaku terus-menerus. Saya percaya kebanyakan orang melalui proses ini dalam hidupnya yang walau bagaimana dirancangan pun tak mungkin terlepas dari kekhilaf-an. Kita ini hanya manusia yang berupaya merancang dan ber-tindak sedangkan pengatur dan pemutus yang mutlak hanyalah Tuhan Yang Maha Kuasa. Oleh sebab itu hukum *trial and error* sering berlaku dan tetap akan berlaku.

Saya dapat merasakan bahawa penceritaan hal diri sendiri sudah tentu akan membosankan para pembaca tetapi oleh kerana memang telah banyak hal diri saya diperkatakan dalam hubungan perkembangan sastera maka saya merasa perlu memberikan suatu gambaran yang benar supaya kredit dan dis-kredit tidak sampai menimbulkan kekeliruan. Saya sudah mengalami bahawa kredit

yang tidak pada tempatnya sama mengecewakan dan mengelirukan seperti dis-kredit yang tidak pada tempatnya. Kekecewaan peribadi tidaklah seharusnya menjadi perhatian umum tetapi kekeliruan pendapat umum boleh merosakkan kebenaran jalan sejarah.

Singapura Kali Pertama

Saya datang ke Singapura awal tahun 1941, kira-kira setahun setelah kembali dari Sumatera Barat dengan diploma dari sebuah Kolej Islam. Di kampung saya, Ketari, yang terletak sebatu dari bandar Bentong, Pahang, iaitu sebuah kampung Melayu di persimpangan jalan Kuala Lumpur-Bentong-Temerloh, diploma itu tidak banyak gunanya. Walaupun waktu itu ada sebuah sekolah agama di kampung tersebut dan saya telah ditunggu-tunggu untuk menjadi salah seorang gurunya tetapi orang kampung kurang senang dengan cara hidup saya yang tidak banyak mirip dengan cara hidup lebai-lebai zaman itu. Barangkali mereka menganggap saya terlalu "moden" untuk menjadi ustaz. Saya senang bergaul dengan pemuda-pemuda, main badminton pakai seluar pendek dan suka pula menonton wayang. Mereka merasa hampa kerana pada mulanya mereka telah bersiap-sedia untuk mendapat seorang anak kampung sendiri ikut memajukan sekolah agama tersebut. Saya sendiri pun merasa amat kecewa kerana menghampakan harapan mereka. Tetapi saya kira yang paling merasa kecewa ialah ayah saya sendiri kerana ternyata harapannya untuk saya tinggal menetap di kampung bakal menggantikan beliau sebagai ketua keluarga belum dapat saya tunaikan. Ia tidak punya anak lelaki selain dari saya. Ia telah memberi saya peluang belajar yang sesuai untuk saya kelak menjadi orang baik-baik di kampung, iaitu pelajaran agama. Ia telah mengorbankan harapan keluarga, terutama harapan ibu saya yang ingin melihat saya kelak menjadi orang berpangkat dengan menarik saya dari jurusan pelajaran yang mengarah ke tujuan itu, iaitu dari meneruskan pelajaran di *Special Malay Class* (sekolah Inggeris). Di samping itu ia telah pula menyediakan punca penghidupan yang sederhana ala kadarnya secara kampung untuk saya majukan. Semuanya itu tidak bererti lagi apabila saya tidak sesuai untuk diterima menjadi guru sekolah agama tersebut. Tetapi kekecewaannya yang paling besar ialah terhadap sikap orang kampung yang dianggapnya masih terlalu kolot. Barangkali kekecewaan terhadap sikap orang

kampung itulah yang melembutkan hatinya membenarkan saya berhijrah untuk menambah ilmu pengetahuan.

Sebenarnya pelajaran saya memadai untuk sekadar menjadi guru sekolah rendah agama (*ibtida'i*) atau menengah rendah (*thanawi*) tetapi saya mempunyai cita-cita lain. Saya ingin melanjutkan pelajaran. Penolakan orang kampung itu sebenarnya menjadi restu tersembunyi yang membukakan peluang keemasan bagi saya untuk meninggalkan kampung meneruskan cita-cita mencari ilmu.

Mengapa saya menjadi seorang muda yang ingin terus belajar. Saya kira ini ada hubungannya dengan suasana dan semangat yang saya terima waktu belajar di Kolej Islam di Sumatera Barat dahulu itu. Karikulum dalam sistem pelajaran dan pendidikan sekolah-sekolah agama rakyat di sana pada waktu itu memasukkan semua mata pelajaran umum yang asas yang diajarkan di sekolah-sekolah pemerintah (Belanda) atau sekolah-sekolah rakyat yang bukan agama. Di samping itu semua mata pelajaran agama menjadi mata pelajaran wajib. Tujuan pendidikan dan pelajarannya ialah untuk melahirkan manusia Islam sejati yang dapat hidup dalam zaman moden ini dalam suasana atau kelompok penghidupan mana jua pun. *Extramural* yang digiatkan di luar sekolah termasuk kegiatan-kegiatan sukan, kepanduan (pengakap), persekutuan-persekutuan mata pelajaran dan sebagainya di samping kegiatan-kegiatan bertabligh dan berdakwah. Dari suasana belajar seperti ini sudah tentulah saya pulang ke kampung membawa watak yang tidak serupa dengan watak lebai-lebai yang semata-mata belajar agama dalam sistem pondok.

Itu belum lagi menjawab: mengapa saya menjadi seorang muda yang ingin terus belajar. Sebenarnya tujuan pendidikan dan pelajaran yang bermatlamat melahirkan manusia Islam yang dapat hidup dalam kelompok penghidupan mana jua pun dalam zaman moden ini menimbulkan semacam orientasi yang mendorong para pelajar menghadapi cabaran kehidupan lahir dan batin, dunia dan akhirat. Cabaran ini hanya dapat dihadapi dengan ilmu. Demikianlah kesimpulannya. Orientasi ke arah mencapai kestabilan hidup dengan pangkat dan sebagainya seperti yang biasa berlaku di negeri kita ini masa itu tidak wujud sama sekali di tempat saya belajar di Sumatera. Tidak banyak pelajar yang berfikir atau merancangkan hidupnya selepas lulus dari kolej kelak untuk menjadi kerani, menjadi pegawai, menjadi guru atau

sebagainya. Kebanyakan mereka hanya berfikir bagaimana untuk mencapai pelajaran, untuk memperoleh ilmu pengetahuan setinggi-tingginya. Pelajar-pelajar anak Indonesia, yang latar penghidupannya atau penghidupan keluarganya tidak memungkinkan mereka melanjutkan pelajaran, juga tidak memikirkan sebarang jawatan yang akan diterimanya setelah lulus dari kolej. Yang mereka fikirkan ialah bagaimana mereka kelak dapat hidup lebih baik dan lebih maju sebagai manusia Islam dalam penghidupan tradisi keluarganya — baik sebagai kaum tani, saudagar atau sebagainya.

Orientasi dan suasana belajar yang serupa inilah yang menyebabkan saya terlalu ingin hendak melanjutkan pelajaran. Beberapa orang kawan-kawan saya, anak-anak Indonesia, mana yang sanggup, telah pun berangkat ke Batavia (Jakarta) untuk melanjutkan pelajaran mereka di AMS (*Algemeene Middelbare School*) dan ada juga yang hendak ke Mesir untuk belajar di Al-Azhar. Saya sendiri tidak dapat berbuat demikian, pertamanya saya tidak mengikuti kursus bahasa Belanda dengan lengkap untuk ke Batavia dan, keduanya, orang tua saya bukan orang kaya untuk dapat menghantar dan membiayai saya di Mesir. Maka jalan yang terbuka bagi saya hanyalah Kuala Lumpur atau Singapura. Saya telah mencuba di Kuala Lumpur beberapa bulan tetapi tidak berjaya. Maka secara nekad saya terpaksa pergi mencuba nasib ke Singapura. Saya mesti berdiri sendiri dalam penghijrahan mencari ilmu ini kerana ia adalah kemahuan saya sendiri. Ayah saya tidak merancangannya walaupun ia tidak melarang. Saya tahu ia ingin saya melanjutkan pelajaran ke Mesir tetapi ia tidak pernah mengatakannya. Barangkali kerana menyedari akan biaya yang akan ditanggungnya. Saya pun ingin juga ke Mesir tetapi seperti kata orang Pahang: tak makan cekak, untuk bertualang begitu jauh.

Di Singapura saya bekerja pada siang hari menjadi jurujual pada sebuah kedai antik di Orchard Road. Malam hari saya belajar dengan Tuan Haji Idris L.L.B. (almarhum), seorang pensyarah di Pitman's College, yang mengadakan kelas malam untuk pemuda-pemuda yang keciciran atau pemuda-pemuda dari Indonesia yang ingin meneruskan pelajaran mengikut sistem Inggeris, iaitu orang seperti saya. Menurut Haji Idris melalui Pitman's College kelak saya boleh mendaftarkan diri untuk peperiksaan matrikulasi London University dan tidak memasuki peperiksaan Cambridge. Saya mengikuti lima mata pelajaran

termasuk bahasa dan kesusasteraan Inggeris. Mata pelajaran inilah yang agak berat bagi saya kerana walaupun di Sumatera ada pelajaran bahasa Inggeris tetapi tidak cukup tinggi. Lagi satu mata pelajaran yang saya kira berat ialah ilmu hisab. Dari sekolah Melayu di Bentong hingga ke sekolah menengah dan kolej di Sumatera kira-kira atau ilmu hisab memang tidak saya gemari. Algebra dan geometri paling menggerunkan saya. Selain dari itu saya sebenarnya mengulang apa yang sudah saya pelajari di kolej di Sumatera. Saya sangat gembira dan merasa maju dalam pelajaran di samping mempunyai mata pencarian yang lumayan.

Keadaan hidup saya amat sederhana sebenarnya. Saya berpendapatan kira-kira dua puluh hingga dua puluh lima ringgit sebulan, iaitu potongan dalai dari jumlah jualan bulanan yang dapat saya lakukan di kedai antik tersebut. Saya diberi tempat tinggal dan makan percuma dan kedai antik itu memang sesuai untuk saya memahirkan bahasa Inggeris kerana yang mengunjunginya hanya orang-orang Inggeris atau pelancung-pelancung bangsa lain yang semata-mata menggunakan bahasa Inggeris. Dua puluh lima ringgit masa itu sudah banyak. Bayaran pelajaran hanya sepuluh ringgit dan saya belum merokok, tidak pandai joli. Kalau tengok wayang pun hanya dua puluh lima sen. Tambang tram dari Tank Road ke Geylang, rumah Haji Idris, hanya dua sen. Kalau ingin makan angin di tepi laut saya dengan kawan-kawan hanya berjalan kaki saja menyusur kaki lima dan lorong-lorong kota Singapura melalui Bras Basah Road, Kampung Jawa, Kalang dan masuk Mountbatten Road di bawah lindungan pohon-pohon indah di tepi jalan yang baru itu menuju Katong Park atau terus ke Marine Parade. Di sana saya tidak berbelanja apa-apa, duduk-duduk di bawah pohon ru menikmati birunya air Tanjung Katong sambil membaca.

Tetapi menjadi jurujual di kedai antik ini adalah percubaan saya yang kedua untuk mendapatkan pekerjaan. Pengalaman yang tidak dapat saya lupakan ialah percubaan yang pertama, iaitu waktu saya mengunjungi Utusan Melayu di Queen Street. Saya ditemukan dengan Abdul Rahim Kajai, Ketua Pengarang akhbar tersebut. Saya tidak kenal siapa tokoh yang mengarahkan saya ke bilik Abdul Rahim Kajai itu, mungkin Zaiton (ZABHA), mungkin Abdullah Thani (Ahmad Boestamam). Saya belum kenal seorang pun wartawan-wartawan itu walaupun kemudian kelak akan menjadi sahabat-sahabat baik dan teman seperjuangan saya. Tetapi sudah tentu bukan Ishak Haji Muhammad sebab saya

kenal tokoh ini. Masa saya budak sekolah dia pernah juga datang ke Bentong bersama dengan abang pupu saya yang sama-sama belajar dengannya di Clifford School, Kuala Lipis. Saya tentu tidak akan lupa rupa parasnya.

Abdul Rahim Kajai menyuruh saya duduk di kerusi di depan mejanya. Orangnya setengah umur, agak tinggi dan agak kurus, bersongkok hitam, berbaju singlet saja. Saya merasa seperti menghadapi sebuah gunung kerana saya sudah lama mendengar Abdul Rahim Kajai ialah wartawan dan pengarang yang paling besar dan terkemuka di Malaya waktu itu. Hati saya berdebar-debar dan badan saya seram-seram sejuk. Inilah kali pertama seumur hidup saya menghadapi seseorang yang kepadanya tergantung untung nasib saya untuk mendapatkan pekerjaan. Abdul Rahim Kajai bukan saja akan menentukan saya boleh dapat kerja tetapi juga akan menentukan apakah saya layak untuk menjadi seorang wartawan, sedangkan dalam hati kecil saya sudah tersemat bahawa kelayakan saya untuk menulis atau menjadi wartawan itu pasti ada. Mujurlah Kajai yang keramat itu sebenarnya tidak keramat. Dia cuma pakai baju singlet saja. Padahal dalam kepala saya mulanya terbayang seorang yang angkuh, bertarbus, bertali leher atau berbaju kot butang lima. Sebaliknya dia senyum-senyum, banyak berceloteh dan suka berseloroh. Sebuah gunung yang agung, indah menyamakan. Setelah bertanya-tanya tentang diri saya, tentang pelajaran, tentang kebolehan menulis dan berapa lama sudah tinggal di Singapura maka dia pun dengan mendadak meluahkan soalnya yang terakhir: Sudah pergi Desker Road? Katanya.

Saya tersentak, terkejut, kaget dan hampir tidak percaya mendengar pertanyaan serupa itu. Gunung yang agung itu rasanya tiba-tiba mahu runtuh dan akan menimpa saya. Saya tidak menjawab. Apakah yang akan saya jawabkan? Saya baru saja setahun kembali dari Sumatera, lulus kolej Islam, tidak pernah meninggalkan sembahyang, belum pernah bermain cinta apa lagi ke Desker Road yang terkenal sebagai pusat pelacuran kota Singapura itu. Saya mengucap dalam hati, *a'uzubillahi min zalik*. Dan dengan itu urunglah niat saya hendak menjadi orang suratkhobar, iaitu niat saya yang pertama untuk mencari nafkah sambil belajar yang saya simpan dalam dada waktu meninggalkan kampung. Saya tidak sempat lagi hendak menimbangkan apakah pertanyaan itu sungguh-sungguh atau hanya seloroh saja, tetapi saya pasti merasakan semacam sindiran tajam terhadap gensi dan

maruah diri saya. Kalaulah saya sudah agak matang dan mengerti menerima seloroh orang-orang suratkhobar barangkali saya sudah diterima menjadi salah seorang penulis cilik di Utusan Melayu waktu itu. Tetapi peristiwa itu pun suatu pengalaman yang berharga juga kerana kelak di kemudian harinya saya pun mengkagetkan pula beberapa orang teman yang baru meninjau-ninjau ke suratkhobar dan yang akhirnya menjadi penulis-penulis terkenal.

Sebenarnya saya tidak pernah menyangka untuk bekerja lain dari menjadi wartawan atau penulis kerana saya memang ingin menjadi penulis dan saya menganggap diri saya berkebolehan dalam lapangan tersebut. Menjadi jurujual di kedai antik atau di mana-mana pun memang tidak pernah terfikir oleh saya. Tetapi dalam keadaan terdesak macam-macam boleh berlaku. Saya muda, masih berumur sembilan belas tahun. Cita-cita hendak melanjutkan pelajaran senantiasa bernyala dalam dada. Saya telah dididik demikian rupa sehingga mempunyai keyakinan penuh bahawa ilmu pengetahuanlah yang menentukan kesanggupan dan kemampuan orang untuk menghadapi hidup ini dengan bererti.

Guru-guru saya masa di kolej dahulu, selain dari sarjana-sarjana Islam dari Al-Azhar Mesir, adalah orang-orang muda yang bersemangat kebangsaan radikal, yang percaya hanya pada ilmu pengetahuan untuk mengisi kekosongan dada dan kelemahan intelek bangsa Indonesia menentang penjajahan. Terutama guru-guru yang mengajar mata pelajaran ilmu-ilmu umum kebanyakannya datang dari Jakarta, dari Sekolah Tinggi Undang-Undang (*Rechtsche Hogeschool*) mencari nafkah dengan mengajar, sambil menanamkan semangat perjuangan kebangsaan di kalangan pelajar, sambil menyiapkan diri untuk kelak memasuki peperiksaan akhir menjadi Sarjana Hukum. Mereka ini hampir semuanya orang-orang perjuangan politik, pemuda-pemuda yang mewarisi semangat Indonesia Muda, iaitu leburan dari pertubuhan-pertubuhan pemuda terpelajar yang dahulunya bersifat daerah seperti Jong Java, Jong Sumatera dan sebagainya. Malah ada yang menjadi anggota Pemuda Partai Nasional Indonesia yang cocok pula dengan aliran politik guru-guru kelulusan Azhar yang kebanyakannya menjadi anggota Persatuan Muslim Indonesia (PERMI), sebuah parti politik berdasar Islam menentang penjajahan yang berpusat di Sumatera Barat. Oleh sebab itu orientasi pengajaran dan pendidikan terarah hanya kepada pencapaian ilmu dan kesanggupan berjuang untuk

kemerdekaan. Orientasi untuk mengejar kestabilan hidup lahiriah semata-mata hampir tidak ada.

Hasil dari didikan ini saya menjadi sangat idealis, bercita-cita amat tinggi melalui pencapaian ilmu setinggi mungkin. Bahawa saya akan berjumpa dengan pekerjaan menjadi jurujual di kedai antik atau sebagainya tidak pernah saya persoalkan. Saya didorongkan Tuhan untuk bertemu dengan tuannya kedai antik di Orchard Road itu. Dia orang Minangkabau yang mempunyai sikap amat simpati terhadap pemuda-pemuda yang ingin mencari ilmu pengetahuan dan mempunyai semangat kemerdekaan. (Kemudiannya saya ketahui bahawa beliau sendiri adalah seorang pejuang kemerdekaan Indonesia).

Saya mudah diterima dalam kalangan orang-orang Indonesia di Singapura itu kerana saya fasih bertutur dialek mereka dan faham adat kebiasaan mereka. Saya diberi layanan seperti anak-anak muda mereka sendiri yang ramai jumlahnya di Singapura masa itu, bekerja macam-macam pekerjaan sambil belajar. Akhirnya saya menjadi macam orang Indonesia, memperoleh pelajaran menengah di Indonesia, bergaul banyak dengan orang Indonesia, membaca banyak buku Indonesia, bersemangat seperti anak-anak muda Indonesia. Dan orang-orang Indonesia itu agak hormat juga kepada saya kerana saya mempunyai pelajaran yang agak tinggi dari kebanyakan mereka dan mereka akhirnya mendapat tahu pula bahawa saya masa belajar di negeri mereka dulu pernah mengarang. Mereka tahu saya pernah terlibat dengan majalah-majalah pelajar yang terkemuka seperti majalah *Raya* yang diterbitkan oleh Himpunan Pelajar Kolej Islam dan majalah *Setia* yang diterbitkan oleh Himpunan Pelajar Training Kolej Islam. Pengetahuan mereka ini datang dari beberapa orang bekas pelajar yang mengenal saya masa di Sumatera dulu. Bekas-bekas pelajar ini datang ke Singapura untuk menambah pengetahuan atau berniaga. Malah mereka mendengar juga cerpen saya pernah disiarkan oleh *Panji Islam*, Medan. Bagi orang-orang Indonesia Sumatera waktu itu seseorang yang pernah karangannya tersiar dalam *Panji Islam* atau *Pedoman Masyarakat* di Medan atau majalah-majalah terkemuka di Jawa, maka orang itu pastilah orang yang patut dihormati. Sekarang ini saya merasa malu kepada diri sendiri kerana menerima dengan megah penghormatan yang pada hakikatnya tidak pada tempatnya itu. Cerpen saya di *Panji Islam* itu hanyalah coretan angan-angan romantik anak muda belasan tahun.

Tetapi memanglah benar waktu belajar di Sumatera itulah, waktu dalam umur enam belas hingga lapan belas tahun, tumbuhnya bibit sastra dalam jiwa saya. Novel pertama yang mempesona saya bukannya *Putera Gunung Tahan* tetapi *Layar Terkembang*. Waktu pulang ke Malaya awal tahun 1940 saya telah pun menjadi salah seorang pengikut Pujangga Baru yang kritis. Topik perbincangan kebudayaan yang dibukakan oleh majalah *Pujangga Baru* tentang faham tamadun Barat (*Westersche Beschaving*) dan faham kebudayaan Indonesia-Jawa (pasentren) yang masing-masing dipelopori oleh Sutan Takdir Alisjahbana dan Ki Hadjar Dewantoro, menjadi topik perbincangan dan diskusi-diskusi kelompok sastra dalam Himpunan Pelajar Kolej Islam yang saya sertai dengan aktif.

Sebenarnya waktu baru kembali dari Sumatera saya memang ingin terus menulis dan pernah juga menulis kepada akhbar *Majlis*, Kuala Lumpur dan *Utusan Zaman*, Singapura (waktu itu berupa majalah). Tetapi masa saya belajar dan bekerja di Singapura tulis-menulis dan karang-mengarang itu saya lupakan. Saya ingin dan sibuk menambah pelajaran dan ilmu pengetahuan saja.

Di samping itu oleh kerana saya bergaul dengan orang Indonesia, membaca banyak buku dan majalah Indonesia serta buku dan akhbar Inggeris maka saya tidak sedar telah menjadi sombong, merasa diri lebih pandai dan lebih maju. Kebanyakan isi dan bahasa suratkhbar Melayu, majalah Melayu dan buku-buku Melayu dewasa itu saya anggap seperti hasil pengarang-pengarang "purbakala"; berjela-jela, bertele-tele, remeh-temeh dan kasar. Roman-roman picisan keluaran Medan saja pun saya dapati lebih baik dari buku-buku cerita keluaran Malaya apalagi jika dibandingkan dengan buku-buku keluaran Balai Pustaka atau karangan-karangan angkatan Pujangga Baru yang saya minati. Demikianlah, di samping pelajaran saya berjalan dengan lancar, saya juga perlahan-lahan terpisah dari hakikat perkembangan fikiran bangsa saya sendiri.

Namun demikian, pada suatu hari saya menerima berita bahawa akhbar *Warta Malaya* telah berpindah tangan kepada Ibrahim bin Haji Yaacob (IBHY). Saya tidak tahu mengapa, tetapi secara spontan saya telah pergi ke *Warta Malaya* di Cecil Street dan bertemu dengan IBHY. Dia agak terkejut mengetahui saya berada di Singapura, bekerja sambil belajar. IBHY ialah bekas guru saya masa di Sekolah Melayu di Bentong dahulu. Saya tahu dia cergas dalam politik dan salah seorang pengarang yang terkenal. Di antara pengarang dan penulis Melayu masa itu yang saya tertarik mem-

bacanya ialah IBHY dan Ishak bin Haji Muhammad. Bila saya berhadapan dengan IBHY ini saya menjadi kagum. Sikapnya begitu tegas, bercakap amat berhati-hati dan teratur. Jauh bezanya dengan Abdul Rahim Kajai yang pernah mengkagetkan saya dulu. Dia tidak menampakkan tanda-tanda bahawa *Warta Malaya* akan memerlukan orang seperti saya. Sebenarnya jauh dalam hati, saya masih ingin bekerja dengan suratkhbar, ingin menulis.

Dalam kira-kira tiga suku jam pertemuan saya dengan IBHY saya memperoleh kesan bahawa satu gerakan kemerdekaan Malaya sedang berjalan dengan hebatnya. Orang-orang muda seperti saya, menurut IBHY, seharusnya berada di tengah-tengah rakyat untuk bersedia menghadapi satu pergolakan yang besar. Untuk beberapa waktu selepas pertemuan itu saya menjadi gelisah. Sesuatu yang dahulu pernah saya alami masa di Sumatera timbul kembali dalam fikiran saya, iaitu peristiwa-peristiwa di mana saya menyertai kalangan pelajar Indonesia menyala-nyalakan semangat perjuangan kemerdekaan tanahair mereka. Tetapi minat untuk meneruskan pelajaran akhirnya mengalahkan kesan-kesan tentang perjuangan kemerdekaan yang ditimbulkan oleh IBHY itu. Begitu pun, komen beliau tentang diri saya besar juga pengaruhnya. Barangkali kerana komen itu membangkitkan sentimen kemegahan dan ego seorang muda yang idealis dan romantik seperti saya. Katanya, pelajaran itu mesti diteruskan tetapi bukan sekarang. Sekarang kita harus berjuang untuk mencapai kemerdekaan seperti Indonesia, India, Burma dan lain-lain negeri terjajah. Dan katanya, pemuda seperti saya amat penting dalam perjuangan kemerdekaan itu kerana didikan dan pengalaman saya di Indonesia jauh lebih sesuai dibandingkan dengan didikan dan pengalaman pemuda-pemuda yang belajar di sekolah-sekolah Inggeris dalam negeri ini.

Dengan komen seperti itu saya merasa terlonjak, merasa dihargai, merasa mempunyai kelebihan. Saya menjadi senang sendiri, terangkat dari keadaan yang sebenarnya yang saya sendiri belum sedar. Tetapi kemegahan yang menggelisahkan itu akhirnya menghilang juga dalam keghairahan untuk meneruskan pelajaran. Sekali-sekala kemudiannya saya berkesempatan menerima nasihat dan beberapa maklumat tentang perjuangan kemerdekaan Malaya dari beliau.

Beberapa waktu kemudian, pada malam 8 Disember 1941, Singapura digegar bom yang digugurkan oleh kapal-kapal terbang Jepun. Kesan pertama yang saya rasa waktu itu ialah timbulnya semacam perasaan, semacam semangat yang meluap-

luap dalam dada. Saya merasa dengan pasti bahawa perjuangan kemerdekaan yang diceritakan oleh IBHY kepada saya itu telah mencapai puncaknya yang paling hebat. Tergambar dalam kepala saya betapa penjajahan British di Malaya dan Belanda di Indonesia akan hancur. Dan saya mengkhayalkan suatu kemenangan dan kemegahan bangsa Melayu dan Indonesia yang amat murni. Tetapi kenyataan yang saya hadapi lain pula. Semua orang menjadi panik. Kebiasaan-kebiasaan hidup mula berubah serta-merta. Semua orang di Singapura, terutama yang muda-muda mula dilibatkan dengan kerja-kerja perang. Dan saya ditunjuk untuk berkhidmat dalam barisan MAS (*Malayan Auxiliary Service*). Tiap hari pergi berlatih, berbaris, memadam api dan sebagainya. Tetapi itu tidak lama. Pada hujung Disember saya pulang ke kampung setelah menerima telegram dari ayah dan abang ipar saya. Saya kira keadaan di kampung tentulah kelam-kabut. Askar Jepun yang mendarat di Kota Bharu, Kelantan pada 8 Disember itu tentu akan mara ke selatan melalui Trengganu dan Pahang. Mungkin mereka akan menawan Kuala Lumpur lewat Temerloh dan Bentong. Kampung Ketari sudah pasti akan menjadi medan perang.

Saya berangkat dengan keretapi malam dalam keadaan kelam-kabut. Kelam-kabut peperangan yang pertama kali saya alami. Keretapi penuh sesak. Orang awam dan tentera bercampur gaul. Saya bergantung di tangga keretapi dari Tanjung Pagar sampai ke Kuala Lumpur. Ada juga orang menempatkan dirinya di atas bumbung keretapi. Banyak yang berbuat demikian. Keretapi berjalan perlahan menembusi gelap. Di dalam keretapi juga gelap-gelita. Perintah bergelap telah berjalan di seluruh Malaya sejak malam pertama selepas Singapura dibom dan tentera Jepun mendarat di Kelantan.

Pelajaran saya berkecai. Saya memikirkan kekecaian itu sambil bergantung di tangga keretapi sepanjang malam sehingga saya tidak dapat berfikir lagi. Saya ingin menangis memikirkan beberapa bulan saja lagi saya sepatutnya telah menghadapi peperiksaan matrikulasi London University. Angan-angan saya hendak jadi kelasi kapal, belayar keluar negeri untuk mencari jalan meneruskan pelajaran dengan modal sijil London Matrik itu pun ikut musnah.

Beberapa hari di kampung saya menjadi bingung. Simpang tiga pekan Ketari itu telah penuh dengan askar Inggeris dan India yang memasang tempat berperang, lengkap dengan meriam dan sarang-sarang senapang mesin. Masjid di depan rumah kami telah menjadi semacam kem askar India yang beragama Islam. Malah

dalam kawasan rumah kami pun, di tebing jalan raya yang agak tinggi, dipasang sarang senapan mesin yang dilingkungi guni-guni pasir. Kami semua menjadi gelisah dan ketakutan. Akhirnya tentera itu menasihatkan kami supaya pindah. Di sini tidak akan selamat, kata mereka. Perang akan hebat. Askar Jepun ganas-ganas dan tidak berperikemanusiaan. Nanti kami semua akan diceroboh, dirompak dan dianiaya. Lebih baik pindah jauh-jauh, terutama kanak-kanak dan orang perempuan.

Ayah memberi perintah untuk saya menguruskan perpindahan keluarga kami ke rumah keluarga di Kampung Lebu, sebuah kampung terletak di balik sebuah bukit bernama Bukit Raka yang tersergam di hadapan kampung Ketari. Tiba-tiba saja saya menjadi ketua keluarga, bertanggungjawab memindahkan keluarga kami yang agak besar juga. Ayah sendiri kami paksa ikut pindah kerana dia sudah tua. Keselamatannya tidak akan terjamin tinggal di rumah yang akan dilanda peperangan ini. Walaupun ayah dan saya tidak percaya bahawa askar-askar Jepun begitu ganas seperti cerita askar-askar Inggeris itu, sebaliknya saya mempunyai keyakinan tentera Jepun adalah tentera pembebasan dan kerana itu tidak mungkin ganas, merompak dan menganiaya, namun ayah meyakinkan saya bahawa peperangan adalah satu malapetaka yang dengan sendirinya adalah ganas, maka kami pun pindah. Hampir seluruh penduduk kampung Ketari mengambil keputusan untuk pindah.

Cerita pindah ini hebat juga, hebat sekali sebenarnya. Tetapi saya tidak perlu menceritakannya semua. Ia sama seperti cerita yang telah banyak diceritakan oleh orang-orang seluruh tanahair yang mengalami pengalaman yang sama, malah ada yang lebih. Hanya beberapa hal patut saya gambarkan kembali kerana hal-hal itu ada hubungannya dengan kesan-kesan yang kelak mempengaruhi fikiran dan sikap saya.

Setelah perpindahan itu selesai dengan segala kesukaran dan kehebatannya maka pada malam yang ketiga kami mendengar letupan-letupan hebat seperti letupan bom yang saya dengar masa di Singapura dulu. Kami menyangka askar Jepun telah tiba dan peperangan telah berlaku. Justeru kerana itu kami mengambil keputusan bahawa orang-orang muda dan juga saudara-mara yang muda-muda yang memang tinggal di Lebu harus turun ke Ketari untuk menunggu rumah dan harta benda kalau-kalau masih dapat diselamatkan. Saya sendiri merasa amat gembira dengan keputusan itu walaupun kaum keluarga menunjukkan tanda-tanda khawatir akan keselamatan diri saya. Apa yang saya rasa waktu itu ialah suatu

pergolakan semangat kemerdekaan yang meluap-luap. Saya ingin sekali melihat dan berkenalan dengan askar-askar Jepun yang datang sebagai askar pembebasan itu.

Tiba di Bentong kami dapati bandar itu sedang kelam-kabut. Orang berpusu-pusu dan berebut-rebut mengambil beras kapur yang disimpan oleh kerajaan di gudang *PWD*. Rupanya tidak ada peperangan berlaku. Tentera Jepun belum tiba, hanya tentera Inggeris yang telah pergi. Jambatan Bentong hancur bekas diletupkan oleh askar-askar Inggeris yang kami dengar gamat bunyinya malam tadi. Kampung Ketari sunyi dan seram. Guni-guni pasir dan kesan-kesan tempat untuk berperang yang ditinggalkan oleh tentera Inggeris itu menimbulkan semacam perasaan lega yang mencemaskan.

Hari berikutnya tibalah seorang pereman bangsa Jepun yang memakai nama Melayu dan bercakap bahasa Melayu. Dia datang dengan basikal dari Temerloh ditemani oleh tiga orang Melayu Kelantan. Mereka bersenjata. Mereka ini ialah anggota pasukan Fujiwara, yang merintis di muka gerakan barisan tentera penggempur. Mereka pergi ke rumah jiran kami yang saya panggil Pak M, seorang pegawai kerajaan dan juga seorang pergerakan yang terkenal di Pahang dan menjadi salah seorang pemimpin Persatuan Melayu Pahang. Rupanya Pak M ini juga anggota Kesatuan Melayu Muda (KMM) pimpinan Ibrahim Yaacob. Dengan anggota KMM ini rombongan itu pergi ke Pejabat Daerah menaikkan bendera Jepun dan mengadakan rapat umum memberitahu orang ramai tentang kedatangan askar Jepun yang harus disambut dengan baik dan diberi kerjasama. Mereka juga memberi amaran supaya tiap-tiap orang jangan melakukan kejahatan dan jangan mengingkari perintah tentera.

Pada saat itu saya tiba-tiba teringatkan pertemuan dengan IBHY di Singapura beberapa bulan yang lalu. Dan datanglah keinginan hendak melibatkan diri dengan Pak M, anggota KMM itu. Saya sebenarnya hormat kepada beliau, bukan saja kerana dia orang terkemuka yang harus saya hormati tetapi justeru kerana dia banyak memberikan fikiran kepada saya tatkala orang kampung hampir seluruhnya menyesali sikap dan cara hidup saya yang menghampakan hajat mereka untuk sama-sama memajukan sekolah agama itu. Pak M ini mengerti aspirasi saya. Dan saya merasa dihargai bila dia merasa senang mendengar pengalaman saya dalam kegiatan-kegiatan pelajar di Sumatera. Dia senang mendengar cerita bagaimana saya ikut berdemonstrasi menentang dasar

pemerintah Belanda menindas kebebasan sekolah-sekolah rakyat yang terkenal dengan undang-undang "ordinansi sekolah liar" itu. Dia juga senang mendengar bagaimana orang di Sumatera selalu mengadakan rapat umum memaki-maki Belanda. Terutama sekali saya senang dengan sikapnya menyokong cita-cita saya hendak melanjutkan pelajaran. Sekarang saya merasa apa yang diperjuangkan oleh rakyat Indonesia yang pernah saya sertai itu rupanya dalam diam-diam dilakukan pula oleh KMM yang dianggotai oleh Pak M ini. Mulai waktu itu saya telah menggilai politik. Ingin berjuang untuk kemerdekaan. Tetapi ini sebenarnya hanya penerimaan konsep saja. Saya tidak berbuat apa-apa mengenainya. Saya masih berkhayal dan berangan-angan.

Apa yang berlaku lepas itu di Bentong tidak perlu saya ceritakan. Tidak penting sebenarnya dalam hubungan "Pendahuluan" buku ini. Malah setelah jambatan dibaiki oleh tentera Jepun dengan mengerahkan tenaga orang-orang Cina dan setelah beratus-ratus basikal dikeluarkan dari kedai-kedai dan rumah Cina untuk kegunaan askar Jepun yang basikalnya sudah tidak dapat digunakan lagi maka kampung Ketari, seperti kampung-kampung lain di Malaya, mulailah menghadapi zaman susah; susah makan, susah pakai, susah semuanya.

Singapura Kali Kedua

Saya rasa kehadiran saya di kampung tidak berfungsi lagi. Maka beberapa bulan kemudian, setelah Singapura jatuh ke tangan Jepun saya pun minta diri untuk kembali meneruskan pencarian saya ke Singapura. Saya telah mencapai umur dua puluh tahun dan masih ingin belajar. Kali ini "kiblat" saya ialah Tokyo. Saya mesti berilmu untuk dapat berfungsi dalam perjuangan kemerdekaan ini.

Di Singapura saya kembali ke kedai antik itu. Saya diterima di sana seperti seorang anggota keluarga. Dan kemudian saya bertemu dengan seorang Jepun bernama Kurosawa yang sering mengunjungi kedai antik tersebut. Tuan Kurosawa rupanya seorang yang berpangkat kolonel dalam pasukan sukarela Jepun. Di Singapura ia bertugas sebagai Pengarah *Dai Nipon Insatsu*, gudang percetakan yang dulunya bernama *Malaya Publishing House* — MPH. Beliau fasih berbahasa Indonesia dan bersimpati dengan perjuangan kemerdekaan rakyat Indonesia dan perjuangan kemerdekaan rakyat Malaya. Perhubungan kami menjadi rapat dan akhirnya beliau

mengambil saya bekerja di MPH sebagai kerani. Untuk itu saya disuruhnya belajar bahasa Jepun. Di samping itu saya sering diajak memperkatakan pendapat umum orang Melayu mengenai berbagai-bagai tindakan pemerintahan Tentera Jepun, sama ada politik, sosial dan ekonomi. Saya kira beliau mempunyai tugas politik di samping kerjanya sebagai Pengarah MPH itu, kerana katanya maklumat-maklumat tentang pendapat umum orang Melayu itu penting untuk persediaan melengkapkan orang Melayu menerima kemerdekaan kelak. Tetapi sebenarnya saya tidak tahu bagaimana perbincangan-perbincangan kami itu dikumpulkannya dan digunakan untuk tujuan tersebut. Ini hanya sangkaan saya saja. Mungkin ia tidak berbuat apa-apa. Bagaimanapun saya tidak mempersoalkannya. Sebaliknya saya merasa diri saya berguna dapat memberikan sumbangan dalam gerakan kemerdekaan.

Saya diberi segala kemudahan; dapat surat akuan khas dengan lencana khas yang boleh ditunjukkan kepada pihak berkuasa mana saja, bila perlu. Ini banyak menolong saya melepaskan diri dari perangkap *kempeitai* yang selalu saja mencari kesalahan orang supaya boleh dihantar ke Siam-Burma menjadi buruh paksa membuat jalan keretapi. Saya dapat bekalan beras yang lumayan, dapat rokok dan dapat menonton wayang atau masuk taman hiburan dengan bebas dan percuma. Saya jadi senang di antara kumpulan orang-orang yang hampir semuanya susah. Kedai antik tempat saya tinggal itu sudah menjadi antik dengan sendirinya; tidak berniaga dengan baik. Tetapi kami tidak susah makan.

Pelajaran bahasa Jepun saya berjalan dengan baik. Pada suatu waktu saya nyatakan kepada Tuan Kurosawa tentang kemajuan pelajaran bahasa Jepun saya itu dan saya tanyakan kalau-kalau ada kemungkinan saya dihantar ke Tokyo untuk melanjutkan pelajaran. Dia tersenyum dan dengan amat simpati menyatakan bahawa pada masa itu kemungkinan tersebut belum ada tetapi pada suatu masa kelak tentu akan ada.

Lama-lama saya mulai merasa bosan. Harapan saya untuk belajar ke Tokyo nampaknya akan hampa. Pekerjaan kerani itu sebenarnya tidak menarik, malah tidak sesuai sama sekali dengan keinginan saya. Saya pun mulai meragukan apakah benar Tuan Kurosawa menjalankan tugas politik untuk membantu orang Melayu mencapai kemerdekaan. Kemudian saya mulai sedar akan kesan pemerintahan Tentera Jepun. Saya melihat dan dapat merasakan penderitaan yang ditanggung oleh rakyat dan saya banyak melihat betapa askar-askar Jepun berlaku kasar terhadap

orang ramai. Saya tidak tahu lagi apakah topik yang sesuai dibincangkan dengan Tuan Kurosawa kerana pendapat umum orang Melayu sudah jelas tidak puas terhadap segala hal. Dalam masa yang demikian pula saya dikunjungi oleh Pak M yang datang ke Singapura untuk berjumpa Ibrahim Yaacob. Saya dengar Ibrahim Yaacob baru kembali dari lawatan ke Tokyo. Pak M menyampaikan satu rahsia kepada saya, bahawa kita tidak lagi boleh bekerjasama dengan Jepun. Kita mulai berpaling tadah dengan diam-diam. Jepun tidak dapat dipercayai. Mereka pun penjajah juga. Sekurang-kurangnya demikianlah yang saya fahamkan dari pesan Pak M. Dan saya tidak tahu apakah itu keputusan dari pimpinan Ibrahim Yaacob atau hanya pendapatnya sendiri.

Waktu itu pula ayah saya di kampung meninggal dunia (mogamoga ruhnya dirahmati Allah). Saya merasa sangat hampa dan kecewa. Saya belum sempat membuktikan kepadanya bahawa saya adalah anak yang baik yang akan memperjuangkan apa yang tidak sempat diperjuangkannya dan mencapai apa yang tidak sempat dicapainya. Hasil pelajaran saya belum dilihatnya, apa lagi hasil perjuangan. Saya sangat merasakan kekecewaan ini kerana sebahagian besar semangat saya untuk belajar dan untuk ikut berjuang dalam gerakan kemerdekaan adalah didorong oleh keinginan hendak berbakti kepadanya. Beliau orang kampung biasa yang punya cita-cita tinggi tetapi tak mungkin tercapai. Saya bercita-cita untuk mencapai cita-citanya itu kerana saya tahu saya diberi kesempatan yang lebih baik dari kesempatan yang pernah beliau peroleh masa mudanya. Beliau seorang yang digolongkan oleh orang kampung kepada golongan kaum muda. Saya faham benar akan prinsip beliau mengenai agama, politik dan sosial. Saya ikut membaca majalah *Seruan Azhar* yang banyak dalam simpanannya. *Seruan Azhar* ialah majalah yang diterbitkan di Kaherah oleh pelajar-pelajar Melayu dan Indonesia yang memancarkan faham reformasi Islam dari Muhammad Abduh dan Jamaluddin Afghanistan dan juga memancarkan semangat perjuangan kemerdekaan rakyat Mesir. Selain dari itu beliau adalah sahabat baik Pak M.

Saya berhenti belajar bahasa Jepun. Berhenti membincangkan pendapat umum dan cita-cita kemerdekaan orang Melayu dengan Tuan Kurosawa. Barangkali beliau mengerti perubahan sikap saya ini tetapi tidak pula ada apa-apa reaksi darinya.

Saya mula banyak membaca *Semangat Asia*. Karangan-

karangan di dalamnya menarik hati. Bahasanya, karangannya, sajaknya dan cerpennya bukan gaya "purbakala" lagi. Demikian juga dengan *Fajar Asia* yang saya kira lebih berisi, di samping keberaniannya menggunakan satu sistem ejaan yang cocok dengan pendapat saya pada waktu itu, iaitu memakai sistem konsonan Malaya tetapi vokal Indonesia. Saya ingin sekali menggabungkan diri dengan para pengarang dan penulis majalah tersebut, terutama dengan para penulis yang berkumpul di *Berita Malai*. Tetapi mereka itu hebat-hebat belaka, susah untuk didekati. Saya mula menulis; menulis sajak, cerpen dan artikel, tetapi tiada satu pun tulisan saya mendapat tempat dalam *Semangat Asia*. Saya juga menulis kepada *Fajar Asia* pimpinan Zainal Abidin Ahmad yang dahulunya memimpin *Panji Islam* di Medan. Dia ingat-ingat lupa bahawa *Panji Islam* pernah menyiarkan cerita pendek saya. Bagaimanapun dia memastikan bahawa karangan-karangan yang saya minta masukkan dalam *Fajar Asia* itu tidak cukup baik. Dan dia berperi-peri menerangkan tentang sukarnya mencari karangan yang sesuai. Akhirnya saya faham bahawa saya terlalu romantik. *Approach* saya terhadap sesuatu sangat dipengaruhi angan-angan, angan-angan tentang kemerdekaan, angan-angan tentang perbaikan nasib rakyat Malaya dan Indonesia, angan-angan tentang reformasi konsep keislaman bangsa Melayu dan sebagainya. Sedangkan zaman itu orang tidak boleh berangan-angan atau dengan perkataan lain, tidak boleh bercita-cita lain dari cita-cita Asia Timur Raya. Orang hanya boleh mengatakan dengan pasti bahawa peperangan Asia Timur Raya adalah peperangan suci yang akan menyelamatkan Malaya dan Indonesia dan dunia seluruhnya. Itulah tema semua tulisan, baik makalah, baik cerpen mahupun sajak.

Hidup saya amat membosankan. Barangkali perasaan dan keadaan jiwa seperti inilah yang dikatakan orang sekarang *frust*. Bertambah membosankan apabila propaganda menjadi-jadi suruh orang kembali ke tanah, bertanam jarak dan ubi kayu. Saya dengar Pak Sako berhijrah ke Bintang To atas alasan untuk memberi peluang kepada orang Melayu Singapura memiliki tanah. Saya terfikir bolehkah bertanam jarak dan ubi kayu ini memperkuat orang Melayu dalam perjuangan kemerdekaannya.

Dan saya mendapat surat dari Pak M minta saya pulang ke kampung, membantu kegiatan-kegiatan politik. Saya menjadi kacau, menjadi konfius. Saya tidak dapat memahamkan bagaimana sebenarnya perjuangan politik itu harus dijalankan.

Kepercayaan kepada Jepun sudah tidak ada, kepercayaan kepada diri sendiri pun hampir kabur. Orang tempat berbincang mengenai politik tidak ada. Untuk berjumpa Ibrahim Yaacob saya tidak berani kerana Pak M sendiri, masa ia datang ke Singapura dulu, berpesan supaya saya jangan sering berjumpa Ibrahim Yaacob. Demi kepentingan perjuangan, katanya. Orang-orang *Berita Malai* yang paling hampir dengan politik itu hebat-hebat belaka, susah untuk didekati. Saya sering melihat Pak Sako, Samad Ismail, Abdullah Kamil, Zubir Salam dan banyak lagi penulis dan pengarang itu yang memang amat terkenal dan popular di seluruh negeri, tetapi mereka tidak dapat saya rapati. Segalanya penuh diselubungi rahsia. Mereka terasing sama sekali dari dunia saya.

Saya mula marah kepada masyarakat. Saya menuduh masyarakat sombong, tidak mengendahkan orang seperti saya. Saya fikir saya layak dibawa berjuang. Saya fikir saya boleh mengarang. Kesimpulannya saya menganggap orang-orang itu sombong dan bongkak. Tetapi akhirnya pengalaman-pengalaman yang berikutnya mengajar saya berfikir lebih jelas dan sedar bahawa sebenarnya sayalah yang sombong; bukan sombong saja tetapi bodoh sombong, tidak tahu mengukur baju di badan sendiri. Saya tidak mengerti sebenarnya bahawa politik itu lebih dari hanya berarak, berpidato dan bersorak-sorak dalam tulisan saja.

Bila Jepun menyerah diri dan Inggeris kembali, saya pun menghadapi keadaan yang lebih buruk dan lebih sukar. Kedai antik itu tidak dapat menanggung saya lagi, walaupun saya masih dapat tinggal di situ. Maka saya membuat macam-macam kerja, di antaranya menjadi broker mencari pembeli barang-barang yang dibawa orang dari Sumatera. Saya mula menemui macam-macam pedagang dari Indonesia. Mereka membawa getah dengan tongkang. Mereka membawa sayur-sayuran, membawa rotan, gambir dan berbagai jenis hasil hutan. Saya tidak banyak mendapat kepercayaan mereka untuk mencarikan pembeli kerana salah satu dari syaratnya tidak dapat saya tunaikan. Sebenarnya saya tidak tahu bagaimana hendak menunaikan. Kehendak mereka ialah supaya saya juga mencari orang yang dapat menjual senjata kepada mereka. Kemudiannya saya ketahui kebanyakan pedagang Indonesia ini ialah anggota pasukan-pasukan pejuang kemerdekaan Indonesia yang berjuang menentang kembalinya penjajahan Belanda. Mereka membeli segala jenis senjata yang dapat dikumpulkan orang di Singapura setelah ditinggalkan oleh Jepun atau yang memang sengaja disembunyikan oleh pedagang-

pedagang Singapura yang sudah tahu akan ada pasarannya. Pedagang-pedagang ini rupanya lebih tahu berpolitik dari saya atau orang-orang seperti saya. Dalam transisi penjualan dan pembelian senjata ini segala sesuatu berjalan dengan amat teliti dan penuh rahsia. Dan saya menjadi bingung, tidak sampai pengetahuan saya untuk mengikuti kegiatan-kegiatan yang begitu sulit dan rumit. Dahulunya saya berfikir bahawa perjuangan kemerdekaan itu ialah berdemonstrasi, berpidato dan menulis karangan-karangan yang panas lalu masuk penjara beberapa waktu. Maka akibatnya saya makin banyak berangan-angan. Angan-angan tentang perjuangan kemerdekaan. Saya mulai menulis lagi; menulis novel. Hal-hal yang bersangkutan dengan penulisan ini serta latar belakangnya akan saya ceritakan nanti dalam salah satu peristiwa yang menjadi isi buku ini.

PERMULAAN YANG TRAGIK

PERCUBAAN saya yang pertama yang agak serius dalam dunia kreatif semenjak pulang dari dunia pelajaran di Sumatera Barat ialah menulis *Pahlawan Rimba Malaya*. Dalam kehidupan saya seterusnya sebagai penulis, penulisan *Pahlawan Rimba Malaya* merupakan suatu rahmat Tuhan yang besar hikmatnya. Hikmat yang saya syukuri sepanjang masa dan saya doakan moga-moga dikurniakan Tuhan sekali lagi, sekali lagi, sekali lagi selama-lamanya. Itu penulisannya, tetapi penerbitan buku ini adalah suatu tragedi. Tragedi yang amat melukakan hati yang sehingga sekarang, setelah tiga puluh tahun lebih, masih saya pohonkan ke hadirat Allah subhanahu wa ta'ala supaya jangan membiarkan saya ditimpa tragedi seperti itu lagi.

Biarlah saya ceritakan sedikit bagaimana bermulanya penulisan yang berhikmat tetapi berakhir dengan penerbitan yang tragik ini.

Dalam menghadapi kehidupan yang membosankan, dalam suasana yang penuh kekacauan politik dan dalam penghidupan lahir yang penuh derita dan penghidupan fikiran yang kusut serta suasana kebudayaan yang kering-kuntang saya terpesona oleh berita-berita kemerdekaan Indonesia, terharu oleh gagalannya hasrat pejuang-pejuang Melayu untuk mencapai kemerdekaan tanahairnya bersama Indonesia dan terpukau oleh berita-berita adanya gerila Melayu yang disebut Wataniah di Pahang yang baru diketahui peranannya menentang penjajahan Jepun. Dan dalam keadaan terpesona, terharu dan terpukau beginilah saya melarikan diri dari kenyataan hidup yang amat pahit lalu mengembangkan imaginasi seluas-luasnya. Saya menulis *Pahlawan Rimba Malaya* tepat pada waktu saya tidak mempunyai mata pencarian, tidak

mempunyai jalan yang jelas dalam cita-cita hendak menyertai perjuangan kemerdekaan seperti yang saya gambarkan dalam bahagian akhir "Pendahuluan" buku ini, iaitu sebaik saja Jepun menyerah diri tahun 1945.

Saya berhenti sama sekali menjadi broker menjual barang-barang yang dibawa pedagang atau lebih tepat pejuang-pejuang dari Indonesia lalu menyerahkan beberapa puluh ringgit hasil dari pekerjaan yang tidak berjaya itu kepada tuan punya kedai antik tempat saya tinggal. Dengan wang yang sedikit itu saya bermaksud minta perlindungan sementara waktu, tinggal dan makan seadanya di kedai tersebut. Kedai itu baru hendak dihidupkan semula dari kelumpuhannya dalam zaman Jepun. Saya ditawarkan lagi untuk menjadi jurujual tetapi saya menolak kerana sudah mengambil keputusan untuk satu hari kelak pulang ke kampung dan menciburkan diri dalam perjuangan politik. Dulu saya bekerja menjadi jurujual kerana saya hendak belajar. Sekarang saya tidak berniat hendak meneruskan pelajaran lagi.

Untuk lebih kurang tiga bulan saya menghadapi sebuah mesin taip tua di kedai itu dan menghabiskan hampir satu rim kertas taip lama yang tersimpan dari zaman sebelum kedatangan Jepun dahulu. Saya merasa amat bahagia menulis. Imajinasi menjalar dan berkembang seluas-luasnya dengan menggunakan tema perjuangan gerila Melayu menentang Jepun. Saya tidak tahu bagaimana terbukanya imajinasi yang begitu luas dan dari mana datangnya tenaga yang begitu kuat untuk penulisan tersebut. Dan akhirnya selain dari sebahagian kertas yang masuk bakul, lebih dari 250 halaman telah menjadi manuskrip *Pahlawan Rimba Malaya*. Di dalamnya terkumpul segala perkembangan imajinasi yang fantastik tentang perjuangan gerila Melayu menentang Jepun yang berjaln dengan aspirasi keperwiraan anak Melayu, cita-cita kemerdekaan tanahair dan penanggungan serta pengalaman hidup lahir yang kasar dan keras di samping hidup batin yang halus bergumul cinta dan perikemanusiaan.

Inilah kali pertama saya menulis begitu ghairah, terus-menerus tidak berhenti-henti selama kira-kira tiga bulan. Dan sepanjang-panjang masa menulis itu saya merasakan semacam kepuasan di samping rasa debaran harapan yang begitu besar bahawa kandungan yang ditatang seperti minyak penuh ini kelak lahir menjadi anak yang sempurna dan berguna. Tetapi *Pahlawan Rimba Malaya*, waktu tiba masanya, lahir cacat dan tidak sempurna. Sebuah cerita yang seharusnya terbit dalam kira-kira 150

halaman menjadi hanya lima puluh sembilan halaman saja. Ia tidak terbit sebagai sebuah novel atau cerita yang tersusun rapi tetapi tidak lebih dari sebuah sinopsis yang telah dihilangkan pengembangan plot dan penghayatan watak-wataknya. Inilah yang saya katakan tragedi yang melukakan hati. Dan tragedi ini menjadi lengkap apabila manuskrip asal itu hilang tak dapat dicari dan, sudah tentu, tak dapat diganti.

Bila saya selesai menulis manuskrip, yang kerap kali menyebabkan saya tidak hadir di meja makan dan tidak membaringkan diri di tempat tidur hingga larut-larut malam dan dinihari itu, saya dapati dunia sudah banyak berubah. Kedai antik itu sudah mula bernafas. Orang sudah mulai mundur-mandir di jalan dengan pakaian yang agak teratur dan suratkhbar sudah lebih baik dan lebih teratur waktu tibanya. Januari 1946 telah menghujung. Aneh sekali pada waktu itu saya merasa sangat dahagakan pembacaan kesusasteraan. Saya ingin membaca cerita-cerita pendek atau novel yang baik-baik. Tetapi bahan-bahan seperti itu tidak ada. Suratkhbar tidak memuat cerpen atau makalah-makalah tentang bahasa dan sastera seperti *Semangat Asia* dan *Fajar Asia*. *Utusan Melayu* baru terbit empat muka bidang kecil, yang dipenuhi dengan maklumat-maklumat pertadbiran pemerintahan Tentera Inggeris dan karangan-karangan berbau politik dan kegiatan kaum buruh. Saban hari saya menyusur sepanjang kedai-kedai buku di Bras Basah Road mencari buku-buku *second hand* yang bertimbun-timbun dijual di sana. Tetapi jarang bertemu dengan buku-buku novel kecuali yang sudah saya baca. Buku-buku baru belum kelihatan lagi. Saya juga sering menyusur di daerah Kampung Jawa — Arab Street dan North Bridge Road — mencari buku-buku atau majalah Melayu yang kira-kira membawa nafas baru, khususnya karya-karya sastera. Ini pun sangat menghampakan. Pada umumnya awal-awal Pemerintahan Tentera Inggeris itu orang belum lagi mempedulikan sastera atau kebudayaan umumnya. Orang sibuk memulihkan dan menyusun semula kehidupan masing-masing. Saya kira orang-orang muda yang romantik dan idealis seperti saya tentu berkeliaran di seluruh Malaya waktu itu mencari-cari bahan bacaannya atau menulis segala angan-angan, aspirasi dan imaginasinya.

Bagaimanapun, suratkhbar makin lama makin hangat. Fikiran umum terarah kepada pergolakan politik dan kegiatan kaum buruh. Topik yang besar ialah peristiwa wakil British yang datang senyap-senyap untuk memancing raja-raja Melayu

menerima satu bentuk pemerintahan awam yang baru yang disebut *Malayan Union*. Nampaknya orang Melayu amat curiga terhadap sistem pemerintahan baru yang dicadangkan oleh British itu. Tetapi saya sendiri kurang memerhatikan pergolakan yang maha penting ini. Saya masih terpukau dengan kemerdekaan Indonesia dan perjuangan rakyatnya menentang kembalinya penjajahan Belanda. Kemudian saya amat tertarik dengan tertubuhnya Partai Kebangsaan Melayu Malaya yang pada dasarnya adalah sambungan dari perjuangan menuntut kemerdekaan bersama dengan Indonesia yang pernah dijanjikan oleh Jepun. Pada hakikatnya, dalam pemikiran politik, saya belum lagi menerima datangnya pemerintahan Inggeris kembali ke Malaya. Saya merasa bahawa perjuangan kemerdekaan masih berlanjutan untuk menolak Inggeris seperti Indonesia menolak Belanda. Saya sebenarnya tidak mengerti bahawa status Indonesia *de facto* sudah merdeka dengan memproklamkan kemerdekaannya bulan Ogos 1945 itu berlainan dengan status Malaya yang secara sahnya kembali kepada *status quo* naungan penjajahan British. Kedatangan kembali Belanda ke Indonesia adalah satu pencerobohan terhadap sebuah negara yang sudah merdeka manakala datangnya Inggeris ke Malaya ialah sebagai sebuah kuasa yang menang perang dan mengambil kembali kekuasaannya dalam status sebelum perang. Saya sebenarnya bukan orang politik dalam erti yang sebenarnya tetapi orang politik hanya dalam erti inginkan kemerdekaan. Maka itu gerakan kebanyakan orang Melayu yang kemudiannya dipimpin oleh UMNO untuk menolak *Malayan Union* itu pada saya adalah gerakan kembali ke taraf lama; menolak sistem penjajahan yang langsung tetapi menerima kembali Inggeris sebagai penaung yang pada hakikatnya adalah juga penjajahan. Saya dengan sendirinya merasa senang dengan dasar Partai Kebangsaan Melayu Malaya yang meneruskan perjuangan lama menentang penjajahan secara total.

Orang-orang yang mempelopori kesedaran politik, sama ada politik kemerdekaan total mahupun politik bekerjasama dengan Inggeris itu kebanyakannya adalah orang-orang yang sudah terkenal sebagai penulis atau pengarang. Pada saat pergolakan politik seperti masa itu penulis-penulis ini terlibat, bahkan berdiri di barisan depan, dalam kegiatan-kegiatan politik. Kalau mereka menulis, tulisannya hanya rencana-rencana politik belaka. Alam penulisan sastera tinggal kosong. Saya kira pemuda-pemuda yang punya bakat penulisan sastera pun ikut sibuk dengan politik.

Dalam vakum penulisan sastera dan dalam kesibukan suasana politik yang amat hebat itu saya memikir-mikirkan hendak menulis cerpen dan asyik membelai-belai manuskrip *Pahlawan Rimba Malaya* sambil menanti-nanti matangnya rangsangan baru untuk menulis sebuah novel lagi tentang kaum buruh dan perjuangannya.

Sekarang ini saya mentafsirkan keadaan fikiran saya waktu itu sebagai mentaliti penulis yang terpencil dari dunianya.

Penerbitan Pahlawan Rimba Malaya

Dalam masa krisis pemikiran di samping krisis penghidupan yang saya hadapi dengan ketiadaan pekerjaan itu, saya terus juga mencari-cari jalan untuk menerbitkan *Pahlawan Rimba Malaya*. Penulisan novel yang bertemakan buruh dan perjuangannya itu tidak lancar dan akhirnya batal bila seorang teman dari Kota Bharu datang ke Singapura. Saya mengikutnya kembali ke Kota Bharu menumpang sebuah motor besar, atau boleh saya namakan kapal kecil, yang membawa berbagai jenis kargo. Teman ini mengirangira bahawa di Kota Bharu soal penerbitan buku seperti *Pahlawan Rimba Malaya* itu tidak akan menghadapi kesukaran. Di Singapura saya sudah putus asa, bukan saja tidak ada penerbit Melayu yang sanggup, malah pencetak-pencetak lain pun tidak sanggup walau untuk mengambil upah cetak saja pun. Hakikatnya ada dua. Pertama penerbit Melayu belum selesai menguruskan diri mereka untuk menjalankan semula perusahaan masing-masing. Kedua, bahan-bahan cetak, termasuk kertas, dakwat, alat ganti mesin-mesin yang sudah rosak dan sebagainya tidak ada. Dalam masa Jepun pun bahan-bahan itu amat berkurangan. Saya tahu benar kerana saya bekerja di sebuah gudang percetakan yang besar yang dikuasai oleh Jepun sendiri. Maka jika sekiranya apa yang diberitahukan kepada saya oleh kawan dari Kelantan itu benar sudah tentu keadaan di Kota Bharu jauh lebih baik, ada kertas, ada dakwat, ada mesin-mesin dan alat-alatnya yang masih baik.

Saya merasa amat yakin *Pahlawan Rimba Malaya* akan terbit di Kota Bharu. Dan memanglah *Pahlawan Rimba Malaya* terbit di Kota Bharu. Tetapi setelah mengalami pengorbanan yang amat besar. Korban dari sebuah novel menjadi sebuah sinopsis yang berisi hanya ringkasan atau inti ceritanya saja yang saya rasakan sebagai satu tragedi itu. (Apa sebabnya menjadi demikian akan saudara ketahui nanti dalam lanjutan kisah ini). Tetapi pada saat itu saya belum lagi sedar akan hakikat ini. Saya malah merasa amat

beruntung bahawa *Pahlawan Rimba Malaya* akhirnya terbit juga. Saya belum merasakan pada waktu itu apa yang saya rasakan beberapa tahun kemudian bahawa pembuangan sebahagian besar teks karya ini adalah suatu pengkhianatan kepada prinsip saya sendiri sebagai penulis.

Barangkali agak aneh juga didengar dalam zaman ini bahawa seorang penulis harus pula menjadi penerbit dan hidup menumpang pada belas kasihan kawan-kawan. Tetapi tiga puluh tahun yang lalu hal seperti itu adalah perkara biasa, amalan yang lazim. Di Kota Bharu saya hidup menumpang pada kawan-kawan. Dan seperti di Singapura, kawan-kawan itu termasuk orang-orang Indonesia yang berniaga, di samping anak-anak Kelantan sendiri. Mereka itu adalah orang-orang yang bersemangat seperti saya juga, iaitu orang-orang yang ingin meneruskan perjuangan kemerdekaan bersama Indonesia atau sekurang-kurangnya menentang kembalinya penjajahan Inggeris. Di antara mereka itu, yang paling rapat saya hubungi dan paling banyak menolong saya, ialah Mohd Asri bin Haji Muda (sekarang Datuk) dan Khaidir Khatib. Keduanya kemudian meneruskan perjuangan mereka dalam parti politik Islam. Khaidir Khatiblah yang membawa saya ke Kota Bharu dari Singapura dan bersama dengan Mohd Asri ia menolong saya mendapatkan pencetak yang sanggup mencetak *Pahlawan Rimba Malaya*. Asri dan Khaidir bertugas sebagai pengarang majalah *Penyedar* yang diterbitkan oleh Persetiaan Melayu Kelantan, sebuah parti politik Melayu di Kelantan. Sebagai pengarang mereka mempunyai hubungan yang banyak dengan pencetak-pencetak di Kota Bharu.

Udara politik di Kota Bharu waktu itu agak panas juga, baik dalam kalangan mereka yang sanggup bekerjasama dengan Inggeris mahupun dalam kalangan mereka yang menuntut kemerdekaan mutlak atau mereka yang ingin meneruskan perjuangan kemerdekaan bersama Indonesia. Saya sendiri belum lagi melibatkan diri dengan mana-mana parti. Tetapi kecenderungan saya dapat dengan mudah diketahui oleh siapa pun. Akhirnya banyak di antara kawan-kawan itu yang ingin supaya saya menetap di Kelantan untuk menubuhkan sebuah badan penerbit. Tetapi soal yang besar ialah kewangan. Modal untuk tujuan tersebut tidak dapat dibayangkan pun dari mana akan diperoleh.

Bagaimanapun, satu cita-cita telah tumbuh dan saya menamakan penerbit bagi *Pahlawan Rimba Malaya* itu "Permai". Dalam hati saya, dan disokong oleh beberapa orang teman,

"Permai" adalah ringkasan dari "Persaudaraan Malaya Indonesia". Semua berkenan dengan nama itu. Kata tunggalnya indah dan romantik, sedangkan rangkai kata yang membentuk kata tunggal itu mengandungi falsafah kemanusiaan dan politik. Demikianlah obsesnya saya masa itu. Pemimpin-pemimpin Partai Kebangsaan Melayu Malaya tentu mempunyai perhitungan mengenai tujuan politik tersebut tetapi saya masih hanya didorong oleh sentimen lebih dari pengetahuan dan pertimbangan.

Sentimen politik ialah punca rosaknya *Pahlawan Rimba Malaya*. Rupanya semasa manuskrip buku tersebut sedang diset (masa itu dikompos atau disusun huruf) keinginan untuk menamakan penerbit itu dengan nama "Permai" serta latar belakang semangat politik kebangsaan dan kemerdekaan Malaya-Indonesia yang mendorongnya itu telah sampai ke pengetahuan pihak berkuasa keselamatan. Seorang "kawan" yang kemudiannya diketahui menjadi "kawan" juga kepada pihak berkuasa keselamatan memberi "nasihat" supaya beberapa bahagian dari buku itu jangan diterbitkan. Atau seperti yang saya ingat kemudiannya, ia mencadangkan supaya saya menggunakan kemahiran saya mengurangkan isi dari bahagian-bahagian perjuangan yang memberangsangkan semangat politik anti penjajahan di dalam buku tersebut. Nasihatnya terasa amat ikhlas dan masuk akal pula kerana ia mengingatkan bahaya yang mungkin menimpa buku itu dan diri saya sebagai pengarang dan penerbitnya. Dia mengingatkan juga supaya percubaan saya yang pertama ini jangan menjadi percubaan yang terakhir kerana tidak berhati-hati. Apa yang mengejutkan lepas itu ialah pengaduan pihak pencetak yang dengan tiba-tiba mengatakan kertas tidak cukup, padahal sebelumnya, semenjak perundingan awal ia tidak pernah mengemukakan masalah kertas tidak cukup. Saya dibawa melihat tempat simpanan kertasnya dan ia menerangkan bahawa kertas yang ada itu hanya cukup untuk kira-kira 60 muka saja. Permintaannya ialah supaya saya memotong cerita itu di sana sini hingga tinggal kira-kira sepertiga atau paling banyak setengah saja. Ia tidak mahu meneruskan kerja mengatur huruf kalau teks asal itu tidak dikurangkan kerana, logik juga alasannya, kalau dikompos semua pun tidak ada gunanya kerana tidak ada kertas.

Saya menjadi panik. Saya meminta fikiran kawan-kawan dan mereka semuanya menasihatkan saya supaya sabar dan ikut saja kehendak pencetak itu. Mereka tidak salah menasihatkan saya demikian kerana memang tidak ada jalan lain, kalau memang kertas

tidak cukup. Tetapi saya tidak memberitahu tentang "nasihat" dari "kawan" yang mula-mula itu. Anehnya saya memang mengharapkan nasihat yang membolehkan *Pahlawan Rimba Malaya* terbit. Saya merasa ngeri memikirkan kalau hati saya memberontak lalu membatalkan penerbitan jerih payah saya yang pertama itu.

Demikianlah saya telah menentang prinsip saya sebagai penulis, menghancurkan dan mengkhianati karya saya sendiri dan menghadapi suatu tragedi yang tak pernah dapat saya lupakan. Walau bagaimanapun pada saat peristiwa ini berlaku saya belum merasakan akibatnya begitu pedih seperti yang saya rasakan pada tahun-tahun sesudah itu. Malah pada waktu itu saya merasa amat beruntung apabila *Pahlawan Rimba Malaya* telah terbit. Saya mencintainya seperti cinta seorang ibu menerima anaknya yang baru lahir walaupun cacat.

Dalam perkembangan kesusasteraan Melayu *Pahlawan Rimba Malaya* tidak punya erti apa-apa. Sekalipun takdirnya ia terbit dengan lengkap seperti manuskrip asalnya namun ia tidak akan mempunyai erti dalam perkembangan sastera Melayu, tidak akan digandingkan dengan *Putera Gunung Tahan* dan sebagainya. Dan ini bukanlah satu apologi tetapi suatu kenyataan, suatu hakikat dari karya itu sendiri yang lahir dari tangan yang masih lemah, fikiran yang masih mentah, pengetahuan dan pengalaman hidup yang masih hijau.

Adapun peristiwa *Pahlawan Rimba Malaya* ini saya catatkan bukanlah dengan maksud mencatatkan suatu peristiwa perkembangan sastera Melayu yang penting tetapi merupakan pencatatan peristiwa luar di sekitar pertumbuhan dan perkembangan sastera itu. Di samping itu ada juga niat saya untuk menggambarkan betapa pergolakan politik, penghidupan, pemikiran dan tekanan-tekanan lain mempengaruhi penulis-penulis muda pada saat vakumnya dunia sastera pada awal-awal Pemerintahan Tentera Inggeris mengambil-alih pemerintahan Tentera Jepun pada penghujung tahun 1945 dan awal tahun 1946 itu.

Bercerita dan Berpidato

Pada masa *Pahlawan Rimba Malaya* diterbitkan saya sibuk menguruskan penjualannya menerusi ejen-ejen dan kedai-kedai buku yang dapat diketahui alamatnya dari berbagai punca. Dalam

masa lebih kurang sebulan semua naskhah yang berjumlah 2,000 telah habis dikirim. Saya hidup dengan jualan yang dilakukan di kedai-kedai buku seluruh Kelantan yang mudah dapat dipungut. Sebahagian besar wang itu digunakan untuk membayar hutang cetak manakala hutang makan dan tempat tinggal selama menguruskan percetakan tersebut tinggal menjadi derma bakti dari kawan-kawan. Kemurahan hati kawan-kawan di Kota Bharu itu menjadi hutang budi yang tak pernah dapat saya lupakan dan menjadi satu pengalaman yang tak pernah saya ulangi lagi selepas itu. Bukan kerana tidak ada lagi orang-orang dermawan dan baik budi tetapi kerana saya tidak sanggup lagi termakan budi. Dari pengalaman saya dan barangkali kerana latar belakang pendidikan dan kebudayaan saya, hutang budi boleh mendatangkan semacam kompleks jiwa yang susah dihilangkan.

Kehidupan saya makin sukar dan saya tidak lagi sanggup menerima budi demi budi yang semakin hari makin saya rasakan nilainya sudah turun kepada penerimaan belas kasihan. "Permai" tidak berfungsi lagi. Dan saya hanya dapat membantu *Penyedar* amat sedikit hingga boleh dikatakan tidak bererti sama sekali. Saya mengambil keputusan pulang ke kampung. Saya meninggalkan Kota Bharu dengan keretapi melalui Selatan Siam — Sungai Golok, Hadnyai dan kemudian ke Padang Besar. Dari Padang Besar saya naik bas menyinggahi berbagai tempat sambil mengutip jualan buku *Pahlawan Rimba Malaya*. Buku itu rupanya laris, hanya sedikit-sedikit saja lagi terdapat dalam pasaran. Sebulan kemudian saya sudah berada di Ketari kampung, yang saya rindukan.

Dalam perjalanan dari Perlis sampai ke Kuala Lumpur dengan menyinggahi beberapa tempat kecil di Seberang Perai, Pulau Pinang, Perak dan Selangor saya banyak menemui orang-orang yang menamakan diri mereka pejuang kemerdekaan. Mereka mengucapkan salam "merdeka!", bercakap dengan semangat yang berapi-api dan mereka adalah anggota Partai Kebangsaan Melayu Malaya. Saya segera mesra dengan orang-orang "merdeka" ini. Di beberapa tempat saya malah diminta berpidato. Merekalah yang bertanggungjawab melariskan buku *Pahlawan Rimba Malaya*. Saya tiba-tiba menjadi "terkenal" dan dipanggil Bung Keris.

Demikianlah saya melangkah ke dalam dunia sastera dan juga dunia politik. Bagi saya masa itu dan demikian juga bagi mereka yang memanggil saya "Bung" itu, sebuah karya sastera ialah cerita atau sajak yang penuh dengan semangat perjuangan kemerdekaan yang ditulis dengan bahasa bergaya. Sasterawan masa itu ialah orang-orang muda yang di samping pandai berpidato dan pandai

menulis karangan-karangan yang bersemangat, ialah yang pandai memainkan perasaan dan sentimen cinta tanahair dan bangsa dalam cerita-cerita romantik dengan bahasa yang bergaya. Dan saya menjadi "Bung" kerana saya juga boleh berpidato. Berpidato artinya bersyarah dengan semangat yang berapi-api dan dengan loghat Indonesia.

Bila saya tiba di kampung segeralah saya menghubungi pemimpin-pemimpin PKMM Pahang dan segera pula memutuskan untuk menyertai mereka. Saya masuk menjadi anggota dan tinggal di Temerloh sambil bekerja menjadi guru Sejarah Islam di sebuah madrasah (sekolah agama di kampung saya sudah ditutup). Lepas itu segera pula dipilih menjadi salah seorang anggota jawatankuasa PKMM Temerloh. Selanjutnya sibuklah kami mengadakan rapat-rapat umum di tiap-tiap ranting dan saya sebagai Pegawai Penerangan Parti di Temerloh mulailah pula menghubungi *Utusan Melayu* di Singapura, memberikan berita-berita kegiatan kami untuk dijadikan siaran. Berita kegiatan PKMM di Pahang amnya dan Temerloh khasnya selalu termuat dalam *Utusan Melayu*. Berita-berita itu telah diolah demikian rupa tetapi sebahagian darinya berpunca dari maklumat yang saya kirimkan.

Bila *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya*, iaitu suratkhobar dan majalah terbitan PKMM di Kuala Lumpur diterbitkan saya menulis pula kepada akhbar tersebut. Dan saya bukan saja menulis berita-berita kegiatan parti di tempat saya malah akhirnya saya menulis cerita pendek, lalu saya mendapat banyak surat-surat dari orang-orang yang dahulunya saya temui dalam penjelajahan saya dari Padang Besar ke Pahang. Mereka ingin saya menulis banyak cerita pendek. Maka makin mendalamlah minat saya terhadap penulisan cerita pendek yang sekarang disebut penulisan sastera. Saya mula berkreatif di samping berpidato. Pengetahuan saya tentang politik saya tambah melalui kursus-kursus parti dan pengetahuan saya tentang sastera hanya bertambah dengan pembacaan karya-karya dari Indonesia dan Inggeris. Saya tidak membaca sebuah pun buku-buku kajian, teori dan kritik sastera baik dari Indonesia mahupun Inggeris.

Menulis cerita pendek masa itu memberikan kepada saya dua kepuasan. Pertama, kepuasan melepaskan imaginasi berkembang seluas-luasnya. Kedua, kepuasan dapat menyampaikan semangat perjuangan kemerdekaan yang terasa mendapat sambutan yang meluas di kalangan pembaca.

PEMIKIRAN POLITIK DAN KEBUDAYAAN

KEGIATAN dalam gerakan parti politik di Temerloh makin hari makin hebat dan saya masih mengajar di sekolah agama Temerloh tetapi hanya sehari dalam seminggu. Kesibukan saya terutama sekali ialah menghadapi rakyat desa sepanjang Sungai Pahang ke hulu dan ke hilir bandar Temerloh. Sekurang-kurangnya lima belas hari dalam sebulan saya dan rakan-rakan seperjuangan berada di desa-desa berpidato atau berdialog dengan rakyat desa itu menerangkan tujuan perjuangan PKMM.

Tidaklah susah untuk meyakinkan mereka terhadap kebusukan dasar penjajahan British masa itu dan tidak pula sukar bagi mereka untuk memahami pentingnya Malaya merdeka bersama Indonesia. Mereka, rakyat desa itu, rata-rata hidup menderita dan mereka kebanyakannya keturunan pahlawan-pahlawan Pahang yang dulunya menentang kedatangan Inggeris mencampuri urusan pemerintahan negeri mereka. Mereka itu adalah patriot yang menderita, bersedia untuk berjuang sebagai patriot untuk menebus maruah bangsa dan tanahair, dan sebagai rakyat miskin untuk membebaskan diri dari sistem ekonomi penjajahan. Dan mereka sedia menerima konsep penyatuan dengan Indonesia kerana pada masa itu amat terasa bahawa kekuatan orang Melayu lebih terjamin kalau seluruh umat Melayu di Kepulauan Melayu ini bersatu padu menentang musuh yang sama iaitu penjajah. Mereka belum pernah melihat atau mendengar adanya semangat patriotisme dari orang-orang bukan Melayu terhadap negeri Melayu ini.

Tetapi pergolakan dalam parti sendiri kadang-kadang membingungkan saya. Dalam mesyuarat-mesyuarat dan kursus-kursus politik yang saya hadiri saya merasakan adanya unsur-unsur

pengembangan ideologi yang lebih luas dari apa yang pada mulanya hanya merupakan konsep kebangsaan Melayu. Konsep kebangsaan Melayu yang meliputi seluruh umat Melayu Malaya dan Indonesia saya rasa sudah cukup luas untuk diperjuangkan. Tetapi kursus-kursus yang saya hadiri menyingkapkan horison baru bahawa nasionalisme Melayu Raya adalah tahap pertama bagi menggembling semangat dan kekuatan rakyat untuk mencapai kemerdekaan. Perjuangan rakyat harus berkembang lebih jauh dari itu ke arah pemberontakan politik dan sosial sejagat untuk menghapuskan penjajahan dan penindasan imperialis dan kapitalis yang bermaharajalela bukan saja di Malaya dan Indonesia tetapi di seluruh Asia dan Afrika.

Dari pembacaan dan pemikiran sendiri, saya ada merasakan kebenaran dari horison baru ini tetapi saya kemudian menjadi curiga pula apabila kelihatan gejala-gejala baru memperkecil pemimpin-pemimpin parti yang dikatakan berfahaman kebangsaan sempit. Sebagai orang muda saya mempunyai pemujaan terhadap pemimpin-pemimpin tertentu. Pemimpin-pemimpin seperti Dr. Burhanuddin (almarhum) dan Ishak bin Haji Muhammad berdiri teguh dalam hati saya. Tetapi pemujaan terhadap pemimpin-pemimpin seperti ini bukanlah sentimen melulu. Ia lahir dari prinsip, pegangan dan ideologi yang saya percaya ada pada diri masing-masing mereka. Kedua-duanya adalah nasionalis tulen tetapi Dr. Burhanuddin cenderung pada sikap reformasi Islam manakala Ishak Haji Muhammad percaya pada sikap sosial demokrasi Barat yang kedua-duanya diperlukan oleh rakyat Malaya dan Indonesia untuk menjadi dinamik dan demokratik, iaitu unsur-unsur pemikiran dan sikap yang saya anggap penting untuk menjadi bangsa yang kuat, adil dan bermaruah. Gabungan unsur-unsur ini pada dua orang pemimpin nasionalis bagi saya adalah menjadi pokok dalam perjuangan kebangsaan Melayu kerana bagi saya orang Melayu seharusnya mempunyai identitinya sendiri dan kerana itu jangan keluar dari tradisi kemelayuannya tetapi jangan pula tenggelam dalam khurafat-khurafat yang dihubungkan dengan Islam tetapi sebenarnya ditentang oleh Islam itu sendiri. Orang Melayu jangan menjadi pasif oleh khurafat-khurafat, sebaliknya teguh memegang prinsip-prinsip agama yang suci itu. Di samping itu orang Melayu mestilah moden dalam *approach*nya seperti orang Barat dalam erti kata sebenarnya, bukan menjadi hamba faham feudal dan hanya menjadi tukang tiru yang kebarat-baratan sehingga kehilangan identiti dan kekuatan batinnya. Bila ada golongan membisik-bisikkan bahawa pemimpin-pemimpin

yang saya yakini memperjuangkan cita-cita tersebut dikatakan berfaham kebangsaan sempit, tidak progresif dan sudah ketinggalan zaman maka saya merasa amat tidak senang.

Bagaimanapun Partai Kebangsaan Melayu Malaya masih utuh, masih kuat dan masih mendapat sokongan yang menyeluruh dari rakyat. Saya sendiri telah menjadi Ketua Penerangan parti untuk seluruh negeri Pahang. Saya tidak menghiraukan sangat perkembangan-perkembangan baru yang direncanakan oleh pucuk pimpinan. Dasar yang lebih progresif yang dikaji dan disusun oleh pucuk pimpinan hanya sampai ke telinga saya cara sambil lalu saja. Saya masih berpidato dan menjalankan propaganda dalam kalangan rakyat dengan cara saya sendiri. Saya malah dibawa dalam rombongan pemimpin-pemimpin PKMM Pahang mewakili pucuk pimpinan menjelajah Trengganu dan Kelantan.

Mengenal Rakyat Desa

Dalam hubungan saya dengan rakyat di daerah Temerloh dan di lain-lain daerah dalam negeri Pahang saya mendapat kesan yang jelas betapa orang-orang kampung itu ingin melepaskan diri dari tekanan kemiskinan. Kekurangan ilmu pengetahuan, kekurangan infrastruktur sosial dan ekonomi adalah faktor-faktor penting yang menyebabkan mereka itu miskin. Kekurangan-kekurangan ini semuanya berpunca dari dasar ekonomi dan sosial pemerintah. Mereka rela berjuang mencapai kemerdekaan untuk memperoleh kebebasan dari kemiskinan itu. Untuk mendorong mereka berjuang dalam hubungan faktor-faktor tersebut tidaklah sukar. Tetapi ada pula faktor lain yang kebanyakan mereka tidak sedar iaitu sikap pasif yang tertanam dalam jiwa mereka sendiri. Sikap ini merupakan penyakit yang membiak dalam jiwa mereka melalui pemeliharaan faham feodal dan juga ajaran-ajaran khurafat yang dihubungkan dengan agama. Pihak penjajah memelihara faham-faham itu bermaharajalela dengan menggunakan politik kebudayaan dan agama. Rakyat yang tidak berilmu pengetahuan tidak merasa mengidap penyakit tersebut dan kerana itu tidak bersedia untuk membebaskan diri darinya seperti mereka tahu mereka miskin dan kerana itu bersedia untuk membebaskan diri dari kemiskinan itu. Faktor ini tidak dapat dihadapi dengan propaganda dan pidato berapi-api anti penjajah saja. Ia memerlukan semacam pendidikan yang lama dan mendalam. Saya mengesan ini semua dalam dialog dan penglibatan dengan

penghidupan rakyat itu sendiri. Dialog yang berdasarkan reformasi Islam dan demokrasi Barat sedikit-sedikit dapat mencungkil gejala-gejala penyakit tersebut. Tetapi dialog-dialog tersebut tidak sama sekali dapat menjadi penghapus dan pemusnahnya.

Seterusnya dalam hubungan dengan rakyat itu saya mendapat kesan bahawa saya diterima bukan hanya kerana kebolehan berpidato dan berdialog dengan mereka tetapi juga kerana cerita-cerita pendek Keris Mas yang mereka baca atau sampai ke pengetahuan mereka menambahkan semacam peningkatan populariti bagi diri saya dalam kalangan mereka. Ini terutamanya dalam kalangan pemuda-pemuda.

Dalam tahun 1946 itu ruangan cerita pendek dan sajak mulai berkembang kembali dalam majalah-majalah. Satu perkara yang menarik perhatian saya ialah kegemaran para pemuda terhadap cerita pendek dan sajak boleh dikatakan meluas. Dalam lawatan ke desa-desa saya selalu ditemui oleh para pemuda parti. Masing-masing sangat ghairah menunjukkan bahawa mereka membaca dan meminati cerita pendek atau sajak. Di antara sesama mereka ada yang digelar atau diberi nama julukan mengikut nama hero dari cerita pendek tertentu. Dan untuk mengatasi antara satu sama lain mereka memperkatakan hal-hal peribadi penulis. Malah ada yang dengan bangga mengatakan bahawa ia kenal penulis itu dan penulis ini. Fakta kenal penulis menjadi status tambahan bagi pemuda-pemuda ini dalam kalangan desa masing-masing.

Pemuda-pemuda ini senantiasa gelisah, bersemangat dan tidak putus-putus berbincang dan berdebat sama sendiri atau dengan orang lain di kedai-kedai kopi. Salah satu topik yang hangat ialah topik yang menjadi tema sesebuah cerpen. Mereka mencari model untuk memberi gelar yang baik atau tidak baik kepada anggota masyarakat mengikut watak-watak yang terdapat dalam sesebuah cerpen. Masa itu watak-watak dalam cerpen termasuk lebai yang tidak jujur, ketua kampung yang menindas, pemuda hidung belang, pemuda harapan bangsa dan sebagainya. Mereka juga sibuk mendebatkan ketokohan pemimpin dan penulis. Memuji yang satu dan menghentam yang satu. Sudah tentu yang mereka puji dan puja ialah pemimpin atau penulis dari parti masing-masing. Dan pemuda-pemuda yang saya temui sudah tentu memuji saya dan penulis-penulis yang sealiran seperti saya.

Sebagai seorang muda saya merasa amat senang mendapat sanjungan dan pujian. Tetapi saya juga amat senang melihat semangat mereka yang senantiasa berkobar-kobar untuk

melaksanakan cita-cita parti. Setengah-setengahnya berlagak seperti Ahmad Boestamam, ketua satu API, iaitu barisan pemuda Partai Kebangsaan Melayu Malaya. Mereka bertanya bila Bung Boestamam akan datang ke desa mereka mengadakan latihan berbaris. Saya hanya menjawab, sabarlah, Bung kita itu sedang sibuk mengatur strategi. Sebenarnya saya tidak tahu bilakah Boestamam akan datang ke Pahang. Saya sendiri amat ingin berkenalan dengannya. Anehnya sebagai salah seorang pemimpin parti peringkat negeri saya belum lagi pernah bertemu dengan kebanyakan tokoh-tokoh besar parti saya, termasuk Boestamam yang amat harum namanya dan amat besar pengaruhnya dalam kalangan pemuda.

Satu perkara yang amat merungsingkan saya tentang pemuda-pemuda yang bersemangat berapi-api ini ialah sikap mereka yang kurang bijaksana. Mereka tidak menunjukkan contoh pejuang-pejuang yang bijaksana yang sanggup berdikari, sekurang-kurangnya dalam penghidupan sehari-hari. Boleh dikatakan kebanyakan mereka tidak tergolong ke dalam jenis pemuda yang rajin bekerja. Orang-orang tua yang berstatus rasmi atau dianggap rasmi di desa seperti penghulu, imam, kadi dan sebagainya memandang mereka sebagai pengacau dan pemalas, kerana sikap sebahagian dari mereka yang tidak tekun bekerja tetapi rajin berdebat dan berbincang saja di kedai-kedai kopi. Orang-orang tua itu, seperti juga kaum atasan dan para pemimpin parti lain adalah salah satu dari topik perdebatan mereka, salah satu sasaran yang menghidupkan percakapan. Orang-orang tua itu pada mereka adalah talibarut penjajah, feodal dan penghisap darah rakyat. Hukuman yang mereka jatuhkan terhadap golongan tua itu memang ada benarnya dipandang dari segi perjuangan kemerdekaan tetapi sikap dan cara mereka menghadapi golongan ini sama sekali tidak menguntungkan malah menambah musuh parti dan menyukarkan proses perjuangan. Tetapi memang ada banyak perkara yang benar di mana para pemuda ini tidak dapat bekerja kerana ketiadaan tanah atau modal.

Untuk beberapa waktu masalah pemuda ini saya anggap sebagai suatu dilema yang selalu timbul dalam fikiran saya. Bila saya menulis cerpen "Wasiat Orang Bangsawan" dalam *Suluh Malaya*, saya mengobar-ngobarkan semangat pemuda menentang golongan-golongan atasan yang mereka anggap feodal. Tetapi bila saya menulis cerpen "Menjawab Pesan" kira-kira setahun kemudian dalam majalah *Kencana*, saya mempunyai tujuan untuk

menyedarkan orang-orang muda yang berjuang dalam parti supaya serentak dalam kehidupan sehari-hari mengatur organisasi kerjasama atau koperasi yang sesuai dengan rencana sosial dan ekonomi yang dicita-citakan oleh parti. Saya fikir sikap radikal yang disalurkan melalui peranan hidup berorganisasi dalam masyarakat dapat memberikan kesan pendidikan berdikari dan juga kesan kebijaksanaan dalam memenangi hati masyarakat. Saya tidak tahu apakah mesej saya sampai kepada pemuda-pemuda di desa atau tidak. Tetapi saya tidak pernah berani mengemukakan sifat-sifat negatif dalam kehidupan pemuda-pemuda parti itu dengan terus terang kepada mereka. Saya belum yakin mereka akan mengerti dan saya khuatir akan kehilangan pengikut. Manakala anggota-anggota API adalah golongan yang amat radikal yang hanya berfikir untuk berjuang saja.

Saya sebenarnya belum bebas dari sifat-sifat romantik seorang muda dan sifat idealis seorang perjuangan. Sifat muda yang idealis dan romantik inilah barangkali yang makin lama makin mendorong saya lebih senang menjadi penulis daripada menjadi orang politik parti. Ini adalah pendapat saya sekarang yang pada masa saya menghadapi dan menjalani proses hidup sebagai pemimpin kecil dan penulis cilik itu tidak saya sedari.

Satu Dorongan Baru

Proses pemikiran dan perasaan tentang rakyat, terutama yang mengenai sikap pemuda ini, berjalan terus dalam diri saya sehingga pada suatu hari saya menerima sepucuk surat dari Utusan Melayu yang ditandatangani oleh Pengarangnya A. Samad Ismail. Surat ini memberitahu saya tentang rancangan Utusan Melayu hendak memberhentikan penerbitan *Utusan Zaman* sebagai sebuah akhbar harian bertulisan Rumi menjadi mingguan bertulisan Jawi. (*Utusan Zaman* yang dalam masa sebelum perang dahulu diterbitkan sebagai sebuah majalah telah berhenti penerbitannya dalam zaman Jepun dan mulai diterbitkan lagi selepas perang sebagai sebuah harian tulisan Rumi untuk menjadi bacaan bersama rakyat Malaya dan Indonesia. Rakyat Indonesia ramai jumlahnya di Malaya waktu itu, khususnya di Singapura. Tetapi setelah Indonesia semakin bergolak dan rakyatnya makin berkurangan tinggal atau berulang alik ke Singapura maka akhbar itu merosot).

Salah satu dari ruangan yang akan dibuka dalam akhbar

mingguan *Utusan Zaman* bentuk baru ini kelak ialah ruangan kebudayaan yang akan memuat rencana-rencana mengenai kebudayaan, cerita pendek dan sajak. Saya dipelawa menulis cerpen untuk menyokong rancangan baru *Utusan Melayu* itu.

Surat pelawaan dari *Utusan Melayu* itu serta-merta membangkitkan ego orang muda dalam diri saya. Serta-merta saya menganggap diri saya sudah diakui sebagai penulis cerpen. Sebenarnya sebelum itu ego saya pernah pula sekali terlonjak oleh komen yang *favourable* dari Hantu Raya dalam rungan "Selamat Pagi" akhbar *Pelita Malaya*. Hantu Raya ialah Ishak Haji Muhammad dan Ishak Haji Muhammad adalah salah seorang pemimpin pujaan saya. Bila komen seperti lahir dari penanya yang amat berpengaruh, saya tidak dapat tidak menjadi terangkat dan terlonjak. Saya seperti memperoleh perakuan yang amat berharga yang memberikan kesan seolah-olah saya didorongkan ke hadapan.

Perkembangan-perkembangan ini amat mengghairahkan saya untuk menulis lebih banyak. Tetapi perkembangan dalam parti juga masih mengghairahkan. Saya mulai merasa kekurangan bahan bacaan. Di Temerloh tidak ada perpustakaan, tidak ada kedai buku selain dari gerai yang menjual suratkhbar. Saya memerlukan bacaan tentang politik dan kesusasteraan. Ini saya rasa makin hari makin menyeksa diri dan fikiran. Saya mula memikirkan untuk berpindah ke kota besar seperti Kuala Lumpur atau Singapura. Tetapi keadaan dan perjuangan belum mengizinkan. Buku-buku yang saya bawa dari Indonesia dulu saya baca kembali, termasuk majalah-majalah *Pujangga Baru*. Novel-novel Balai Pustaka, Karangan-karangan Hatta dan Sukarno di samping karangan-karangan Mohd. Natsir dan majalah-majalah *Pedoman Masyarakat* dan *Panji Islam*

Seperti masa di Kolej dahulu saya kembali tertarik kepada soal-soal sikap dan pandangan rakyat umum terhadap cabaran-cabaran hidup abad kedua puluh ini. Peradaban Barat dan reformasi Islam adalah pokok pemikiran yang amat menarik hati saya. Penganutan faham *Westersche Beschaving* anjuran pemimpin-pemimpin kebudayaan *Pujangga Baru* seperti Sutan Takdir Alisjahbana dan faham kembali kepada aliran Pasentren (kejawaan-keindonesiaan tradisional) anjuran Ki Hadjar Dewantoro dan lain-lain sangat menimbulkan keinginan saya untuk mencari sesuatu yang benar dan sesuai untuk bangsa Melayu sendiri dalam menghadapi cabaran menjadi satu bangsa merdeka yang gagah, terhormat dan mulia dalam zaman ini.

Saya tidak bersetuju dengan Pujangga Baru untuk menerima Peradaban Barat *in-toto* dan tidak pula setuju dengan Pasentern untuk kembali kepada aliran tradisional *in-toto*. Saya lebih yakin akan reformasi Islam dengan menerima tamadun Barat yang memang asalnya dari tamadun Islam. Di Kolej dahulu saya belajar tarikh tamadun Islam dengan panduan buku-buku Ibn Khaldun. Fikiran-fikiran Ibn Khaldun itu amat berkesan dalam jiwa saya. Fikiran Muhammad Abduh serta fikiran-fikiran pengikut dan muridnya, Rashid Redha, juga mempengaruhi jiwa saya. Dan bila saya membaca karangan-karangan Hatta dan Sukarno, sungguhpun saya terpesona oleh Marheanisme Sukarno, saya lebih cenderung kepada Hatta yang menekankan pendidikan rakyat tentang ekonomi dan politik yang akhirnya menyebabkan Hatta berpecah dari Sukarno lalu menubuhkan Pendidikan Nasional Indonesia di samping Partai Nasional Indonesia. Saya yakin akan pandangan jauh Hatta itu.

Pemikiran kebudayaan dan politik ini memenuhi dada saya dan menyebabkan saya mencari-cari pegangan yang lebih kuat dan teguh tentang apakah nanti program parti terhadap rakyat di samping kegiatan-kegiatan politik menuntut kemerdekaan.

Tetapi barangkali saya masih terlalu muda untuk menjadi begitu serius dengan soal-soal yang berat yang menyentuh kejiwaan dan pegangan satu bangsa. Saya masih hebat dengan program parti dalam lapangan propaganda dan penerangan di samping melapangkan dada melepaskan imaginasi dengan menulis cerita pendek.

Tiap kali saya menulis cerita pendek yang berisi hembusan semangat kemerdekaan, penentangan terhadap sistem hidup yang tidak demokratik yang menyebabkan rakyat jelata senantiasa tertindas, tulisan-tulisan saya itu sarat dengan sentimen romantik anak-anak muda. Dan tiap kali saya membaca cerpen-cerpen itu saya terfikir betapakah jadinya pemuda-pemuda yang romantik dan idealis ini nanti bersikap dan berbuat untuk menegakkan sebuah negara dan satu bangsa yang merdeka.

Dalam kehidupan sehari-hari seluruh perhatian rakyat ditumpukan ke arah perjuangan mencapai kemerdekaan. Soal yang menjadi fikiran saya tentang sikap hidup baru yang kukuh dalam kalangan rakyat tidak pernah timbul. Tidak praktikal untuk dijadikan salah satu kegiatan parti. Dan saya tidak tahu apakah soal tersebut ada dalam rancangan pucuk pimpinan parti.

Singapura Kali Ketiga

Kongres Parti akan diadakan di Singapura pada penghujung tahun 1947 dan saya telah ditetapkan untuk ikut dalam perwakilan dari Pahang. Kesempatan ini saya sambut dengan harapan yang amat besar untuk dapat mencari jalan keluar dari Pahang dan tinggal di Singapura atau di Kuala Lumpur. Maksud saya bukannya hendak meninggalkan parti tetapi hendak mencari *base* yang lebih luas di mana saya dapat dengan mudah menghubungi dan mengikuti fikiran pucuk pimpinan lebih dekat dan dapat menambah pengetahuan terutama untuk memperoleh hubungan dengan punca-punca mendapatkan buku yang saya perlukan. Inilah pemergian saya yang ketiga kali ke Singapura.

Saya tiba di Singapura lebih awal dan dapat menemui beberapa orang anggota pucuk pimpinan. Saya menyatakan kepada mereka tentang desas-desus memperkecil pemimpin-pemimpin yang kononnya berfaham kebangsaan sempit, kurang progresif, yang telah saya dengar semenjak beberapa bulan yang lalu. Dan saya juga mencuba meninjau pendapat tentang nasionalisme yang lebih luas, tentang ideologi penentangan imperialis dan kapitalis sejagat. Saya tidak mendapat kesimpulan apa-apa tetapi nyatalah memang ada *politiking* sedang berjalan dalam kalangan pucuk pimpinan dan anggota-anggota parti yang terkemuka.

Saya juga menyatakan keinginan saya untuk keluar dari Pahang dan tinggal di pusat pergerakan yang lebih penting seperti Kuala Lumpur atau Singapura. Ishak Haji Muhammad membayangkan kemungkinan saya akan diambil bekerja dalam sebuah mingguan parti yang akan diterbitkan di Ipoh yang akan dinamakan *Pertama* iaitu singkatan dari Persekutuan Tanah Melayu. Saya amat gembira. Kemudian saya diperkenalkan oleh Setiausaha Parti, Abdul Hamid Abdul (almarhum) dengan A. Samad Ismail, Pengarang Utusan Melayu. Hamid Abdul juga wartawan Utusan Melayu. Samad Ismail menyatakan terima kasihnya atas cerita pendek "Penjual Ubat Merdeka" yang saya kirim kepadanya dua bulan lalu sebagai menyambut pelawaannya untuk membantu *Utusan Zaman* yang akan diterbitkan dalam bentuk baru itu. Katanya cerpen itu akan diterbitkan dua minggu lagi, iaitu apabila *Utusan Zaman* yang sudah pun terbit dalam bentuk baru itu dapat menambah halamannya dari empat kepada enam halaman.

Selepas selesai Kongres para perwakilan dijadualkan melawat Utusan Melayu tetapi saya tidak ikut. Saya pergi ke kedai antik di Orchard Road tempat saya mula berkenalan dengan Singapura

dahulu. Petangnya, di pejabat parti, No. 10 Bussorah Street, saya ditemui kembali oleh Hamid Abdul dan Samad Ismail. Mereka menyampaikan salam Yusuf Ishak (almarhum) Ketua Pengarang dan Pengarah Urusan Utusan Melayu yang katanya telah bersetuju untuk menerima saya bekerja di Utusan Melayu. Saya amat terkejut dan terharu kerana saya tidak memohon untuk bekerja di situ. Saya sedang menunggu keputusan dari Ishak Haji Muhammad kalau-kalau dia mahu membawa saya ikut bertugas dalam mingguan yang akan diterbitkan di Ipoh. Iklannya sudah saya lihat dalam *Utusan Zaman*. Bila ini saya katakan kepada Hamid Abdul, beliau menjawab dengan senyum bahawa Ishak sendiri setuju saya bekerja di Utusan.

Akhirnya bila saya bertemu Ishak beliau mengesahkan per-setujuannya itu kerana, katanya, *Pertama* masih belum tentu akan terbit walaupun telah diiklankan. Ada beberapa hal yang belum selesai yang dia sendiri belum mahu menerangkan kepada saya.

Menjadi Wartawan

Esoknya saya mula datang ke Utusan Melayu dan terus disuruh menulis cerita pendek untuk *Mastika*. Hari itu juga saya menyelesaikan sebuah cerita pendek.

Saya tidak sempat merasakan dengan serta-merta nikmatnya memperoleh sesuatu yang telah amat lama saya idamkan, iaitu bekerja di suratkhbar, kerana begitu datang ke pejabat begitu terus disuruh menulis. Barangkali ini salah satu ujian untuk menilai kebolehan saya. Mujurnya yang disuruh tulis itu cerita pendek. Petang hari baru saya diperkenalkan kepada wartawan-wartawan yang sudah saya kenal namanya tetapi belum pernah saya temui orangnya. Saya juga diperkenalkan dengan Yusuf Ishak. Satu perkara yang menjadi tanda tanya dalam kepala saya waktu itu ialah suasana pertemuan dan perkenalan itu terasa seperti suasana pertemuan dengan kawan-kawan lama yang sudah lama tidak berjumpa. Suasana orang baru dan orang lama tidak terasa sedikit pun. Tidak ada temuduga, tidak ada pernyataan jawatan apa yang diberikan kepada saya, tidak ada keterangan tentang gaji, tentang syarat-syarat perkhidmatan dan tentang peraturan pejabat atau peraturan kerja. Dan saya serta-merta merasa bahawa Melan Abdullah, Dahari Ali, Mohd. Salleh Daud, Othman Wok, Haji Dahlan Mas'ud dan lain-lain itu, yang dahulunya belum pernah saya temui, adalah sahabat-sahabat dan rakan sejawat saya.

Hari saya masuk kerja itu ialah hari Rabu. Esoknya saya tiba di pejabat pukul lapan pagi. Kecuali bahagian cetak di tingkat bawah, tingkat satu di mana terletak pejabat pengarang dan pentadbiran dan tingkat dua di mana terletak bengkel penyusun huruf dan mekap masih belum dibuka. Orang-orang yang sibuk bekerja membersihkan mesin cetak dan juga orang-orang yang masih sibuk membahagikan pengiriman suratkhbar kepada vendor-vendor yang berebut menerima habuan masing-masing kelihatan begitu ramah dengan saya. Saya diberitahu para wartawan hanya akan tiba kira-kira pukul sembilan pagi, demikian juga para kerani dan lain-lain kakitangan kerana pejabat dibuka pukul sembilan pagi. Saya dibawa melihat mesin-mesin cetak, diberitahu bagaimana bahan-bahan cetak yang sudah disusun dalam bidang mukanya yang dimekap di bahagian penyusun huruf dan mekap tingkat atas itu dimasukkan ke dalam mesin dan dicetak. Saya mula belajar tentang percetakan dan seterusnya saya mempelajari juga bagaimana bermulanya sebuah berita itu diperolehi para pemberita, ditulis, disunting, dikompos dan seterusnya. Dan saya diberitahu apa kerja atau jawatan si anu dan si anu. Dan saya mendapat kesan bahawa orang yang paling berkuasa dan paling dihormati di Utusan Melayu waktu itu ialah Yusuf Ishak dan A. Samad Ismail.

Pukul sembilan pagi saya minta diri dari orang-orang atau pekerja-pekerja yang baik hati yang menjadi guru saya yang pertama itu. Tetapi mereka belum ingin berpisah dengan saya lalu menerangkan lagi berbagai hal. Saya diberitahu bahawa wartawan yang paling tinggi gajinya ialah A. Samad Ismail, iaitu \$150. Wartawan-wartawan lain di antara \$130 dengan \$100. Gaji dibayar tiap-tiap hari Khamis. Kadang-kadang bagi lima dan kadang-kadang bagi empat menurut berapa minggu dalam satu bulan. Pukul sepuluh baru saya keluar dari bahagian cetak tersebut dan saya dapati baru ada seorang wartawan muda yang telah datang. Wartawan muda itu amat hormat kepada saya seolah-olah saya ini pegawai atasannya. Pegawai-pegawai bahagian kewangan dan pentadbiran semuanya sudah sibuk bekerja. Saya lalu diperkenalkan oleh wartawan muda itu dengan Ungku Hassan, Pengurus. Dan Ungku Hassan pula memperkenalkan saya dengan Mr. Chan, Pegawai Kewangan. Ungku Hassan mengatakan yang saya akan diberi gaji \$100 lalu memberikan kepada saya sepucuk surat perlantikan sebagai Pemberita yang ditandatangani oleh Ketua Pengarang dan Pengarah Urusan Yusuf Ishak. Dalam surat itu tidak ada diterangkan syarat-syarat perkhidmatan dan lain-lain yang perlu

saya ketahui. Bila saya tanya, Ungku Hassan mengatakan tidak ada syarat-syarat perkhidmatan dan peraturan kerja yang bertulis untuk para wartawan. Segala-galanya nanti akan diatur dengan kebijaksanaan Pengarang saja, iaitu A. Samad Ismail. Dan dia mengatakan waktu kerja bagi wartawan juga tidak ditetapkan. Tiap-tiap wartawan harus bersedia untuk mengangap dirinya dalam tugas dua puluh empat jam sehari dan 365 hari setahun. Hari Minggu dan hari kelepasan lainnya mengikut peraturan kerajaan. Kalau wartawan terpaksa bekerja pada hari-hari kelepasan itu dia akan dibayar sepuluh ringgit sehari. Saya juga diberitahu *Utusan Melayu* terbit 365 hari dalam setahun.

Assignment untuk para pemberita tertulis dalam sebuah buku yang telah disediakan oleh Ketua Pemberita. Wartawan muda tadi melihat *assignment*nya dalam buku tersebut. Saya juga disuruhnya berbuat demikian. Saya lihat dalam buku itu *assignment* saya yang pertama untuk hari itu, iaitu hari pertama saya menjadi pemberita ialah menemani Syed Hamid Al-Edrus (almarhum) mengambil berita satu rapat umum anjuran Jam'iyah Da'watul Islamiyah Singapura, di mana seorang ulama besar dari Indonesia akan memberi ucapan.

Bila Edrus tiba di pejabat, saya pun diperkenalkan kepadanya. Semalam waktu perkenalan dengan wartawan-wartawan itu Edrus tidak ada. Saya pun pergilah mengikut Edrus. Dan dia mengajar saya bagaimana mengambil berita ucapan. Saya disuruhnya mencatat sebanyak mungkin apa yang diucapkan oleh ulama itu. Maka sepanjang-panjang masa beliau berucap saya tidak berhenti-henti menulis hampir semua apa yang diucapkannya. Catatan saya itu diambil oleh Edrus dan bila tiba di pejabat dibacanya dengan teliti. Disuruhnya saya menulis sebuah berita dengan mengambil perkara-perkara yang penting dari ucapan tersebut. Katanya itu sebagai latihan saja. Dia sendiri menulis berita dengan tekun. Pukul tiga petang saya dipanggil oleh Pengarang (A. Samad Ismail). Dia saya lihat sedang membaca tulisan Edrus. Dia bertanya kepada saya jika saya ingat apa yang agak baru atau mungkin menarik minat orang ramai dari ucapan ulama tersebut. Saya dengan segera mengatakan bahawa ulama itu ada mengatakan bahawa dalam zaman moden ini nikah boleh dilafazkan melalui telefon. Dia segera mengatakan supaya saya menulis berita tersebut. Dalam berita yang saya berikan kepada Edrus perkara itu saya sentuh sedikit saja. Dan nampaknya berita itu tidak ada pada Samad. Saya pun cubalah menulis berita. Sehingga pukul enam petang baru berita itu dapat

saya siapkan. Panjang juga. Kira-kira tiga muka. Sepanjang-panjang malamnya saya berdoa akan berharap semoga percubaan pertama itu dapat menunjukkan kebolehan saya menulis berita. Pagi-pagi, waktu saya sarapan di sebuah kedai kopi di Arab Street saya lihat poster *Utusan Melayu* berbunyi: "NIKAH DENGAN TELEFON — Ulama Indonesia". Saya terkejut. Darah saya naik gemuruh, lalu membeli naskhah *Utusan Melayu* melihat berita yang saya tulis semalam telah menjadi berita besar di muka depan. Dan saya cari-cari tidak ada berita yang ditulis oleh Edrus. Rupanya berita yang ditulis Edrus itu ditolak oleh Pengarang dan disuruh masukkan sebagai rencana dalam *Mastika*.

Bila saya sampai di pejabat, mereka, terutama Melan Abdullah, memaksa saya belanja kopi kerana katanya saya telah membuat satu skop berita dan telah menyekop pemberita kanan hal ehwal agama *Utusan Melayu* sendiri, iaitu Edrus. Mujurlah saya masih mempunyai empat lima ringgit dalam saku. Lepas itu saya termenung kerana gaji minggu pertama baru akan saya terima Khamis depan, seminggu lagi. Saya belum berani meminjam wang kepada siapa pun walaupun semua yang menjadi wartawan di *Utusan* itu saya rasa sudah seperti sahabat lama. Sebelum makan tengah hari saya dipanggil oleh Ungku Hassan. Dia suruh saya menandatangani sebuah *voucher* \$30 sebagai bayaran tiga buah cerita pendek yang saya tulis sebelum masuk menjadi kakitangan, termasuk sebuah yang saya tulis untuk *Mastika* pada hari Rabu kelmarin. Saya agak hairan juga kerana ketiga-tiga cerpen itu belum lagi disiarkan walaupun saya tahu Samad telah meluluskannya. Dan saya pun tahu bahawa selama ini belum ada cerita pendek dibayar oleh mana-mana majalah atau suratkhbar. Rupanya Samad dan Hamid Abdul memang mengetahui hal kewangan orang-orang perjuangan politik seperti saya, dan untuk tidak menggalakkan saya suka meminjam dan supaya saya tidak terasa menjatuhkan maruah diri maka mereka mendesak Yusuf Ishak membayar tiga cerita pendek itu. Yusuf bersetuju dengan syarat bahawa itu tidak menjadi permulaan bagi membayar karangan-karangan, cerpen atau sajak yang diterima dari penulis-penulis mana pun. Lembaga Pengarah *Utusan* waktu itu hanya membenarkan bayaran kepada penulis-penulis khas yang dilantik dan tidak kepada penulis-penulis budiman.

Selanjutnya bermulalah kehidupan kewartawanan bagi diri saya. Saya melalui berbagai-bagai bidang pemberitaan seperti bidang buruh, bidang politik, bidang jenayah dan mahkamah, bidang sukan dan hiburan yakni filem dan sebagainya. Paling saya

senangi ialah bidang sukan kerana saya memang kaki menonton bola dan tinju (*boxing*).

Beberapa bulan lamanya saya diorientasi. Dibawa melihat dan mempelajari manusia dan masyarakat Singapura di segala tempat dan dalam segala lapangan hidup. Orientasi ini berlaku melalui tugas sebagai pemberita dan juga melalui pergaulan dan perhubungan para wartawan Utusan Melayu dengan berbagai golongan manusia dalam masyarakat Singapura, pergaulan dalam kalangan politik, buruh, sosial dan kebudayaan, dalam lapangan agama bahkan dalam dunia hiburan. Saya mulai mengenal rakyat kota sebagai dulu saya mengenal rakyat desa.

Horison Baru

Kehadiran saya dalam kalangan wartawan Utusan Melayu menjadi semakin rapat dan mesra. Walaupun ada beberapa aspek saya tidak setuju dengan sikap dan cara hidup sosial setengah-setengah para wartawan *senior* itu namun ada sesuatu yang amat saya hargakan pada rakan-rakan para wartawan ini. Mereka menghargai dan menghormati pendirian satu sama lain. Dan mereka semuanya diikat oleh satu cita-cita, berbakti kepada bangsa dan tanahair. Saya merasa hidup dalam kalangan saya sendiri kerana mereka itu hampir semuanya penyokong Partai Kebangsaan Melayu Malaya.

Orang yang kuat membaca dalam kalangan ini ialah A. Samad Ismail, Mohd. Salleh Daud dan Dahari Ali. Saya segera menyelinap ke dalam "kelab" ulat-ulat buku ini. Mulanya saya tidak punya cukup wang untuk membeli buku yang mahal-mahal tetapi ini tidak menjadi masalah, mereka tidak lokek untuk meminjamkan buku-buku mereka. Buku-buku tentang politik, tentang teori berbagai ideologi, ekonomi dan juga buku-buku kritik sastera, teori-teori sastera dan kebudayaan ada belaka. Yang saya beli hanya buku-buku novel saja.

Perbincangan-perbincangan dengan mereka ini kadang-kadang amat menyenangkan. Saya segera merasa peningkatan ilmu dan pandangan hidup saya dalam pergaulan dengan mereka. Satu perkara yang saya merasa mempunyai kelebihan dari mereka ialah pengetahuan dan pandangan saya tentang Islam. Tetapi saya tidak memperlihatkan ini kerana saya khuatir dianggap mempunyai kelayakan untuk kelak diberi tanggungjawab pula dalam hal-hal agama. Saya tidak berani. Ilmu saya baru cukup untuk diri saya saja.

Namun ada semacam *recognition* mereka terhadap sikap hidup saya. Dengan demikian saya tidaklah merasa terlalu rendah diri atau merasa perlu tunduk kepada sebarang sikap hidup yang tidak saya setuju walaupun saya sebenarnya, dalam banyak hal, memang belajar dari mereka.

Saya beransur-ansur melihat satu horison baru yang lebih luas bahawa perjuangan rakyat Malaya ini tidaklah hanya perjuangan kemerdekaan tetapi juga perjuangan sosial, ekonomi dan kebudayaan. Ini telah dilihat lebih dahulu oleh kawan-kawan para wartawan yang berpengalaman itu. Dan itu jugalah sebabnya Utusan Melayu merancang penerbitan mingguan *Utusan Zaman* dan berusaha untuk memperbaiki isi majalah *Mastika*. Segera saya dapat melihat bahawa orang-orang suratkhobar itu adalah golongan intelek dalam ertikata yang sebenarnya. Orang-orang seperti A. Samad Ismail, Mohd. Salleh Daud, Dahari Ali dan Yusuf Ishak sesungguhnya telah menyuburkan jiwa saya yang sudah begitu dahaga untuk meneruskan pencarian saya dalam lapangan ilmu dan pengalaman. Buku dan rakyat tidak pernah terpisah dari kehidupan kami, baik dalam hubungan tugas sebagai wartawan dan penulis mahupun dalam kegiatan-kegiatan politik kemerdekaan.

Walau bagaimanapun, sekarang ini saya memikirkan bahawa pada saat-saat permulaan saya memasuki lapangan persuratkhbaran itu saya masih tetap seorang muda yang berpandangan romantik dan idealis. Realiti politik dan perjuangannya tidak saya fahami sesungguhnya walaupun saya tahu tujuan dan matlamatnya. Jiwa saya makin gelisah mencari sesuatu yang lebih tegas, terutama bila saya bertambah jauh melihat dan meneliti penghidupan dan keluh kesah kaum buruh di Singapura. Pemuda-pemuda dari Semenanjung makin hari makin ramai memenuhi masyarakat Melayu Singapura, tinggal menyewa "kotak-kotak" yang dinamakan bilik tambahan pada rumah-rumah Melayu di sekitar Geylang Serai, Kampung Wak Tanjung, Paya Lebar, Lorong Ungku Aman, Kebun Ubi dan lain-lain. Pemuda-pemuda ini dan keluarga tempat mereka menumpang menghadapi persoalan hidup yang amat rumit. Kegiatan seperti yang saya lakukan di Temerloh telah saya hentikan. Saya berhenti berpidato dan berdialog secara teratur dengan rakyat, sebaliknya lebih banyak bergaul langsung dan mengalami pengalaman hidup mereka. Saya juga bertambah banyak membaca dan menulis. Saya menulis rencana-rencana ringan hampir saban minggu dalam *Utusan Zaman* dan juga saban bulan dalam *Mastika* dengan memakai

berbagai nama samaran. Banyak kali saya memakai nama Kamal dan banyak kali pula saya tidak pakai nama apa pun. Yang menjadi perhatian saya selalunya sikap orang Melayu menghadapi sesuatu isu, kebanyakannya isu politik tetapi saya sering menekankan tentang sikap saja bukan tindakan.

Saya semakin hari semakin yakin bahawa pengaruh khurafat-khurafat yang dihubungkan dengan ajaran agama amat mendalam dalam jiwa orang Melayu. Dan saya yakin juga kebangkitan reformasi Islam yang dahulu dianjurkan dan diperjuangkan oleh kaum muda di bawah pimpinan Sheikh Tahir Jalaluddin dan juga Syed Sheikh Alhadi sudah berkurang kesannya untuk menjadikan orang Melayu lebih positif dan aktif menghadapi hidup ini. Pengaruh sistem feudal yang dihidupkan dengan licin oleh dasar penjajah British amat kuat mempengaruhi jiwa orang Melayu untuk menyerah saja pada nasib, pada apa yang disogokkan oleh pihak atas. Penganutan mereka terhadap PKMM dan juga UMNO masih atas dasar percaya pada apa yang disogokkan oleh para pemimpin bukan atas dasar desakan jiwa yang dinamik dan fahaman yang positif.

Dalam mesyuarat-mesyuarat pucuk pimpinan PKMM (saya waktu itu telah memangku jawatan sebagai seorang anggota pucuk pimpinan parti) saya sering mempersoalkan masalah keutuhan moral dan jiwa rakyat, soal yang bagi para pemimpin yang lebih terkemuka yang memang saya anggap lebih berpengalaman dan berpengetahuan dari saya, sebagai terlalu ideal, tidak praktikal dalam tindak-tanduk menentang penjajahan dan menentang sikap kaum konservatif seperti UMNO dan lain-lain itu. Segala rencana perjuangan adalah ditumpukan pada dasarnya kepada yang bersifat perjuangan fizikal dan taktikal.

Barangkali kerana saya terlalu muda dan belum mempunyai pengalaman yang luas tentang politik atau barangkali kerana latar belakang pendidikan dan kebudayaan maka saya selalu saja merasa kurang senang dengan pimpinan terhadap rakyat yang semata-mata fizikal dan taktikal ini, bukan saja dalam PKMM tetapi juga dalam UMNO. Boleh dikatakan saya merasa pesimis terhadap kesanggupan batin dan kesanggupan mental orang Melayu untuk menghadapi cabaran dan kelak mendukung sebuah negara yang merdeka. Tetapi saya sangat yakin pula akan pimpinan PKMM yang lebih progresif dan lebih berkesan untuk menggembeling semangat perjuangan kemerdekaan dibandingkan dengan UMNO yang pimpinannya dipegang oleh bekas-bekas pentadbir latihan

penjajah. Pada anggapan saya waktu itu UMNO hanya berusaha untuk mencapai kemerdekaan dengan mengambil alih pentadbiran kerajaan semata-mata. Sedangkan PKMM mempunyai rancangan yang akan mengubah segala sistem, termasuk sistem ekonomi, sosial dan politik.

Atas dasar itulah saya masih tetap terlibat dalam perjuangan parti di samping keraguan-keraguan yang tidak pernah hilang dari hati saya tentang pendidikan sikap dan jiwa orang Melayu. Saya tetap melihat dan memikirkan sikap hidup orang Melayu yang begitu tebal dipengaruhi oleh khurafat-khurafat dan kekolotan yang dihubungkan dengan Islam di samping pengaruh sistem feodal yang pada dasarnya adalah sistem yang sengaja dipelihara oleh penjajah British untuk membunuh kebebasan jiwa orang Melayu. Pengaruh-pengaruh ini saya kira akan menyebabkan orang Melayu tidak kuat untuk menghadapi cabaran perjuangan dan tidak kuat untuk berdikari menghadapi cabaran-cabaran itu, tidak kreatif, tidak imaginatif dan kerana itu tidak punya inisiatif untuk merubah sistem kehidupan. Mereka hanya kelihatan dinamik di luarnya sedangkan di dalam, yakni pada jiwanya, mereka masih belum bebas, masih diselubungi oleh karat-karat dari pengaruh sistem feodal penjajah dan pengaruh ajaran-ajaran kolot yang dihubungkan dengan agama itu. Mereka sebenarnya menyerahkan saja segala suatunya kepada nasib atau paling tinggi kepada budi bicara para pemimpin.

Hal-hal ini menyebabkan saya lebih banyak membaca dan lebih banyak menulis serta kurang berpolitik secara aktif.

Dari Politik ke Sastera

Waktu saya datang ke Singapura menghadiri kongres PKMM tahun 1947, lalu bekerja dengan Utusan Melayu itu umur saya telah meningkat dua puluh lima tahun. Dalam masa enam tahun menjelang umur dua puluh lima itu saya senantiasa dilamun cita-cita ingin meninggikan pelajaran, menambah ilmu pengetahuan dan ingin berfungsi dalam pergerakan kebangsaan untuk mencapai kemerdekaan. Cita-cita yang bermula dalam bentuk angan-angan anak muda ini penuhlah dengan sifat-sifat kemudaannya, sifat-sifat romantik dan idealistik. Saya tidak pernah sedar bila sebenarnya saya menjadi dewasa dalam berfikir dan bertindak tetapi saya ada merasa perubahan sikap yang tegas bahawa saya tidak lagi

serius dalam kegiatan-kegiatan politik sebaliknya semakin banyak berfikir, membaca dan menulis.

Di Utusan Melayu saya meningkat amat cepat sehingga dalam beberapa bulan saja tugas sebagai pemberita telah berkurang diberikan kepada saya sebaliknya saya telah dipercayai menjadi Penyunting di samping menolong mengendalikan isi *Utusan Zaman* dan *Mastika*. Dan gaji saya telah dilompatkan kepada \$130.

Bila Persidangan tergepar PKMM diadakan awal tahun 1948 yang membincangkan kedudukan dan pendirian PKMM dalam AMCJA-PUTRA sebagai golongan kiri Melayu yang tidak lagi dapat bekerjasama dengan golongan kanan dalam menentang *Malayan Union* khasnya dan menuntut kemerdekaan amnya, saya telah membuat satu keputusan yang penting dalam hidup saya. Saya tidak dapat lagi meneruskan kegiatan politik. Ini adalah kemuncak dari kompleks yang menyelubungi jiwa dan fikiran saya yang makin banyak tertumpu kepada persoalan sikap dan jiwa rakyat daripada hakikat perjuangan politik yang memerlukan amalan dan kelicinan bertindak berdasarkan isu-isu yang berbangkit. Waktu membuat keputusan inilah saya merasa benar-benar teruji sebagai seorang yang sudah dewasa.

Tetapi pegangan politik saya dewasa itu tetap sesuai dengan golongan yang menuntut kemerdekaan total dari penjajahan Inggeris dengan dasar ekonomi dan sosial yang mengimbangkan kesejahteraan rakyat dengan penghapusan kemiskinan dan penindasan golongan terhadap golongan serta dasar kebangsaan yang mempertahankan ketuanan Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Rakyat yang diperjuangkan oleh PUTRA.

Bila saya telah membuat keputusan untuk tidak lagi bergiat aktif dalam pergerakan politik maka saya mulailah memerhatikan perkembangan fikiran yang harus saya salurkan melalui karangan-karangan yang akan dimuat dalam *Utusan Zaman* dan *Mastika*. Dan oleh kerana saya sebenarnya ditugaskan menolong menjaga ruangan kebudayaan dan sastera maka saya menumpukan perhatian kepada jurusan tersebut. Saya segera dapat melihat bahawa perkembangan semangat kebangsaan dan perjuangan kemerdekaan jelas mempengaruhi bentuk dan isi karya-karya sastera dewasa itu, terutama cerpen dan sajak. Cita-cita kebangsaan dan kemerdekaanlah yang menjadi aspirasi para penulis.

Nafas Baru Sastera Melayu

Pembaharuan dalam lapangan sastera, terutama cerpen dan sajak, telah bermula dalam zaman Jepun. *Semangat Asia* dan *Fajar Asia* memuat sajak-sajak dan cerpen yang dalam bentuk dan isinya tidak lagi berupa cerita atau syair atau gurindam yang mengandungi tunjuk ajar, khutbah dan nasihat yang langsung disampaikan oleh penulis kepada pembacanya. Sajak dan cerpen yang dahulunya jarang saya baca dalam majalah-majalah Melayu kerana saya rasa seperti karangan orang-orang "purbakala" itu sudah banyak berubah dalam zaman Jepun.

Pembaharuan selalunya dibawa oleh para intelek. Dan dalam *Semangat Asia* serta *Fajar Asia* berkumpul beberapa orang intelek Melayu dan Indonesia. Saya maksudkan para intelek di sini ialah orang-orang yang luas ilmu pengetahuannya, banyak pengalamannya, yang terus-menerus berfikir dan bekerja untuk melahirkan pembaharuan dalam proses kemajuan nilai-nilai dan mutu hidup manusia, orang-orang yang senantiasa menggunakan serendah-rendah pelajarannya untuk memperoleh setinggi-tinggi dan seluas-luas ilmu pengetahuan dan menggunakan sekecil-kecil pengalaman dan ilmu pengetahuannya untuk memperbanyak amalan bagi kemajuan masyarakat dan peningkatan mutu hidup manusia dan perikemanusiaan. Orang-orang seperti Ishak Haji Muhammad, A. Samad Ismail, Abdullah Kamil dalam *Semangat Asia* dan Zainal Abidin Ahmad dalam *Fajar Asia* telah membawa pembaharuan dalam penulisan dan juga penyaluran penulisan sajak dan cerpen dari apa yang kita lihat dan kita warisi dari penulisan sebelum perang.

Sebelum bertugas dalam Utusan Melayu (1947) saya telah pun menulis dalam *Suluh Malaya*, *Kencana* dan juga *Utusan Zaman* sendiri. Saya sebenarnya dalam cerpen-cerpen itu meneruskan apa yang telah dimulakan oleh *Semangat Asia*, *Fajar Asia*, minus propaganda Jepunnya. Dan saya memilih cerita dan sajak untuk *Utusan Zaman* dan *Mastika* kemudiannya sesuai dengan praktis itu, yakni memilih sajak dan cerpen yang gaya bahasa, pengucapan dan pengolahannya mengikuti jejak penulis-penulis zaman Jepun, tidak kembali kepada gaya penulis-penulis sebelum perang. Apabila isi karya-karya zaman Jepun yang sarat dengan propaganda kebesaran Jepun dan kesucian cita-cita kemakmuran bersama Asia Timur Raya anjuran Jepun itu dihapuskan dan diganti dengan semangat perjuangan kemerdekaan, pembebasan

dari penindasan serta penjajahan maka karya itu pastilah dianggap hasil sastra yang bernafas baru. Karya-karya jenis itulah yang memenuhi kebanyakan dada majalah dan suratkhobar, terutama *Utusan Zaman* dan *Mastika*.

Kebanyakan penulis yang melahirkan karya-karya bernafas baru ini terdiri dari anak-anak muda yang romantik dan idealis yang punya angan-angan muluk untuk masa depan dirinya dan bangsa serta tanahairnya. Karya-karya itu tebal dengan bau romantik. Dan justeru kerana romantiknya itulah pula cerpen dan sajak menjadi popular dalam kalangan pejuang-pejuang muda zaman itu yang juga dalam peringkat romantik dan idealis.

Satu aspek yang kurang diwarisi oleh penulis-penulis muda ini ialah kematangan idea yang ada pada karya-karya *Masters* dalam zaman Jepun seperti Ishak Hj. Muhammad dan Samad Ismail, walaupun pada segi bentuknya karya-karya bernafas baru itu kadang-kadang lebih segar dan lebih hidup. Sifat erotik, yakni hubungan cinta lelaki perempuan, terlalu amat mempengaruhi setiap cerita. Sedangkan karya-karya dalam zaman Jepun seperti "Ubi Kayu" misalnya, kaya dengan idea penghidupan dan kemanusiaan yang lebih realistik. (Komen: dengan "erotik" di sini saya maksudkan hubungan cinta dan kasih sayang lelaki perempuan yang murni dan bukannya seks atau porno). Ini saya kira ialah kerana keintelektualan penulis-penulis seperti Ishak Haji Muhammad dan A. Samad Ismail. Keintelektualan memerlukan banyak ilmu pengetahuan dan banyak pengalaman yang membawa kepada kematangan cara berfikir, manakala penulis-penulis muda, termasuk saya sendiri, dewasa itu masih jauh dari kematangan tersebut, baik dalam lapangan ilmu pengetahuan mahupun dalam lapangan pengalaman. Saya menyedari aspek ini bukan sekarang tetapi pada waktu saya dipercayai mengendalikan *Utusan Zaman* dan *Mastika* dalam tahun 1948 lagi. Saya telah mencuba bagi diri saya sendiri dan juga bagi pemilihan karya-karya para penulis yang mengirimkan karangannya untuk *Mastika* dan *Utusan Zaman* dewasa itu dan juga seterusnya, tetapi kemajuannya agak tidak memuaskan.

Kebanyakan cerpen dan sajak dalam waktu-waktu singkat tahun 1946 menonjolkan cita-cita perjuangan kemerdekaan Malaya — Indonesia. Ini pun salah satu warisan dari zaman Jepun yang dalam arena politik diperjuangkan oleh PKMM. Saya juga menulis cerpen-cerpen seperti itu dalam *Kencana*, *Suluh Malaya* dan kemudiannya dalam *Mastika*, *Utusan Zaman* juga. Tetapi

kecenderungan itu, sehubungan dengan aliran politik barangkali, beransur-ansur kurang. Mulai 1948 dan seterusnya cerpen memperlihatkan kecenderungan lain. Tema Malaya—Indonesia makin berkurang dan hilang terus.

Sebagai penulis cerpen dan juga dalam tugas sebagai pengendali ruangan kebudayaan dan sastera majalah *Mastika* dan mingguan *Utusan Zaman*, saya senantiasa mencuba menerapkan cita-cita perubahan sikap dan mental bangsa Melayu. Saya menulis atau saya memilih karya penulis lain untuk *Mastika* dan *Utusan Zaman* senantiasa dengan menginsafi akan cita-cita tersebut. Saya tidak percaya manusia yang beku akan dapat mencairkan apa jua pun. Fahaman feudal, kekolotan beragama dan sistem penjajahan tidak akan berubah oleh manusia yang masih menyerah pada nasib, pada keramat dan puaka-puaka, masih kolot dan masih berjiwa kecil. Maka lahirlah cerpen-cerpen dan sajak yang lebih mengarah kepada kritik masyarakat di samping semangat kemerdekaan. Ini merupakan satu tendensi baru pula dalam perkembangan cerpen dan sajak yang kemudiannya melahirkan karya-karya yang berbentuk dan berisi kritik masyarakat yang beraneka warna dengan *approach* yang berbagai rupa. Ada kritik masyarakat yang langsung ditujukan kepada keadaan masyarakat itu sendiri dan lebih banyak kritik terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab melahirkan masyarakat yang pincang itu, malah banyak pula kritik terhadap watak-watak atasan yang dianggap menjadi punca atau sekurang-kurangnya menjadi perkakas melahirkan ketidakadilan dalam penghidupan dan kebebasan fikiran. Sikap pura-pura golongan atasan ini menjadi tema dan subjek yang popular, termasuk sikap pak lebai yang kolot yang hanya mengajar pengikutnya tentang kematian saja.

Sungguhpun tiupan nafas baru telah bermula namun dalam peringkat awalnya tahun 1946-1947 masih lagi terdapat sajak jenis gurindam dan syair pendek yang ditulis oleh para penyair muda sendiri di samping oleh para penulis yang masih belum ditembusi oleh tiupan nafas baru itu. Kecuali Masuri S.N. yang sudah membawa perubahan semenjak dalam zaman Jepun dan beberapa penulis muda yang lain, kebanyakan penyair hampir sama saja gayanya dengan penyair-penyair sebelum perang kecuali isinya yang sudah agak berubah. Isi bercerita dan berkhotbah tentang akhlak dan tentang dosa pahala semata-mata sudah agak berkurang. Pun pemilihan kata sudah menunjukkan perubahan. Kata-kata Sanskrit, misalnya, yang biasa dipakai oleh penyajak-penyajak Pujangga

Baru di Indonesia mulai berkembang walaupun kadang-kadang terasa janggal kerana salah erti dan salah tempat. Apa yang menarik hati saya waktu itu ialah adanya kecenderungan penulis-penulis muda ini untuk bebas memilih kata, ungkapan dan juga kadang-kadang metafora yang memberontak terhadap kelaziman yang stereotaip. Manakala bentuk yang benar-benar bebas belum popular. Di mana-mana terasa baris-baris dan alitrasei ala syair atau pantun.

Saya tidak dapat mengemukakan angka-angka dan tarikh-tarikh atau nama-nama dan karya-karya tertentu dalam catatan ini. Dan saya memang tidak mempunyai kelayakan untuk menamakan sebarang tokoh atau karya tertentu sebagai pembawa perubahan atau pembaharuan. Tetapi apa yang saya alami dan saya lihat ialah adanya perubahan dan pembaharuan isi dan bentuk penulisan cerpen dan sajak semenjak tahun 1946 hingga 1947 itu. Pembaharuan ini lebih terasa kerana adanya golongan penulis sebelum perang yang walaupun menerima isi baru tentang semangat kebangsaan dan kemerdekaan tetapi tidak menerima bentuk, gaya bahasa dan pengucapan penulis-penulis muda yang mereka anggap merosakkan persuratan dan bahasa Melayu. Penulis-penulis lama ini masih bergayut pada apa yang mereka katakan keaslian bahasa dan pengucapan dalam persuratan Melayu. Ini termasuk pemilihan kata, gaya karangan dan kias perbandingan. Kemasukan perbendaharaan kata yang lazim di Indonesia saja, misalnya, dan gaya sajak bebas yang agak sedikit-sedikit lari dari peraturan syair-gurindam-pantun tidak menyenangkan mereka. Mereka ini kebanyakannya tidak banyak memerhatikan pengaruh sosial, komunikasi sejagat, pengaruh politik dan ekonomi terhadap pertumbuhan bahasa dan perkembangan sastera. Sikap tentang bahasa dan gaya sastera ini saya kira ada hubungannya juga dengan sikap jiwa yang walaupun ingin merdeka tetapi belum bebas dari pengaruh penjajah yang menekan jiwa mereka melalui faham feodal dan kekolotan. Mereka menganggap penulis-penulis muda itu kaum radikal yang akan menghapuskan tradisi Melayu.

MENGAPA SINGAPURA

SETAKAT ini saudara telah melihat saya berhijrah sebanyak tiga kali ke Singapura (1941 sebelum perang, 1942-1946 zaman Jepun dan selepasnya, dan 1947 kongres PKMM). Tentu saudara dapat memahami mengapa saya perlu berhijrah dan mengapa ke Singapura. Sungguhpun tiap-tiap penghijrahan saya itu mempunyai sebab-sebab yang berlainan tetapi ia membawakan latar belakang yang ada hubungannya dengan penglibatan saya akhirnya dengan kesusasteraan. Sesungguhnya jika orang mengikuti perkembangan kesusasteraan Melayu maka Singapura haruslah ditempuh. Dan perkembangan sastera Melayu selepas Perang Dunia Kedua tidak dapat disusuli dengan sempurna jika Singapura tidak dilalui.

Beberapa buah buku kumpulan cerpen, kumpulan sajak dan novel yang sampai sekarang masih beredar dalam pasaran, dulunya ditulis di Singapura. Beberapa buah tesis ataupun latihan ilmiah yang sekarang terkumpul di Universiti Malaya dan lain-lain Universiti memperkatakan penulis-penulis, karya dan kegiatan sastera tahun lima puluhan di Singapura. Malah Prof. Ismail Hussein yang sekarang menjadi Profesor Kesusasteraan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya menulis tesis untuk ijazahnya yang pertama (B.A. Hons) mengenai *Pengarang-pengarang Melayu di Singapura Selepas Perang Dunia Kedua*. Dr. Syed Hussin Ali seorang sarjana sosiologi yang sekarang sedang dalam tahanan politik juga menulis tesis untuk ijazah pertamanya mengenai *Pertubuhan-pertubuhan Bahasa dan Sastera Melayu di Singapura Selepas Perang Dunia Kedua (khasnya ASAS 50)*.

Di luar dari tujuan untuk meninjau hasil penyelidikan para sarjana atau sarjana muda itu, secara sepintas lalu sudah dapat kita

rasakan bahawa Singapura memanglah penting dalam hubungan perkembangan sastera Melayu lepas perang sehingga menarik perhatian pusat-pusat pengajian tinggi untuk mengkaji dan menyelidikinya. Juga di luar dari tujuan untuk menilai buku-buku kumpulan cerpen, kumpulan sajak dan novel yang dulunya ditulis di Singapura itu, secara sepintas lalu dapat kita lihat bahawa pada suatu masa selepas perang Singapura memang telah menjadi tempat lahirnya banyak karya dan tempat berkumpulnya para penulis.

Beberapa kesimpulan telah dapat kita ketahui dari hasil-hasil penyelidikan, kajian dan tinjauan mengenai Singapura sebagai pusat perkembangan sastera Melayu semenjak lepas perang hingga ke tahun-tahun lima puluhan itu. Di antaranya Singapura lepas perang merupakan pusat pergolakan politik, pusat pertumbuhan ekonomi perdagangan dan perusahaan dan kerana itu menjadi pusat kebudayaan dan sosial pula. Singapura juga menjadi pusat komunikasi antara pemerintah dan rakyat yang melahirkan pusat siaran radio, penerangan, penerbitan dan percetakan, perfileman dan sebagainya yang menarik dan memerlukan banyak tenaga berbakat seni dan profesional seperti wartawan, penulis, penyanyi, ahli muzik, drama, bintang filem dan sebagainya.

Apabila sebuah kota besar terbuka menjadi pusat politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan maka ia memerlukan banyak tenaga manusia; baik tenaga kasar, tenaga mahir, tenaga pakar mahupun tenaga profesional. Pemuda-pemuda dari Semenanjung Tanah Melayu, yang di tempat masing-masing penghidupan telah hancur oleh pendudukan Jepun, melihat Singapura sebagai daerah baru yang subur. Singapura menjadi tempat yang paling sesuai untuk memulakan hidup baru. Singapura juga paling sesuai untuk meneruskan apa jua cita-cita yang terputus oleh pendudukan Jepun atau yang bermula dalam masa pendudukan Jepun. Singapura serta-merta menjadi *base*, menjadi pangkalan bagi semua lapangan hidup. Saya berazam hendak ke Singapura kembali waktu sedang aktif dalam kegiatan politik di Temerloh kerana *base* atau pangkalan pergerakan politik itu adalah di Singapura. Waktu di Temerloh juga saya mulai berazam hendak memperluas pengetahuan tentang sastera, dan *base* atau pangkalan perkembangan sastera itu sama ada dari segi pembacaan mahupun dari segi penyiaran dan penerbitan adalah Singapura. Dan saya adalah di antara orang-orang yang sangat bertuah waktu kongres PKMM 1947 itu diberi kesempatan bekerja di Utusan Melayu, saya bukan saja telah mendapat tempat di Singapura tetapi benar-benar di hati jantung

pangkalan kegiatan politik dan sastra itu sendiri.

Beribu-ribu pemuda Melayu dari Semenanjung memenuhi Geylang Serai, Lorong Ungku Aman, Paya Lebar, Kebun Ubi dan lain-lain kawasan Melayu. Kebanyakannya semata-mata untuk mencari pekerjaan tetapi banyak pula yang mempunyai cita-cita tinggi untuk maju dalam hidup masing-masing. Di antaranya banyak pemuda-pemuda yang punya bakat kepemimpinan dalam lapangan-lapangan tertentu dan rata-rata mempunyai kesedaran kebangsaan dan kesedaran sosial yang telah tertanam semenjak pendudukan Jepun akibat dari penindasan penjajahan Jepun itu sendiri. Kemudiannya dapat dilihat bakat-bakat ini tumbuh menjadi pemimpin-pemimpin kesatuan-kesatuan buruh dan sebagainya.

Pemuda-pemuda yang berbakat seni dan lapangan-lapangan profesional juga datang ke Singapura untuk mengembangkan bakat masing-masing. Banyak yang tidak bernasib baik, tidak seperti saya yang terus terjatuh ke pangkuan Utusan Melayu. Mereka menderita dulu dalam hidup lahirnya, menjadi buruh, menjadi mata-mata dan sebagainya. Tetapi dalam hidup batinnya, dalam kehidupan mentalnya mereka berbahagia. Pangkalan besar Singapura memberikan seluas-luas kesempatan bagi mereka untuk muncul ke depan. Akhirnya kita melihat pemuda-pemuda ini menjadi bintang filem, menjadi wartawan, menjadi kakitangan radio dan sebagainya. Beberapa orang daripadanya akhirnya muncul sebagai penulis yang digelar sasterawan.

Pemuda-pemuda yang akhirnya muncul menjadi sasterawan ini belum saya lihat di Singapura waktu saya tiba dalam tahun 1947. Waktu itu majalah *Hiburan*, *Kencana* telah terbit. Demikian juga majalah *Mastika* telah diterbitkan semula oleh Utusan Melayu setelah terhenti penerbitannya dalam masa Jepun. *Hiburan* diselenggarakan oleh Harun Aminurrashid. Demikian juga *Kencana*. Harun Aminurrashid atau Harun Mohd. Amin adalah salah seorang penulis terkenal dari angkatan sebelum perang dan juga menjadi rakan saya dalam pucuk pimpinan PKMM. Kecuali *Kencana* yang diterbitkan dalam tulisan rumi dan membawakan dasar kerjasama kemerdekaan dengan Indonesia, majalah *Hiburan* nampaknya tidaklah begitu tinggi mutunya, baik dari segi isi mahupun dari segi teknik penerbitan. *Hiburan* dikendalikan oleh Harun Aminurrashid untuk memberikan lapangan kepada para pemuda berlatih dalam dunia penulisan dan penerbitan. Penulis-penulis muda yang sedia ada di Singapura seperti Hamzah, MAS (Mohd. Arif Ahmad), Rosemera dan Jymy Asmara bermula dari

Hiburan. Walaupun MAS waktu itu masih menuntut di Tanjung Malim tetapi *Hiburan*lah tempat ia mengasah bakat. Jymy Asmara datang dari Semenanjung bekerja sebagai mata-mata tetapi mempunyai kecenderungan yang kuat untuk menjadi penulis. Beliau merapatkan diri dengan *Hiburan* lalu mendapat ruangan Sahabat Pena untuk diselenggarakannya. Melalui usaha ini Jymy bukan saja memajukan bakatnya sendiri tetapi beransur-ansur mendapat banyak hubungan dengan para pemuda dari semenanjung. Jymy akhirnya meninggalkan jawatannya sebagai mata-mata lalu hidup menderita tetapi lebih bahagia. Saya melihat wajah anak muda yang amat cerah dan tenaga yang amat gigih pada diri Jymy. Penderitaan hidupnya hampir tidak dapat dikesan kalau orang tidak mengetahui apa makanannya waktu tengah hari atau singgah di "kotak" tempat tinggalnya di Geylang. Beberapa orang anggota sahabat penanya kemudian datang ke Singapura dengan cita-cita yang besar, berlabuh dulu di tempat Jymy dan menjadi tanggungan Jymy pula sehingga para pemuda itu memperoleh tempat yang sesuai, sama ada di penerbitan atau di perfileman.

Tenaga di belakang Harun bukan saja para pemuda yang dilatihnya tetapi juga para guru dan penulis yang telah bernama semenjak sebelum perang seperti Mahmud Ahmad dan Buyung Adil yang waktu itu bekerja di Radio Malaya bahagian siaran ke sekolah-sekolah (kedua-duanya telah meninggal). Maka suasana penulisan sastera di Singapura waktu itu memperlihatkan dua aliran yang bercampur-aduk, iaitu hasil yang bernafas baru dan hasil para penulis lama yang menerima isi baru tetapi masih berbaju atau bergaya lama. Bila saya membincangkan karangan saya sendiri dengan Harun Aminurrashid segera saya dapat melihat bahawa Harun sendiri masih kuat bertahan dengan stail lama yang diwarisinya dari Tanjung Malim. Karangan saya itu, sebuah cerpen, dimuat dalam *Kencana* sebelum saya datang ke Singapura, bertemakan perjuangan anak Melayu dalam tentera kemerdekaan Indonesia, masih membawakan isi yang saya kehendaki tetapi stail karangannya banyak sekali diedit oleh Harun.

Demikianlah Singapura beransur-ansur menjadi bertambah penting. Daerah Kampung Jawa - Arab Street, North Bridge Road, Jalan Sultan - dan sekitarnya menjadi pusat bertemunya para pemuda yang sedang demam menulis atau demam politik. Di sekitar daerah inilah terletak penerbit-penerbit Melayu seperti *Royal Press*, *MIBS*, *Ahmadiyah Press*. Wartawan-wartawan Utusan Melayu yang tinggal di Geylang atau Kampung Melayu berhenti dulu

di waktu pagi di Kampung Jawa, sarapan nasi rawan atau nasi jenganan di Jalan Sultan atau Bussorah Street, atau makan kacang pul di North Bridge Road. Waktu sarapan ini ialah waktu pertemuan dengan kawan-kawan dari penerbit-penerbit Melayu itu. Perbincangan-perbincangan kebudayaan, politik dan sastera bermula di situ untuk kemudiannya pada sebelah petang dan malam di sambungan di gerai-gerai Geylang Serai. Saya sendiri waktu itu tinggal menyewa bilik di sebuah rumah di Jalan Sultan bersama seorang kawan dari kampung saya juga yang bekerja menjadi jurukamera di pejabat polis. Tuan rumah itu pun seorang Pegawai Polis Cawangan Khas. Oleh sebab itu rumah saya, walaupun terletak di pusat pertemuan para penulis, tidaklah popular untuk menjadi pusat berbincang. Penulis-penulis dan wartawan merasa diri mereka sama seperti anggota parti politik yang selalu diawasi oleh pihak polis.

Di samping wartawan maka yang paling aktif bergerak di Singapura masa itu ialah guru-guru Melayu. Mereka tidak bergerak dalam parti politik seperti PKMM tetapi dalam kesatuan guru-guru. Dan Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura adalah salah sebuah persatuan guru yang paling progresif di seluruh Malaya waktu itu. Kesatuan Guru Melayu Singapura malah yang terawal menjadikan dirinya sebuah gerakan kesatuan sekerja. Di antara anggota kesatuan guru ini terdapat penulis-penulis yang terkemuka seperti Mahmud Ahmad, Buyung Adil yang bekerja di Radio Malaya bahagian siaran ke sekolah-sekolah, Yusuf Lana, Abdul Rahman Muhammad Said, Jaafar Muhammad, dan banyak lagi. Mereka juga menjadikan Kampung Jawa tempat bertemu. Mereka menulis dalam *Hiburan* di samping dalam *Utusan Zaman*. Mereka juga aktif menyusun dan menerbitkan buku-buku sekolah. Dalam hubungan ini mereka mengelilingi Harun Aminurrashid yang tidak lagi menjadi guru tetapi menjadi rakan penerbit Royal Press yang mengeluarkan buku-buku sekolah dan novel-novel Melayu. Harun adalah salah seorang penulis yang banyak menulis novel pada awal-awal kebangkitan penerbitan lepas perang itu.

Politik Kiri Mulai Terdesak

Saya tidak lama tinggal di Jalan Sultan. Rumah itu tidak sesuai untuk orang yang terlibat dengan parti politik seperti saya. Tetapi saya masih ingin tinggal dalam kawasan Kampung Jawa, letaknya paling menyenangkan. Beberapa orang teman seperti

Melan Abdullah dan Salleh Daud tinggal di Minto Road dan Dr. Burhanuddin dengan Abdullah Zawawi (almarhum), setiausaha agung PKMM yang menggantikan Hamid Abdul, tinggal di Palembang Road bersebelahan dengan Minto Road, kedua-duanya cabang dari Jalan Sultan di hadapan rumah saya. Di samping itu pejabat PKMM masih di No. 10 Bussorah Street. Kelab Kota Raja terletak dalam kawasan Istana Kampung Gelam di belakang Bussorah Street, kelab yang selalu dapat dipinjam untuk mesyuarat-mesyuarat PKMM. Ini semuanya menyebabkan saya masih ingin tinggal di Kampung Jawa tetapi saya perlu pindah. Maka saya dengan Abdullah Zawawi pindah ke Orchard Road, menyewa sebuah bilik di sebuah rumah banglo di Anggulia Park. Tinggal di Orchard Road menaikkan prestasi kami pada pandangan mata kasar. Kawasan itu kawasan orang atasan dan golongan menengah. Yang menyewa bilik di kawasan itu hanya golongan eksekutif saja. Banglo-banglo yang tidak menyewakan bilik kebanyakannya diduduki oleh para eksekutif tinggi atau orang-orang kaya. Saya tidak enak tinggal di situ, terutama kerana hubungan saya dan Abdullah Zawawi adalah kebanyakannya dengan Kampung Jawa dan kawasan Geylang. Namun anggota-anggota PKMM yang ramai juga di daerah Tanglin sekitar Orchard Road merasa gembira. Merekalah yang mendapatkan bilik itu untuk kami.

Pucuk pimpinan PKMM hampir saban malam mengadakan pertemuan. Saya dan Abdullah hampir tidak pernah pulang ke bilik kami melainkan untuk tidur saja. Laporan dari seluruh cabang dan ranting parti di seluruh Malaya menggambarkan tekanan pihak berkuasa makin kuat terhadap PKMM. Tekanan terhadap API sudah hampir mencapai puncaknya. Tidak lama kemudian dalam bulan Jun 1948 Kerajaan mengumumkan undang-undang darurat dan serentak itu pemimpin-pemimpin parti kami di seluruh Malaya, termasuk Ketua Satu kami, Ishak Haji Muhammad, telah ditahan.

Tiap-tiap seorang dari kami, anggota pucuk pimpinan yang tinggal di Singapura segera dikunjungi oleh pihak polis. Tempat tinggal dan juga tempat kerja di pejabat diselongkar. Tetapi tidak seorang pun dari kami yang ditahan. Saya diminta datang ke Ibu Pejabat Polis Cawangan Khas yang terletak tidak jauh dari pejabat Utusan Melayu. Di sana saya disoal berjam-jam lamanya hampir tiap hari selama seminggu. Lepas itu untuk beberapa minggu berikutnya saya kadangkala diminta datang lagi ke Ibu Pejabat

Polis Cawangan Khas tersebut untuk menjawab beberapa pertanyaan. Sepanjang masa itu saya tidak dibenarkan keluar dari Singapura.

Orang yang menyoal saya itu seorang Inggeris, agak kurus tinggi, berpakaian pereman, berkaca mata tebal, bermuka manis dan amat ramah serta sopan. Dia memperkenalkan nama dan pangkatnya kepada saya tetapi sekarang saya sudah lupa semuanya. Hampir seluruh pertemuan saya dengannya dirasakan sebagai pertemuan perbincangan intelektual tentang ideologi politik dan berbagai teknik dan taktik perjuangan. Kadang-kadang kami berbahasa Melayu dan kadang-kadang berbahasa Inggeris. Bahasa Melayunya agak baik juga sama buruknya dengan bahasa Inggeris saya. Dan saya dapat merasakan bahawa ia bersungguh-sungguh untuk menimbulkan kesan pada saya bahawa ia seorang pakar dalam teori komunisme. Ia mengemukakan persoalannya dengan amat sistematik. Ini saya rasa setelah beberapa kali berjumpa dengannya. Mula-mula ia menanyakan hal peribadi saya, di mana dilahirkan, berapa umur dan sebagainya. Kemudian dia merangkak kepada hubungan saya dengan PKMM, hubungan saya dengan orang-orang penting dalam parti, tugas saya dalam pucuk pimpinan. Kemudian dia balik ke Pahang, tentang kegiatan saya masa di sana dahulu. Kemudian, dan ini saya rasa yang benar-benar ingin diketahuinya, ia bertanya tentang orang-orang yang mulanya saya kata kenal dalam parti. Kali ini dia mahu tahu di mana mereka berada. Saya jawab dengan lurus saja. Mana yang ada dalam tahanan saya katakan ada dalam tahanan. Mana yang ada dalam hutan saya katakan ada dalam hutan. Bila ia mahu tahu di mana saya mendapat maklumat tentang di mana mereka berada itu, saya katakan dari Tuan Thompson. Dia bertanya siapa Tuan Thompson. Saya jawab George Thompson ialah Pengarah Perhubungan Raya. Dia tersenyum. Dan saya tahu dia tahu saya ingin berjenaka atau main-main. Tetapi sesungguhnya maklumat tentang perisytiharan undang-undang darurat dan berita-berita sekitarnya termasuk tahanan-tahanan politik serta pelarian orang-orang Partai Komunis Malaya ke dalam hutan semuanya kami dapat dari Pejabat Perhubungan Raya.

Dia membuat satu komen yang agak tajam tetapi membangkitkan ego saya sedikit. Katanya dia telah berpengalaman dalam tugasnya sebagai pegawai penentang ideologi komunis. Dia telah banyak bertukar fikiran secara sukarela atau menyoal orang-orang politik secara rasmi seperti yang dilakukan kepada diri saya

waktu itu, dan dia mendapati bahawa orang-orang politik dari kalangan kesusasteraan (*from literary circle*) lebih jujur, lurus dan kurang pintar berputar-belit. Saya jawab dengan terima kasih yang agak dingin. Dia tersenyum lagi dan mengatakan seterusnya, tetapi orang-orang dari *literary circles* ini kadang-kadang agak sinis. Saya pula terpaksa tersenyum kambing (senyum sinis barangkali dalam tafsirannya) lalu saya minta maaf dan mengatakan dengan sungguh-sungguh bahawa saya sekali-kali tidak bermaksud hendak bersikap sinis. Sebagai orang suratkhabar memang sebenarnya saya mendapat segala berita tentang orang-orang yang ditahan atau yang masuk hutan kerana undang-undang darurat itu adalah semata-mata dari siaran pihak Pejabat Perhubungan Raya.

Penyelidikan atau penyiasatan atas diri saya berakhir setelah kira-kira dua bulan dengan pernyataan dari pegawai itu bahawa saya sudah boleh meninggalkan Singapura kalau mahu. Saya tahu apa yang dicarinya dari saya ialah maklumat-maklumat tentang perhubungan PKMM dengan pihak Partai Komunis Malaya kerana adanya anggota PKMM yang masuk hutan di Temerloh dan lain-lain daerah. Dan dia tidak memperoleh apa-apa kerana saya sebenarnya tidak mengetahui adanya hal seperti itu. Kesimpulan saya bahawa semua anggota PKMM yang masuk hutan itu adalah orang-orang nasionalis yang radikal tetapi bukan komunis. Pada akhir pertemuan saya yang agak menambahkan pengalaman dengan pegawai yang bijak itu dia menegaskan bahawa sungguhpun dia gagal mendapatkan maklumat dari saya tetapi dia tahu memang ada hubungan orang-orang PKMM yang masuk hutan itu dengan pihak Partai Komunis Malaya. Saya menerima keterangannya itu sebagai satu amaran. Dan saya mengatakan bahawa saya akan merasa kecewa kalau keterangannya itu nanti dapat dibuktikannya dengan jujur. Sebenarnya saya ingin memahatkan ke dalam kepalanya bahawa saya adalah seorang pejuang politik kebangsaan dan anti keganasan. Dan tidak lebih dari itu. Saya merasa bahawa pegawai itu memang amat bijak. Walaupun ia ingin hendak tahu sikap saya dan sikap PKMM mengenai pemberontakan Partai Komunis Malaya namun ia tidak menuduh malah tidak menyindir pun bahawa saya secara peribadi mempunyai apa-apa hubungan, apa lagi menyetujui faham dan perjuangan Partai Komunis Malaya. Dan bagi saya sendiri, saya menganggap penyiasatan itu semata-mata kerana saya anggota pucuk pimpinan PKMM dan pernah bergerak di Temerloh di

mana ada anggota-anggota PKMM masuk hutan tatkala undang-undang darurat diisytiharkan.

Partai Kebangsaan Melayu Malaya hampir lumpuh. Pucuk pimpinan tidak mengadakan mesyuarat untuk beberapa waktu sementara dalam penyiasatan polis itu. Kemudiannya usaha-usaha pucuk pimpinan menuntut supaya tiap-tiap pemimpin dan anggota PKMM yang ditahan supaya dibebaskan atau dibicarakan di mahkamah tidak berkesan sama sekali.

Politik Kebudayaan

Dalam kelumpuhan PKMM, dan API telah diharamkan, para pemuda dan para pejuang kebangsaan yang dulu biasa dengan sikap radikal menjadi kehilangan pimpinan dan kehilangan arah. Banyak yang berpindah menjadi anggota UMNO untuk sama-sama mempertahankan isu kebangsaan Melayu dalam kesibukan parti itu menghadapi sikap British yang amat licin dan cerewet. Nyata sekali bahawa British tidak dapat menolak gelombang semangat orang Melayu yang menuntut kemerdekaan tetapi secara amat halus timbullah satu masalah baru di mana kaum-kaum bukan Melayu, kaum Cina terutamanya, mulai menunjukkan kesedaran politik pula. Kemerdekaan Malaya nampaknya tidak akan semudah yang diharapkan kerana kesedaran politik orang-orang Cina ini harus pula dihadapi oleh British dan oleh orang Melayu sendiri. Pada lahirnya kesedaran politik orang-orang Cina ini menambah kekuatan perjuangan kemerdekaan, tetapi batinnya kepentingan perkauman mulai menjadi permasalahan pula, sedangkan British memikirkan kestabilan dan keamanan seluruh rakyat menjadi pokok dan syarat untuk memberikan kemerdekaan itu. Bagaimanapun kemerdekaan mestilah dijanjikan kerana British memerlukan sokongan yang bulat dari rakyat segala kaum untuk menentang pemberontakan komunis.

Bahawa pemberontakan komunis itu didukung oleh anggota-anggotanya yang hampir seluruhnya kaum Cina membolehkan Partai Komunis menyusun strategi politik dan propaganda perkauman untuk mendapat sokongan dari orang-orang Cina. Sebaliknya pihak berkuasa British memerlukan banyak tenaga muda dalam barisan pasukan keselamatan dan ini hanya dapat diperoleh dari pemuda-pemuda Melayu. Masalah bantuan dan sokongan kaum tani Cina kepada pihak penganas komunis

menjadi perkara yang rumit. Mereka ini terpaksa dihadapkan dengan pasukan keamanan dan keselamatan yang rata-rata dianggotai oleh pemuda-pemuda Melayu.

Pemindahan dan penempatan semula petani-petani Cina itu menimbulkan kesan dalam perjuangan politik. Hak-hak politik harus diberikan kepada orang-orang Cina untuk menimbulkan semangat patriotik dan rasa tanggungjawab mereka terhadap negeri ini. Timbullah masalah kerakyatan dalam bentuk tuntutan *Jus Soli*. Ini memperkuat pula tuntutan orang Melayu yang punya hak bahawa negeri ini adalah tanahair mereka yang asasi dan yang tunggal. Tuntutan memelihara hak-hak ketuanan Melayu dan menentang dasar *Jus Soli* menjadi isu besar. Dan dengan demikian pergolakan politik kemerdekaan, politik perkauman dan politik menentang pemberontakan komunis menjadi bertambah seruh.

Dalam perkembangan pergolakan politik seperti itu orang Melayu bertambah tinggi semangat kebangsaannya, bertambah sensitif, malah bertambah sentimental mengenai apa saja yang berhubung dengan Melayu dan Tanah Melayu. Dalam UMNO sendiri masalah perkauman dan hak-hak Melayu menjadi persoalan yang besar di samping masalah politik kemerdekaan yang harus diselesaikan dengan kaum-kaum yang bukan Melayu di satu pihak dan British pada pihak yang lain. Pada akhirnya masalah-masalah inilah yang menyebabkan Almarhum Datuk Onn meninggalkan UMNO lalu mendirikan parti lain. Dan sepanjang masa itu iaitu semenjak PKMM lumpuh dan API diharamkan para pemuda dan para pejuang kebangsaan radikal yang kehilangan pimpinan itu banyak memperkatakan asas-asas perpaduan kebangsaan. Ada yang memandangnya dari segi kebangsaan Melayu semata-mata sesuai dengan slogan-slogan menentang Malayan Union pada peringkat awalnya, ada pula yang mencari asas-asas perpaduan kebangsaan untuk satu bangsa Melayu yang di dalamnya termasuk kaum-kaum lain dari orang Melayu. Bagaimanapun kedua-dua fikiran ini tetap menunjukkan persetujuan untuk mewujudkan asas-asas kebangsaan itu, dan bersetuju juga nampaknya bahawa bahasa Melayulah yang paling sesuai untuk mengikat segala kaum dalam negeri ini menjadi satu. Bahasa Melayu dianggap sebagai asas kebudayaan di samping sebagai alat komunikasi yang paling sesuai untuk mendekatkan persefahaman.

Pemikiran-pemikiran ini kelihatan nyata dalam gerakan kaum guru dan kaum penulis yang banyak menyumbangkan tulisan-tulisan dalam akhbar dan majalah. Golongan politik sering

mendapat desakan dari golongan-golongan guru yang menjadi golongan kuat pula dalam UMNO mengenai soal bahasa ini. Dan soal ini bukan saja dihubungkan dengan politik asas kebangsaan tetapi juga dalam politik pelajaran dan sosial. Maka menerusi pemikiran dan kegiatan-kegiatan ini tumbuhlah satu aliran baru dalam perkembangan gerakan politik orang Melayu yang amat pesat itu. Aliran ini akhir-akhirnya menampakkan kesan dan tekanan yang jelas bila lahirnya banyak pertubuhan-pertubuhan bahasa dan kesusasteraan dan pertubuhan-pertubuhan kebudayaan.

Kemunculan fikiran politik kebudayaan ini berkembang cepat dalam kalangan penulis dan guru-guru yang sedikit sebangkanya melibatkan diri dalam perjuangan kemerdekaan semenjak keadaan darurat belum diisytiharkan lagi. Dalam masa inilah, pertengahan tahun 1948, majalah-majalah dan akhbar-akhbar Melayu termasuk *Majlis* di Kuala Lumpur bertambah memperkatakan hal-hal bahasa dan pelajaran Melayu, di samping hangat dengan soal politik kemerdekaan dan penentangan terhadap pengganas komunis. Dalam masa ini juga mulai banyak novel diterbitkan. Harun Aminurrashid, Ahmad Lutfi, Ahmad Bakhtiar, Ahmad Murad, Abdullah Sidik dan lain-lain mulai produktif kembali. Mereka ini adalah veteran dari tahun-tahun tiga puluhan lagi. Novel-novel itu masih dalam bentuk bercerita cara tahun-tahun tiga puluhan dan empat puluhan sebelum perang namun kebanyakannya membawakan kisah-kisah keperwiraan, aspirasi kedaulatan dan moral Melayu. Dan kebanyakannya merupakan semacam peninjauan kembali terhadap pengalaman orang Melayu dari zaman Melaka dan zaman pendudukan Jepun yang menonjolkan ketahanan kebudayaan Melayu yang berdiri di belakang ketabahan orang-orang Melayu melalui zaman-zaman yang hebat itu.

Mastika Berubah Corak

Sementara itu kami di *Utusan Melayu* yang mengikuti dengan teliti perkembangan politik, percakaran perkauman dan sebagainya menjelang tertubuhnya kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menggantikan Malayan Union pada bulan Februari 1948 itu merasa megah dengan harian *Utusan Melayu* dan mingguan *Utusan Zaman* mendapat sambutan hangat dari para pembaca, tetapi merasa amat

kecewa majalah *Mastika* makin merosot kerana adanya saingan yang hebat dari majalah-majalah lain di sekitar Kampung Jawa.

Edrus dan Hamdam yang bertugas menjaga *Mastika* waktu itu tidak dapat berbuat apa-apa walaupun dengan bantuan fikiran dari kawan-kawan yang lain untuk memajukan kembali *Mastika*. Saya sendiri berpendapat *Mastika* terlalu berat dengan makalah-makalah yang dikemukakan dalam bentuk majalah-majalah sebelum perang, yang agak banyak khutbahnya. Pemuda-pemuda Melayu waktu itu sudah mulai terpengaruh oleh macam-macam gaya hidup baru dan mulai didesak oleh keadaan keliling yang senantiasa bergerak cepat. Dan dalam banyak hal pemuda-pemuda Melayu ramai yang memerlukan bacaan ringan kerana mereka ramai yang bertugas menyabung nyawa dalam peperangan menentang pegganas. Filem-filem Melayu mendapat sambutan yang hangat waktu itu.

Setelah berdirinya kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, kerajaan British mengundang wartawan-wartawan Malaya yang kanan-kanan untuk melawat England. Sudah tentu tujuannya untuk memberi gambaran baru kepada wartawan-wartawan ini tentang hasrat British hendak mempertahankan negeri Melayu dari ancaman komunis dan akhirnya hendak memberi kemerdekaan penuh. Dari Utusan Melayu dipilih Yusuf Ishak sendiri. Sebelum beliau berangkat telah dipesankannya kepada Ungku Hassan (Pengurus) dan A. Samad Ismail (Pengarang) bahawa dia hendak melihat *Mastika* meningkat maju apabila dia kembali dari London kelak. Pesannya kalau tidak ada jalan untuk menaikkan naskhah sirkulasi *Mastika* kepada 10,000 maka bolehlah ia ditutup saja. Menurut beliau penerbitan majalah kurang dari 10,000 akan merugikan dan dia tidak mahu *Utusan Melayu* dan *Utusan Zaman* menjadi sukar perjalanannya oleh sebab terpaksa menampung kerugian *Mastika*.

Sebaik saja Yusuf Ishak bertolak ke England, Samad mengemukakan kalau saya sanggup mengambilalih pengendalian *Mastika* sepenuhnya untuk menaikkan naskhah sirkulasinya. Pada mulanya saya tidak sanggup kerana kalau Hamdam dan Edrus yang banyak pengalaman itu tidak sanggup saya rasa saya tidak punya can sama sekali. Tetapi akhirnya saya ingin mencuba dengan syarat *Mastika* dijadikan majalah cerita pendek semata-mata dan saya mahu kulitnya memakai warna penuh di atas kertas arts. Samad dalam kesangsiannya dapat menerima cadangan saya itu kerana dia juga melihat kecenderungan para pemuda Melayu yang ingin

bacaan ringan dan hiburan waktu itu. Kulit berwarna yang dihiasi dengan gambar-gambar bintang filem tentu akan menarik perhatian golongan tersebut. Tetapi Ungku Hassan tidak mudah diyakinkan kerana ia telah mengira kos penerbitan dengan kulit kertas arts berwarna itu akan memakan belanja yang tinggi.

Pada dasarnya saya mengemukakan cadangan itu di samping untuk menaikkan jualan *Mastika*, juga berharap untuk mempopularkan lagi bacaan kesusasteraan ringan di kalangan pemuda. Saya mendapat tentangan dari beberapa orang kawan yang menyangka saya hanya berfikir untuk memenuhi kehendak En. Yusuf, tetapi saya menyatakan dengan terus terang cadangan saya itu hanya untuk sementara supaya *Mastika* jangan sampai mati. *Mastika* telah banyak berjasa kepada orang Melayu. Majalah itu semenjak mula diterbitkan pada masa sebelum perang dulu merupakan sebuah majalah yang agak baik dan agak berisi. Menurunkannya kepada majalah cerita semata-mata tentulah merupakan satu langkah mundur. Tetapi menutupnya bererti mundur seribu langkah. Akhirnya cadangan itu diterima. Dan saya sendiri berharap dan berdoa moga-moga usaha ini akan berhasil. Apa yang sebenarnya saya harapkan ialah pada suatu masa kelak Malaya akan mempunyai sebuah majalah kesusasteraan yang baik yang menyiarkan cerpen, sajak, drama dan makalah-makalah kesusasteraan yang penting. Ini akan memupuk dan menyuburkan perkembangan kesusasteraan Melayu dalam usaha menghidupkan bahasa Melayu sebagai asas kebudayaan Malaya. Fikiran-fikiran ini menjadi perbincangan antara kami di Utusan Melayu yang waktu itu walaupun dianggap satu cita-cita yang baik tetapi masih dirasakan terlalu ideal.

Bila Yusuf Ishak kembali dari England beliau terkejut melihat *Mastika* bermuka baru. Dia sendiri belum pernah mengkhayalkan sebuah majalah Melayu dengan kulit kertas arts empat warna yang boleh dikatakan baik percetakannya. Sebenarnya keluaran yang mula-mula dilihatnya ialah keluaran yang kelima yang sudah banyak majunya dari keluaran bentuk baru yang pertama. Kemudiannya bila dia melihat keluaran pertama itu dia tertawa besar kerana wajah Kasma Booty bintang filem utama yang paling jelita waktu itu kelihatan tidak karuan sama sekali. Pemisahan warnanya tidak betul, registrasi percetakannya juga tidak betul. Maklumlah percubaan kami yang pertama mencetak tiga warna. Sebenarnya keluaran pertama itu menimbulkan banyak masalah. Kami terpaksa meminta maaf kepada Kasma Booty kerana gam-

barnya yang tidak karuan itu. Seperti kami beliau pun tidak senang melihat wajahnya yang jelita menjadi tidak karuan tetapi seperti kami juga dia akhirnya ketawa mengenangkan kurangnya pengalaman penerbit Melayu amnya dan Utusan Melayu khasnya dewasa itu. *Mastika* ialah di antara majalah Melayu yang pertama memakai kulit kertas arts penuh warna. Yusuf Ishak juga sedar akan hal tersebut. Dia tidak apa-apa, malah menghargakan inisiatif kami itu. Dia lebih senang lagi bila Ungku Hassan melaporkan bahawa *Mastika* telah beransur naik jualannya. Pada waktu dia pulang dari England itu *Mastika* telah meningkat kepada 9,000 naskhah. Beliau yakin dan kami semua yakin sebelum 1948 berakhir *Mastika* akan melangkah bendul 10,000. Dan ini memang terbukti kemudiannya.

Cerita gambar kulit *Mastika* itu hanyalah sekadar mengingatkan satu kenangan yang menggelikan dalam kegilaan kami di Utusan Melayu untuk mencari jalan kemajuan cita-cita kami sebagai penulis di samping memikirkan pula kehidupan Utusan Melayu sebagai sebuah syarikat penerbitan akhbar penting kepunyaan orang Melayu. Yusuf Ishak adalah orang yang paling praktikal, paling *business minded* dan paling amanah memikul tanggungjawabnya. Dia tidak suka orang Melayu berkhayal dengan cerita-cerita rekaan dan dia sangat cemburu dan khuatir melihat A. Samad Ismail yang sangat disegani dan dihormatinya itu terikut-ikut bersastera. Samad mendorong semangat saya dan kawan-kawan yang lain dalam masa awal-awal menjadikan *Mastika* majalah cerita itu. Dia sendiri menterjemahkan banyak cerita pendek karya penulis-penulis Barat yang terkenal, seperti karya Anton Chekov, Alberto Moravia dan lain-lain. Saya sendiri mulai gila menulis cerpen dengan lebih giat. Sekurang-kurangnya dua cerita untuk *Mastika* dalam sebulan di samping untuk *Utusan Zaman*. Dan untuk mengimbangkan cerita-cerita romantik yang tidak digemari oleh Yusuf Ishak itu saya muatkan juga cerita-cerita ditektif. Tetapi oleh kerana tidak ada penulis cerita ditektif yang menghantarkan karangan maka saya minta tolong pada ZABHA yang sekali sekala menulis cerita "Inspektor Saruan". Tetapi ZABHA tidak cukup produktif lalu saya sendiri menjadi Mr. X (Mr. Eks) melahirkan sekurang-kurangnya satu cerita ditektif sebulan. Jadilah *Mastika* sebuah majalah cerita yang memuat segala jenis cerita pendek, termasuk yang berat dan tinggi mutunya iaitu terjemahan karya-karya penulis Barat yang terkenal, cerita-cerita romantik idealis yang berunsur perjuangan dan cerita-cerita

ditektif yang semata-mata menghibur.

Sahabat-sahabat yang agak serius jalan fikirannya, baik yang sama-sama bekerja di Utusan Melayu mahu pun yang di luar Utusan, termasuk kawan-kawan seperjuangan yang sedang lumpuh di Tanah Melayu, menganggap *Mastika* telah dijatuhkan mutunya menjadi majalah sastera rojak. Tetapi setelah diberi penjelasan banyak juga yang menaruh keyakinan terhadap cita-cita saya untuk satu hari kelak melihat tumbuhnya kecenderungan kepada kesusasteraan dalam kalangan rakyat secara lebih serius melalui penerbitan yang lebih serius pula. *Mastika* yang diubah bentuknya menjadi majalah cerita masa itu bagi saya adalah satu titik permulaan.

Bagaimanapun, saya bersyukur kepada Tuhan bahawa *Mastika* yang menimbulkan kontroversi senyap dalam kalangan kawan-kawan penulis dan kawan-kawan politik itu meningkat maju dan menjadi sebuah majalah yang mengatasi kepopularan majalah-majalah lain sehinggalah dua tiga tahun kemudian bila timbul pula inisiatif baru di kalangan penerbit-penerbit komersil dengan majalah bercorak filem dan hiburan melulu.

Demikianlah Singapura sebagai pengkalan, sebagai *base* yang besar untuk segala lapangan hidup, telah menghidupkan satu pemikiran dan usaha baru yang mengarah kepada lahirnya perjuangan para penulis dan para guru. Pada hakikatnya pembentukan fikiran dan sikap baru ini berhubung langsung dengan cita-cita kebangsaan dan perjuangan kemerdekaan. Kaum guru melalui pertubuhan mereka di seluruh Semenanjung dan Singapura bertambah banyak memperkatakan langkah-langkah perjuangan memajukan dan mendaulatkan bahasa Melayu. Kaum penulis, terutama yang banyak terlibat atau menjadi pengikut pergolakan politik yang sudah agak terbatas langkahnya dalam parti-parti politik sendiri mulai berbicara dan berbincang tentang kebudayaan amnya dan bahasa khususnya. Maka bermulalah slogan-slogan "Bahasa Jiwa Bangsa". Dan dalam kalangan penulis-penulis muda dan tua yang sering bertemu di kawasan Kampung Jawa dan juga di kawasan Geylang Serai itu topik tersebut sering menjadi perbincangan. Tetapi slogan "Bahasa Jiwa Bangsa" ini masih lagi dalam peringkat perbincangan dan pemikiran. Belum ada apa-apa gerakan yang terbit darinya. Tulisan-tulisan yang bernas mengenainya pun belum banyak tersiar.

Perhubungan lewat pembacaan dengan Indonesia dan lewat pertemuan-pertemuan peribadi dengan para penulis, pejuang

politik dan cerdas pandai Indonesia yang sering mengunjungi Singapura juga membangkitkan semangat "Bahasa Jiwa Bangsa" itu. Selain dari menginsafi bahawa bahasa Melayu adalah juga bahasa Indonesia, juga disedari bahawa bahasa telah memegang peranan penting menyatukan 100 juta rakyat negara itu semenjak Sumpah Pemuda tahun 1928.

Bagi orang-orang seperti saya yang dari mula memasuki lapangan politik dan persuratan terpesona oleh cita-cita Melayu Raya atau Indonesia Raya fakta persamaan bahasa dan kebudayaan orang Melayu dan rakyat Indonesia itu bukanlah perkara baru. Itu adalah satu daripada fakta sejarah yang membuktikan wujudnya asas-asas kebangsaan yang satu di antara rakyat di kepulauan Melayu. Tetapi kesedaran yang akhir ini sudah lain aspeknya dari kesedaran kebangsaan Melayu Raya dahulu itu. Kesedaran sekarang melulu memandang bahasa Melayu itu mempunyai potensi yang kukuh untuk mengasaskan persefahaman antara kaum di Malaya dan dari situ mewujudkan asas kebangsaan. Justeru perpaduan kebangsaan amatlah diperlukan untuk sebuah negara yang sedang diperjuangkan kemerdekaannya. Ringkasnya fakta persamaan bahasa khasnya dan kebudayaan amnya antara orang Melayu dengan rakyat Indonesia dalam perjuangan konsep Melayu Raya adalah merupakan unsur penyokong cita-cita politik manakala dalam perjuangan kemerdekaan Malaya bahasa dan kebudayaan itu menjadi pokok untuk kestabilan politik kebangsaan. Demikianlah kira-kira jalan fikiran kebanyakan para penulis dan sebahagian besar para guru dan juga ahli-ahli politik Melayu dewasa itu. Saya dapat merasakan ini melalui perbincangan-perbincangan dan pertukaran fikiran dengan orang-orang dari golongan-golongan tersebut, tetapi dalam program perjuangan belum kelihatan masalah itu ditimbulkan dengan serius.

Menoleh ke belakang sedikit dapatlah dirasakan bahawa fakta bahasa ini sudah pun menjadi asas politik negara merdeka yang dituntut oleh golongan kiri Melayu (PUTRA) dan diterima oleh golongan bukan Melayu (AMCJA) dan dimaktubkan dalam draf Perlembagaan Rakyat yang dikemukakan kepada kerajaan British sebagai penentang kepada Perlembagaan Persekutuan yang disusun oleh sebuah Jawatankuasa Kerja Perlembagaan tajaan Inggeris dan UMNO untuk menggantikan *Malayan Union*. Sebagai telah dimaklumi Perlembagaan Rakyat itu tidak berjaya sama sekali. Sebaliknya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang

mengembalikan taraf Tanah Melayu kepada *status-quo* sebelum perang itulah yang diterima oleh British untuk memenuhi tuntutan rakyat menolak *Malayan Union*.

PENGARUH INDONESIA

SEBAGAIMANA telah saya ceritakan dalam bab "Pendahuluan" buku ini bahawa saya berpendidikan menengah dari Indonesia melalui sistem pendidikan yang tidak memisahkan antara pelajaran agama dengan pelajaran ilmu-ilmu umum. Sekarang ini setelah hampir empat puluh tahun saya mencempungkan diri dalam kehidupan dewasa (lepas sekolah) saya merasa dengan yakin bahawa saya selamanya dipimpin oleh asas-asas pendidikan dan pelajaran itu. Kadang-kadang saya merasa agak terasing dari arus khalayak ramai baik dari golongan terpelajar Barat mahupun dari golongan terpelajar agama. Saya merasa mengikuti arus tersendiri yang kadang-kadang dimengerti dalam golongan para terpelajar Barat tetapi tidak dimengerti dalam golongan para terpelajar Islam dan kadang-kadang sebaliknya, dimengerti dalam golongan terpelajar Islam tetapi tidak diterima dalam golongan terpelajar Barat. Saya merasa sukar untuk menyelaraskan jalan fikiran saya. Saya rasa pokok dilema ini ialah, pertamanya, kerana saya gagal mencapai ilmu pengetahuan secara formal lebih dari pelajaran menengah dan, keduanya, barangkali kerana sistem pendidikan dan pelajaran di negeri ini — sehingga ke akhir-akhir ini — memisahkan pendidikan dan pelajaran agama dari ilmu pengetahuan umum dari Barat sehingga melahirkan dua golongan terpelajar yang tidak kenal mengenal. Hal ini berlaku terutamanya dalam aspek-aspek dasar pemikiran di mana para terpelajar Barat jahil tentang asas-asas pemikiran Islam dan para terpelajar Islam jahil tentang asas-asas Barat. Malah saya pernah dalam beberapa hal melihat golongan yang dikatakan terpelajar Islam itu begitu sempit fahamnya tentang asas-asas pemikiran Islam sendiri dan demikian juga sebaliknya golongan yang dikatakan terpelajar Barat itu

menutup mata terhadap perkembangan asas-asas pemikiran Barat sendiri yang bertambah maju dan bertambah memerhatikan asas-asas pemikiran Islam. Banyak saya temui cara berfikir orang yang Islamnya hanya sentimen saja atau Baratnya hanya sentimen melulu. Kecuali sebilangan kecil para pelajar Barat dan sebilangan kecil para terpelajar Islam yang benar-benar mengerti perbezaan atau persamaan antara dua asas pemikiran tersebut.

Dalam hubungan dengan sastera pada mulanya banyak orang berfikir bahawa saya seratus peratus terpengaruh oleh sastera dan bahasa Indonesia. Ini memang ada benarnya kerana saya belajar bahasa secara formal hanya bila telah duduk di bangku sekolah menengah dan kolej di Indonesia. (Saya lupa menyebutkan pada permulaan buku ini bahawa saya belajar di Indonesia selama tujuh tahun). Saya belajar dari buku Madung Lubis dan tidak dari Za'ba, tetapi saya telah belajar bacaan *Penimbau Akal* masa di sekolah Melayu itu menjadikan saya secara tradisi menerima kesan pokok dari rasa bahasa Melayu Malaya. Demikian juga memang benar saya mengenal *Dian Yang Tak Kunjung Padam* dan *Layar Terkembang* lebih dahulu dari mengenal *Putera Gunung Tahan* tetapi juga telah menerima rasa cipta sastera Melayu kuno di sekolah Melayu melalui *Canai Bacaan, Pelbagai Ceritera Melayu* dan *Hikayat Abdullah*.

Bagaimanapun, waktu saya baru kembali dari Sumatera saya mendapati karangan-karangan dalam majalah dan akhbar Melayu, demikian juga buku-buku cerita Melayu seperti karangan-karangan "purbakala" yang tidak menarik sama sekali. Inilah kesan atau barangkali pengaruh dari pendidikan dan pelajaran serta pembacaan dalam umur belasan tahun waktu saya di Indonesia. Pada hakikatnya saya tidak hanya terpengaruh seperti kebanyakan rakan-rakan saya yang menulis selepas perang mendapat pengaruh dari pembacaan mereka, dari hasil Balai Pustaka, Pujangga Baru dan seterusnya Angkatan '45. Saya terlibat langsung dengan perkembangan itu semenjak dari bangku sekolah lagi. Saya mulai menulis cerita pendek waktu masih berumur enam belas tahun di Sumatera di waktu saya menjadi "pemuja" Pujangga Baru, kalau tidak lebih sekurang-kurangnya sama dengan beberapa orang teman anak Indonesia sendiri yang sama-sama belajar dengan saya.

Saya menghormati dan meminati Ishak Haji Muhammad, A. Samad Ismail dan Masuri S.N. kerana mereka itulah di antara para penulis Melayu yang muncul dalam zaman Jepun membawakan nafas sastera ala Pujangga Baru secara sedar atau tidak sedar. Saya

katakan secara sedar atau tidak sedar kerana kemungkinan pada Ishak dan Samad pengaruh gaya dan isi itu datangnya dari Barat seperti pengaruh yang datang kepada penulis-penulis Pujangga Baru itu sendiri. Jadi bukan langsung pengaruh dari Indonesia seperti yang berlaku, saya kira, pada Masuri S.N.

Selepas lumpuhnya PKMM dan API, cerita-cerita pendek dan sajak yang berbau politik Malaya-Indonesia makin hilang tetapi konteks para penulis muda di Singapura dengan pembacaan dari Indonesia bertambah luas. Dan seperti telah saya sebut sebelum ini politik kebudayaan yang berpokok pada bahasa mulai timbul. Dengan demikian perhatian terhadap hubungan bahasa dengan Indonesia berjalan terus walaupun dalam bentuk dan premis yang lain. Gejala inilah yang timbul makin hari makin hebat dalam penulisan sajak dan cerpen. Majalah-majalah yang tidak begitu mementingkan mutu penuh dengan karangan-karangan yang meniruniru gaya Indonesia. Sajak-sajak dan cerpen penuh dengan "sembari", "kendati", "lantaran", "nian", "samadi", "nirwana", "busa", "bisa", "mungkin", "puspa", "kembang" (untuk bunga), "rembulan" (untuk bulan), "mentari" (untuk matahari), "Lazuardi" dan beratus-ratus lagi. Kadang-kadang sifat meniruniru itu ternyata sekali kerana kata-kata itu disalah gunakan dan disalah-tempatkan, menunjukkan penulisnya tidak tahu sebenarnya erti dan makna perkataan itu. Dalam kalangan pembaca pun banyak berlaku kekeliruan kerana kurang faham dan kerana kata-kata itu ditulis dengan tulisan jawi sehingga kata "bubar" misalnya dibaca "bubur", "buruh" dibaca "boroh", "kuno" dibaca "kunu", "konco" dibaca "kuncu" dan sebagainya. Pendeknya kelim kabut sekali pemakaian kata-kata Indonesia itu.

Akibat dari keadaan ini timbullah dua macam pandangan terhadap penulis-penulis muda dewasa itu. Pertama dari kalangan penulis muda sendiri yang benar-benar mengikuti perkembangan bahasa dan sastera Indonesia secara sedar. Mereka berhadapan dengan kawan-kawan sendiri yang agak 'sembrono' saja menggunakan gaya bahasa Indonesia dalam karangan-karangan mereka. Kedua dari kalangan penulis-penulis dan peminat-peminat bahasa golongan lama yang menentang bukan kerana kesalahan peniruan itu tetapi kerana menganggap perbuatan menulis gaya Indonesia itu adalah perbuatan yang memalukan dan merosakkan persuratan Melayu. Kami di Utusan Melayu amnya, mingguan *Utusan Zaman* dan majalah *Mastika* khususnya mencuba menghadapi kedua-dua golongan tersebut. Usaha ini bukanlah

mudah kerana ia melibat sikap dua golongan yang ekstrim. Sikap golongan muda yang ekstrim peniruannya dan sikap golongan lama yang ekstrim kekolotannya. Kedua-duanya tidak mudah melihat cahaya kebenaran kerana yang satu kekurangan ilmu pengetahuan bahasa dan yang satu lagi kekurangan kesedaran politik kebudayaan. Golongan yang pertama itu akhirnya sedar sendiri bila hubungan dengan bahan-bahan bacaan dari Indonesia bertambah banyak, baik buku-buku novel, majalah-majalah umum dan sastera, mahupun buku-buku pelajaran tatabahasa. Tetapi golongan kedua, iaitu golongan lama, kekal dengan pendapat mereka, yang saya kira sampai sekarang pun masih ada saki bakinya yang menunjukkan sikap yang sama terhadap apa yang dikatakan peniruan gaya Barat serta pengambilan kata-kata Inggeris.

Musim Novel

Sehubungan dengan bertambah ramainya para penulis muda memenuhi ruangan cerita pendek dan sajak dalam berbagai majalah dan akhbar dan sehubungan pula dengan penentangan golongan lama terhadap gaya penulisan penulis-penulis muda ini maka beberapa tokoh lama yang sudah terkenal semenjak sebelum perang tampil semula menulis novel. Syed Edrus yang meninggalkan Utusan Melayu setelah berlaku perubahan majalah *Mastika* menjadi majalah cerita pendek itu segera mendirikan perusahaan penerbitannya sendiri. Edrus adalah seorang veteran *all round* yang boleh menyusun huruf, menjalankan mesin cetak, menjilid, mengarang, menyunting dan juga berniaga buku. Dia meninggalkan Utusan Melayu bukanlah kerana *Mastika* sudah diubah menjadi majalah cerita pendek saja, tetapi ia merasa pertentangan pendapatnya dengan Utusan Melayu pada keseluruhannya sudah bertambah luas. Beliau adalah seorang yang amat kuat memegang prinsipnya, terutama tentang agama. Ia seorang yang "muda" pandangannya tentang Islam tetapi agak ketat dan tidak dapat bertolak ansur dalam apa hal jua pun. Pada dasarnya dia ingin memimpin fikiran umum ke arah agama mengatasi politik atau kebudayaan atau apa saja. Kalau ia melihat perkembangan politik orang Melayu maka yang dilihatnya ialah segi penerapan dasar-dasar Islam dalam politik itu. Sebenarnya ia telah diberi kesempatan memajukan *Mastika* tetapi caranya mengarang tentang hal-hal agama dalam *Mastika* itu masih cara

lama, agak terlalu didaktik dan meleret-leret. Gaya seperti itu kurang diminati oleh para pembaca yang sudah mula tertarik dengan cara penulisan baru. Lagi pula ia lebih banyak menentang dari memimpin. Selain dari itu ia kurang serasi dengan pergaulan para wartawan yang muda-muda. Dengan Yusuf Ishak sendiri ia mempunyai pergeseran lama yang berkesan dari zaman *Warta Malaya* dulu. Seperti diketahui Encik Yusuf adalah salah seorang penganjur yang melahirkan Utusan Melayu untuk menentang *Warta Malaya*. Penentangan terhadap *Warta Malaya* itu terbit dari faham kebangsaan sempit orang Melayu menentang pengaruh orang keturunan Arab dan India Muslim dalam segala lapangan sehingga orang Melayu merasa menjadi bangsa kelas dua oleh pengaruh orang-orang keturunan Arab dan India itu. Seperti diketahui *Warta Malaya* adalah kepunyaan seorang hartawan Arab dan pemimpin kaum terkemuka di Singapura. Edrus sendiri adalah keturunan Arab dan mulanya sama-sama bekerja dengan Encik Yusuf dalam *Warta Malaya*. Pergeseran lama itu masih dapat timbul bila-bila masa ada pertentangan lain seperti kedudukan Edrus dalam Utusan Melayu waktu itu.

Edrus segera mengarang buku, mengomposnya sendiri dan mengupah percetakan bahan yang sudah dikompos dan dimekap itu. Dia membeli huruf-huruf timahnya sendiri. Ini menurutnya adalah langkahnya yang pertama sementara mendapatkan modal untuk menubuhkan sebuah percetakan sendiri. Dengan ketabahan dan kecekalannya yang luar biasa ia akhirnya berjaya sehingga kemudian mendirikan percetakan *Qalam* dengan majalah agamanya yang terkenal *Qalam*. Dengan memakai nama Ahmad Lutfi dia banyak sekali menulis dan menerbitkan buku, termasuk novel-novel kritik masyarakat. Sayangnya dalam tahun-tahun lima puluhan novel-novelnya dianggap agak "lucah" pada waktu itu. Sebenarnya tujuannya ialah untuk menggambarkan kejatuhan moral dan memberikan nasihat-nasihat agama untuk membaiki kejatuhan moral itu secara didaktik.

Di samping Edrus, Harun Aminurrashid juga banyak menulis novel. Novel-novel Harun kebanyakannya menyingkap kebudayaan kaum di Kalimantan Utara di mana dia bekerja pada masa sebelum perang. Harun juga menulis novel-novel berunsur sejarah yang menggambarkan kegemilangan dan keberanian orang Melayu. Dia jelas sekali ingin menghidupkan semangat kebangsaan Melayu.

Dari Tanah Melayu lahir pula banyak novel dari penulis-penulis veteran seperti Ahmad Murad, Ahmad Bakhtiar, Abdullah

Sidik, Mashur Malaya dan lain-lain. Kebanyakannya berupa novel sejarah yang meninjau kembali kebesaran dan kegagahan orang Melayu zaman Melaka. Sedikit-sedikit novel yang menceritakan pergolakan masyarakat kontemporari. Dan hampir kesemuanya novel percintaan belaka.

Terbit dari kebangkitan penulis-penulis veteran dengan novel-novel itu, penulis-penulis muda pun menulis novel juga. Di antaranya Hamzah, Rosmera, Wijaya Mala dan lain-lain. Masing-masing menulis satu dua novel dalam tahun 1948-49 itu. Saya sendiri mencuba menulis sebuah novel tahun 1949.

Pada keseluruhannya penulisan novel oleh para penulis lama itu adalah merupakan satu pertunjukan semangat lama untuk menggandingi kepesatan penulisan penulis-penulis muda dalam lapangan cerpen dan sajak. Melihat kepopularannya nyatalah novel-novel belum mendapat sambutan yang luas dalam kalangan masyarakat. Ini mungkin kerana gaya penulisannya masih cara lama atau kerana memang semangat membaca belum begitu meluas di kalangan orang Melayu. Mungkin kedua-duanya. Novel-novel karangan penulis-penulis muda yang memilih tema kemasyarakatan semasa itu pun kurang mendapat sambutan juga. Jika dikaji dari segi pengolahannya novel-novel karangan para penulis muda itu masih juga agak terikat pada gaya lama. Walaupun gaya bahasanya sudah agak bernafas baru namun ia masih terlalu romantik. Tekniknya masih terlalu lemah jika dibandingkan dengan novel-novel dari Indonesia.

Novel saya *Korban Kesuciannya* mendapat sambutan yang agak lumayan juga tetapi saya rasa sambutan itu mungkin kerana nama Keris Mas yang sudah agak lama popular dan bukan kerana kejayaan novel itu sendiri. Novel itu seratus peratus romantik dan idealistik. Bahasanya berbunga-bunga dengan kiasan-kiasan dan penggambaran suasana yang amat sentimental. Seorang peminat Keris Mas yang paling romantik dan idealis dari kota Melaka yang menamakan dirinya Tongkat Warrant menulis kepada saya. Antara lain katanya: "Buku *Korban Kesuciannya* paling mengesankan jiwa saya tentang cinta, tentang bahasa dan tentang sastera. Saya tak dapat melupakan nama Busu yang saya bayangkan sekali orangnya, entah siapa. Bahasa *Korban Kesuciannya* cukup mempengaruhi saya, gambaran-gambaran tentang hubungan Busu dengan kekasihnya, surat Busu dengan bahasa yang begitu indah menggambarkan Aminah sebagai bunga yang kembang di hujung dahan tak tercapai oleh tangan Busu yang melata di bumi...."

Demikian komen anak muda Tongkat Warrant yang baru belajar-belajar menulis dari kota Melaka tahun 1949 (29 tahun yang lalu). Bagaimana agaknya komen Tongkat Warrant sekarang ini?

Aminuddin Baki (almarhum) yang waktu itu menjadi mahasiswa di *Raffles College* Singapura menulis dalam *Utusan Zaman* mengenai buku *Korban Kesuciannya* dengan panjang lebar.

Ulasan Aminuddin Baki, yang dalam zaman sekarang boleh dinamakan kritik itu, memberikan kepada saya banyak pelajaran dan pemikiran. Terutama bila saya membandingkan *Korban Kesuciannya* dengan novel-novel Indonesia yang lama dan terbaru masa itu, saya tidak habis memikirkan betapa jauh rendahnya mutu usaha saya. Dan bila saya membandingkan dengan novel-novel Inggeris yang hampir saban hari saya baca, saya merasa bahawa saya adalah penulis yang paling bebal di dunia ini. Saya tidak mengerti mengapa novel-novel Indonesia dan novel-novel Inggeris itu tidak mempengaruhi saya, tidak menambahkan kemahiran saya. Sayang sekali tidak banyak kaum terpelajar yang punya perhatian terhadap sastera Melayu dewasa itu seperti Aminuddin Baki.

Novel-novel lain karangan sahabat-sahabat saya penulis-penulis muda dalam tahun 1948, 1949 dan 1950 itu saya dapati tidak banyak bezanya dengan *Korban Kesuciannya*. Barangkali ada yang lebih baik tetapi tarafnya adalah sama, dalam bentuk dan isi serta teknik yang tidak banyak berbeza. Pada keseluruhannya musim novel yang memuncak dalam tahun-tahun 1948, 1949 dan 1950 itu belumlah membawakan sesuatu pembaharuan yang bererti walaupun sudah ada beza teknik, bahasa dan temanya dari novel-novel karangan para penulis lama yang juga banyak menulis dalam tahun-tahun tersebut.

Buku dan Penulis

Kira-kira tahun 1949 *Utusan Melayu* semakin popular dalam kalangan pembaca. *Utusan Zaman* dan *Mastika* juga menjadi bacaan yang amat terkenal di antara kebanyakan akhbar-akhbar mingguan dan majalah di seluruh Malaya. Ini adalah hasil dari dedikasi para pekerja, para wartawan dan terutama sekali kejujuran pihak pentadbir menjalankan perniagaannya. Beberapa orang wartawan yang cekap dari ibu pejabat di Singapura dipindahkan ke Kuala Lumpur dan Pulau Pinang menyebabkan war-

tawan-wartawan yang tinggal di Singapura bertambah sibuk. Saya sendiri, di samping menjadi penolong kepada Pengarang mengendalikan *Utusan Zaman* dan *Mastika*, diberi pula tugas tambahan menjaga satu muka *Utusan Melayu*, iaitu halaman "Mimbar Pembaca". Kadang-kadang disuruh pula menulis rencana pengarang *Utusan Zaman* dan *Utusan Melayu*. Tetapi saya tidak diberi tanggungjawab penuh sebagai penulis rencana pengarang itu. Barangkali saya sedang dilatih, kerana menulis rencana pengarang memerlukan banyak pengalaman dan pengetahuan tentang berbagai aspek berita dan isu-isu masyarakat yang penting. Rencana pengarang *Utusan Melayu* bukan saja menjadi cermin dasar suratkhbar itu tetapi juga menjadi bayangan fikiran umum rakyat Melayu. Rencana pengarang *Utusan Melayu* dan *Utusan Zaman* sering menimbulkan perhatian pemerintah. Bukannya perkara luar biasa Encik Yusuf Ishak dipanggil oleh pihak berkuasa bahkan ada kalanya oleh General Templer sendiri bersabit dengan rencana pengarang tertentu yang menyentuh dasar kerajaan atau kena mengena dengan undang-undang darurat yang amat ketat waktu itu. Dan oleh kerana *Utusan Melayu* dahulunya menjadi penyokong perjuangan kemerdekaan pihak kiri yang dipelopori oleh PKMM sedangkan undang-undang darurat pertama-tamanya mengawal pergerakan dan semangat perjuangan kiri itu dari menjadi alat komunis, maka sudah tentu *Utusan Melayu* sendiri menjadi perhatian pihak berkuasa setiap masa. Jika saya disuruh menulis rencana pengarang, hal-hal tersebut senantiasa diingatkan. Saya menjadi agak kaku dan merasa tugas itu amat berat.

Tugas-tugas baru ini bukan saja menjadikan saya bertambah berhati-hati dan lebih banyak mengkaji setiap siaran kerajaan tetapi juga lebih banyak menghabiskan waktu di pejabat. Kadang-kadang saya tidak berjumpa kawan-kawan penulis di sekitar Kampung Jawa berhari-hari lamanya. Dan setiap kali saya mendapat peluang berkeliaran di Kampung Jawa saya dapati buku-buku dan majalah-majalah dari Indonesia bertambah banyak jumlahnya di kedai-kedai buku. Kedai MIBS khususnya menjual segala rupa penerbitan dari Indonesia yang terbaru. Saya diberitahu oleh Amir Haji Omar, tuan punya MIBS, bahawa pembeli buku-buku dan majalah-majalah Indonesia itu adalah orang-orang muda belaka, terutama kalangan penulis, wartawan dan guru. MIBS juga mempunyai langganan tetap dan wakil-wakil penjual di seluruh Tanah Melayu. Pendeknya kedai buku itu telah

menjadi pengimport dan pembahagi serta penjual bahan-bahan bacaan Indonesia yang terbesar.

Saya mengambil tindakan bahawa bahan-bahan bacaan dari Indonesia itu mestilah diperhatikan dan dibaca dengan cermat untuk dapat menentukan garisan menyelaraskan fikiran umum, khasnya golongan muda yang banyak membaca bahan-bahan bacaan tersebut. Terhadap para penulis muda, guru-guru dan peminat-peminat sastera atau bahasa Indonesia khususnya, semangat menerima pembaharuan dan menerima konsep satu kebudayaan dan satu bahasa dengan Indonesia itu memang saya setuju tetapi, seperti ternyata, semangat dan aspirasi itu tidak boleh terlepas dari kesedaran konsep yang benar sehingga timbul gejala-gejala yang kurang baik dalam bentuk peniruan-peniruan yang 'sembrono' seperti yang telah disebut terdahulu dari ini. Ini menambahkan pula kesibukan saya sendiri sebagai pengendali *Utusan Zaman* dan *Mastika* di samping kerja-kerja tambahan yang baru ditugaskan kepada saya.

Saya perhatikan aliran kesusasteraan terbaru dari Indonesia mulai mendapat perhatian para penulis. Karangan-karangan yang diterima untuk *Mastika* atau *Utusan Zaman* sudah ada yang berbau aliran baru itu. Chairil Anwar sudah mulai mengatasi Amir Hamzah. Idrus sudah membayangi kebesaran Sutan Takdir Alisjahbana. Angkatan 45 sudah mulai mengambil alih tempat Pujangga Baru. Sementara majalah seperti *Mimbar Indonesia* dan lain-lain juga mempengaruhi pemuda-pemuda. Indonesia yang punya banyak penulis esei yang baik-baik itu mudah memikat perhatian pemuda-pemuda penulis, guru dan wartawan kita. Dan pada masa itu aliran fikiran sosialisme sedang berkecamuk di Indonesia. Aliran sosialis kiri, sosial demokrat dan sosialis liberal memenuhi majalah-majalah Indonesia selain dari aliran agama yang semuanya mewarnai pemikiran kebangsaan dan kemerdekaan Indonesia. Fikiran-fikiran ini mempengaruhi pemuda-pemuda terutama golongan yang masih kuat menjadi pengikut PKMM atau API yang sudah lumpuh itu. Tidak kurang pula pemuda-pemuda dari golongan agama yang berfikiran moden yang dahulu menjadi tulang belakang PKMM juga pada masa itu mengikuti segala fikiran dari kegiatan parti-parti Islam di Indonesia melalui bahan-bahan bacaan yang begitu banyak datang dari Indonesia.

Masuri S.N. sekali lagi menjadi pelopor penulis sajak-sajak seperti sajak-sajak Chairil Anwar. Rima dan alitrasei kesyairan yang masih diwarisinya dari zaman Jepun itu mula menghilang. Tetapi

falsafah *universal humanisme* yang dianut oleh para sasterawan Angkatan '45 masih belum dapat mempengaruhi para penulis Melayu. Cerita pendek dan sajak yang dikirim kepada *Mastika* dan *Utusan Zaman* masih mempunyai pokok persoalan masyarakat yang membentuk manusia dan bukan manusia yang dibentuk oleh masyarakat. Pendeknya yang berpengaruh dari Indonesia itu adalah bentuk dan tekniknyanya, bukan isi dan pemikirannya. Bentuk dan teknik itu pun masih belum benar-benar mirip Indonesia.

Janganlah heran sangat jika cerita pendek dewasa itu mengambil masyarakat sebagai pokok pandangannya. Motifnya sangat jelas, iaitu orang Melayu masih teraniaya dan tertindas menjadi bangsa yang hina dan menderita oleh sebab susunan masyarakatnya begitu rupa diseroboti oleh sistem politik dan ekonomi penjajah yang dalam banyak hal menggunakan manusia-manusia tidak bertanggungjawab sebagai alatnya. Janganlah heran kalau yang diceritakan kebanyakannya golongan yang tertindas. Dan janganlah heran kalau golongan yang menderita itu mendapat pembelaan sedangkan segelintir orang-orang yang dikatakan berpangkat, berjaya dan duduk di atas itu selalu dan terus-menerus mendapat tantangan. Ini bukan bererti tidak ada orang atasan yang berbudi tinggi dan bercita-cita mulia terhadap sesama manusia tetapi dari segi kemasyarakatan, golongan atasan itu, sedar atau tidak sedar, adalah sekumpulan alat yang dipergunakan oleh pihak yang sebenarnya menindas. Penulis-penulis muda masa itu belum mempunyai hati untuk berseronok-seronok meninjau hati budi manusia yang, secara sedar atau tidak sedar, menjadi alat penindasan. Penulis-penulis muda dewasa itu sedang berhadapan dengan satu masyarakat tertentu, masyarakat bangsa Melayu yang tertindas dan teraniaya. Jika menyorot kepincangan masyarakat dan kedurjanaan orang-orang atau golongan yang menjadi alat kepincangan masyarakat itu dianggap tidak termasuk ke dalam teori sastera yang halus dan bermutu tinggi maka penulis-penulis muda dewasa itu tidak pernah memikirkannya, tidak mempedulikan. Sastera mereka sastera bertujuan, sastera untuk masyarakat. Saya sendiri di *Mastika* dan *Utusan Zaman* berpegang kepada cara berfikir seperti itu. Penyorotan jiwa dan tingkah laku manusia sejagat dengan tidak memandang tinggi rendah kedudukannya, senang susah penghidupannya, dan manusia adalah manusia, ada hitam dan ada putihnya, bukanlah satu pendapat yang susah untuk difahami. Tetapi saya dan barangkali juga, saya yakin, kebanyakan penulis-penulis muda zaman itu

memilih tumpuan perhatian kepada masyarakatnya dan bukan kepada manusia hanya kerana manusianya.

Majalah-majalah lain dari *Mastika* dan *Utusan Zaman* juga menerima dan menyiarkan jenis karya-karya yang sama kecenderungannya. Saya melihat banyak kelemahan teknik dari karya-karya tersebut tetapi oleh kerana saya sudah agak kurang mempunyai kesempatan untuk berbincang dengan kawan-kawan di Kampung Jawa dan Geylang maka kami kurang dapat meninjau fikiran masing-masing menghadapi kecenderungan baru itu selain dari saling membaca apa yang diterbitkan oleh penerbitan masing-masing. *Mastika* kadang-kadang memuat salinan karangan-karangan dari Indonesia seperti yang pernah terkumpul dalam *Dari Ave Maria ke Jalan Lain ke Roma* oleh Idrus, misalnya, dengan sedikit intro dengan tujuan untuk membimbing cita rasa pembaca dan juga untuk membimbing para penulis yang cenderung sekadar meniru-niru itu.

Pada umumnya karangan dari Indonesia lebih baik dan teratur dibandingkan dengan karangan-karangan penulis Malaya. Ini barangkali kerana kebanyakan penulis muda Melayu waktu itu kurang mempelajari tatabahasa. Di samping itu saya perhatikan juga bahawa pemakaian bahasa dan gaya ekspresi bukan bergantung pada pengetahuan tatabahasa saja tetapi juga bergantung pada kejernihan jalan fikiran. Fikiran yang tidak jernih, yang kusut, sama ada disebabkan kurang pengertian terhadap apa yang ditulis atau sebagainya, menyebabkan ekspresi bahasa yang tidak teratur. Inilah yang saya dapati banyak berlaku. Para guru yang bahasanya boleh dikatakan baik, atau para wartawan yang biasanya dapat mengatur bahasanya dengan ringkas tepat, juga membuat kesalahan bahasa dan menerbitkan ekspresi yang kabur oleh kerana kurang fahamnya akan subjek yang ditulisnya. Ishak Haji Muhammad, A. Samad Ismail dan beberapa penulis lagi yang terdidik dalam bahasa Inggeris dan juga banyak membaca karangan-karangan Indonesia tidak banyak terpengaruh oleh bahasa Inggeris atau gaya Indonesia tetapi dapat menyatakan fikiran atau perasaannya dengan teratur. Yang menolong mereka ini ialah pengetahuannya dan fahamannya yang mendalam tentang subjek yang ditulisnya. Fikirannya jernih dan teratur waktu menggunakan bahasa sebagai alat ekspresi. Ini kurang dipunyai oleh setengah-setengah penulis muda yang menyebabkan tulisannya kelihatan sebagai tiru-tiruan.

Kelemahan para penulis kita dewasa itu kelihatan oleh saya

bukan peniruan bahasa dan gaya karangan saja tetapi sedikit sebanyaknya ada juga peniruan fikiran. Pada peringkat yang lebih umum peniruan bahasa dan peniruan fikiran itu bukan terhadap karangan-karangan dan fikiran dari Indonesia saja malah juga terhadap pengarang-pengarang kita sendiri yang menjadi pujaan atau ikutan masing-masing. Ini berlaku pada setengah-setengah penulis yang muncul dari daerah-daerah di mana bahan-bahan bacaan yang sampai kepada mereka hanya bahan-bahan dari penerbitan tempatan saja.

Usaha kami di *Mastika* menyiarkan cerita-cerita pendek terjemahan untuk mendedahkan para penulis kepada sastera luar dengan tujuan meluaskan horison pandangan kesusasteraan para penulis itu nampaknya tidak memberi kesan yang meluas. Tidak nampak pengaruhnya pada teknik cerpen-cerpen yang kami terima. Di samping itu mulai tahun 1949 boleh dikatakan tidak ada siapa pun di kalangan kami di Utusan Melayu ataupun dari kalangan luar yang berkesempatan untuk menterjemah. A. Samad Ismail yang selama ini memelopori usaha tersebut telah semakin sibuk dengan tugas-tugas baru berhubung dengan ramainya wartawan-wartawan Utusan yang terpaksa ditempatkan di luar Singapura. Maka sebagai ganti usaha tersebut kami kadang-kadang menyiarkan semula cerpen-cerpen Indonesia dengan intro kecil untuk menarik perhatian kepada tujuan penyiarannya.

Di samping itu *Mastika* terpaksa dikembalikan beransur-ansur menjadi majalah umum kebudayaan sebagaimana yang telah difikirkan dari mulanya bahawa perubahan kepada majalah cerita pendek semata-mata itu adalah untuk sementara saja. Waktunya belum tiba untuk masyarakat Melayu mempunyai majalah khusus kesusasteraan.

Anehnya masyarakat Melayu belum juga melahirkan penulis dari kalangan terpelajar tinggi Inggeris. Maka di waktu itu para penulis yang mempunyai kesedaran kesusasteraan sepakat mengatakan bahawa kemajuan kesusasteraan Melayu untuk sementara waktu harus "dipikul oleh orang-orang bodoh seperti kita saja". Saya sendiri memikirkan bahawa keadaan yang dialami oleh sastera Melayu waktu itu adalah amat wajar. Kita boleh menanam bibit sastera Melayu moden dengan kesedaran kebangsaan dan identiti kemelayuan lebih baik dari cerdik pandai didikan Barat yang kesedaran kebangsaannya belum terjamin. Waktu Universiti Malaya didirikan di Singapura saya sudah mula menumpahkan segala harapan untuk selambat-lambatnya satu

dekad lagi akan lahirkah kaum terpelajar angkatan baru yang berjiwa baru dari Universiti itu. Mudah-mudahan di antara mereka akan ada yang mempunyai bakat sastera. Saya terus juga membaca bahan-bahan terbaru dari Indonesia dan novel-novel Inggeris sekadar untuk menambah pengalaman dan pengetahuan di samping kemahiran. Kawan-kawan yang tidak tahu membaca Inggeris terpaksa membaca bahan-bahan dari Indonesia. Di samping itu saya mula merapati beberapa mahasiswa Universiti Malaya yang baru ditubuhkan dari gabungan *Raffles' College* dan *King Edward College of Medicine* seperti Aminuddin Baki dan dua tiga orang lagi yang lain.

Sikap setengah-setengah mahasiswa itu sungguh memualkan. Ada yang masih berjiwa feodal dan kolonial, mengagung-agungkan Inggeris. Anggapannya kepada orang Melayu terlalu rendah. Dan mereka bersedia-sedia kelak akan memimpin orang-orang yang dianggapnya rendah itu, sama seperti mereka yang dahulu belajar di England apabila pulang nanti akan menjadi D.O. meladeni orang-orang yang tarafnya rendah, seperti calon-calon pegawai pentadbir tanah jajahan yang berbangsa Inggeris bersedia untuk ke tanah jajahan memerintah satu bangsa yang belum bertamadun. Tetapi beberapa orang dari mahasiswa awal itu memang saya angkat tangan kepadanya seperti Aminuddin Baki (almarhum) yang mengatakan kepada saya bahawa kita memerlukan bukan saja kaum intelek tetapi juga pemimpin yang berjiwa rakyat. Dan saya mengatakan kepadanya bahawa dalam dunia kesusasteraan, kami memerlukan bukan orang terpelajar tinggi tetapi lebih dari itu iaitu kaum intelek yang berjiwa rakyat dan mempunyai bakat seni. Aminuddin Baki akhirnya sering tidur di bilik saya di Orchard Road membawa buku-bukunya dan kadang-kadang memperkatakan pelajaran Melayu dan kesusasteraan Melayu. Di antara buku yang dibaca oleh Aminuddin termasuk buku-buku Indonesia.

TERBENTUKNYA SEMACAM ANGKATAN BARU

SAYA amat menyesal sekarang bila mengenangkan sekian banyak surat peribadi dari sekian ramai peminat bahasa dan sastera Melayu yang saya terima masa tahun-tahun awal di Utusan Melayu tidak saya simpan baik-baik. Surat-surat itu jika terkumpul mungkin dapat disusun dan disunting menjadi sebuah buku yang mungkin menambahkan sedikit sinar ke dalam kesamar-samaran cahaya sejarah perkembangan sastera, sekurang-kurangnya perkembangan fikiran pemuda-pemuda Melayu amnya dan para penulis dan peminat sastera khususnya pada saat-saat mula bergolaknya pemikiran kebangsaan dalam lapangan kesusasteraan hampir tiga puluh tahun yang lalu. Sebenarnya keadaan tidak memudahkan bagi saya untuk menjadi seorang yang cermat menyimpan surat-surat dan bahan-bahan bertulis. Waktu saya disiasat oleh pihak polis ketika undang-undang darurat diisytiharkan banyak surat-surat peribadi dari kawan-kawan di Semenanjung yang diambil oleh pihak polis dan setengahnya dijadikan pokok persoalan oleh pegawai yang berkenaan. Kemudian, tahun 1951 waktu A. Samad Ismail ditahan di Singapura saya sekali lagi disiasat dan banyak lagi surat-surat yang diambil. Lepas itu saya tidak lagi menyimpan surat-surat peribadi yang kira-kira mengandungi fikiran dan cita-cita. Sampai sekarang saya bukan saja tidak menyimpan surat malah jarang menerima kerana saya enggan menjawab mana yang saya terima. Surat-surat yang saya sayangkan kerana tidak tersimpan itu ada di antaranya datang dari orang-orang muda yang sekarang menjadi orang-orang penting dalam berbagai lapangan.

Saya sekarang hanya dapat mengingat-ingat di antara surat-surat itu ada yang mencadangkan supaya saya keluar dari Utusan

Melayu dan mengusahakan penerbitan sendiri menghidupkan perjuangan bahasa dan sastera melalui penerbitan majalah dan buku-buku. Ada pula surat yang menyuruh saya masuk UMNO untuk menambah kekuatan golongan di dalam UMNO yang kuat memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu. Ada surat yang marah kerana saya kononnya mempelopori gerakan merosakkan persuratan Melayu dengan menggalakkan penulis-penulis muda meniru-niru persuratan Indonesia. Ada pula surat yang menyuruh saya menggunakan pengaruh untuk memasukkan penulis-penulis terkenal dari Indonesia supaya bekerja di Utusan Melayu. Pendeknya macam-macam surat yang mengandungi usul yang menasabah dan tidak menasabah. Surat-surat itu berjawab semuanya sesuai dengan persoalan yang dikemukakan.

Terbit dari surat-menyurat ini yang amat menjadi perhatian saya waktu itu ialah fakta wujudnya semacam persamaan fikiran dalam kalangan banyak orang, terutama kalangan pemuda yang cenderung kepada karang-mengarang dan kalangan guru-guru, bahawa orang Melayu bukan saja harus menggunakan bahasa dan sastera untuk mengarangkan segala suatu yang boleh menaikkan semangat perjuangan kebangsaan dan perjuangan kemerdekaan, tetapi bahasa dan kesusasteraan itu sendiri harus diperjuangkan untuk mendapat pengakuan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa yang menjadi asas perpaduan dan simbol kedaulatan bangsa. Semacam angkatan baru rasanya mulai terbentuk dalam masyarakat Melayu yang bercita-cita hendak berjuang mendaulatkan bahasa Melayu.

Selama ini memang sudah terbentuk semacam semangat angkatan baru di kalangan penulis-penulis muda yang mencuba "memodenkan" kesusasteraan Melayu termasuk segi teknik yang mencakup bahasa dan gaya pengucapan dan segi isi termasuk idea-idea politik kebangsaan, kritik masyarakat, sosial, ekonomi dan kebudayaan. Dan seperti saya katakan sebelum ini "pemodenan" itu masih tebal dipengaruhi oleh pengaruh-pengaruh perkembangan bahasa dan sastera dari Indonesia di samping masih belum lekang dari dunia romantik dan idealis para penulisnya. Dalam hubungan ini saya masih ingat betapa kawan-kawan yang lebih banyak menerima dan meresapi kesusasteraan Barat yang lebih maju yang ada beberapa orang di Utusan Melayu seperti A. Samad Ismail, Dahari Ali dan Mohd. Salleh Daud kadang-kadang menganggap penulis-penulis muda ini, termasuk saya sendiri yang mereka anggap sebagai orang sastera di Utusan Melayu, adalah

anak-anak muda yang masih berangan-angan.

Satu perkara yang amat memberi kesan kepada saya dari kritik-kritik yang timbul dalam perbincangan-perbincangan dengan kawan-kawan yang saya anggap intelek di Utusan Melayu itu ialah fakta yang tidak dapat disangkal bahawa kebanyakan dari kami kurang mempelajari teori sastera, mekanisme penulisannya dalam bentuk-bentuk cerita pendek, sajak ataupun novel. Kebanyakan penulis-penulis ini membentuk dan memajukan bakat masing-masing melalui pembacaan karya-karya Indonesia serta karya-karya penulis Melayu sendiri yang mereka anggap lebih berpengalaman dan lebih terkenal dari mereka sendiri. Kebanyakan dari kami juga kurang berkesanggupan untuk memahami dengan mendalam akan ilmu-ilmu yang memperkatakan tentang kemasyarakatan, politik, ekonomi, kebudayaan dan moral. Di samping itu kurang pula memahami ilmu jiwa atau ilmu psikologi, baik segi tindak laku manusia sendiri mahupun tindak laku timbal balik manusia dan alam sekelilingnya. Bahkan kurang memerhatikan asas-asas falsafah seperti hukum-hukum logik dan sebagainya. Pada keseluruhannya apa yang dikatakan unsur-unsur etik dan estetik kurang berpadu, kurang kuat dalam kebanyakan hasil karya kami dewasa itu. Bagaimanapun bentuk dan isi hasil-hasil angkatan baru ini memang sudah berbeza dari hasil-hasil penulis sebelum perang. *Utusan Zaman* dan juga *Mastika* mencuba menyiarkan rancangan-rancangan ringan dalam bentuk bimbingan teknik dengan harapan dapat mendorong para penulis mencari ikhtiar menambah kematangan masing-masing.

Dalam suasana beginilah para penulis muda makin merasa diri mereka terikat atau tergabung ke dalam satu angkatan yang gelisah mencari dan memperkemas pembaharuan yang mereka lahirkan. Dan dalam suasana mematangkan bakat di samping menambah dan memperdalam pemahaman terhadap manusia dan terhadap perkelilingannya itu timbul pula satu kesedaran baru yang, seperti timbulnya dorongan pembaharuan yang berjalan setakat masa itu, lahir dari keadaan dan kesedaran politik yang amat hebat bergolak di keliling kehidupan para pemuda ini. Itulah seperti yang saya kata tadi kesedaran politik kebudayaan yang menampilkan isu mendaulatkan bahasa dan sastera Melayu.

Pemikiran baru ini segera memperluas lingkaran orang-orang yang berminat kepada bahasa dan sastera. Mereka yang tidak menjadi penulis tetapi menjadi peminat yang terdiri dari golongan

pemuda politik, pemuda buruh bahkan pemuda-pemuda peminat sastera yang bersemangat kebangsaan dalam barisan pasukan keselamatan dan guru-guru yang bersemangat kebangsaan yang merasa dirinya terlibat dalam perjuangan kemerdekaan, serentak kebangsaan dan perjuangan kemerdekaan. Sebenarnya masa itu masyarakat telah mula memperlihatkan kegiatan kelompok dalam perjuangan politik. Golongan ekonomi dan perusahaan mulai sibuk dengan cita-cita menubuhkan Bank Rakyat atau Bank Kebangsaan, koperasi; golongan buruh, golongan pelajaran dan golongan agama masing-masing mulai mengorak langkah. Golongan bahasa dan sastera adalah salah satu-dari gerakan yang didorongkan oleh semangat politik kebangsaan dan kemerdekaan itu, yang berkeyakinan bahawa bahasa Melayu haruslah didaulatkan untuk mengisi kemerdekaan kerana bahasa Inggeris bukan saja bahasa kolonial tetapi juga ternyata wujudnya sebagai bahasa rasmi di kebanyakan negeri di Tanah Melayu, Singapura, Melaka dan Pulau Pinang itu menjajah pula kedaulatan bahasa dan kebudayaan Melayu.

Tenaga Baru di Singapura

Dalam kebangkitan semangat mendaulatkan bahasa Melayu ini Singapura telah dipenuhi oleh para pemuda berbakat seni tetapi berjiwa kebangsaan. Dunia perfileman masa itu sedang memanjat tangga kegemilangan. Seperti dunia penulisan dan kewartawanan dunia perfileman juga menarik banyak pemuda-pemuda pejuang kebangsaan yang berjiwa seni. Rohaizad (almarhum) adalah salah seorang daripada orang filem yang rapat hubungannya dengan pemimpin-pemimpin dan pemuda-pemuda PKMM. Romai Noor, anak Temerloh yang besar dan bersekolah di Bentong itu datang ke Singapura membawa pengalaman yang amat banyak yang diperolehnya dari pengembaraannya di pulau-pulau Indonesia kerana dibawa lari oleh Jepun dan kemudian terselamat dari satu serangan pihak Sekutu lalu tinggal di sebuah pulau dekat Papua, diberi gelar "Romai" oleh penduduk pulau tersebut. "Romai" ertinya "anak raja" dan "Nor" ertinya "pulau". Di sebuah pulau lain beliau akhirnya diambil oleh tentera Sekutu menjadi juru bahasa, belayar dari pulau ke pulau sampai ke Australia dan akhirnya setelah operasi pihak Sekutu di pulau-pulau itu selesai "Romai" pulang ke Malaya. Masa itu saya menemuinya di Temerloh waktu kami

sedang giat berpolitik. Anak muda Romai Noor yang kami panggil Taib (nama sebenarnya Mohd. Taib bin Saleh) tertarik dengan kegiatan kesenian pemuda-pemuda PKMM. Kebetulan adiknya Mohd. Yusuf Saleh (almarhum) adalah salah seorang anggota pemuda PKMM yang pandai berlakon dan menyanyi. Romai Noor lalu menggabungkan dirinya seketika dengan pasukan pentas pemuda PKMM. Dia pandai menyanyi dan main gitar. Lebih pandai pula berlakon dari adiknya Mohd. Yusuf. Dia menjadi popular di Temerloh, bukan kerana politiknya tetapi kerana seninya. Tidak berapa lama saya di Utusan Melayu, Romai Noor tiba di Singapura. Katanya ingin berniaga. Tetapi pergaulannya amat rapat dengan Ishak Haji Muhammad dan dengan kami di Utusan Melayu. Akhirnya dia memilih dunia perfileman dan melupakan cita-cita hendak berniaga. Saya kira jiwa seninya lebih besar dari jiwa perdagangannya.

Kemudian, di samping Rohaizad dan Romai Noor datang pula seorang pemuda yang kacak dan berbakat seni yang kemudian menjadi pujaan seluruh bangsa Melayu, P. Ramlee (almarhum). Tidak seperti Rohaizad yang ingin jadi pejuang politik, dan Romai Noor yang ingin jadi saudagar, P. Ramlee penuh dengan seni menyelubungi jiwanya. Seorang yang benar-benar diperlukan oleh dunia seni dewasa itu, iaitu yang ada bakat muzik, bakat suara dan bakat lakon. Tetapi sekurang-kurangnya tiga orang ini telah menjadi harapan dunia perfileman bangsa Melayu dewasa itu kerana ketiga-tiganya mempunyai semangat kebangsaan. Mereka bukan saja berseni untuk keseronokan tetapi untuk melihat dan meletakkan Melayu pada taraf dunia perfileman yang sewajarnya. Mereka bertiga, masing-masing dikelilingi oleh para pemuda dan pemudi Melayu yang mencempungkan diri dalam dunia perfileman. Setengahnya memang pemuda-pemudi yang asalnya anak wayang, berketurunan anak wayang. Setengahnya bakat-bakat baru yang ingin mencuba nasib. Hampir kesemuanya menerima pengaruh, bersama atau berasingan, dari ketiga-tiga pemuda yang bercita-cita kebangsaan itu.

Kedatangan Jamil Sulong dari golongan sasterawan ke dunia filem di Singapura kemudiannya memperkuat lagi hubungan antara para penulis dan wartawan yang berjiwa baru dengan para seniman yang berjiwa baru pula.

Sementara itu kami di Utusan Melayu menerima kedatangan seorang tenaga baru, orang muda yang meninggalkan peker-

jaannya sebagai kerani di Kuala Lumpur. Pemuda ini meninggalkan jawatannya dan meninggalkan keluarganya yang termasuk golongan orang berada di Kuala Selangor semata-mata kerana runtunan jiwanya hendak memajukan bakatnya dalam lapangan persuratan. Semangatnya berkobar-kobar. Singapura baginya ialah kota penghijrahan di mana ia akan menunaikan segala cita-citanya menjadi seorang yang berguna kepada bangsa dan tanahairnya. Bakat dan minatnya ialah bahasa dan sastera. Mujur baginya ia bertanya orang yang dicarinya pertama kali tatkala tiba memegang jawatannya di pejabat Utusan Melayu ialah orang yang ditugaskan menyambut kedatangannya. Dia mula-mula bertanya Keris Mas kepada Keris Mas sendiri. Segeralah ia, Asraf bin Hj. A. Wahab, menjadi keluarga *Utusan Zaman* dan *Mastika*.

Dalam masa yang lebih kurang sama, diam-diam beberapa orang pemuda yang pernah menulis cerpen dan sajak dari Tanah Melayu telah berada di Singapura. Abu Yazid Abidin yang lebih terkenal dengan panggilan Wijaya Mala rupanya sudah bekerja di *REME* sementara menunggu peluang untuk dapat memasuki lapangan suratkhbar atau penerbitan-penerbitan yang mendekatkannya ke dunia penulisan. Awam-il-Sarkam juga berada di Singapura awal tahun 1950 bekerja sebagai polis di *RAF Changi*, juga sementara menunggu peluang untuk masuk lapangan penerbitan mana jua yang mendekatkannya dengan dunia penulisan. Jamil Sulong juga datang ke Singapura dalam kira-kira masa yang sama untuk bekerja dengan *Melayu Raya* yang baru diterbitkan. Akhirnya semua mereka ini berkumpul di *Melayu Raya*. Hamzah dan Jymy Asmara juga pindah ke *Melayu Raya*.

Penulis-penulis muda ini adalah anggota Sahabat Pena yang dikendalikan oleh Jymy Asmara. Pada hakikatnya Jymy Asmaralah yang bertanggungjawab memberikan segala galakan bahkan bantuan untuk mereka dapat memasuki pangkalan perjuangan masing-masing di Singapura. Jymy Asmara dalam segala kesempitan hidupnya rela membahagikan kesempitan hidup itu bersama teman-teman baru yang bercita-cita besar dan berbakat terpendam itu. Untuk sementara mereka dapat pekerjaan, lama atau sebentar, mereka berlabuh di kediaman penghulu sahabat yang berbudi besar itu. Tetapi seperti telah saya katakan pemuda-pemuda ini datang ke Singapura bukan kerana hendak mencari kesenangan, malah dalam banyak hal meninggalkan kesenangan. Mereka didorongkan oleh cita-cita hendak memajukan bakat

masing-masing yang sarat pula dengan semangat ingin berbakti kepada bangsa dan tanahair.

Dalam hubungan kedatangan pemuda-pemuda berbakat penulis dari Tanah Melayu dan hubungan yang makin lama makin rapat antara para penulis muda yang bekerja pada berbagai tempat pekerjaan di Singapura, sama ada dalam penerbitan dan persuratkhabaran atau dalam perfileman atau dalam jabatan-jabatan ketenteraan sebagai kakitangan awam atau dalam pasukan polis dan dalam perburuhan, saya tidak akan pernah melupakan Jymy Asmara. Ia bukan pemimpin yang berkaliber besar, bukan wartawan yang berpengaruh, bukan sasterawan yang agung. Kira-kira demikianlah pendapat orang jika melihat hasil karyanya atau tulisan-tulisan pemberitaan dan esainya. Memang ia bukan seorang yang berpelajaran tinggi atau mempunyai sebarang pengetahuan tentang ideologi dan teori apa jua pun. Tetapi dalam hidupnya, dalam caranya sendiri, dia adalah seorang penganut cita-cita kebangsaan dan pejuang kemerdekaan yang jujur. Dia berkorban apa saja untuk melihat lahirnya sekumpulan penulis-penulis muda yang akan dapat bersatu untuk cita-cita ketinggian sastera Melayu. Banyak telah disebut tentang penderitaan hidup Jymy. Tetapi saya tidak pernah mendengar Jymy sendiri mengeluh atau ingin keluar ke dunia kesenangan yang bukan dunia kegiatan sastera. Pekerjaannya sebagai mata-mata cukup untuk menampung hidupnya sekeluarga, seperti mata-mata lain yang merasa terjamin dengan pekerjaan mereka, tetapi Jymy memilih hidup yang lebih sempit dan menderita semata-mata untuk memajukan bakatnya dan menolong orang lain memajukan bakat masing-masing sehingga ada yang lebih berjaya dari dirinya sendiri.

Dalam masa yang kira-kira sama, anak Singapura angkatan muda yang sering dilihat tulisannya dalam *Hiburan* dan *Mastika* dan *Utusan Zaman*, Mohd. Arif Ahmad (MAS) kembali dari Maktab Perguruan Tanjung Malim. Juga kembali dari Tanjung Malim penyajak yang sudah lama terkenal, Masuri S.N.

Datangnya tenaga-tenaga penulis muda yang baru ini ke Singapura menambahkan ramainya kalangan angkatan muda yang dalam jiwa masing-masing bernyala minat hendak memadukan usaha dan ikhtiar dalam lapangan penulisan. Sayang sekali saya hanya mendengar kedatangan mereka. Saya sudah kurang benar berkeliaran di Arab Street khususnya, Kampung Jawa dan Geylang Serai amnya. Tetapi saya senantiasa mengikuti fikiran mereka

melalui kawan-kawan yang masih aktif di luar pejabat seperti Asraf.

Kira-kira masa itulah makin terasa adanya golongan baru dan golongan lama dalam lapangan persuratan Melayu, baik dari segi sastera mahupun setakat penggunaan bahasa. Asraf sendiri yang walaupun baru di Utusan Melayu memperlihatkan semacam pendirian angkatan muda yang lebih tegas mengenai pemakaian bahasa. Asraf bukan saja menganalisa bahasa berbagai penulis yang karangannya tersiar dalam penerbitan-penerbitan Utusan Melayu dan lain-lain penerbit bahkan dia sering menganalisa bahasa yang dipakai oleh setengah-setengah rakan sejawat dalam Utusan Melayu sendiri. Buku-buku yang dibeli dan dibacanya, baik buku Indonesia mahupun buku Inggeris, kebanyakannya buku tentang bahasa dan kurang buku-buku sastera. Kami di Utusan Melayu dan juga pada kebanyakan penerbit-penerbit lain di Singapura menyediakan "kopi" karangan dengan mesin taip rumi. Asraf dalam "kopi-kopi" yang ditulisnya menggunakan ejaan *Fajar Asia*. Dia mengambil berat menerangkan kejituan ejaan itu dalam usaha merapatkan bahasa Melayu-Indonesia.

Seperti Hamzah, Jymy dan MAS, Asraf nampaknya segera menjadi salah seorang penulis muda di Singapura yang banyak bergaul dalam kalangan para penulis dan guru yang menjadikan Kampung Jawa dan Geylang Serai tempat pertemuan tidak rasmi. Hamzah banyak hubungannya kerana kedudukannya di *Melayu Raya* menjadi lanjutan dari hubungannya masa di *Hiburan*. Jymy mempunyai kawan sehaluan hampir di seluruh Malaya melalui Sahabat Penanya. MAS bersama Masuri menjadi hubungan yang amat bererti dengan kalangan guru-guru. Asraf menghubungkan kegelisahan jiwa anak-anak muda itu dengan Utusan Melayu. Saya sudah mendengar Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura sedang menimbangkan saranan Badan Persuratannya untuk mengadakan semacam pertemuan para penulis.

Waktu itu banyak sekali hubungan persahabatan dilakukan oleh pihak Atache Penerangan dan Kebudayaan Konsulat Indonesia dengan pihak-pihak penerbit Melayu seperti Utusan Melayu, Melayu Raya, Royal Press, Ahmadiyah Press, MIBS dan lain-lain. Ini barangkali kerana memang adanya tanda-tanda persefahaman dan simpati dari pihak akhbar-akhbar dan majalah-majalah Melayu terhadap perjuangan Republik Indonesia. Hubungan ini juga berlangsung terus kepada wartawan-wartawan dan penulis-penulis. Setiap kali ada orang-orang penting datang

dari Indonesia golongan-golongan berkenaan akan diundang untuk berkenalan dengan tokoh-tokoh tersebut.

Berhadapan dengan golongan bahasa dan sastra Melayu lama yang menganggap mereka itu penulis-penulis radikal yang dipengaruhi oleh Indonesia dan berhadapan pula dengan tokoh-tokoh Indonesia sendiri yang sekali sekala dapat mereka tinjau fikirannya itu maka penulis-penulis muda ini makin merasa mempunyai persamaan pendapat dan persamaan tujuan. Mereka merupakan tenaga-tenaga baru yang luas horisonnya dalam cita-cita mendaulatkan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Pada mereka akhirnya timbul kesedaran bahawa mendaulatkan bahasa Melayu bukanlah hanya perjuangan politik kebudayaan atau politik bahasa tetapi juga kegiatan mempopularkan bahasa dan sastra Melayu moden yang sesuai dengan zaman merdeka yang sedang diperjuangkan.

Mencari Nama?

Kebanyakan pemuda-pemuda yang sedang resah gelisah dengan cita-cita memperjuangkan bahasa dan kesusasteraan Melayu ini kelihatan tidak mengendahkan apa pun masalah hidup diri masing-masing. Mereka kebetulan masih muda dan belum punya tanggungjawab rumahtangga. Mereka pula bukan orang-orang terpelajar tinggi yang terpimpin atau, bolehlah saya katakan tertuba jiwanya oleh sistem pelajaran penjajah untuk menjadikan mereka bertujuan hidup semata-mata untuk mengejar kebesaran pangkat dan diri sendiri. Di samping itu sepanjang hidup remaja mereka dirongrong oleh penderitaan dan penghinaan zaman pendudukan Jepun, lepas itu disiram dan dimandikan oleh pergolakan perjuangan kemerdekaan. Mereka semua menjadi orang-orang muda yang agak radikal fikirannya, dalam erti tidak senang terhadap sistem hidup yang ada dan ingin menentangnya dengan cara mereka sendiri. Mereka menjadi pemuda-pemuda yang romantik dan idealis. Apabila pimpinan ke arah perjuangan yang serupa itu telah dipatahkan oleh lahirnya keadaan darurat maka tiada satu pun institusi masyarakat yang dapat mereka jadikan arena perjuangan. Mereka datang ke Singapura kerana Singapura telah menjadi pangkalan yang memberikan harapan untuk mereka memajukan diri dan meneruskan perjuangan. Mereka punya bakat penulis, bakat seni lakon, bakat seni muzik dan sebagainya. Dan di Singapura akhirnya mereka bertemu

dengan suasana yang sesuai, cetusan idea perjuangan mendaulatkan bahasa dan sastera Melayu yang sesuai dengan urutan pergerakan dan perjuangan politik kemerdekaan yang mereka yakini.

Maka tahun-tahun 1948 hingga ke tahun-tahun lima puluhan orang-orang muda ini telah memenuhi ruangan majalah dan akhbar menebarkan bakatnya seluas mungkin, menulis cerita pendek, sajak dan makalah-makalah yang menegaskan dan menyarankan cita-cita mereka. Mereka akhirnya terbentuk menjadi semacam angkatan baru dengan cita-cita dan perjuangan yang baru. Mereka tidak pernah tahu bahawa mereka kelak akan dicemuhkan sebagai sekumpulan penulis yang romantik dan idealis yang menghasilkan karya-karya yang dangkal dan stereotaip. Sebaliknya mereka tahu benar bahawa pada masa itu mereka dicap sebagai satu golongan penulis muda yang anti kekolotan, anti penjajahan, anti ketidakadilan. Mereka juga tahu bahawa mereka dicap perosak bahasa dan persuratan Melayu oleh segolongan para peminat dan pujangga bahasa dan sastera lama. Mereka tahu bahawa mereka lain dari golongan lama itu.

Pada suatu ketika dalam tahun-tahun lima-puluhan itu mereka dicap pula sebagai orang-orang yang hendak mencari nama. Saya sendiri melalui pengalaman yang pahit seperti itu. Bila saya telah dibebankan dengan sekian banyak tugas, saya pun tidak dapat banyak menulis lagi. Tetapi saya terus juga memimpin *Mastika* dan *Utusan Zaman* untuk meneruskan cita-cita saya menjadikan sastera Melayu lebih moden dan maju dan menjadikan bahasa Melayu bahasa yang lebih hidup untuk kelak mendukung suatu bangsa yang merdeka. Saya dituduh pula menggunakan Utusan Melayu untuk cita-cita perjuangan kawan-kawan seperjuangan saya sendiri. Saya berhadapan dengan orang-orang tua yang dulunya melahirkan *Utusan Melayu* hanya untuk menentang DKA (Darah Keturunan Arab) dan DKK (Darah Keturunan Keling). Orang-orang ini lebih suka membaca cerita hantu daripada cerita-cerita pendek yang menyemarakkan semangat perjuangan kemerdekaan bangsa Melayu. Orang-orang yang pernah mengikuti *Mastika* zaman yang lampau tentu pada suatu masa pernah bertemu dengan cerita-cerita hantu. Cerita-cerita hantu yang terpaksa saya siarkan untuk menjaga supaya cerita-cerita pendek perjuangan tidak diharamkan terus. Orang-orang tua yang berkuasa dan memang berhak menguasai Utusan Melayu yang tertubuh oleh jasa dan perjuangan mereka sendiri itu takut orang

Melayu menjadi pengkhayal kerana banyak membaca cerita pendek tetapi tidak khuatir orang Melayu terus-menerus berkhayal takutkan hantu, takutkan bayang-bayang. Orang-orang berkuasa inilah yang menuduh saya menggunakan Utusan Melayu untuk mencari nama. Tetapi saya tidak pernah berkecil hati terhadap mereka kerana merekalah yang berjasa dalam zaman mereka melahirkan Utusan Melayu ke dunia. Di samping itu saya tahu mereka, secara tidak sedar barangkali, hanya menjadi alat yang dipergunakan oleh pihak lain yang lebih berkuasa yang tidak suka dengan kegiatan-kegiatan golongan penulis-penulis muda dewasa itu.

Penghinaan dan cemuhan terhadap golongan penulis-penulis muda ini berjalan diam-diam terus-menerus tetapi pengaruh mereka berjalan juga walaupun mereka dimomok-momokkan sebagai orang-orang yang tidak berpelajaran, menulis kerana tidak ada kerja lain dan bermacam-macam cemuhan.

Tumbuhnya Cita-cita Persatuan Penulis

Dalam suasana para penulis muda semakin giat menulis dan semakin banyak memperkatakan cita-cita perjuangan mendaulatkan bahasa dan sastera, maka dalam masyarakat Singapura telah terdengar khabar ura-ura hendak menubuhkan sebuah persatuan penulis. Cikgu Mahmud Ahmad salah seorang penulis lama yang agak progresif dan sering datang ke Utusan Melayu bertukar-tukar fikiran serta sering pula menulis dan mengemukakan fikiran-fikiran dalam *Utusan Zaman* telah terlantik menjadi Pengerusi Badan Penerangan dan Persuratan Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura. Beliau menceritakan kepada kami di Utusan bahawa salah seorang ahli jawatankuasa Badan itu ialah penulis muda Mohd. Arif Ahmad (MAS). Beliau juga mengatakan bahawa MAS telah pun mengemukakan satu cadangan supaya Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura mengadakan satu perjumpaan penulis-penulis Melayu Singapura dan Johor dengan tujuan meninjau fikiran kalau-kalau boleh ditubuhkan sebuah persatuan penulis untuk seluruh Malaya.

Khabar itu segera menjadi percakapan para penulis. Di Utusan Melayu sendiri ada wartawan yang cuba hendak men-spikulasikan berita tersebut tetapi kebanyakan kami masih ingin melihat reaksi dalam kalangan para penulis sendiri dan ingin melihat bagaimana sikap Kesatuan Guru-guru sendiri apabila

cadangan itu kelak disampaikan secara rasmi oleh Badan Penerangan dan Persuratannya yang baru tertubuh itu.

Bagaimanapun untuk satu dua bulan belum ada berita apa-apa dari Kesatuan Guru-guru Melayu. Hanya dari percakapan para penulis dan para guru sudah ada kelihatan reaksi yang agak bercabang. Golongan guru dan penulis-penulis lama yang kebanyakannya memang guru yang berpengaruh pada pokoknya menyetujui ura-ura tersebut tetapi menyangsikan kemungkinan menyatukan penulis dari golongan baru dengan golongan lama dalam satu persatuan. Golongan yang agak sederhana seperti Cikgu Mahmud sendiri tidak melihat adanya halangan untuk golongan penulis lama dengan penulis baru bersatu dalam sebuah persatuan. Malah pada pendapat Cikgu Mahmud serta dua tiga orang guru penulis lain, gagasan itu memang amat baik dan mungkin akan merapatkan jurang dua golongan tersebut yang selama ini sebenarnya tidak punya banyak pertentangan yang asasi selain dari gaya penulisan dan penggunaan bahasa. Tentang cita-cita kebangsaan dan pembelaan terhadap rakyat tertindas kedua-dua golongan tidak banyak bertelingkah. Golongan wartawan-penulis pun demikian pendapatnya berbelah bagi sama ada kedua golongan lama dan baru dapat disatukan dalam sebuah persatuan dengan berkesan. Tetapi pada keseluruhannya tidak ada yang menentang idea bahawa penulis patut mempunyai persatuan.

Fikiran-fikiran di Utusan Melayu pun agak bercabang juga. Sebenarnya orangnya tidak banyak di Utusan Melayu itu tetapi masing-masing punya fikiran sendiri tentang soal penulis berpersatuan itu. Asraf sangat setuju para penulis dapat bersatu dalam sebuah persatuan. Ia menampakkan keinginan yang besar dan mempunyai keyakinan bahawa sebuah persatuan akan dapat merapatkan kalangan penulis. Beberapa orang yang saya anggap mewakili fikiran intelek di Utusan Melayu tidak melihat ada gunanya bagi penulis berpersatuan. Apa yang mereka pentingkan ialah penulis mesti selalu menulis dan selalu menambah ilmu pengetahuan dan pengertian tentang sastera. Samad Ismail salah seorang dari mereka. Tetapi Samad tidak menentang idea itu kalau sekiranya persatuan dapat mengadakan kemudahan untuk para penulis memperdalam pengertian mereka tentang masyarakat, tentang manusia dan tentang politik juga di samping mengadakan diskusi-diskusi kesusasteraan di antara ahli.

Sehingga beberapa bulan semenjak usul MAS itu kami ketahui dari Cikgu Mahmud riak yang kelihatan baru pada permukaan

masyarakat penulis saja. Sedangkan apa yang sebenarnya berlaku dalam Kesatuan Guru-guru Melayu sendiri belum diketahui. Bagaimanapun satu ura-ura telah tercetus dan telah menimbulkan berbagai fikiran.

Satu aspek baru yang timbul dari ura-ura penubuhan persatuan penulis itu ialah berkembangnya perasaan bergolongan yang sudah memang ada pokoknya itu. Golongan penulis lama terutamanya semakin bertambah ghairah untuk mempertahankan faham mereka. Ini lebih jelas pada golongan lama yang tidak begitu sesuai dengan faham politik setengah-setengah penulis muda. Sebagaimana diketahui kebanyakan penulis muda ini sedikit sebanyak berjiwa radikal, cenderung kepada perubahan yang radikal. Dalam politik, mereka kurang sesuai dengan perjuangan kemerdekaan yang sederhana yang bekerjasama dengan British, mereka mahunya menentang British dari akar ke puncaknya sekali. Dalam pandangan sosial mereka menentang kaum atasan, kaum agama yang kolot dan kaum-kaum yang rela membiarkan diri mereka menjadi alat penindasan rakyat. Aliran fikiran beginilah yang tidak disetujui oleh penulis-penulis golongan lama yang juga inginkan perubahan, inginkan kemerdekaan dan ingin melihat bahasa dan sastera Melayu maju dan berdaulat tetapi tidak setuju dengan satu perubahan yang radikal. Mereka tidak setuju bahasa Melayu dan persuratannya terpengaruh oleh bahasa Indonesia. Dan banyak lagi yang mereka tidak setuju.

Dalam kalangan penulis muda telah timbul syak bahawa terbengkalainya usul MAS melalui Badan Penerangan dan Persuratan Kesatuan Guru itu ialah kerana pemimpin-pemimpin Kesatuan itu banyak yang berfaham lama. Mereka khuatir penubuhan persatuan penulis yang dicadangkan itu kelak memperkuat barisan golongan penulis muda. Tetapi ini hanya syak wasangka saja. Buktinya tidak ada. Cikgu Mahmud sendiri berpendapat kelambatan itu hanya disebabkan sistem pertadbiran Kesatuan yang amat birokratik, banyak *red tape*, banyak mesyuarat dan banyak surat-menyurat. Bagaimanapun, oleh kerana ura-ura itu sudah begitu banyak dibicarakan secara bersebelahan-sendiri-sendiri dan berkelompok-kelompok tetapi tidak secara rasmi atau permesyuaratan yang teratur oleh golongan penulis muda mahupun oleh golongan penulis lama maka kegelisahan dalam kalangan penulis-penulis muda makin meninggi. Kerapkalilah terdengar suara-suara keras berupa rangsangan untuk menubuhkan persatuan penulis muda berasing dari per-

satuan penulis lama. Khabarnya mereka di *Melayu Raya* dan *Hiburan*, demikian juga di *Harmy*, sudah semakin ghairah dengan keinginan menubuhkan persatuan penulis-penulis muda itu. Seperti diketahui, Hamzah, Jmy dan Rosmera mempunyai ramai pengikut dan rakan sealiran, baik di Singapura mahupun di Tanah Melayu. Sudah ada terasa tiupan angin "kami angkatan baru" dari kalangan penulis-penulis muda ini. Tetapi pada hakikatnya saya tidak melihat adanya perpecahan yang besar antara golongan lama dan baru itu. Kedua-dua golongan menginginkan tertubuhnya persatuan penulis. Di samping itu oleh kerana ada beberapa tokoh lama dan tokoh baru yang agak tenang fikirannya maka suasana pertentangan yang keras tidak pernah timbul. Orang-orang seperti Cikgu Mahmud di Kesatuan Guru dan Ramli Abdul Hadi di Radio Malaya senantiasa sedia dengan fikiran yang sederhana itu.

LAHIRNYA PERSATUAN PENULIS

KIRA-kira tiga bulan telah berlalu semenjak kami mendengar cerita Cikgu Mahmud Ahmad tentang usul yang dikemukakan kepada Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura mengenai ura-ura hendak mengadakan perjumpaan menubuhkan persatuan penulis. Kesatuan Guru masih membisu. Cikgu Mahmud sendiri bila datang ke Utusan Melayu tidak dapat menerangkan dengan jelas apakah sikap Kesatuannya. Tetapi para penulis secara berseendirian dan berkelompok masih memperkatakan cita-cita berpersatuan itu.

Pada suatu malam bulan Jun 1950, seorang yang sudah lama benar ingin saya temui tiba-tiba muncul di bilik saya di Orchard Road. Saya sudah mengenalinya sebelum dia memperkenalkan dirinya. Orang muda itu ialah Mohd. Arif Ahmad (MAS) yang namanya sudah banyak kali benar saya dengar dan fikirannya sudah lama juga saya dengar, tulisannya juga sudah berkali-kali saya baca. Kami segera menjadi mesra. Seorang rakan yang datang bersamanya diperkenalkan kepada saya. Dia menunjukkan kemesraan di samping penghormatan yang agak berlebihan yang menjadikan saya terasa kekok. Dia adalah anggota Sahabat Pena pimpinan Jmyy Asmara.

Arif juga menunjukkan semacam penghormatan yang agak lebih dari hanya sebagai penulis terhadap teman penulisnya. Tetapi ia pandai berkelakar sehingga pertemuan itu akhirnya tidaklah menjadi rasmi-rasmian. Sebenarnya ia datang secara agak rasmi membawa salam dari kawan-kawan minta saya menyetujui dan bersama-sama berusaha menubuhkan sebuah persatuan penulis. Saya ingin menghapuskan segala formaliti dan

mengatakan mengapa mesti pakai salam-salam. Telefon saja ke pejabat sudah tentu saya akan datang menemui mereka, lebih-lebih lagi mengenai penubuhan sebuah persatuan yang saya rasa memang banyak masalahnya.

Bila saya tanyakan tentang usul yang dikemukakan kepada Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura melalui Badan Penerangan dan Persuratan Kesatuan itu, dia dengan agak serius mengatakan bahawa orang tua-tua selalunya bergerak lambat, kita tidak usah menunggu mereka, kita jalan saja sesama kita. Saya faham apa yang dimaksudkannya dengan 'kita' itu ialah penulis-penulis muda. Dan seterusnya Arif menerangkan bahawa kata sepakat telah dicapai dalam kalangan kawan-kawan bahawa penulis-penulis dan peminat-peminat sastera akan diundang ke satu perjumpaan untuk membincangkan penubuhan persatuan itu. Jmy Asmara banyak kenal dan tahu alamat para penulis dan peminat yang menjadi anggota Sahabat Pena. Arif juga menerangkan bahawa kawan-kawan sudah bersetuju perjumpaan itu akan diadakan di rumahnya di No. 24 Blok H, Henderson Road. Saya akan diberitahu nanti tarikh dan waktu perjumpaan itu akan diadakan.

Perbualan dengan Arif berlangsung sampai jauh malam. Selepas itu saya mengalami suatu macam perasaan sakit hati pada diri sendiri. Saya harap Arif tidak menyedarinya kerana dia samasekali tidak bermaksud untuk menimbulkan sesuatu yang kurang menyenangkan saya. Dia cuma berharap supaya saya bersama-sama dengan kawan-kawan menjayakan penubuhan sebuah persatuan penulis, yang saya sendiri telah menyetujuinya seratus peratus. Apa yang saya alami menikam-nikam dalam hati saya ialah kedatangan Arif mengajak saya bersama-sama dengan kawan-kawan menubuhkan persatuan itu saya rasa seolah-olah saya tidak lagi seiring jalan dengan kawan-kawan itu, seolah-olah saya telah jauh dari mereka, dari cita-cita dan perjuangan mereka, sehingga saya perlu ditemui dan dikunjungi seperti itu.

Apa yang sangat saya khawatirkan ialah suatu keadaan yang kurang sihat yang melingkari hubungan para penerbit Melayu di Singapura waktu itu. Semenjak *Melayu Raya* terbit terasa ada semacam konfrantasi antara Utusan Melayu dengan akhbar yang baru itu. Saya menganggap kalau ada pun konfrantasi tentulah lumrah kerana kedua-duanya bersaing perniagaan. Persaingan dalam perusahaan adalah perkara biasa. Tetapi yang saya tidak

senang persaingan perusahaan itu menimbulkan gejala-gejala yang kurang sihat terbit dari rasa ketaatan para pekerja dan kakitangan kedua pihak kepada suratkhbar masing-masing sehingga memandang serong atau senantiasa curiga kepada rakan-rakan dari penerbit yang dianggap saingan. Saya khuatir jika perasaan itu yang timbul dalam fikiran dan perasaan kawan-kawan di *Melayu Raya* dan lain-lain penerbit terhadap diri saya, terutama kerana saya memang sudah agak lama juga kurang bergaul rapat dengan mereka. Sesungguhnya dalam hal-hal seperti itu orang memerlukan jiwa yang bersih dan fikiran yang matang untuk tidak mencampur-adukkan satu isu dengan isu yang lain yang pada lahirnya kelihatan seperti satu. Saya khuatir jika campur aduk isu yang berlainan itu sudah bermula dan saya dianggap menjadi musuh, atau sengaja menjauhkan diri, pada hal bagi saya kepentingan para penulis yang secita-cita tidak akan dapat saya korbankan untuk kepentingan pihak mana pun. Saya ingin segera melihat tertubuhnya sebuah persatuan yang sedang diura-urakan itu supaya punca-punca persaingan perusahaan akhbar jangan merosakkan persatuan cita-cita dan perjuangan para penulis di penerbit-penerbit yang bersaing itu.

Arif pada malam pertemuan dengan saya itu tidak menyentuh sedikit pun hal-hal persaingan akhbar ini. Tetapi saya kira dia tidak begitu menyedarinya kerana dia tidak terlibat. Dia guru, bukan wartawan. Dia lebih banyak meninjau-ninjau fikiran saya tentang matlamat, tujuan dasar dan program persatuan yang hendak ditubuhkan. Saya kira saya setuju dengan semua yang digambarkan oleh Arif sebagai rangka-rangka tujuan dasar, matlamat dan program yang difikir-fikirkan olehnya dan kawan-kawan penganjur tersebut. Pada keseluruhannya saya fahamkan bahawa apa yang disarankan oleh MAS malam itu tidak ada yang bertujuan lain dari hendak menyatupadukan fikiran dan tenaga penulis-penulis muda dalam usaha memajukan dan memodenkan sastera dan bahasa Melayu sesuai dengan keperluan perkembangan fikiran, ilmu pengetahuan, pergolakan politik, sosial dan ekonomi.

Angkatan Sasterawan 50

Pada perayaan menyambut dua puluh lima tahun ASAS 50, iaitu dua puluh lima tahun selepas Mohd. Arif Ahmad datang

menemui saya mengenai penubuhan sebuah persatuan penulis di Singapura yang cerita pertemuannya tersebut baru saja selesai saya ceritakan, Arif Ahmad menulis seperti berikut:

"Umum mengetahui bahawa Angkatan Sasterawan 50 ini telah lahir pada 6 Ogos 1950 di rumah kediaman saya di No. 24 Block H, Henderson Road, Singapura 3, tetapi umum tidak mengetahui tentang kisah-kisah pra-lahir ASAS 50 itu. Para penyelidik (sama ada yang menyelidiki ASAS 50 untuk menulis tentang sastera Melayu moden atau yang membuat tesis-tesis untuk kepentingan ijazah-ijazah kesarjanaannya) hanya menulis tentang ASAS 50 semenjak ia sudah lahir saja.

Pada hari ASAS 50, dua puluh lima tahun ini, sebelum kita mengikuti kegiatan-kegiatannya selama dua puluh lima tahun itu, eloklah rasanya kita menyingkap sejenak beberapa kisah pra-lahir ASAS 50 itu — sekurang-kurangnya akan menjadi pengetahuan dan perhatian anggota-anggota ASAS 50 yang muda-muda.

Keinginan saya hendak mengajak penulis-penulis setanahair (maksud saya Malaya, termasuk negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Labuan dan Brunei) supaya bersatu dalam sebuah persatuan sudah ada semenjak saya menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim (1946-1949). Keinginan itu telah saya sampaikan menerusi surat-surat peribadi kepada sahabat-sahabat pena saya yang berselerak di seluruh tanahair; tetapi keinginan itu masih belum dapat dilaksanakan sehingga 21 Mac 1950.

Apabila saya dilantik menjadi salah seorang anggota jawatankuasa Badan Penerangan dan Persuratan, Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura, yang dipengerusikan oleh Cikgu Mahmud bin Ahmad dan setiausahanya ialah Cikgu Sulor bin Haji Baidzawi, maka dalam mesyuaratnya pada 21 Mac 1950 itu telah saya cadangkan supaya KGMS mengambil inisiatif mengundang para penulis, pengarang dan ahli-ahli bahasa Melayu di Singapura, Johor dan di negeri-negeri yang berhampiran dengan tujuan hendak menubuhkan suatu persatuan untuk penulis-penulis.

Memang sudah menjadi tradisi bahawa keputusan jawatankuasa kecil seperti BPP itu tidak dapat dilaksanakan serta-merta; keputusan itu mesti dikemukakan kepada jawatankuasa pengelola-pentadbir, dipertimbangkan semula, diambil keputusan, diarahkan Setiausaha Agung supaya menurunkan keputusan jawatankuasa pengelola itu kepada Setiausaha BPP. Setiausaha BPP memanggil mesyuaratnya pula barulah keputusan itu dapat digerakkan. Proses ini memakan masa.

Pada 29 April 1950 beberapa orang pengarang, wartawan-wartawan *Utusan Melayu* dan *Melayu Raya* serta beberapa orang penulis budiman (pada masa itu penulis-penulis yang menulis itu bukan mata pencariannya disebut 'penulis budiman' kerana mereka menulis tidak menerima apa-apa bayaran atau honorarium dari penerbit karyanya) telah diundang oleh konsol Indonesia di pejabatnya di bangunan KPM, untuk bertemu-ramah dengan ahli bahasa Indonesia Prof. Sutan Muhammad Zain yang sedang berkunjung ke Singapura.

Dalam perkenalan dan perbualan dengan Prof. Sutan Muhammad Zain itu kami (saya, Masuri S.N. Asraf, Hamzah, Jmy Asmara dan Rosemera) diperkenalkan Hamzah kepada Prof. Sutan Muhammad Zain sebagai penulis-penulis dari angkatan 50. Itulah pertama kalinya kata 'Angkatan 50' itu disebut. Dan, kata itu begitu mempengaruhi saya sehingga timbul rasa tidak sabar (masa itu saya baru berumur dua puluh lima tahun empat bulan)

saya hendak menunggu KGMS mengundang para penulis yang saya cadangkan pada 21 Mac 1950 itu.

"Orang-orang tua bergerak lambat; terlalu teratur, terlalu beradat, mengapa tidak kita saja yang mengundang penulis-penulis itu?" tanya Rosemera. Jmy Asmara sebagai punca Sahabat Pena yang banyak menyimpan alamat penulis (kebanyakan penulis budiman itu adalah anggota Sahabat Pena) sanggup mengundang penulis-penulis itu; tetapi ke mana hendak diundang mereka meragukan Jmy.

Saya dan Hamzah menawarkan tempat kediaman kami, Hamzah menawarkan rumahnya di No. 20 Lorong 108 jadi tempat pertemuan; tetapi lorong 108 pada tahun 1950 itu apabila hujan dahsyat sekali (bukan lorong 108 tahun 1975 ini, kelas satu), jadi kawan-kawan bersetuju hendak mengadakan pertemuan di rumah saya di No. 24 Block H, Henderson Road, Singapura 3.

Selesai masalah undangan dan tempat pertemuan, timbul pula soal *star*. Asraf mencadangkan supaya Keris Mas (Kamaludin Muhammad) penulis muda yang sudah lebih terkenal pada masa itu diundang sebagai *star* kita. Saya telah diminta oleh kawan-kawan supaya menghubungi Keris Mas, pada hal saya belum pernah bertemu muka dengan Keris Mas. Melalui seorang anggota Sahabat Pena, Abah Hayme Abdullah bin Alang Ghani, saya mendapat tahu bahawa Keris Mas tinggal di Orchard Road (di bekas tapak rumah yang disewa Keris Mas itu sekarang tersergam Singapore Hilton). Ditemani oleh seorang sahabat, Encik Mohamad Amin bin Rasimon, pada suatu malam dalam bulan Jun 1950 saya temuilah Keris Mas di tempat kediamannya. Dengan Keris Mas saya rundingkan tentang kemungkinan menubuhkan sebuah persatuan bagi penulis-penulis kita.

Bila surat undangan sudah kami edarkan, barulah saya menerima undangan KGMS (yang saya cadangkan pada 21 Mac 1950) itu dalam bulan Julai pula. Dan, kedua-dua pertemuan itu berlangsung juga akhirnya. Pertemuan kami pada 6 Ogos 1950 melahirkan "Angkatan Sasterawan 50" dan pertemuan KGMS pada 1 September 1950 melahirkan "Lembaga Bahasa Melayu". Secara kebetulan pula bahawa penulis-penulis muda menganggotai Asas 50 dan penulis-penulis veteran menganggotai Lembaga Bahasa Melayu, walaupun kedapatan juga penulis-penulis yang menjadi anggota kepada kedua-dua persatuan penulis itu."

Demikianlah rupanya betapa ASAS 50 lahir ke dunia. Orang-orang kuat golongan penulis muda di Singapura, Mohd. Arif Ahmad, Hamzah, Jmy Asmara, Rosmera ialah motor yang mendorongkannya. Inisiatif mereka inilah yang menjadi punca segalanya. Betapa segar dan spontan rangkaikata "Angkatan 50" itu lahir dari bibir Hamzah pada pertemuan dengan seorang ahli bahasa Indonesia di Konsulat Indonesia Singapura. Sebenarnya Prof. Sutan Muhammad Zain sebelum dipertemukan oleh pihak Konsol Indonesia dengan beberapa orang penulis muda itu telah lebih dulu melawat beberapa penerbit Melayu. Beliau juga telah melawat Utusan Melayu dan dalam perjumpaannya dengan kami di Utusan beliau ada menarik perhatian kami terhadap tumbuhnya aliran baru yang dinamakan Angkatan 45 di Indonesia. Beliau

menanyakan kalau-kalau di Malaya juga ada golongan muda yang menggolongkan diri mereka kepada satu angkatan. Rupanya pertanyaannya itu ditimbulkannya sekali lagi dalam pertemuan dengan para penulis di Konsulat Indonesia kemudiannya. Dan di sana beliau mendapat jawapan yang spontan dari bibir Hamzah yang kalau direka-reka mungkin begini bunyinya:

Prof. Sutan M. Zain:

Saudara-saudara ini kelihatan muda-muda semua. Apakah saudara-saudara tergabung dalam satu angkatan seperti penulis-penulis di Indonesia yang menamakan diri mereka Angkatan 45?

Hamzah:

Kami ini semuanya "Angkatan 50."

Saya tidak dapat menjadi saksi kepada berlakunya peristiwa ini kerana saya tidak ikut bersama dalam pertemuan dengan Prof. Sutan Muhammad Zain di Konsulat Indonesia tersebut. Saya ada menerima undangan dari pihak Konsul Indonesia tetapi kerana banyak kerja dan kerana saya sudah pun bertemu dengan Prof. yang kami hormati itu maka saya tidak ikut hadir. Tetapi saya tidak sedikit pun merasa sangsi akan kebenarannya. Prof. Sutan Mohamad Zain memang ingin tahu kalau di Malaya juga ada segolongan penulis yang mengelompokkan diri ke dalam satu angkatan untuk menyatakan perbezaan pendiriannya dari angkatan sebelum mereka. Sementara itu penulis-penulis muda yang bertemu dengan beliau itu memang sedang hangat membincangkan kedudukan mereka sebagai penulis-penulis yang mempunyai beberapa pertentangan dengan para penulis lama. Tambahan pula mereka sedang sibuk membincangkan kemungkinan hendak menubuhkan sebuah persatuan penulis dan sedang menimbang-bankan sama ada hendak menubuhkan persatuan mereka sendiri terasing dari penulis-penulis lama. Mengenali Hamzah di waktu mudanya itu sebagai pemuda yang amat cergas dan senantiasa dapat menunjukkan respons yang serta-merta terhadap sesuatu peristiwa dalam situasi tertentu, saya tidak sedikit pun sangsi bahawa dia telah mengutarakan kata "Angkatan 50" itu benar-benar lahir dari hati kecilnya, dari apa yang sedang banyak mengisi

fikirannya, iaitu rasa terlibatnya kepada satu golongan penulis yang membawakan sesuatu yang lain dari penulis-penulis sebelumnya, sesuatu yang dirasakan lebih maju dan lebih hidup.

Bila pada hari pertemuan di rumah Arif di Henderson Road pada 6 Ogos 1950 itu persetujuan telah tercapai untuk menubuhkan sebuah persatuan penulis maka tatkala mencari nama untuk persatuan tersebut. "Angkatan Sasterawan 50" dengan kependekan "ASAS 50" seperti telah tersedia untuk menunggu pengesahan saja. Nama itu begitu *natural* untuk sebuah pertubuhan yang lahir dalam suatu iklim di mana suatu generasi baru mengambil jalan yang tidak lagi seratus peratus selari dengan jalan yang dilalui oleh generasi sebelumnya. Penulis lama rasa-rasanya tidak akan menerima dengan mudah segala perubahan dan konsep baru tentang bahasa dan sastera yang sedang dilancarkan oleh generasi baru itu. Mereka adalah satu angkatan, satu generasi baru yang telah memamah dan menghadamkan konsep kebaharuannya untuk beberapa tahun lalu tampil mengisytiharkan diri dengan nama khas yang kebetulan pada tahun 1950.

Rumah no. 24, Block H, Henderson Road itu ialah rumah kakitangan kerajaan, terletak di kawasan yang baik dan bersih, dilindungi oleh pohon-pohon besar yang rendang. Enak juga suasana tempat bersidang di beranda rumah tersebut walaupun agak sempit untuk menampung kira-kira 20 orang penulis muda. Saya tidak melihat muka-muka penulis terkenal seperti Cikgu Mahmud Ahmad, Buyong Adil dan Harun Aminurrashid. Saya juga tidak melihat kawan-kawan dari Utusan Melayu. A. Samad Ismail tidak ada, bahkan Asraf juga tidak ada. Saya seoranglah saja dari Utusan Melayu. Tetapi mereka yang hadir seperti Hamzah, Jymy Asmara, Rosmera, Arif Ahmad yang menjadi tuan rumah, Masuri S.N., Awam-il-Sarkam (waktu itu belum masuk Utusan Melayu), Abdul Jalil Haji Nor adalah tokoh-tokoh yang cukup berpengaruh mewakili golongan penulis muda. Penulis dari luar Singapura tidak saya lihat kecuali Cikgu Kumasi Haji Dainuri dari Johor.

Suasana persidangan biasa saja. Tidak ada apa-apa yang hangat. Seolah-olah sudah memang ada persefahaman dalam segala hal. Akhirnya sepuluh orang dari yang hadir telah dilantik untuk menjadi jawatankuasa sementara untuk menderafkan perlembagaan. Jawatankuasa protem ini diketuai oleh Mohd. Arif Ahmad dengan Hamzah sebagai setiausahanya serta ahli-ahli terdiri di antaranya yang saya masih ingat Rosmera, Jymy Asmara, Masuri S.N., Awam-il-Sarkam dan lain-lain.

Aneh juga rasanya bila beberapa orang tokoh penyelidik mengatakan di antara pengasas ASAS 50 yang terpenting ialah A. Samad Ismail, Keris Mas dan Asraf. Saya tidak tahu apakah A. Samad Ismail atau Asraf bersetuju dengan hasil penyelidikan ahli-ahli dan sarjana-sarjana itu tetapi saya tahu benar pengasas, pemikir dan perancang penubuhan ASAS 50 ialah Mohd. Arif Ahmad (MAS), Hamzah, Rosmera dan Jymy Asmara di samping beberapa orang kawan seperti Masuri S.N. dan Asraf yang ikut berbincang-bincang seperti banyak penulis lain yang memperkatakan cita-cita menubuhkan sebuah persatuan untuk para penulis dewasa itu. Kalau menubuhkan ASAS 50 itu dianggap satu kredit terhadap aktivis-aktivis bahasa dan sastera Melayu moden maka yang harus menerima kredit itu ialah Arif Ahmad, Hamzah, Jymy Asmara dan Rosmera. Lebih aneh lagi ada pula yang mendapat hasil penyelidikan bahawa salah seorang pengasas ASAS 50 yang penting ialah Tongkat Warrant (Usman Awang). Yang saya tahu benar-benar Tongkat Warrant pada masa ASAS 50 ditubuhkan 6 Ogos 1950 itu masih berada di Melaka, bekerja sebagai anggota pasukan polis. Masa itu Tongkat Warrant baru saja setahun dua menulis sekali-sekali ke *Utusan Zaman* atau *Mastika*. Beliau datang ke Singapura pada tahun 1951 dengan harapan untuk dapat bekerja dengan *Melayu Raya* yang akan diterbitkan semula setelah ditutup beberapa waktu kerana dituduh terlibat mengapi-apikan orang Melayu dalam kejadian "Rusuhan Natrah".

Arif Ahmad dalam tulisannya pada sambutan dua puluh lima tahun ASAS 50 ada menyebut tentang kawan-kawan yang membincangkan penubuhan persatuan penulis (yang kemudiannya dinamakan ASAS 50 itu) memerlukan seorang *star* lalu nama saya dikemukakan. Tetapi pada malam bulan Jun 1950 bila MAS menemui saya di bilik saya di Orchard Road itu soal saya diperlukan sebagai *star* atau sebagai tokoh atau apa saja tidak terbayang sama sekali. Saya hanya menerima kedatangannya dengan pengertian tidak lebih dari pertemuan teman sealiran membincangkan hal-hal tentang penubuhan persatuan yang dimaksudkan. Dan saya datang ke persidangan penubuhan ASAS 50 itu sama seperti kedatangan kawan-kawan yang lain. Saya dengan jelas dapat mengingati bahawa ketika itu saya lebih banyak mendengar dan menyetujui saranan-saranan yang dikemukakan tentang matlamat, tujuan dasar dan program pergerakan persatuan yang akan ditubuhkan. Dan apabila jawatankuasa protem dibentuk untuk menggubal undang-undang maka kawan-kawan yang mem-

bawa gagasan dan saranan-saranan pertama itulah yang diberi kepercayaan melaksanakannya. Merekalah sebenarnya yang mengasaskan ASAS 50 dengan segala fikiran, tenaga dan masa yang ada pada mereka.

Penubuhan ASAS 50 selesai bila kira-kira lebih sebulan kemudian mesyuarat pertama diadakan kerana mengesahkan rang undang-undang yang disusun oleh jawatankuasa sementara itu. Waktu itu lebih ramai para penulis muda yang hadir, termasuk Asraf, Jamil Sulong dan Wijaya Mala (Abu Yazid Abidin) yang tidak dapat hadir pada pertemuan penubuhan 6 Ogos yang lalu itu. Mesyuarat pertama ini diadakan di rumah Hamzah di Lorong 108 Changi Road, Geylang. Jawatankuasa tetap pertama untuk tahun 1950-1951 telah dilantik dalam sidang tersebut, dengan Hamzah sebagai Ketua Satu, Masuri S.N. Ketua Dua, Arif Ahmad Setiausaha Satu, Rosmera Setiausaha Dua dan Jymy Asmara Bendahari. Saya dan Asraf serta beberapa orang lagi sebagai ahli jawatankuasa. Susunan jawatankuasa itu pada saya amat ideal, sesuai dengan keadaan dan aspirasi ASAS 50 waktu awal-awal itu. Kelima-lima orang yang menjadi ketua, setiausaha dan bendahari itu adalah sebenarnya orang-orang yang bertanggungjawab penuh menyelenggarakan segala usaha dan memikirkan kandungan rang undang-undang yang benar-benar memenuhi aspirasi satu angkatan baru.

Lembaga Bahasa Melayu

Pada masa perjumpaan menubuhkan ASAS 50, 6 Ogos 1950, saya merasa agak kecewa sedikit melihat yang hadir hanya kira-kira dua puluh orang sahaja. Hampir kesemuanya penulis-penulis muda dari golongan wartawan dan penulis-penulis dari Sahabat Pena. Hanya dua orang dari kalangan guru, iaitu MAS dan Masuri S.N. Sekurang-kurangnya saya menyangka penulis-penulis lama yang agak sederhana fikirannya dari golongan guru dan Radio Malaya, seperti Cikgu Mahmud Ahmad dan Ramli Abdul Hadi dan lain-lain tentu akan datang meninjau atau memerhati kalau pun tidak akan menyertai persatuan yang akan ditubuhkan itu. Waktu itulah saya mula merasa dengan agak pasti bahawa pertentangan faham dan fikiran antara dua golongan ini secara agak mendalam pasti akan menjadi jelas. Dan kebetulan tidak sampai dua bulan lepas itu mereka pula mengadakan pertemuan di bawah anjuran Kesatuan

Guru-guru Melayu Singapura, sebagaimana yang diusulkan oleh MAS dahulu itu.

Perjumpaan itu diadakan di Kelab Kota Raja, tempat yang dahulunya biasa dipinjam oleh PKMM untuk mengadakan mesyuarat-mesyuarat pentingnya. Memang Kelab Kota Raja dewasa itu terkenal menjadi tempat perjumpaan penting bagi orang-orang Melayu Singapura. Kelab itu sebenarnya sebuah kelab sosial dan sukan tetapi namanya begitu harum dan telah menampung banyak perjumpaan dan persidangan penting. Bahawa Kelab itu menjadi tempat berlangsungnya perjumpaan tersebut sudah dapat membayangkan bahawa penubuhan persatuan penulis ini didukung oleh orang-orang terkemuka. Sesungguhnya pemimpin-pemimpin Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura adalah pemimpin-pemimpin yang dihormati dan disegani oleh masyarakat Melayu di pulau tersebut. Tidaklah heran bahawa tokoh-tokoh politik seperti Dr. Burhanuddin dan Taha Kalu, masing-masing bekas Penasihat Agung dan Pemangku Ketua Satu PKMM, ikut hadir dan memberikan taraf agak terhormat bagi penubuhan persatuan tersebut.

Pertubuhan penulis yang baru ini diberi nama Lembaga Bahasa Melayu. Banyak orang mula menelah dewasa itu bahawa ASAS 50 yang belum lagi sempat bergerak itu telah mendapat saingan yang kuat dari golongan penulis-penulis lama. Sesungguhnya tertubuhnya Lembaga Bahasa Melayu memberikan satu kejutan kepada kami, kerana bukan saja orang luar malah kami sendiri merasa bahawa kami sedang menghadapi saingan dari pihak yang kuat yang lebih terkenal dan lebih berpengaruh. Penubuhan Lembaga Bahasa Melayu itu saja sudah cukup berkesan menekan urat saraf kami penulis-penulis muda yang tiada seorang pun yang sudah cukup terkenal seperti Harun Aminurrashid, Buyong Adil, Mahmud Ahmad dan lain-lain. Kami lebih merasa khuatir bila memikirkan bahawa Lembaga Bahasa Melayu itu diketuai oleh Dr. Burhanuddin. Siapakah kami dibandingkan dengan Dr. Burhanuddin dewasa itu.

Suasana seperti ini berlaku dalam fikiran saya sekurang-kurangnya untuk beberapa waktu sehingga saya dapat berbincang dengan Cikgu Mahmud Ahmad dan dapat meneliti rang undang-undang yang sedang disusunnya. Rang undang-undangnya itu kebetulan disahkan oleh pihak kerajaan bulan April 1951 sedangkan ASAS 50 menerima pengesahan kerajaan pada bulan

Jun 1951. Dari percakapan-percakapan dengan Cikgu Mahmud Ahmad, orang yang menjadi nadi LBM itu, dan dari tujuan-tujuan yang tersebut dalam undang-undang LBM tersebut, saya akhirnya yakin bahawa pada dasarnya tidak ada sebab mengapa ASAS 50 harus merasa khuatir. Lembaga Bahasa Melayu pada dasarnya tidak bertentangan dengan ASAS 50 kerana kedua-duanya bertujuan untuk memaju dan meluaskan pemakaian bahasa Melayu. Malah Lembaga Bahasa Melayu menegaskan antara lain hendak "mensesuaikan penggunaan bahasa Melayu mengikut kehendak zaman." Sementara ASAS 50 pula antara lain bertujuan "mengadakan pembaharuan di dalam sastera dengan tidak membunuh yang lama." yang ditafsirkan sebagai "memajukan dan memperbaiki bahasa Melayu, mengubah, mencipta, membaharui, membina perkataan untuk memperkaya bahasa."

Apa yang sangat memberikan harapan bagi saya untuk melihat lahirnya kerjasama antara kedua persatuan penulis ini ialah keterangan Cikgu Mahmud Ahmad bahawa Lembaga Bahasa Melayu tidak mempunyai tujuan mengenai kesusasteraan. Katanya anggota-anggota LBM memanglah ramai terdiri dari sasterawan tetapi mereka tidak lagi memikirkan arah dan tujuan serta cara-cara memajukan kesusasteraan Melayu selain dari hendak berusaha masing-masing secara peribadi memperbanyak hasil karya masing-masing. Cikgu Mahmud mengaku bahawa pembaharuan yang dibawa oleh penulis-penulis muda yang menjadi anggota ASAS 50 tidak akan dapat dikejar atau disertai oleh penulis-penulis lama itu. Mereka sudah sehati dengan gaya mereka yang telah berpuluh tahun mereka ikuti. Beliau sendiri mengaku ingin ikut serta memajukan gaya dan isi kesusasteraan seperti yang sedang rancang dilakukan oleh penulis-penulis muda tetapi "saya hanya dapat menyertai fikirannya, tidak praktikalnya. Stail saya sudah menjadi satu kelaziman yang susah hendak diubah." Lebih kurang demikian pendirian beliau. Nyata sekali bagi saya Cikgu Mahmud seorang yang menerima konsep pembaharuan dalam kesusasteraan dan tidak akan menjadi penghalangnya, secara peribadi mahupun melalui LBM. Beliau menegaskan dalam perlembagaan atau undang-undang LBM tidak ditetapkan soal sastera. Apa yang menjadi matlamat LBM adalah semata-mata memajukan bahasa sahaja. Beliau seterusnya menegaskan bahawa gerakan yang pertama yang akan dijalankan oleh LBM ialah mengadakan satu Lembaga kecil yang terdiri dari orang-orang yang berkebolehan untuk menyusun sebuah Kamus Bahasa Melayu yang lengkap. Beliau malah memini-

ta saya ikut menjadi anggota lembaga tersebut.

Bagi saya Cikgu Mahmud dewasa itu dan sampai ke akhir hayatnya adalah seorang pejuang bahasa, sastera dan kebudayaan Melayu yang senantiasa dapat memahami perubahan yang ada hubungannya dengan pengaruh-pengaruh sosial, ekonomi dan politik. Dia tidak pernah menjadi penentang angkatan baru walaupun dia menjadi pemimpin LBM yang amat cergas dan cekap.

Di samping Cikgu Mahmud Ahmad, seorang lagi orang kuat LBM dari Radio Malaya ialah Ramli Abdul Hadi, yang mempunyai pendirian dan konsep kebudayaan yang sama dengan Cikgu Mahmud. Kepada mereka ini saya selalu meminta nasihat, meminta fikiran apabila ada gejala-gejala pertentangan yang kurang sihat dalam kalangan penulis-penulis muda dan lama di Singapura. Saya kira kerana kebijaksanaan dan kesederhanaan mereka berdua inilah pula maka ada beberapa orang penulis muda yang menjadi anggota ASAS 50 ikut pula menjadi anggota Lembaga Bahasa Melayu. Asraf, misalnya, adalah anggota Lembaga Bahasa Melayu di samping menjadi anggota ASAS 50 yang aktif. Asraf saya kira tertarik dengan program LBM mengenai pelaksanaan tujuan membina dan memajukan bahasa. Sementara kawan-kawan seperti MAS dan lain-lain dari golongan guru-guru muda juga menjadi anggota Lembaga Bahasa Melayu di samping menjadi pemimpin dan aktif dalam ASAS 50.

Saya tidak tahu bagaimana perhubungan dan budi bicara kawan-kawan yang lain dengan Cikgu Mahmud, Ramli Abdul Hadi dan lain-lain dalam LBM dewasa itu, tetapi saya selalu membincangkan kesimpulan fikiran saya mengenai LBM seperti kesimpulan yang saya perolehi dari percakapan-percakapan dengan Cikgu Mahmud itu. Saya kira ada di antara kawan-kawan yang agak lebih radikal sikapnya dalam ASAS 50 yang menganggap saya kurang radikal seperti setengah-setengah anggota LBM menganggap Cikgu Mahmud agak terpengaruh oleh penulis-penulis muda. Bagaimanapun untuk sementara waktu pada awal-awal tertubuhnya, kedua persatuan penulis ini — ASAS 50 dan LBM — tidak terlibat dalam pertentangan yang merugikan atau menghalang kegiatan mana-mana pihak.

Di samping itu Kesatuan Guru-guru Melayu yang menjadi induk LBM itu adalah sebuah kesatuan sekerja (*trade union*) yang dalam banyak hal agak progresif sikapnya, terutama terhadap penderitaan rakyat dan struktur sosial rakyat umum di Singapura di

samping pembelaan terhadap anggota-anggotanya dalam hal perkhidmatan guru. Dengan demikian Kesatuan itu senantiasa dapat memahami aspirasi penulis-penulis muda umumnya dan ASAS 50 khususnya mengenai pembaharuan dan pemodenan fikiran melalui sastra. Tetapi oleh kerana LBM dianggotai bukan oleh guru-guru saja melainkan oleh penulis-penulis dan peminat-peminat atau pejuang-pejuang bahasa dari golongan lama bukan guru seperti kakitangan Radio Malaya dan lain-lainnya, maka tidaklah dapat dinafikan adanya penentangan-penentangan yang agak sengit dari orang-orang tertentu yang menjadi ahli LBM itu. Di Radio Malaya ada orang-orang kuat seperti Othman Kalam (almarhum) dan Buyong Adil (almarhum) yang memandang keradikalan penulis-penulis muda dalam lapangan sastra itu sebagai punca kerosakan bahasa Melayu. Dan semenjak itu kalangan yang menghidupkan kegiatan-kegiatan bahasa dan sastra di Singapura tidaklah lagi terbatas kepada wartawan-wartawan dan guru-guru tetapi juga tokoh-tokoh Radio Malaya. Tokoh-tokoh bekas parti politik seperti Dr. Burhanuddin dan Taha Kalu ternyata tidak sebenarnya melibatkan diri dalam arena pergolakan bahasa dan sastra ini. Mereka terlantik menjadi anggota-anggota pemimpin LBM semata-mata kerana kebetulan saja. Dan mereka tidak sempat ditetapkan menjadi anggota-anggota pimpinan tersebut sebab mereka telah ditahan sebelum Lembaga Bahasa Melayu diluluskan pendaftarannya oleh kerajaan. Dr. Burhanuddin dan Taha Kalu ditahan kerana dituduh terlibat dalam sengketa Rusuhan Natrah.

Fikiran-fikiran Baru

Setelah selesai penubuhan ASAS 50 dan Lembaga Bahasa Melayu dan setelah jelas pendirian masing-masing maka keadaan mulai tenang dalam kalangan para penulis, baik golongan lama mahu pun golongan muda. ASAS 50 terus merancang kegiatannya yang pertama iaitu menyertai Pasar Malam Istimewa di New World. Pasar Malam ini disebut istimewa kerana biasanya pasar malam yang diadakan di Taman Hiburan yang popular itu hanya berupa pasar perdagangan dan perusahaan saja. Sedangkan Pasar Malam Istimewa ini ialah pasar "Senibudaya" di mana gerai-gerai di-sewakan untuk pertunjukan kebudayaan Melayu dan penjualan bahan-bahan bacaan Melayu dan Indonesia oleh penerbit-penerbit dan kedai-kedai buku Melayu. Juga pertunjukan kebudayaan lain-

nya termasuk pameran perkembangan bahasa dan sastera Melayu. Pertunjukan atau pasar malam seperti ini yang diadakan secara besar-besaran di New World belum pernah dibuat orang di Singapura sampai ke saat itu. Pasar malam ini berguna sekali dari segi publisiti ASAS 50 kepada masyarakat umum.

Saya sendiri sebagai anggota jawatankuasa ASAS 50 tidak banyak mengambil bahagian yang cergas dalam menguruskan penyertaan ASAS 50 pada Pasar Malam itu. Sebaliknya saya sibuk menguruskan diri sendiri agak seketika kerana saya akan melangsungkan perkahwinan. Waktu itu saya telah berusia dua puluh lapan tahun, bergaji lebih 300 ringgit sebulan. Kenaikan gaji di Utusan Melayu tidak mengikut kenaikan tahunan yang ditetapkan tetapi berdasarkan dedikasi dan kesanggupan bekerja. Saya baru saja bekerja tiga tahun bermula dengan gaji 100 ringgit tetapi telah menerima beberapa kali kenaikan gaji. Saya bersyukur kepada Tuhan bahawa saya diberi pertimbangan tentang kenaikan gaji itu oleh pihak yang berkuasa Utusan. Sebenarnya bukan saya seorang yang menerima layanan baik seperti itu. Ada lagi beberapa orang wartawan yang meningkat naik dengan cepat seperti Othman Wok, Salleh Daud dan Dahari Ali di samping Pengarang A. Samad Ismail sendiri. Dengan 300 ringgit sebulan saya dan bakal isteri saya Rosewita Haji Ali yang juga pemberita Utusan Melayu akan mempunyai pendapatan kira-kira 500 ringgit sebulan. Kami berdua yakin akan dapat hidup sederhana dan segera merancang perkahwinan kami. Pasar Malam Istimewa yang disertai ASAS 50 itu diadakan serentak masanya dengan hari perkahwinan saya, pada 8 Oktober 1950.

Sementara itu saya dan isteri terus juga bekerja seperti biasa. Cuti hanya seminggu saja. Selepas Pasar Malam perbincangan dan percakapan tentang bahasa dan sastera semakin rancak berlaku dalam kalangan kami dan juga kalangan Lembaga Bahasa Melayu. Topik yang besar ialah soal ejaan tulisan rumi, kedudukan rumi dan jawi dalam hubungan pemodenan bahasa Melayu dan soal bunyi pengucapan Melayu Riau dan Melayu Indonesia.

Di Utusan Melayu Asraf menjadi pusat pemikiran-pemikiran ini. Di samping banyak membaca buku-buku bahasa dari Inggeris dan Indonesia Asraf makin hari makin banyak pula menumpahkan perhatiannya terhadap sastera. Ia telah mula membaca Guy de Maupassant, Gorky dan lain-lain. Paling berpengaruh nampaknya dalam fikiran Asraf ialah pemodenan bahasa Melayu haruslah disesuaikan dengan hukum-hukum morfologi dan sintaksis yang

sedang berkembang di Indonesia. Ia mempunyai keyakinan penuh bahawa untuk kepentingan bahasa Melayu menghadapi tugas ilmu pengetahuan, tugas kebangsaan dan tugas sastera maka ia haruslah dimodenkan dan disamakan kemajuannya dan perkembangannya dengan bahasa Indonesia. Untuk itu ia berpendapat bukan saja tatabahasa, morfologi dan sintaksis, bahkan bunyi pengucapan, ejaan dan perbendaharaan kata haruslah disamakan sedapat mungkin. Fikiran Asraf ini yang sebenarnya adalah perincian dari semangat Malaya-Indonesia dalam hubungan kebudayaan dan juga politik yang dahulunya diperjuangkan oleh PKMM, API dan AWAS. Tetapi apa yang timbulkannya dewasa itu tidak lagi dalam hubungan politik melainkan semata-mata dalam hubungan kebudayaan dan khususnya dalam aspek pemodenan bahasa Melayu itu sendiri. Asraf mendapati banyak kelemahan dalam tatabahasa Melayu yang tidak dipermaju semenjak kajian Za'ba yang telah berusia setengah abad itu. Dan beliau melihat kelemahan dalam ejaan rumi Melayu tentang penggunaan huruf-huruf vokal tetapi ia mendapati pula penggunaan huruf-huruf konsonan Indonesia mempunyai kelemahan-kelemahan. Maka itu ia berpendapat ejaan seperti yang telah dicuba oleh *Fajar Asia* dalam zaman Jepun itu amat sesuai untuk diterima oleh Malaya dan Indonesia. Mengenai bunyi pengucapan ia berpendapat bunyi yang rasmi dipakai oleh Radio Malaya itu adalah bunyi loghat daerah Johor-Riau. Bunyi pengucapan yang standard ialah bunyi yang biasa diucapkan di Indonesia. Tidak semua orang setuju dengan semua gagasan Asraf ini dan tidak pula semua orang tidak setuju kepada semua gagasan itu.



Tan Sri Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba)



Ishak Haji Muhammad



Mahmud Ahmad



A. Samad Ismail



Harun Aminurrashid



Masuri S.N.



Jmy Asmara



Awam-il-Sarkam



Hamzah



Mohd. Arif Ahmad (MAS)



Usman Awang (Tongkat Warrant)




Abu Yazid Abidin (Wijaya Mala)



Asraf



A. Samad Said



Persidangan tergepar Perwakilan Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) tahun 1948 dalam menghadapi Undang-undang Darurat sebelum Partai ini bubar. Gambar diambil di Kota Raja Club, Singapura.



Bergambar dengan teman-teman di Pejabat Utusan Melayu, Singapura (1948). Dari kiri Salleh Daud, Hussain Hamid, Noordin A. Rahman, A. Samad Ismail, Penulis dan Othman Wok.



Penulis selaku Pengerusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Yang Pertama yang berlangsung di Seaview Hotel, Singapura tahun 1952.



Menyertai Perwakilan ke Kongres Bahasa di Medan tahun 1954.



Kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka yang awal di bawah Pengarah Ungku Aziz di Johor Baharu tahun 1957.



... Pujian yang mereka berikan dalam majlis itu kepada saya sebagai seorang pentadbir dan sebagai ketua yang berjaya amat mengecutkan hati saya kerana kejayaan menjadi pentadbir dan ketua itu bukanlah niat saya yang asal.



Prof. Ungku Aziz



Tan Sri Syed Nasir Ismail



Shahnon Ahmad



Baharuddin Zainal



Muhammad Hj. Salleh



Latiff Mohidin



Prof. Ismail Hussein



Prof. Madya A. Bakar Hamid



Prof. Mohd. Taib Osman

TAHUN-TAHUN YANG BERGOLAK

WALAUPUN keadaan politik Malaya telah mula bergolak semenjak British ingin memaksakan sistem pemerintahan kolonial terhadap negeri-negeri Tanah Melayu untuk menyertai sistem yang telah sedia dilaksanakan di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang dengan nama Malayan Union, iaitu pada tahun 1946, tetapi pergolakan yang paling hebat bermula setelah pemberontakan komunis yang mengakibatkan perintah darurat pada tahun 1948 dan pembunuhan terhadap Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British, dalam satu serang hendap gerila komunis dekat Frazer Hill bulan Oktober 1951. Kejadian ini berekor dengan kedatangan Pesuruhjaya Tinggi yang baru, General Sir Gerald Templer, pada Januari 1952 dengan kuasa penuh untuk menghancurkan pemberontakan komunis dan menghapuskan pertelingkahan-pertelingkahan perkauman, terutama antara orang Cina dan orang Melayu. Pentadbiran awam masih berjalan di bawah pimpinan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Sir Donald MacGillivray.

Peperangan fizikal dan mental hebat berlaku dengan amat sengit untuk mematahkan keganasan-keganasan komunis itu. Peperangan mental yang disebut perang urat saraf itu sebenarnya bukan saja terhadap orang-orang Cina yang berdiri atas pagar, iaitu yang menyokong penganas-penganas komunis untuk menjaga keselamatan dan kepentingan diri masing-masing, tetapi juga terhadap kaum Cina dan kaum Melayu umumnya yang sedang hebat berjuang untuk menuntut kemerdekaan. Dalam perjuangan kemerdekaan ini orang Melayu masih seperti dalam tahun 1946 waktu menentang Malayan Union, berslogan "Negeri Melayu Untuk Orang Melayu". Manakala orang Cina yang akhirnya menye-

dari kedudukan mereka di negeri ini semenjak hancurnya pemerintahan Kuo Min Tang (Chiang Kai Shek) dan berdirinya Republik Rakyat China (komunis) di negeri China tahun 1949, sudah mulai menyangsikan masa depan mereka dalam hubungan dengan negeri China itu, kerana mereka adalah satu kaum yang ingin hidup senang, bebas berniaga dan berusaha dan tidak memutuskan hubungan dengan kaum kerabat dan aruah nenek moyang mereka yang sudah tentu berada di negeri China. Mereka mulai melihat Malaya sebagai tempat satu-satunya bagi mereka untuk hidup terus bebas kerana mereka bukannya komunis walaupun ada sebahagian yang menjadi komunis dan ikut memberontak dalam negeri ini tetapi bilangannya tidak besar.

Untuk dapat hidup bebas dalam negeri ini mereka tidak lagi seharusnya menjunjung kedaulatan Negeri China yang sudah menjadi negara komunis itu tetapi sebaliknya harus menjadi rakyat negeri ini. Mereka mulai berpolitik untuk mendapat kerakyatan negeri ini. Tetapi mereka tetap juga mahu cara hidup dan kebudayaan mereka terpelihara sebagai orang Cina. Sementara orang Melayu semakin curiga akan akibat pengaruh Cina ini kerana orang Cina adalah kaum yang kuat kedudukan ekonominya dan kaum yang ramai golongan menengahnya. Orang Melayu sungguhpun ingin membawa orang-orang Cina ikut berjuang menuntut kemerdekaan sebagaimana yang dikehendaki oleh dasar kerajaan Ingeris, iaitu perpaduan kaum diperlukan untuk mendirikan kerajaan sendiri dan seterusnya kemerdekaan penuh, tetapi mereka tidak mudah boleh memberi kerakyatan penuh kepada orang-orang Cina yang taat setianya masih diragukan. Maka dalam persengketaan ini orang Melayu tetap menekankan supaya ketuanan Raja-raja Melayu, hak-hak istimewa orang Melayu, adat istiadat Melayu, agama Islam dan bahasa Melayu mesti dipelihara sebagai perkara-perkara asas kebangsaan Malaya. Jadinya masalah melahirkan satu rupa bangsa Malayan yang diperlukan oleh British untuk memperkuat barisan anak negeri menentang komunis menjadi masalah besar.

Dalam pergolakan ini kami di suratkhbar mendapat tekanan yang amat kuat dari pemerintahan General Templer. Kami harus jangan membesarkan isu-isu perkauman Melayu-Cina, di samping harus mengadakan siaran berita dan karangan-karangan yang bertujuan membentuk fikiran umum untuk menentang pengganas komunis habis-habisan. Saya masih ingat ada waktunya karangan-

karangan menentang penganas dikarang sendiri oleh pihak Perhubungan Raya di Kuala Lumpur dan diminta supaya disiarkan dalam *Utusan Melayu* atas arahan General Templer sendiri. Pada suatu waktu saya terpaksa mengunjungi Alfadzil Kiyai Haji Fadhlullah Suhaimi (almarhum), seorang ulama besar di Singapura yang disegani dan dihormati di seluruh Malaya untuk memujuk beliau menulis rencana anti komunis tiap-tiap hari Jumaat. Pada hal pada masa itu Kiyai Fadhlullah adalah pengarang *Melayu Raya*. Tetapi beliau memberikan juga jasa baiknya dan tiap-tiap pagi Khamis saya menerima karangannya di rumah sebelum ke pejabat, dihantarkan oleh seorang anak lelakinya (masa itu, semenjak lepas kahwin, saya tinggal menyewa rumah di Kampung Melayu tidak jauh dari rumah Kiyai Haji Fadhlullah). Tindakan seperti ini terpaksa dibuat walaupun dalam kalangan kami di Utusan Melayu ada penulis-penulis yang boleh mengarang rencana-rencana seperti itu. Yusuf Ishak mahu karangan mingguan anti komunis itu ditulis oleh seorang ulama yang terkemuka. Menurut beliau General Templer mengarahkan demikian. Hal ini berlaku pada waktu kami di Utusan Melayu sedang kesesakan oleh kekurangan tenaga, terutama oleh kerana Pengarang kami A. Samad Ismail telah ditahan atas tuduhan bersubahat dengan kegiatan subversif.

Di samping itu berita-berita tentang gerakan pasukan keselamatan menggempur penganas komunis mesti disiarkan selengkapnya sebagaimana yang disiarkan oleh pihak Perhubungan Raya. Wakil dan pemberita kami di Kuala Lumpur terpaksa ditambah kekuatannya. Othman Wok, salah seorang wartawan kanan kami terpaksa dipindahkan ke Kuala Lumpur membantu Abdul Aziz Ishak, Pengarang Bersekutu *Utusan Melayu* bagi Tanah Melayu. Othman Wok sering dibawa mengikuti pasukan keselamatan yang menjalankan operasi ke dalam hutan. Beritanya dan gambar-gambar yang dikirimnya harus disiarkan selengkapnya. Kebanyakan dari kami yang sudah biasa bekerja agak bebas membentuk fikiran umum mengikut cara kami sendiri mulai merasa agak kekok dan tertekan walaupun kami menyokong dasar kerajaan untuk menghapuskan tindakan-tindakan ganas yang dijalankan oleh pihak penganas komunis itu. Kami berpendapat kami boleh memberikan kerjasama kepada kerajaan membentuk fikiran umum melalui persembahan berita, karangan-karangan dan ulasan-ulasan dengan cara kami sendiri, tetapi ini tidak dimungkinkan oleh caranya General Templer menjalankan taktiknya.

Ingin Menjadi "Pressure Group"

Kedadaan politik perkauman di samping politik menuntut kemerdekaan yang memuncak setiap hari menyebabkan kalangan wartawan dan guru-guru yang menganggotai ASAS 50 dan Lembaga Bahasa Melayu di Singapura bertambah banyak membincangkan dan memikirkan pentingnya kedudukan bahasa Melayu. Penulis-penulis ini seolah-olah tidak tersentuh oleh sulit rumitnya pergolakan politik yang dihadapi oleh pejuang-pejuang politik seperti UMNO dewasa itu. Mereka juga tidak begitu tersentuh oleh gerakan menghapuskan pengganas komunis oleh pihak kerajaan. Mereka seolah-olah telah melihat bahawa akhir dari semuanya itu kelak Persekutuan Tanah Melayu akan merdeka. Rakyat Tanah Melayu dan juga rakyat Singapura tentu akan mendirikan negara merdeka. Dalam hubungan ini sebagai penulis dan guru-guru yang dari mula semenjak perjuangan kemerdekaan diperjuangkan telah memberikan perhatian terhadap politik kebudayaan dan menitikberatkan soal bahasa sebagai unsur terpenting, penulis-penulis dan guru-guru yang menjadi anggota ASAS 50 dan Lembaga Bahasa Melayu ini bertambah banyak memikirkan kedudukan bahasa dalam hubungannya dengan kemerdekaan yang akan dicapai kelak.

Pemikiran-pemikiran mereka mendapat sambutan yang hangat pula di Persekutuan Tanah Melayu. Persatuan Penulis mulai tumbuh seperti Ikatan Penulis Melayu di Melaka, Angkatan Sasterawan Negeri Sembilan (ASAS Negeri) di Negeri Sembilan, Angkatan Sasterawan Utara Malaya (ASAS UTAMA) di Pulau Pinang, Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) di Pahang, dan lain-lain. Semuanya sedikit sebanyak didorongkan oleh semangat hendak mendaulatkan bahasa Melayu.

Saya sendiri semenjak A. Samad Ismail ditahan telah diberi tugas lebih banyak dalam *Utusan Melayu*, di samping menjaga *Utusan Zaman* dan *Mastika*. Tetapi masa itu halaman kebudayaan dan sastera *Utusan Zaman* dan *Mastika* telah banyak dibantu oleh Asraf yang semakin hari semakin dinamik dan cergas. Asraf bukan saja menjadi anggota sidang pengarang yang cekap dan rajin menulis tetapi juga amat aktif menghubungi para penulis dan aktivis-aktivis sastera dan bahasa dari golongan ASAS 50 dan Lembaga Bahasa Melayu di luar *Utusan Melayu*. Apa yang sangat menarik hati saya masa itu ialah sikap yang semakin tegas yang saya lihat dari fikiran dan kegiatan para penulis dan pejuang

bahasa ini yang nampaknya amat sesuai dengan perkembangan politik.

Seperti telah saya katakan sebelum ini, perjuangan politik orang Melayu telah mula diisi oleh kelompok-kelompok atau golongan-golongan yang berkepentingan dalam pembentukan kehidupan nasional, sama ada dalam sebuah parti politik yang memperjuangkan semua unsur-unsur kepentingan nasional ataupun masing-masing golongan menjalankan kegiatan dan perjuangan sendiri dalam jurusan masing-masing seperti golongan ekonomi, golongan buruh, golongan pelajaran, golongan agama, dan golongan kebudayaan; khususnya bahasa dan sastera.

ASAS 50 dan Lembaga Bahasa Melayu yang muncul sebagai pelopor pergerakan bahasa dan sastera yang sedang diikuti pula oleh badan-badan lain di berbagai negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu, jelas kelihatan mempunyai cita-cita kebangsaan yang amat kuat. Sesungguhnya ASAS 50 dan Lembaga Bahasa Melayu bukan badan politik tetapi tujuan perjuangannya bukanlah semata-mata memajukan dan meninggikan bahasa dan sastera Melayu, bahkan memajukan dan meninggikan bahasa dan sastera itu untuk tujuan kelak mengisi tempat yang sewajarnya sebagai bahasa yang berdaulat bagi sebuah negara merdeka yang berdaulat.

Dalam ASAS 50 saya mengalami satu perkembangan semangat dan juga perkembangan pemikiran yang harmonis antara kami sekalian bahawa tiap seorang dari kami, sekurang-kurangnya anggota-anggota jawatankuasa dan anggota-anggota biasa yang sering mengadakan perbincangan dan majlis kajian (mini-seminar barangkali mengikut istilah sekarang), telah mengangkat diri kami sebagai pejuang kedaulatan bahasa dan sastera Melayu. Dalam kegiatan peribadi sebagai penulis, sebagai wartawan dan sebagai guru kami terus mengembangkan sikap ini dengan cara kami masing-masing. Kami menebarkan saranan dan gagasan kami kepada seluruh masyarakat mengikut saluran perhubungan dan pengaruh kami masing-masing. Di dalam ASAS 50 ada bekas pejuang atau pengikut dasar perjuangan parti-parti kiri seperti PKMM dan API, juga ada mereka yang cocok dengan perjuangan UMNO atau pengikut Datuk Onn secara peribadi, ada yang cenderung kepada perjuangan Kesatuan Sekerja atau *trade union* dan ada pula yang cenderung kepada perjuangan Islam. Masing-masing menebarkan saranan dan gagasan perjuangan mendaulatkan bahasa dan sastera kepada kelompok dan golongan masing-masing. Politik parti tidak membatasi atau memisahkan kami. Ini saya rasa

menjadikan ASAS 50 agak berpengaruh terutama dalam kalangan pemuda-pemuda. Dan oleh kerana hubungan kami dengan LBM boleh dikatakan rapat dan baik maka pengaruh yang ada pada LBM juga menambahkan pengaruh gerakan mendaulatkan bahasa dan sastera ini menjadi lebih meluas ke seluruh Tanah Melayu. Pengaruh LBM bukannya kecil terhadap guru-guru di seluruh Tanah Melayu melalui pengaruh dan kedudukan Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura yang boleh dikatakan salah sebuah Kesatuan Guru yang paling progresif dan berpengaruh dewasa itu.

Mesyuarat agung ASAS 50 yang pertama diadakan pada bulan September 1951. Mesyuarat agung ini menampakkan tanda adanya sambutan dan pandangan baik terhadap ASAS 50 kerana beberapa orang wakil penerbit dan juga anggota-anggota LBM serta anggota-anggota Kesatuan Guru yang berpengaruh turut hadir sebagai pemerhati. Kami sesungguhnya merasa mendapat penghormatan dan mendapat satu dorongan semangat yang lebih kuat dan lebih yakin dengan tujuan dan taktik perjuangan kami. Dalam mesyuarat agung itu saya telah dipilih untuk menjadi Ketua Satu Jawatankuasa tahun 1951-52 yang dipilih bersama saya terdiri dari tokoh-tokoh penulis muda yang saya kenal paling cergas dan paling berpengaruh dalam kalangan penulis, wartawan dan guru-guru muda di Singapura waktu itu. Mereka itu ialah Hamzah (Ketua Dua), Mohd. Arif Ahmad (Setiausaha Satu), Rosmera (Setiausaha Dua), Jymy Asmara (Bendahari), dengan ahli-ahli jawatankuasa Masuri S.N., Asraf, Awam il-Sarkam, Jalil Haji Noor, Wijaya Mala dan Jamil Sulong. Dan pemuda-pemuda ini kebetulan mewakili penulis dari hampir semua penerbit yang berpengaruh dan kuat di Singapura waktu itu seperti Utusan Melayu, Melayu Raya dan Harmony, di samping mewakili juga kalangan guru-guru muda.

Dalam mesyuarat agung inilah dikemukakan gagasan untuk mengadakan persidangan penulis seluruh tanahair, yang kami sebut pada masa itu "konferansi sasterawan setanahair". Apa yang hendak kami capai dari "konferansi" itu kelak ialah melahirkan satu tenaga perjuangan yang kuat yang menyeluruh di seluruh tanahair tentang cita-cita perjuangan mendaulatkan bahasa dan sastera Melayu. Kami ingin melahirkan *pressure group* terhadap perjuangan parti-parti politik untuk menjadikan kedaulatan bahasa dan sastera Melayu menjadi salah satu program perjuangan mereka.

Pada mulanya kami yakin perjumpaan para sasterawan setanahair akan dapat kami adakan dalam masa yang singkat. Ini

berdasarkan iklim dan suasana politik yang sedang hangat waktu itu. Orang Melayu, baik yang berjuang dalam parti politik mahupun yang tidak memasuki sebarang parti politik, seluruhnya sedang dibakar oleh sikap perkauman kaum Cina yang kelihatan sebulat suara menjadikan isu kerakyatan sebagai kartu tawar menawar untuk mereka menjadi bahagian yang berkesan dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Orang Melayu semakin banyak menyuarakan tuntutan-tuntutan hak istimewa mereka dipelihara, diakui dan dijamin. Sudah tentu satu persidangan para sasterawan dan pejuang bahasa akan mendapat sambutan yang besar. Tetapi sedikit demi sedikit kami sedar pula bahawa mengadakan perjumpaan besar seperti itu memerlukan banyak tenaga, banyak wang dan banyak pengaruh, sedangkan kami bukanlah golongan yang sudah cukup kuat dalam hal-hal tersebut. Maka akhirnya kami mengajak Lembaga Bahasa Melayu, Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura, Persatuan Persuratan Pemuda-pemudi Melayu Singapura dan Persatuan Trengkas Melayu Institut untuk bekerjasama. Pelawaan kami diterima dengan baik.

Pada 12 April 1952, kalau saya tidak silap, persidangan itu dapat diadakan dengan dihadiri oleh wakil-wakil dari lebih dua puluh pertubuhan yang masing-masing terlibat dalam perjuangan bahasa dan kebudayaan dari seluruh Singapura dan Tanah Melayu. Hari pertama persidangan itu berjaya menyetujui satu saranan untuk menubuhkan sebuah badan gabungan yang longgar yang akan menjadi pusat kegiatan bersama memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu. Badan itu dinamakan Kongres Bahasa dan Peruratan Melayu dengan tiap-tiap pertubuhan dan persatuan yang mempunyai tujuan perjuangan untuk memajukan bahasa dan sastra menjadi semacam anggota yang dinamakan Kerabat Kongres. Telah disetujui juga bahawa sidang berikutnya yang diadakan hari besoknya menjadi sidang Kongres Bahasa dan Peruratan Melayu Yang Pertama. Sidang Kongres Yang Pertama itu menjadi hebat dan heboh kerana wakil Badan Kebudayaan UMNO dan Penerbit Qalam bertindak keluar dari sidang kerana membantah *standing order*. Wakil yang keluar itu ialah Syed Jafar Albar (almarhum) dari UMNO dan Syed Abdul Hamid Edrus (almarhum) dari penerbit Qalam. Barangkali juga ASAS 50 dan rakan-rakannya badan-badan yang menganjurkan persidangan tersebut kurang arif tentang *standing order* tetapi Kongres tersebut baru saja ditubuhkan maka segalanya belum ada peraturan yang ditetapkan. Kongres itu seterusnya mengadakan rangka semacam perlem-

bagaan yang dinamakan "Piagam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu" yang dijadikan asas dan peraturan untuk badan-badan yang menjadi Kerabat Kongres bila-bila diperlukan dapat menghubungi kerabat yang lain untuk mengadakan Kongres atau persidangan.

Selanjutnya kongres pertama itu telah membuat ketetapan penting berdasarkan ucapan yang saya kemukakan sebagai pengerusi pihak penganjur. Ketetapan itu lebih kurang berisi "Bahwa Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu akan bertindak dari semasa ke semasa untuk mencapai tujuan menjadikan bahasa Melayu bahasa Kebangsaan."

Keputusan kedua dari kongres pertama ini ialah menubuhkan sebuah jawatankuasa penyelidik yang akan menyiasat dan menyelidiki dengan teliti penggunaan tulisan jawi dan rumi dalam persuratan Melayu segala lapangan, sama ada lapangan penerbitan, lapangan pentadbiran bahkan lapangan penggunaan peribadi kebanyakan orang Melayu. Keputusan ini dibuat berbangkit dari usul ASAS 50 yang meminta Kongres menimbangakan supaya tulisan rumi dijadikan tulisan rasmi. Usul ini mendapat bahasan yang hebat kerana memang ternyata banyak fikiran mengatakan tulisan jawi sudah begitu sehati dengan masyarakat Melayu, lagi pula tulisan jawi dapat dianggap salah satu ciri kebudayaan Melayu. Kompromi untuk menyiasat sejauh mana luasnya penggunaan kedua-dua tulisan itu dalam masyarakat dicapai kerana ASAS 50 mengemukakan usul itu berdasarkan potensi bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan yang akan terpaksa dipelajari oleh kaum-kaum lain yang lebih mudah menerima tulisan rumi, dan juga memandangkan pemodenan bahasa Melayu untuk menjadi bahasa ilmu pengetahuan dan bahasa pertadbiran di masa depan maka tulisan rumi adalah lebih sesuai. Lagi pula kalau tulisan jawi akan dijadikan tulisan rasmi maka segala kelemahan yang ada pada tulisan itu terutama huruf-huruf saksinya hendaklah diperbaiki. Bagaimanapun hujah-hujah kedua pihak memerlukan kajian yang lebih mendalam sebelum sebarang keputusan dibuat, maka itulah sebuah jawatankuasa ditubuhkan dan hasilnya akan dibincangkan dalam kongres yang kedua kelak.

Lepas Kongres itu saya merasa diri saya amat besar dan gembira. Inilah pertama kali dalam sejarah hidup saya mengetuai satu persidangan besar seperti itu. Persidangan itu bukan saja besar dalam erti lahirnya di mana berpuluh badan diwakili dan diadakan di tempat yang agak mewah, iaitu sebuah hotel terkemuka di

Singapura, Seaview Hotel, tetapi juga membawa erti yang besar kepada perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu. Saya yakin dan kawan-kawan dari ASAS 50 dan lain-lain persatuan yang ikut bersama menganjurkan kongres tersebut yakin bahawa satu titik permulaan yang berkesan untuk menghidupkan semangat mendaulatkan bahasa Melayu telah ditanamkan ke dalam masyarakat Melayu.

Cita-cita ASAS 50 menganjurkan apa yang mulanya dinamakan "konferansi sasterawan setanahair" untuk melahirkan semacam *pressure group* terhadap perjuangan politik kebangsaan itu rasanya telah mulai menampakkan hasil dalam bentuk sebuah badan induk yang dinamakan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu.

Seni Untuk Masyarakat

Dalam masa kira-kira setahun semenjak ditubuhkan, 6 Ogos 1950, hingga mesyuarat agung pertama, 13 September 1951, ASAS 50 sebagai sebuah pertubuhan belum banyak mengadakan aktiviti keluar. Aktiviti di dalam pertubuhan itu sendiri pun tidak begitu banyak yang bererti selain dari menambah erat perhubungan dan pengertian serta sikap ahli-ahli tentang soal-soal bahasa dan sastera. Fikiran-fikiran Asraf tentang penyatuan bahasa dengan Indonesia, tentang ejaan dan bunyi bahasa adalah di antara pokok-pokok perbincangan dan pemikiran bukan saja di antara ahli ASAS 50 tetapi juga dalam kalangan masyarakat bahasa dan sastera umumnya di Singapura. Fikiran-fikiran ini yang disiarkan dalam *Utusan Zaman* dan *Mastika* mendapat perhatian yang luas. Tetapi oleh kerana pemikiran itu memerlukan pengertian yang lebih mendalam maka perkara yang dahulu mendapat perhatian dan tindakan ialah tentang perpaduan sikap umum kalangan bahasa dan sastera mengenai kedudukan bahasa Melayu dari segi politik. Dan sebagai telah digambarkan sebelum ini pemikiran itu telah melahirkan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu. Masalah bahasa itu sendiri masih memerlukan banyak kajian dan pertimbangan. Pertama sekali jika bahasa Melayu akan dijadikan bahasa kebangsaan yang akan mendukung satu peradaban moden dalam sebuah negara merdeka yang terdiri dari berbagai kaum maka soal-soal kemudahan mempelajari bahasa itu haruslah ditimbang, maka itulah sebabnya soal tulisan rumi timbul menjadi pertimbangan dalam kongres yang pertama itu.

Pemikiran tentang memodenkan dan memudahkan pengembangan bahasa Melayu dalam taraf kebangsaan ini memanglah bermula dari fikiran-fikiran ASAS 50 tetapi yang akan memutuskannya mestilah seluruh rakyat yang memperjuangkan cita-cita mendaulatkan bahasa itu sendiri. Saya sendiri dapat melihat waktu itu betapa akan hebatnya usaha memodenkan bahasa Melayu untuk dapat menjadi bahasa ilmu pengetahuan, bahasa pentadbiran dan bahasa penghubung kebudayaan bagi sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Bukan saja dari segi politik gagasan ini akan mendapat tentangan dari golongan kaum Cina tetapi juga golongan terpelajar Inggeris segala kaum termasuk Melayu sendiri tidak akan mudah menerimanya. Bahasa Melayu dalam keadaannya dewasa itu hanya layak untuk dipakai dalam sekolah rendah saja. Nilai ekonomi dan ilmiahnya boleh dikatakan kosong.

Maka oleh sebab itu bila masa itu ASAS 50 berdiri di depan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu dengan cita-cita mendaulatkan bahasa Melayu dari segi politik maka ASAS 50 dan sekalian anggota kerabat Kongres berhadapan dengan soal yang lebih besar, iaitu tugas menaikkan taraf keutuhan bahasa itu sendiri dari segala aspeknya. Dan ini bukanlah kerja yang dengan mudah boleh dilaksanakan oleh para peminat dan pejuang bahasa saja. Unsur-unsur kajian dari segi ilmu bahasa, dari segi pengajaran dan sebagainya mulai kelihatan. Soal tulisan (rumi atau jawi), soal ejaan (baik rumi mahupun jawi), soal tatabahasa, soal istilah untuk segala jenis ilmu moden, semuanya memerlukan tenaga pakar yang ternyata amat kering dewasa itu. Satu-satunya jalan yang agak mudah ialah menerima segala kemajuan yang telah tercapai di Indonesia yang kebetulan memakai bahasa Melayu sebagai bahasa nasionalnya. Tetapi saya sendiri sedar bahawa jalan ini bukanlah jalan yang mudah juga kerana saya pernah mengalami kegagalan dalam perjuangan politik Melayu Raya yang pada saat itu sudah boleh dikatakan lumpuh sama sekali. Dalam masyarakat kita ada golongan lama yang digelar oleh Asraf sebagai "bodoh sombong" yang tidak dapat mengakui, apatah lagi menerima, bahawa Indonesia di waktu itu telah lebih maju dari kita. Sebenarnya golongan ini bukanlah "bodoh sombong" tetapi terlalu tradisional dan pada setengah keadaan masih memandang kebolehan yang kita peroleh dari Inggeris lebih baik dari kebolehan Indonesia yang diperolehi dari Belanda.

Maka kesimpulan fikiran saya waktu itu ialah mengutamakan status politik bahasa itu lebih dahulu dan kelak dengan kuasa

politik mungkin usaha memajukan dan memodenkan bahasa Melayu itu akan dapat dilaksanakan. Tetapi saya tidak menafikan bahawa dalam banyak hal kita terpaksa mengikuti perkembangan bahasa dan sastera di Indonesia. Pengalaman-pengalaman yang telah dilalui oleh Indonesia itu amat besar artinya untuk kita kelak memilih jalan yang lebih praktis. Dan memandangkan bahawa bahasa Indonesia itu adalah bahasa Melayu juga maka apa yang telah mereka alami untuk memajukan dan memodenkan bahasa mereka itu tidak mungkin tidak akan kita alami juga.

Sebagai ketua ASAS 50 waktu itu fikiran saya ini saya tekankan dalam perbincangan-perbincangan dengan kawan-kawan. Saya rasa tidak ada penentangan terhadapnya. Tetapi dari luar ASAS 50 memang penentangan terhadap pemodenan bahasa Melayu melalui soal-soal tulisan, ejaan, tatabahasa dan sebagainya masih dianggap satu kerja merosakkan keaslian bahasa Melayu, malah pada setengah-setengah golongan sampai menuduh ASAS 50 tidak sedar akan melemahkan pengaruh pengajaran agama Islam dalam kalangan orang Melayu dengan memilih tulisan rumi itu. Inilah soal-soal yang kami hadapi. Tetapi kami mempunyai penyokong yang kuat juga dari setengah golongan Lembaga Bahasa Melayu dan juga dari Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura.

Dalam lapangan sastera, semua anggota ASAS 50 menganut semacam gaya yang bernafas baru, menggunakan gaya bahasa yang lebih segar dari angkatan penulis lama, menggunakan tema kemasyarakatan, politik dan kebudayaan yang bertujuan membangkitkan semangat kemerdekaan, semangat berdikari sebagai satu bangsa yang punya kehormatan dan identiti sendiri, membela keadilan dan menentang penindasan. Aliran ini sudah lama diamalkan oleh penulis-penulis muda yang akhirnya mencetuskan suasana tertubuhnya persatuan kami yang kami namakan Angkatan Sasterawan 50 itu. Kami menganggap bahawa kami tergolong ke dalam satu angkatan atau generasi baru yang tidak lagi dapat menerima konsep sastera angkatan sebelum kami. Kami mengkritik kepincangan masyarakat dan golongan-golongan yang kami anggap menjadi alat melahirkan kepincangan itu. Kami mengkritik amalan penjajahan dan alat-alatnya iaitu golongan atasan, golongan yang sudah beku jiwanya oleh pengaruh feodal dan ajaran-ajaran tahyul, dan ajaran kolot yang dihubungkan dengan agama.

Saya merasa amat gembira melihat perkembangan cerita pendek dan sajak dewasa itu. Dalam tahun-tahun 1946, 1947 dan 1948

saya tidak ramai ditemani oleh penulis-penulis yang mencuba aliran baru ini. Mereka itu kebanyakannya telah kurang pula menulis pada tahun-tahun 1949 dan seterusnya. Tetapi A. Samad Ismail masih menjadi guru utama yang gaya dan pemikirannya sudah menjadi ikutan semenjak zaman Jepun lagi. Demikian juga dalam sajak, Masuri S.N. masih menjadi ikutan seperti semenjak tahun-tahun selepas perang. Saya melihat dan menaruh harapan yang besar pada Hamzah, Rosmera, Wijaya Mala, Awam-il-Sarkam, Tongkat Warrant dan beberapa orang lagi penulis muda yang dinamik dan produktif.

Tetapi zaman semangat-semangatan tahun-tahun 1946, 1947 dan 1948 telah agak tua. Para penulis yang baru produktif masa tahun-tahun permulaan ASAS 50 itu mulai lebih kritikal. Saya sendiri dalam kesibukan tugas dengan harian *Utusan Melayu* melihat perkembangan fikiran dalam *Utusan Zaman* dan *Mastika* dan juga dalam majalah lain merasa bahawa penulis-penulis yang lebih baru ini sedang memikirkan dengan serius pengertian aliran mereka. Tidak lama sebelum kami mengadakan Kongres Bahasa dan Peruratan Melayu Pertama saya ingat ASAS 50 mengadakan beberapa kali perbincangan yang agak penting tentang sastera. Salah satu soal yang hangat diperbincangkan ialah pengertian "Seni Untuk Masyarakat". Pada keseluruhannya semua bersetuju bahawa generasi baru mempunyai obligasi untuk menulis tema penghidupan dan perjuangan yang sedang dihadapi oleh masyarakat Melayu, khasnya dalam pergolakan politik kemerdekaan waktu itu. Semua setuju bahawa akar umbi yang menyebabkan masyarakat Melayu menjadi pincang dan rakyat Melayu tertindas, menderita dan terhina haruslah didedahkan.

Saya kembali kepada pemikiran-pemikiran saya tentang sikap setengah-setengah pemuda Melayu di desa-desa waktu saya giat berpolitik di Temerloh beberapa tahun yang lalu. Saya teringat gelombang fikiran saya tentang satu penyakit jiwa yang tidak disedari oleh orang Melayu yang sanggup berjuang untuk mencapai kemerdekaan kerana ingin melepaskan diri dari penindasan ekonomi tetapi masih diselubungi oleh tahyul, oleh pengaruh faham feodal dan ajaran-ajaran kolot yang dihubungkan dengan ajaran agama yang menyebabkan mereka lekas menyerah kepada takdir, kurang yakin kepada diri sendiri. Pada saya dewasa perbincangan-perbincangan tentang "Seni Untuk Masyarakat" itu soal-soal inilah yang sebenarnya yang saya tafsirkan sebagai inti tema penulisan sastera untuk kepentingan mengangkat darjat kesedaran

masyarakat. Saya tidak pernah memikirkan bahawa sastera boleh dengan langsung merubah susunan masyarakat. Tetapi kesedaran dan pemajuan fikiran dapat disalurkan melalui sastera. Salah satu peranan sastera terhadap masyarakat ialah untuk membebaskan anggota masyarakat itu dari belenggu yang mengongkong kebebasan fikiran dan jiwanya. Sastera untuk masyarakat bagi saya ialah sastera yang berguna untuk memperbaiki kepincangan-kepincangan masyarakat itu. Sastera yang ditulis dengan jujur untuk melepaskan anggota masyarakat dari segala tekanan dan tindakan, untuk membebaskan diri mereka dari segala belenggu fikiran dan jiwa yang menyebabkan mereka bersifat pasif, bersifat menyerah dan bersifat beku. Anggota masyarakat yang tertindas harus dibela dan diberi kesedaran. Anggota masyarakat yang menjadi alat kepincangan dan penindasan harus ditentang dan diberi kesedaran tentang kedurjanaan dan kelemahan mereka.

Sastera bertujuan begini kadang-kadang terlepas dari ikatannya, terlepas dari asasnya sebagai hasil seni, maka lahirlah karya yang lemah tekniknya dan bombastik isinya. Tetapi karya yang tidak bertujuan pun atau bertujuan lain dari untuk kepentingan masyarakat, boleh lepas dari ikatannya, lemah teknik dan isinya. Tentang nilai dan mutu karya itu sebenarnya tergantung kepada bakat dan kepekaan sasterawan sendiri. Sasterawan itu ialah ahli seni yang menggunakan bahasa sebagai alat penyampaiannya.

Lebih kurang demikianlah pendapat saya dewasa itu tentang apa yang kami katakan dalam perbincangan-perbincangan sebagai "Seni Untuk Masyarakat". Pendapat yang serupa itu atau yang lebih kurang seperti itu didukung oleh hampir seluruh penulis muda dan anggota ASAS 50. Tetapi setengah penulis berbeza *approachnya* dari yang setengah.

Pertelingkahan Yang Bererti dan Tidak Bererti

Pada waktunya pemikiran tentang konsep "Seni Untuk Masyarakat" lebih banyak dan lebih luas diperbincangkan secara terbuka dalam akhbar dan majalah maka ciri-ciri yang lebih halus lahirlah ke muka. Bila Hamzah dari awal-awal lagi kurang senang dengan konsep itu maka ia mengemukakan alasan bahawa konsep "Seni Untuk Masyarakat" itu menganjurkan penghapusan kepercayaan Melayu lama dan menurutnya di antara kepercayaan Melayu lama ialah percaya kepada yang ghaib seperti syurga, neraka dan sebagainya. Lalu kesimpulannya seni untuk masyarakat yang ber-

tujuan membebaskan fikiran orang Melayu dari kepercayaan lama itu menyentuh kepercayaan agama, malah mungkin akan mengangurkan juga kepercayaan anti Tuhan. Saya dapat mengerti kecurigaan Hamzah ini tetapi saya tidak dapat menerima jalan fikirannya kerana pada saya dari mula lagi penentangan kepada yang lama dalam hal ini di antaranya ialah menentang ajaran-ajaran kolot, tahyul dan sebagainya yang dihubungkan dengan agama. Pada saya ajaran-ajaran tahyul itu yang selalunya dihubungkan dengan segala yang ghaib seperti hantu syaitan, jembalang, puaka dan sebagainya bukannya ajaran agama Islam. Islam menyuruh kita mempercayai adanya yang ghaib seperti adanya malaikat, adanya iblis dan syaitan, adanya hari kiamat, syurga dan neraka tetapi tidak menyuruh kita menyekutukan segala yang ghaib itu dengan kekuasaan Tuhan. Sebaliknya dalam kepercayaan kolot dan tahyul, orang Melayu percaya segala yang ghaib itu mempunyai kuasa sehingga orang Melayu meminta pertolongan meminta perlindungan kepadanya. Perbuatan seperti itu membunuh daya pemikiran yang rasional di samping menjadi satu dosa menyekutukan Tuhan dengan benda-benda ghaib itu. Ini pada saya harus ditentang.

Apa sebenarnya berdiri di belakang segala ini saya kira ialah adanya gelombang propaganda komunis dan sosialis dewasa itu sehingga golongan yang katanya kuat memegang ajaran agama menjadi mudah tersinggung, menjadi sangat sensitif terhadap apa saja yang disangkakan berhubung dengan agama. Anjuran menghapuskan faham-faham kolot dan tahyul mudah saja dikaitmaitkan dengan propaganda anti agama, anti Tuhan, yang secara halus konon datangnya dari pengaruh komunis yang tidak percaya Tuhan dan ingin memecahkan kepercayaan agama orang Melayu. Tetapi kepercayaan anti Tuhan, tidak percaya kepada segala yang ghaib bukanlah semata-mata ajaran komunis. Terlalu banyak orang Barat yang ignostik, yang mulhid, yang atheis sedangkan mereka adalah anti komunis. Tetapi itu bukan yang menyebabkan saya kurang tertarik kepada hujah Hamzah untuk menolak konsep "Seni Untuk Masyarakat". Yang menjadikan saya bertambah kukuh memegang konsep "Seni Untuk Masyarakat" justeru kerana saya masih tetap melihat adanya faham-faham kolot dan tahyul yang dihubungkan dengan agama secara tidak benar itu haruslah dihapuskan. Untuk menghidupkan perdebatan agama secara zaman kaum muda dan kaum tua dahulu saya rasa perkaranya agak sukar bagi kaum sasterawan. Melalui sastera saya kira

manusia Melayu boleh diresapkan dengan faham-faham yang rasional dan berdasarkan fikiran dengan tidak menyentuh masalah agama secara perdebatan khilafiah.

Demikian saya pandang dari pancaran fikiran Hamzah. Sebaliknya dari sudut pandangan Asraf saya tentulah sependapat dengannya yang berpegang kuat pada konsep "Seni Untuk Masyarakat". Tetapi bila dia menulis sajak "Syurga", saya agak terkejut juga. Saya rasa sajaknya itu mungkin menimbulkan kekeliruan atau salah faham. Dan perasaan saya itu akhirnya terbukti kerana ada kawan, apatah lagi lawan, yang menuduh bahawa Asraf sudah menjadi atheis. Dan malangnya tuduhan ini dibabitkan terus dengan ASAS 50 lalu konsep "Seni Untuk Masyarakat" pun dikatakan satu konsep yang berbau komunis yang menentang kepercayaan kepada Tuhan. Saya tidak tahu dan tidak dapat percaya bahawa Asraf telah menjadi atheis tetapi saya tidak dapat menyangkal bahawa sajak dan tulisannya itu memang boleh menimbulkan salah faham dan kekeliruan, terutama apabila A. Samad Ismail ditahan atas tuduhan bersubahat dengan kegiatan subersif golongan terpelajar. Malangnya orang ramai tidak tahu adakah Samad itu tidak percaya kepada Tuhan. Sama juga orang tidak tahu adakah sebenarnya Asraf itu atheis.

Saya tidak ingin bersekutu dengan kepercayaan apa jua yang anti Tuhan tetapi pada saat pertelingkahan antara mereka yang berpegang dengan konsep "Seni Untuk Masyarakat" dan "Seni Untuk Seni" itu saya tidak bersetuju bahawa semata-mata dengan Asraf menulis sajak "Syurga" boleh menjadi alasan bahawa "Seni Untuk Masyarakat" adalah konsep yang membawa manusia tidak percaya kepada Tuhan. Bagi saya "Seni Untuk Seni"lah yang paling mudah menjadi alat untuk manusia melupakan dirinya sebagai hamba Allah, melupakan bahawa di atas keupayaan manusia, di atas segala keindahan yang dapat dicipta oleh manusia sebagai seni ada kuasa yang mencipta segala unsur keindahan iaitu Tuhan. "Seni Untuk Masyarakat" tidak dapat terbabas keluar dari batas yang diredai Allah iaitu menyuruh kepada kebaikan dan menegah dari kejahatan. Tetapi "Seni Untuk Seni" tidak punya tujuan apa-apa kecuali untuk memuaskan hati ahli seni. Menyuruh masyarakat kepada kebaikan atau menegah dari kejahatan bukan tugasnya. Malah ia tidak punya tugas dan obligasi apa pun kecuali terhadap seni itu semata-mata. Jika jatuh ke tangan Nero maka "Seni Untuk Seni" boleh menghanguskan tamadun manusia.

Sampai sekarang ini saya masih memegang konsep "Seni Un-

tuk Masyarakat". Dan saya percaya kebanyakan orang masih tetap dengan konsep itu, terutama ASAS 50 yang masih hidup subur di Singapura sekarang. Saya hanya khawatir kalau tiba masanya manusia Melayu dan masyarakatnya sudah menjadi begitu sofistikated macam orang Barat oleh kerana kemewahan hidupnya dan kelupaannya terhadap tugas amar makruf dan nahi mungkar sesama manusia dalam masyarakatnya maka waktu itu konsep "Seni Untuk Seni" akan memperoleh tapak dalam hati manusia. Dan di waktu itu kita akan melihat satu masyarakat yang runtuh bukan kerana penindasan ekonomi lagi tetapi oleh ketakburan dan kebebasan untuk menikmati apa yang baik dan indah untuk diri masing-masing saja. Jangan lupa keindahan itu sebenarnya amat relatif dan subjektif. Hanya dengan konsep "Seni Untuk Masyarakat" kerelatifan dan kesubjetifannya itu dapat diberi batasan.

Saya tidak bermaksud hendak memperkatakan konsep "Seni Untuk Masyarakat" atau "Seni Untuk Seni" di sini kerana perdebatan mengenainya sudah selesai dalam tahun lima-puluhan, iaitu setakat yang menyentuh ASAS 50. Hanya saya ingin menegaskan bahawa perdebatan tahun lima puluhan itu telah membawa aspek yang pada satu pihak menerbitkan erti dan pada satu pihak lagi tidak menimbulkan apa-apa erti. Perdebatan itu membawa erti kerana dengannya masyarakat Melayu amnya dan masyarakat penulis khususnya dapat berkenalan dengan dua konsep yang belum pernah diperkatakan tetapi sudah berabad lamanya diperdebatkan oleh orang-orang di Barat. Untuk taraf pemikiran dan ilmu pengetahuan yang ada pada masyarakat Melayu dewasa itu perdebatan itu sudah memadai. Ia tidak mungkin lebih mendalam dari itu. Sebaliknya perdebatan itu tidak membawa erti apa-apa kerana penolakan terhadap konsep "Seni Untuk Masyarakat" tidak berkesan sama sekali. Kesan yang timbul hanya tohmah-tohmah yang bersifat peribadi saja.

Penghidupan Penulis di Singapura

Penghidupan kaum penulis di Singapura dewasa itu, samalah dengan penghidupan kaum bukan penulis juga. Ada yang susah dan ada yang tidak susah. Ini bergantung kepada pekerjaan masing-masing. Penulis-penulis yang menjadi anggota ASAS 50 ada yang bekerja sebagai guru, sebagai wartawan, sebagai kerani, sebagai mata-mata, sebagai buruh dan lain-lain. Kerja menulis saja

belum lagi menjadi satu profesi. Sebab itu tidak ada nama pekerjaan atau jawatan yang disebut "penulis" atau "sasterawan."

Banyak cerita telah kita dengar tentang kemiskinan dan penderitaan kaum penulis di Singapura dalam tahun-tahun awal berkumpulnya penulis-penulis muda dari Tanah Melayu di sana, iaitu mulai tahun 1948 hinggalah awal tahun-tahun lima puluhan. Cerita ini ada benarnya dan ada pula tidak benarnya. Cerita-cerita tentang kaum penulis terpaksa tinggal di bilik sempit yang berding pinggan, beratap keping-keping tin minyak tanah, berlampu lilin, berbantal suratkhbar, berteman dengan tikus dan lipas itu ada yang benar ada yang tidak benar. Ada yang setengah benar dan setengah tidak benar. Pada keseluruhannya kaum penulis muda, terutama yang datang ke Singapura dari Tanah Melayu itu ada yang susah hidupnya sebelum mendapat pekerjaan. Sebulan, dua bulan, atau lebih dari itu sebelum bekerja mereka menumpang di rumah kawan. Kawan itu mungkin kebetulan pula hanya seorang mata-mata, atau seorang buruh maka keadaannya memang menyedihkan. Menganggur memanglah susah. Tetapi sepanjang yang saya tahu kebanyakan pemuda Tanah Melayu yang berbakat penulis tidak ada yang lama menganggur. Mereka kebanyakannya sudah ada hubungan dengan Jymy Asmara sebagai Ketua Persatuan Sahabat Pena sebelum datang ke Singapura. Jymy memberi mereka perlindungan ala kadarnya sebelum mendapat pekerjaan. Hidup dalam perlindungan Jymy inilah yang sebenarnya dikatakan penderitaan itu, kerana Jymy sendiri bukanlah seorang yang bergaji besar dan berumah besar.

Dalam satu huraian sebelum ini saya ada menyebut sedikit tentang apa yang membawa pemuda-pemuda penulis ini ke Singapura. Pada hakikatnya mereka ke Singapura adalah untuk mengembangkan bakat masing-masing, kerana Singapura adalah *base*, pangkalan di mana segala kesempatan dan kemudahan terbuka untuk bakat-bakat itu berkembang, baik dari segi penambahan ilmu pengetahuan, penambahan pengalaman dan juga dari segi alat penyebaran dan penerbitan. Jadi soal mencari kerja, soal hidup senang atau susah bukanlah soal pokok yang patut dijadikan cerita, terutama apabila menceritakan keperibadian mereka sebagai penulis yang akhirnya jaya atau gagal. Lagi pula kesenangan dan kesusahan yang dapat kita lihat hanyalah pada kehidupan lahiriah saja. Kita tidak dapat menentukan apakah kesan kesusahan atau kesenangan lahir itu terhadap kehidupan batin, terhadap rohani orang-orang tertentu.

Misalnya kita ambil beberapa orang dari mereka sebagai contoh. Wijaya Mala, misalnya, sebelum datang ke Singapura telah menghubungi Jymy Asmara dan sebelum datang betul untuk menetap di Singapura telah datang beberapa bulan lebih dahulu untuk meninjau keadaan dan kemungkinan. Lepas itu beberapa bulan kemudian baru dia datang untuk terus menetap. Keadaan dan kemungkinan apakah yang ditinjaunya lebih dahulu itu? Adakah keadaan dan kemungkinan untuk mendapat pekerjaan. Kalau mengikut apa yang saya peroleh dari tulisan Wijaya Mala sendiri yang ditinjaunya itu ialah keadaan dan kemungkinan ia dapat menambah pengetahuan, menambah pengalaman dan menambah kemudahan untuk memajukan bakatnya. Ia ingin menjadi seorang yang lebih bererti dalam hidupnya daripada hanya menjadi orang kampung walau bagaimana kaya dan senang sekalipun. Buktinya ia meninggalkan penghidupan yang lumayan di kampung sebagai *rubber dealer*. Seorang pembeli dan penjual getah di kampung bukanlah orang yang susah hidupnya yang terpaksa merantau ke bandar besar seperti Singapura untuk mencari kerja.

Saya ada menyimpan satu tulisan Wijaya untuk saya begini bunyinya:

"Minat untuk menulis timbul di dalam jiwa saya sejak saya pandai membaca pada tahun 1936. Minat ini kecil tetapi tumbuh sampai besar dari setahun ke setahun. Mula-mula bakat ditimbulkan dengan latihan menulis. Sebelum mengirim karya kepada akhbar dan majalah, saya membuat latihan sendiri di dalam buku rupaian.

Satu perkara yang paling saya teringat ialah berlatih menulis seberapa panjang yang boleh. Soal isi, bentuk dan bahasa yang dipilih tidak peduli. Saya menulis sesuatu yang menyenangkan dan yang menyakitkan. Kebetulan pada masa itu saya anggap — siapa yang berhasil menulis panjang-panjang tanda ada kebolehan mengarang.

Kemudian saya mengirim karya yang pertama untuk disiarkan. Karya itu sebuah sajak dan disiarkan oleh akhbar *Majlis* pada tahun 1946. Cerpen yang pertama saya kirim diterbitkan dalam majalah *Hiburan* pada tahun 1948. Sejak itu saya mengambil ketetapan untuk meneroka lapangan kesusasteraan.

Memenuhi syarat menjadi seorang penulis bukan saja memerlukan pengetahuan dan pengalaman, tetapi perlu juga mengadakan hubungan dan masuk ke dalam lapangan itu sendiri.

Tempat tinggal saya pada masa itu terpisah dari dunia sastera. Kedudukan alam sekeliling tidak nampak sesuatu yang boleh diberi oleh sastera kepada negara. Tempat saya itu cukup memberi satu kehidupan yang lumayan sahaja.

Sebagai '*rubber dealer*' hari-hari saya bermain dengan wang dan mengikuti pasaran turun naik. Kemudahan lainnya seperti makan, pakai, rumah tempat tinggal cukup sempurna, malah pernah ditawarkan gadis un-

tuk diperisteri. Tetapi gelora untuk menjadi seorang pengarang semakin bergolak di dalam kehidupan serupa itu.

Bagaimanapun hati tidak senang, malah bertambah gelora, penuh dengan kemahuan dan segala akal fikiran tidak tenteram sekiranya tidak dapat dilahirkan. Ini mungkin juga membahayakan kesihatan kerana membekukan bakat terpendam.

Oleh sebab itu pada tahun 1949 saya berhijrah ke Singapura. Sebelum daripada itu (1948) saya pernah ke Singapura untuk meninjau kemungkinan dan membuat hubungan dengan anggota 'Sahabat Pena' diketuai oleh Saudara Jymy Asmara (Allahyarham Jaafar Muhamad) dan lain-lain.

Waktu saya di Singapura ini banyak kesempatan digunakan bagi mempererat perhubungan terutama dengan para sasterawan. Cara berfikir juga berubah kepada yang lebih matang, berkat sering bertemu dengan beberapa orang sasterawan seperti saudara, seperti Masuri S.N., Rosmera, Hamzah, Asraf, Tongkat Warrant, Rayuan Sukma, Awam-il-Sarkam, dan banyak lagi hingga hari penubuhan ASAS 50 ini."

Demikianlah Wijaya Mala datang ke Singapura. Pada mula kedatangannya dia merasakan hidup yang lebih susah dari penghidupan sebagai "tauke getah" yang ditinggalkannya di kampung itu. Dia bekerja sementara dengan REME sehingga akhirnya diterima berkhidmat dengan *Melayu Raya*. Sebagai diketahui menjadi pemberita di *Melayu Raya* tidaklah boleh disamakan dengan kemewahan hidup sebagai "rubber dealer," namun Wijaya merasa bahagia. Dia menghasilkan novel *Muda Tak Sudah* (1949), *Saka Kampung Gergasi* (1950), *Mata Intan* (1951) dan entah berapa banyak cerita pendek.

Tidak lama dahulu saya pernah bertanya kepadanya, oleh kerana dia pernahh menjadi saudagar getah tidakkah ada niatnya hendak berniaga lagi kerana sekarang peluang untuk itu semakin terbuka. Jawabnya: "Saya masih berpegang kepada kesusasteraan lebih dahulu daripada yang lain. Yang lain, seperti politik, ekonomi, sosial dan segala yang berhubung dengan yang tersebut itu hanya menjadi bahan-bahan penulis. Saya kira menggunakan pena lebih baik bagi saya."

Tongkat Warrant (Usman Awang), saya mula kenal dengan Tongkat waktu saya datang ke Melaka, diundang untuk membuka mesyuarat penubuhan Ikatan Penulis Melaka (IPM) dalam tahun 1950 atau awal tahun 1951, saya kurang ingat, tetapi pasti tidak lama setelah tertubuhnya ASAS 50 di Singapura. Seperti sekarang Tongkat masa itu *handsome* orangnya, malah lebih kacak kerana masih muda. Dia tidak berenggang dengan saya masa lawatan di Melaka dua tiga hari itu. Dan dia menceritakan keinginannya untuk berhenti dari polis dan merantau ke Singapura. Keinginannya amat besar untuk memajukan bakatnya kerana tulisan-tulisannya

sudah mula mendapat tempat di *Mastika*. Katanya dia tidak gemar sekali menjadi mata-mata, tidak sesuai dengan jiwanya. Saya katakan kepadanya supaya jangan ragu-ragu datang saja ke Singapura nanti adalah peluang, tetapi bersedialah untuk susah. Katanya dia memang tidak peduli susah senang. Kerja jadi mata-mata memang teratur dan ada gaji yang lumayan dapat membantu keluarga, tetapi hati tidak senang, katanya.

Tak lama kemudian saya dengar Tongkat sudah ada di Singapura, tinggal dengan Jymy Asmara, tetapi tidak mahu berjumpa saya kerana takut dianggap minta pertolongan. Memang anak muda Tongkat ini agak halus jiwanya. Barangkali itulah sebabnya dia tidak boleh sesuai jadi mata-mata. Saya dengar dia sedang bersedia untuk *discreen test* bersama Jamil Sulong untuk menjadi bintang filem. Tetapi akhirnya dia menjadi pemberita *Melayu Raya*. Hanya Jamil Sulong yang jadi bintang filem. (Jamil dulunya sudah memang berada di Singapura bekerja di *Melayu Raya* sehingga akhbar itu ditutup sementara kerana Rusuhan Natrah). Saya juga ada menyimpan sebuah catatan Tongkat Warrant begini bunyinya:

“Saya datang ke Singapura bukan kerana nak cari makan, sebab di Singapura tidak ada sawah padi, tidak ada kebun dan ladang pertanian. Seorang anak tani ke Singapura mencari makan memang anehlah, lain kalau membuang diri putus cinta dan sebagainya, tapi bukan untuk mencari makan. Setelah “beras basah” oleh khianatan Sang Rajuna Tapa, Singapura tiada menanam beras (padi) lagi.”

Sebenarnya catatan Tongkat Warrant itu panjang juga. Tetapi barangkali elok juga kalau kita baca bersama-sama:

“Tahun 1948, tahun darurat, saya telah dua tahun menjadi polis. Minat pada sastera sejak sekolah Melayu dibesarkan oleh alam Melaka, lautnya, selatnya yang bergerak pada jiwa yang romantis. Keinginan untuk menulis begitu besar, campuran antara perasaan romantik dan semangat kemerdekaan yang bergema waktu itu. Saya mencuba menulis sajak dan cerpen. Dalam tahun 1949 sekali dua tulisan saya tersiar dalam *Utusan Zaman*, hati merasa bangga dan semangat untuk menulis menjadi kian menyala.

Pergaulan dengan guru-guru muda di Melaka mempengaruhi saya dalam penulisan dan memberikan bahan cukup banyak dalam bacaan. Paling besar jasanya ialah Cikgu Alimin yang telah memberikan seluruh kutubkhanahnya untuk saya baca. Ratusan buku Indonesia saya baca. Ini berlaku sebelum tahun 1948 lagi dan inilah masa paling banyak saya membaca, hitung panjang satu hari satu atau dua buku saya baca.

Semangat kebangsaan juga tumbuh dalam jiwa saya masa di Melaka itu. Beberapa peristiwa tak dapat saya lupakan betapa saya mendapat semangat kemerdekaan tersebut. Saya pernah menjaga lokap tempat beberapa orang

politik ditahan, antaranya yang penting Bung Karim, Ketua API Melaka dan Wahi Anwar. Saya pernah meminta Wahi Anwar menulis catatan dalam buku autograf saya. Saya juga pernah menjaga dan mengawal trafik perarakan besar PKMM di Melaka. Saya lihat bung beca membarisi perarakan beca dengan bendera merah putih. Saya mendengar ucapan Dr. Burhanuddin Al Hilmy (almarhum), Ahmad Boestamam, Shamsiah Fakhir, Bung Karim. Dan saya membaca *Utusan Melayu* dengan kandungannya yang menyalakan semangat memusuhi penjahat. Semua ini berlaku di Melaka sejak akhir tahun 1946, 1947, dan 1948.

Perasaan tidak senang bekerja sebagai anggota polis semakin nyata dan memuncak. Paling tidak senang ialah sikap OCPD yang tiap bulan memanggil saya bila ternyata dalam senarai anggota polis bahawa saya tidak ada membuat apa-apa saman atau tangkapan. Bagaimanakah saya akan menangkap Wak Sarji penjual satay tidak berlesen yang bukan saja kerana saya kenal tapi kerana saya tahu dia susah dan miskin. Bagaimana saya akan menangkap penjual air batu tofak yang menutup kaki lima jalan kerana mereka juga perlu mencari makan. Dan lain-lain kesalahan kecil dalam *penal code* seperti naik basikal tak pasang api lampu, naik dua orang dan lain-lain sepertinya yang bagi saya cukuplah kalau diberi amaran saja. Saya tidak tahan bila tiap minggu diadakan 'pemeriksaan kebersihan'. Bukan saya tak setuju kebersihan, tapi soalnya butang baju mesti berkilat, kasut mesti berkilat, *uniform* mesti berdobbi, laras senapang mesti berkilat dan lain-lain alat mesti semuanya berkilat dan teratur rapi.

Saya juga tidak tahan bila kebanyakan Inspektor baru yang muda seperti sengaja lalu di depan kita di tengah orang ramai untuk meminta diberi tabik dan hentak kaki. Kadangkala bila mereka berjalan berdua dengan kekasih atau kawan wanitanya seperti sengaja lalu di depan kita. Bila diberikan tabik dan hentak kaki dia akan menganggukkan kepala sedikit dengan rasa puas bangga. Saya kadangkali merasa terhina sekali. Saya juga seperti merasa bahawa bila saya memakai *uniform* tiap orang akan memandang dengan rasa benci dan jijik sebab *uniform* itu melambangkan kerja menangkap dan menahan orang. Ini semua mengganggu hati saya. Saya tahu semuanya itu adalah perasaan saya sendiri dan apa yang sebenarnya tidak semestinya demikian tetapi tetap perasaan saya tidak senang.

Akhirnya yang penting saya merasa tidak ada kebebasan, terlalu diikat dan dirantaikan dengan disiplin yang tak menyenangkan. Saya rasa orang seperti saya memang tidak layak menjadi anggota polis. Bila tahun 1949-1950 *Utusan Melayu* menyediakan ruangan untuk pasukan keselamatan atau ruangan polis, saya banyak menulis di situ dan mendapat siaran yang menggembirakan. Masa itulah dengan tidak disedari saya diperhatikan, diintip oleh pihak *S.B.* Akhirnya suatu hari Inspektor telah menggeledah peti hitam saya (peti hitam tempat simpanan baju dan barang-barang bagi orang bujang) mencari sesuatu. Ini berpunca dari tulisan saya mengkritik pembahagian barang keperluan (*ration*) yang tidak memuaskan, ikan kering berulat, lada kering hancur, beras murah dan lainnya, padahal *ration* itu sepatutnya bahan yang baik. Maka saya pun bertekad hendak berhenti dari menjadi anggota polis.

Dalam surat menyurat dengan Jmy Asmara dan dalam perbualan dengan Jamil Sulong saya sangat tertarik untuk ke Singapura, sebab kalau saya dapat bekerja dengan akhbar atau majalah saya akan dapat lebih rapat dengan para penulis dan wartawan. Di Melaka saya rapat dengan wartawan seperti Yusuf Harun dan Syed Omar Al Habshy. Saya tahu di Singapura banyak penulis, sasterawan dan wartawan yang memang sudah saya kenal dan ikuti tulisannya.

Ibu saudara saya yang memelihara saya dan ayah saya serta keluarga

semuanya merasa kurang senang bila saya berhenti dari polis. Kata mereka, kenapa berhenti, ada gaji tetap, ada jaminan dan tidak ada apa yang kurang. Di Singapura nanti apa nak kerja, bagaimana nak cari makan. Tetapi saya mencuba nasib ke Singapura bukan nasib untuk hidup dan makan tetapi untuk mengisi keinginan menjadi penulis dan bekerja di penerbitan, tak kira akhbar atau majalah. *Melayu Raya* yang ditutup selepas Rusuhan Natrah khabarnya akan dibuka kembali. Jamil Sulong pula memang akan kembali dan pindah ke Singapura. Jamil dari keluarga berada. Dia teman baik saya, datang tiap bulan ke Melaka untuk pungut sewa rumah dan tanahnya. Bila saya katakan saya mahu ke Singapura Jamil terus mengajak saya pindah bersama-sama. Kami tinggal di rumah Jymy Asmara. Belum ada kerja lagi. Tinggal di rumah Jymy ini agak menyedihkan, rumah buruk, pasir, atap bocor dan masa tidur tikus lalu di badan dan di celah-celah benda kita. Makan nasi bungkus, minum air sejuk. Pernah tak cukup duit sebungkus nasi makan berdua, atau beli roti yang masih panas dan kemudian minum air sejuk dari paip. Tidur.

Jamil yang sudah luas pergaulannya di Singapura dan kenal dengan Rohaizad dan Omar Rojek dinasihatkan supaya bekerja di Jalan Ampas (filem Shaw Brothers). Lalu Jamil mengajak saya untuk *screen test*. Kami telah ditetapkan waktu untuk diuji berlakun depan kamera. Tapi ketika hari ujian itu saya tidak ikut sama sebab kata Jymy saya ada peluang bekerja di *Melayu Raya* yang sedang memerlukan Pembaca Prof. Saya diinterview oleh Harun Aminurrashid dan diterima bekerja di *Melayu Raya* sebagai Pembaca Prof. Sementara dapat gaji kehidupan cukup susah, saya bayangkan betapa senangnya masa dalam polis dulu, gaji cukup, boleh hantar kepada keluarga tiap bulan, pakaian cukup dan bolehlah tiap bulan joli benggali, tengok wayang, minum *beer* dan mengurut anak gadis wayang bangsawan. Tetapi hati saya amat lapang dan merasa bahagia kerana sudah dapat bekerja dalam akhbar, terutama saya telah mula berkenalan dengan para penulis dan wartawan yang selama ini sudah saya ikuti tulisan mereka seperti Masuri S.N., Hamzah, Mas, Asraf, Rosmera, Merayu Rawan (Jalil Haji Nur). Dan berjumpa lagi dengan Keris Mas yang sudah saya kenal dan temui masa dia membuka persidangan penubuhan *IPM* di Melaka dahulu."

Demikianlah Tongkat Warrant yang berjiwa seni, yang romantik dan yang penuh rasa kemanusiaan itu berhijrah ke Singapura. Pokok penghijrahannya sama saja dengan Wijaya Mala yang sudah kita ketahui ceritanya. Sama juga dengan Jamil Sulong yang sudah kita dengar dari Tongkat Warrant tadi. Barangkali penderitaan hidup Tongkat ketika bersama Jymy dan Jamil Sulong waktu mula-mula tiba di Singapura itulah yang menjadi modal orang memperkatakan tentang kesusahan hidup para penulis muda yang berhijrah ke Singapura dan akhirnya berkumpul menjadi satu angkatan yang menamakan dirinya Angkatan Sasterawan 50.

Penulis-penulis yang lain seperti Asraf sudah saya ceritakan peri kedatangannya ke Utusan Melayu dan latar belakang keluarga serta pekerjaannya sebelum ke Singapura. Awam-il-Sarkam sudah menulis juga sebelum datang ke Singapura bekerja sebagai polis

R.A.F. sebelum masuk *Melayu Raya*. Awam juga datang ke Singapura untuk menyuburkan bakat penulisannya. Akhirnya Tongkat Warrant dan Awam-il-Sarkam berpindah ke Utusan Melayu, melonggarkan sedikit kekurangan tenaga penulis dan pemberita di Utusan waktu itu. Selain dari Tongkat dan Awam ada beberapa orang wartawan muda yang diterima masuk Utusan waktu itu yang kemudiannya akan menjadi wartawan-wartawan terkenal seperti Mazlan Nordin, Said Zahari dan lain-lain.

Saya dari mula mengenali penulis-penulis yang berhijrah ke Singapura tahun-tahun 1949, 1950 dan seterusnya itu tidak pernah sangsi bahawa mereka itu datang adalah semata-mata untuk memajukan bakat masing-masing, hendak berbakti kepada bangsa dan tanahair melalui saluran yang mereka anggap mereka punya kebolehan iaitu saluran sastera dan penulisan. Cerita-cerita yang mengatakan konon mereka ke Singapura lari dan takut kena tangkap di bawah undang-undang darurat sebab penglibatan mereka dengan politik kiri saya kira tidak berasas, kerana pada masa itu, tahun 1949 dan seterusnya, penangkapan politik sudah tidak membahayakan lagi seperti tahun 1948 waktu bermulanya darurat. Dan lagi pemuda-pemuda penulis ini tidak ada yang boleh dikatakan tokoh politik yang boleh dianggap berbahaya. Cerita-cerita kononnya mereka ke Singapura kerana kesusahan hidup juga tidak masuk akal kerana hampir semua mereka sudah mempunyai pekerjaan yang mencukupi untuk hidup atau seperti Jamil Sulong termasuk dalam kalangan orang berada. Dan mereka sedar bahawa hidup di Singapura akan lebih susah dari kehidupan yang mereka tinggalkan. Mereka sudah mengetahui ini lebih dahulu melalui hubungan dengan kawan-kawan, terutama dengan Jymy Asmara. Akhir sekali ada pula cerita yang mengatakan bahawa mereka menulis tentang kesusahan dan penderitaan rakyat adalah semata-mata kerana mereka *frust*, didorong oleh penderitaan hidup mereka sendiri, bukan kerana satu pendirian atau tujuan yang mulia untuk membela nasib rakyat yang tertindas. Cerita seperti ini saya anggap sebagai satu penghinaan terhadap orang-orang yang menjadikan pembelaan keadilan dan pembelaan terhadap rakyat yang tertindas itu satu tugas mereka. Dan kerana mereka hanya penulis maka melalui penulisanlah tugas itu mereka laksanakan. Mereka telah menulis atau sekurang-kurangnya menentang kepincangan masyarakat itu lama sebelum mereka datang ke Singapura. Lagi pula seperti telah saya katakan pada awal tadi siapakah dapat membaca hati nubari mereka susah atau senang, bahagia atau

kecewa hanya kerana kebetulan penghidupan lahirnya susah dan menderita. Kebahagiaan seorang penulis ialah bila ia dapat menulis dan menyebarkan tulisannya, menyatakan kepada umum pendapat dan cita-cita hidupnya. Saya sendiri dengan jujur bersaksikan hati nurani saya sendiri yang diketuai oleh Allah subhanahu wa taala tidak merasa lebih bahagia dengan menikmati kesenangan lahir, sebaliknya, merasa kecewa kerana tidak mampu menulis sekehendak hati akan fikiran dan keinginan saya. Kebahagiaan seorang penulis, seperti kebahagiaan seorang pejuang politik tulen atau ahli ilmu yang tulen, tidak dapat diukur dari kehidupan lahirnya. Penderitaan atau kesenangan lahir bukanlah ukuran yang sah untuk menghakimi sebab musabab seseorang itu menulis. Sebaliknya kesenangan dan kesusahan memberikan pengalaman yang amat berharga kepada penulis.

Berhenti dari Utusan Melayu

Dengan terlaksananya Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Yang Pertama dan dengan tumbuhnya badan-badan penulis hampir di tiap negeri di Tanah Melayu, angin perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu bertambah kencang tiupannya. Kesibukan kegiatan bahasa dan sastera semakin rancak dalam akhbar dan majalah-majalah. Polemik "Seni Untuk Seni" dan "Seni Untuk Masyarakat" yang terus menerus berjalan menambah ramai suara dan menambah kencang tiupan angin itu. Cerpen dan sajak yang bernafas kritik masyarakat serta semangat perjuangan kebangsaan semakin banyak dan semakin bombastik isinya sehingga memberikan satu alasan baru untuk golongan "Seni Untuk Seni" memberi hujah bahawa "Seni Untuk Masyarakat" itu adalah seni propaganda, bukan seni sebenarnya. Tetapi sampai ke saat itu saya belum melihat cerpen atau sajak yang membanjiri akhbar dan majalah itu yang tidak memperkatakan dan memperjuangkan semangat keadilan masyarakat atau meniupkan semangat kemerdekaan dan semangat kebangsaan Melayu. Pendeknya buat masa itu karya sastera belum dapat lari dari ibu yang mengandungnya iaitu masyarakat orang Melayu yang sedang berjuang hebat untuk mencapai kemerdekaan tanahairnya dan membebaskan bangsanya dari penindasan dan penghinaan. Salah atau benar, sastera Melayu masa itu adalah sastera untuk masyarakat. Polemik "Seni Untuk Seni" dan "Seni Untuk Masyarakat" hanyalah polemik teori saja.

Sepanjang masa itu pula, yakni semenjak bulan November 1951, sebelum lagi diadakan Kongres dan lama seterusnya lepas itu hingga akhir tahun 1953, ASAS 50 mengadakan ceramah-ceramah radio tiap dua minggu sekali, bergilir dengan Lembaga Bahasa Melayu selang seminggu. Kebanyakan ceramah yang disampaikan oleh anggota ASAS 50 adalah bernafas sastera dan bahasa untuk masyarakat.

Satu lagi rencana perjuangan dan kegiatan ASAS 50 yang ditetapkan selepas mesyuarat agung pertama, di mana saya terpilih menjadi ketua satu pada bulan September 1951 itu, ialah memperjuangkan tuntutan para penulis di seluruh tanahair yang menuntut para penerbit membayar tulisan mereka yang disiarkan. Ini adalah satu dari rencana kegiatan penting yang direncanakan dan diputuskan dalam mesyuarat agung itu di samping rencana mengadakan "konfrensi sasterawan setanahair", mengadakan perbincangan sastera yang akhirnya menelurkan polemik "Seni Untuk Seni" dan "Seni Untuk Masyarakat" itu, mengadakan ceramah bahasa dan sastera di radio yang juga telah berjalan.

Mengenai tuntutan para penulis yang menyeluruh di tanahair untuk mendapat bayaran dari pihak penerbit itu, ASAS 50 telah bertindak segera, iaitu kira-kira sepuluh hari lepas mesyuarat agung tersebut surat-surat telah dikirimkan kepada semua penerbit yang diketahui dan dikenali di Singapura dan Tanah Melayu meminta jasa baik mereka menimbangkan tuntutan para penulis tersebut. Surat ini kemudiannya menjadi permulaan kepada tradisi yang diamalkan oleh para penerbit membayar saguhati atau *honorarium* cerita pendek dan sajak yang disiarkan dalam penerbitan mereka. Tetapi praktis ini tidak berlangsung dengan mudah. Pada mulanya rayuan yang disampaikan oleh ASAS 50 itu tidak menimbulkan kesan apa-apa. Tetapi oleh kerana tiap-tiap penerbit, terutama penerbit-penerbit yang berpengaruh di Singapura mempunyai banyak kakitangan yang terdiri dari para penulis yang menjadi anggota ASAS 50 maka desakan telah dilakukan dari dalam tubuh penerbit-penerbit itu sendiri. Awam-il-Sarkam dan Tongkat Warrant serta Asraf menjadi tokoh yang gigih di Utusan Melayu memperjuangkan rayuan tersebut, menyebabkan Utusan Melayu mendapat kehormatan sebagai penerbit yang ulung dan di antara yang pertama membayar saguhati kepada penulis-penulis yang cerita pendek atau sajaknya disiarkan oleh *Mastika* atau *Utusan Zaman*.

Waktu tuntutan ini diperjuangkan di Utusan Melayu saya

sedang benar-benar terdesak oleh berbagai tanggungjawab Jabatan Pengarang. Sebenarnya saya belum merasa layak memikul tanggungjawab yang berat dan rumit seperti itu tetapi oleh kerana tenaga-tenaga yang berpengalaman sudah tidak ada, A. Samad Ismail sedang ditahan oleh pemerintah, Salleh Daud telah meninggalkan *Utusan Melayu*, Dahari telah dipindah ke Kuala Lumpur menggantikan tempat Othman Wok yang dipanggil kembali ke Singapura, maka saya bersama Hashim Hassan dan Othman Wok diberi tugas bersama sebagai pembantu Yusuf Ishak menimbangkan keputusan-keputusan yang akan dibuat olehnya sebagai Ketua Pengarang dan juga Pengarah dan Pengurus *Utusan*. Tiba-tiba saya mendapati diri saya menjadi semacam pembangkang terhadap beberapa pendapat Yusuf. Saya tidak lebih dahulu memahami bahawa sikap saya sering menimbulkan kurang senang dalam hati Yusuf. Saya tidak memikirkan sangat betapa sukarnya beliau menghadapi dasar pemerintahan General Templer sehingga saya selalu saja menegur persembahan berita dan karangan-karangan *Utusan* membangunkan imej General Templer sebagai pemimpin lebih dari pemimpin-pemimpin kebangsaan sendiri seperti Datuk Onn. Saya hanya bermaksud supaya imej pemimpin Melayu harus tetap dikemukakan. Tetapi dalam kerumitan kedudukannya, Yusuf sampai berpendapat bahawa saya ingin *Utusan Melayu* menentang General Templer. Ini pernah menghilangkan kesabarannya hingga dengan agak kasar mengatakan kalau saya mahu berpolitik terbitkanlah suratkhobar sendiri, jangan cuba menggunakan *Utusan Melayu*. Saya sangat terkejut dan kerana saya berdarah muda barangkali saya membalas dengan nada yang keras pula. Dalam soal pembayaran saguhati kepada para penulis cerpen dan sajak juga saya mulanya berkonfrantasi juga dengan Yusuf. Saya dikatakan mementingkan golongan saya saja, iaitu golongan sasterawan, dan tidak memikirkan kesulitan *Utusan Melayu* sendiri.

Pada awal tahun 1952 saya mula merasa tidak sihat, mengidap semacam sakit perut yang tidak sembuh-sembuh oleh bermacam ubat. Tekanan kesihatan ini mempengaruhi ketenteraman mental saya yang terus-terusan berkonfrantasi dengan Yusuf Ishak dan terus menerus berhadapan dengan cita-cita perjuangan bahasa dan sastera serta terus menerus berhadapan dengan kerja pejabat sebagai wartawan yang semakin rumit dan banyak. Kira-kira enam bulan kemudian saya masuk hospital untuk pembedahan. Sakit dalam perut saya tidak dapat ditolong dengan air ubat, pil dan

suntikan lagi. Beberapa bulan kemudian saya masuk hospital lagi untuk pembedahan yang kedua.

Sesudah pembedahan-pembedahan ini saya betul-betul merasa perlu berehat tetapi tugas di Utusan Melayu tidak mengizinkan. Waktu mesyuarat agung ASAS 50 yang kedua, bulan September 1952, saya tidak lagi yakin akan dapat menjadi tenaga yang bererti dalam kegiatan-kegiatan yang kami hadapi maka saya mengundurkan diri menjadi anggota jawatankuasa. Tempat saya sebagai Ketua Satu digantikan oleh Asraf. Ketegangan dan perselisihan pendapat dengan Yusuf Ishak semakin memuncak dan akhirnya dalam suasana fikiran yang agak tegang saya keluar dari mesyuarat meninggalkan Yusuf dan kawan-kawan lalu terus menaip sepucuk surat pendek menyatakan perletakan jawatan dengan notis dua puluh empat jam. Saya terus berkemas untuk pulang ke rumah dan meninggalkan surat perletakan jawatan itu kepada kerani manager. Ungku Hassan, manager itu, masih lagi dalam bilik mesyuarat.

Pukul sebelas saya sampai di rumah. Pukul dua belas Salleh Haji Ali (almarhum), Manager *Melayu Raya*, bersama Abdul Hamid Abdul (almarhum) salah seorang pengarang *Melayu Raya* datang menemui saya menawarkan kerja di *Melayu Raya*. Saya terkejut juga menerima kedatangan mereka. Rupanya berita terbang dengan pantas sekali. Setelah berbincang saya menerima tawaran itu dengan syarat hanya untuk sementara waktu dan saya hanya dapat datang ke pejabat sebelah petang saja. Demikianlah takdir Tuhan, dahulu Abdul Hamid Abdul yang membawa saya ke Utusan Melayu bersama A. Samad Ismail, sekarang Hamid pula yang membawa saya ke *Melayu Raya*. Hamid Abdul mulanya dulu sangat rapat dengan Yusuf Ishak tetapi saya tidak tahu apa sebenarnya yang menjadi sebab dia meninggalkan Utusan Melayu dan masuk *Melayu Raya*. Kemudian, kira-kira pukul dua setengah, lepas waktu makan tengah hari, Ungku Hasan bersama seorang dari Utusan Melayu, kalau saya tidak salah ingat Hashim Hassan, datang ke rumah saya. Mereka menyatakan terkejut dan kehairanan mengapa saya mengambil tindakan yang gopoh-gapah itu. Mereka juga menyampaikan rasa terkejut Yusuf Ishak sendiri yang meminta mereka sampaikan kepada saya bahawa beliau tidak mahu menerima notis berhenti dari saya itu. Saya ada juga merasa sikap mengambil keputusan yang agak gopoh-gapah itu kurang baik tetapi bila saya fikirkan bahawa amat sukar rasanya untuk bekerja di bawah seorang ketua yang tidak lagi mempunyai persepahaman dengan saya maka saya pastikanlah bahawa saya tidak

akan menarik kembali notis berhenti kerja itu. Saya tidak ada kontrak dengan Utusan Melayu. Kalau saya perlu membayar sebulan atau seminggu gaji, sebab Utusan Melayu membayar gaji tiap-tiap minggu, tidak tiap-tiap bulan, maka saya minta Ungku Hassan menghantarkan tuntutan itu. Tetapi sampai sekarang saya tidak menerima tuntutan itu. Sebenarnya dari segi sentimen saya merasa amat sedih meninggalkan Utusan Melayu tempat yang telah memberikan saya banyak pengalaman, banyak pengetahuan, banyak kemegahan, banyak sahabat handai. Sehingga sekarang hubungan saya dengan sahabat-sahabat dan rakan sejawat lama di Utusan itu masih terjalin baik walaupun kebanyakan dari kami sudah tidak di Utusan lagi. Malah dengan Yusuf Ishak perhubungan persahabatan tetap baik sampai ia menjadi Presiden Republik Singapura malah sampai ia meninggal dunia (moga-moga Allah cucuri rahmat atas ruhny).

Ke Pulau Pinang dan ke Singapura Kembali

Setelah kira-kira tiga bulan di *Melayu Raya* saya pindah ke Pulau Pinang untuk bekerja dengan *Warta Negara*. Saya berangkat dengan keretapi malam bersama isteri dan anak saya, setelah pada waktu petangnya mengadakan sedikit kenduri doa selamat ulangtahun kedua anak kami yang sulung itu, iaitu pada 26 September 1953.

Selama kira-kira tiga bulan di *Melayu Raya* saya mendapati suratkhbar tersebut sebenarnya tidak memerlukan tenaga saya, bahkan saya fikir akhbar *Melayu Raya* masa itu sedang memerlukan penghematan perbelanjaan. Kakitangan tidak perlu banyak tetapi dedikasi serta kebolehan para pekerja haruslah dipergunakan sepenuhnya. Kehadiran saya di sana saya rasa merupakan satu *redundant*, satu penambahan atau kelebihan tenaga yang sebenarnya tidak diperlukan. Saya hanya menolong menulis rencana pengarang atau merangkakan persembahan berita penting atau tidak penting, yang sebenarnya boleh dibuat dengan baik oleh wartawan lain yang tidak kurang malah lebih berkebolehan dan berpengalaman dari saya, seperti Melan Abdullah yang pada masa itu juga bekerja dengan *Melayu Raya*. Untuk berikhtiar menambah bidang penerbitan *Melayu Raya* menjadi lebih besar atau lebih banyak saya tidak nampak kemungkinannya kerana kewangan akhbar itu nampaknya kurang memuaskan. Saya yakin mereka yang ada di *Melayu Raya* semuanya ingin mencari jalan meluaskan bidang

penerbitan dengan menerbitkan majalah umum di samping majalah filem yang sedang baik perjalanannya, misalnya, tetapi saya tahu gagasan seperti itu tidak akan dapat diterima oleh pihak pentadbiran kerana masalah kewangan. Jadi saya sebenarnya sudah mulai memikirkannya untuk mencari jalan keluar.

Pada suatu hari, saya sudah lupa tarikhnya, dua orang sahabat saya dari Pulau Pinang, iaitu Zaki Mohd. Isa salah seorang pengarang *Warta Negara*, dan Azhari Taib, juga salah seorang orang kuat *Warta Negara* dari Alor Star, datang berkunjung ke rumah saya. Mereka baru saja selesai menghadiri satu persidangan UMNO di Batu Pahat dan datang melawat ke Singapura. Mereka cuba meninjau fikiran saya sekiranya saya ingin menyumbangkan khidmat sebagai wartawan dalam *Warta Negara*.

Entah bagaimana pada masa itu saya merasa diri saya sudah menjadi wartawan di samping penulis cerita pendek. Di Utusan Melayu di mana bakat saya mula tumbuh dan berkembang, saya telah diberi kesempatan melalui dua bidang ini hingga saya akhirnya tidak lagi dapat memisahkan apakah saya wartawan atau sasterawan. Jika keadaan memerlukan saya rasa waktu itu saya sudah sanggup untuk mengendalikan akhbar berita atau majalah umum dan saya rasa saya juga sudah sanggup menulis dan memperbaiki tulisan kesusasteraan saya sedikit demi sedikit. Saya sudah banyak belajar dari buku, pengalaman dan pergaulan tentang teori dan praktik bidang-bidang tersebut. Tetapi waktu Zaki dan Azhari dari *Warta Negara* itu memancing kalau-kalau saya mahu memberikan khidmat dengan *Warta Negara*, saya nyata memerlukan masa untuk berfikir lebih dahulu. Saya meminta tempoh sedikit sebelum memberi jawapan yang pasti kepada Zaki dan Azhari. Beberapa perkara timbul dalam fikiran saya waktu itu, di antaranya soal anak isteri, keduanya adakah saya mempunyai masa depan yang lebih baik jika berkhidmat dengan *Warta Negara*. Ini timbul dalam fikiran saya kerana saya tahu bahawa *Warta Negara* hanya sebuah akhbar tempatan yang memusatkan punca berita dan punca fikirannya terhadap kawasan utara saja. Akhbar itu belum mempunyai taraf kebangsaan dipandang dari segi liputan berita dan pandangan fikirannya. Apakah saya boleh mendapat kemudahan untuk bertambah maju dalam profesi kewartawanan atau kesusasteraan dalam akhbar seperti itu. Saya agak menyesal juga meninggalkan Utusan Melayu kerana ternyata bahawa Utusan Melayu memang paling banyak dapat memberikan peluang memajukan bakat dari mana-mana penerbitan dewasa itu.

Selain dari itu saya juga memikirkan adakah Pulau Pinang dapat memberikan satu suasana pengembangan bakat seperti yang dapat diberikan oleh Singapura. Pergolakan kesusasteraan dan kebudayaan berpusat di Singapura. Pergolakan politik juga, walaupun puncanya di Kuala Lumpur tetapi kesannya yang hebat datang dari Singapura kerana Singapura mempunyai akhbar yang lebih besar pengaruhnya dan lebih luas sebarannya dari mana-mana akhbar pun termasuk *Majlis* di Kuala Lumpur atau *Warta Negara* di Pulau Pinang. Pendeknya pangkalan yang dahulu membawa saya berhijrah ke Singapura masih di Singapura lagi. Hal-hal inilah yang saya fikirkan waktu itu. Tetapi akhirnya ternyata saya tidak akan mahu lagi menambah beban *Melayu Raya* sebagai tenaga *redundant* yang tidak mereka sedari itu dan tidak pula berkeinginan untuk kembali ke Utusan Melayu. Maka pada 26 September 1953 saya pun melangkah kaki ke Pulau Pinang.

Tiga hajat tersemat dalam hati saya waktu berangkat ke Pulau Pinang itu. Pertama, mudah-mudahan di Pulau Pinang, dalam keadaan dan suasana yang lebih tenteram, saya akan dapat berehat sedikit sambil memulihkan kesihatan yang sudah banyak terganggu. Kedua, mudah-mudahan ketenangan di Pulau Pinang kelak akan dapat mempengaruhi saya untuk melihat lebih teliti ke dalam diri saya sendiri mencari kelemahan dan keburukan yang patut diperbaiki. Dan ketiga, saya berharap untuk dapat mencuba mempengaruhi *Warta Negara* mengorak langkah meluaskan perusahaannya menjadi akhbar nasional.

Di Pulau Pinang saya tidak tinggal di pulau tersebut tetapi di Butterworth, menyewa sebuah rumah yang sederhana tetapi dengan perabot yang kurang dari sederhana kerana saya tidak membawa perabot rumah kami dari Singapura dan saya tidak bermaksud hendak membelanjakan wang lebih dari yang perlu hanya untuk membeli perabot sahaja. Saya malah tidak mempunyai sebuah meja tulis. Bila perlu menulis di rumah saya menggunakan mesin jahit isteri saya ganti meja. Mesin jahit itu sengaja dibawa dari Singapura kerana isteri saya selalunya menjahit pakaiannya sendiri dan juga pakaian anak kami. Tinggal di Butterworth itu sengaja saya pilih. Saya sebenarnya diberi tawaran untuk tinggal di rumah salah seorang Pengarah *Warta Negara*, keluarga orang kaya, Tuan Syed Omar Almashhur, dekat masjid Melayu Acheen Street, tetapi tawaran itu saya tolak kerana saya lebih suka tinggal sendirian. Janji mulanya saya akan diberi tempat tinggal percuma tetapi kerana tempat yang ditawarkan itu tidak dapat saya terima maka *Warta*

Negara bermurah hati membayar elaun sewa rumah, walaupun kecil. Butterworth dahulu, dua puluh lima tahun yang lalu, masih sebuah kampung yang tenang. Bukan Butterworth sekarang yang sudah menjadi sebahagian dari Pulau Pinang, sibuk dan bising siang malam.

Pertama-tama saya merasa perubahan yang enak kerana ketenangan yang saya cari memang ada di Butterworth. Udaranya yang bersih dan nyaman. Pagi-pagi hari minggu kami tiga beranak mencari remis di pantai. Petang-petang menikmati angin laut dan memandang keindahan Padang Kota menyambut senja dengan lampu-lampu pucat di seberang sana. Sekali atau dua kali sebulan kami sekeluarga menghabiskan masa di kota dan di pantai-pantai Pulau Pinang seperti orang bercuti. Pekerjaan tidak sibuk dan tidak mendesak seperti di Utusan Melayu atau Melayu Raya. Kegiatan-kegiatan sastera dan budaya pun tidak banyak seperti di Singapura. Dan saya selalu mengelakkan diri dari terlibat dengan banyak kegiatan. Alhamdulillah, setelah hampir setahun bekerja dengan *Warta Negara* saya mulai merasa segar dan sihat kembali. Tetapi mulai merasa kehidupan tenang itu terlalu sunyi dan beku. Saya mula banyak membaca dan berbincang dengan beberapa orang kawan. Di Butterworth tidak banyak kawan, kecuali guru-guru Melayu seperti Zakaria Salleh (penulis *Ahad*), tetapi ada seorang pejuang dan intelek Melayu yang sangat banyak memberi saya peluang bertukar fikiran tentang politik dan kebudayaan dan juga sangat banyak menolong saya tentang buku. Saya tidak perlu membeli buku (maksud saya buku Inggeris) kerana di rumahnya banyak buku yang boleh saya baca dan saya pinjam. Beliau ialah Mohamed Sophiee bin Sheikh Ibrahim. Masa itu Sophiee bekerja sebagai Pegawai Kebajikan Masyarakat Seberang Perai dan tinggal di Butterworth. Di Pulau Pinang sendiri memang banyak kawan yang cenderung kepada kebudayaan dan kesusasteraan di samping soal-soal politik, seperti Mohd. Nor Ahmad dan lain-lain. Saya sudah mulai banyak bergaul dengan mereka tetapi saya sengaja membatasi kesibukan pergaulan tersebut. Tetapi pada suatu masa tatkala kempen bahasa kebangsaan sedang digiatkan oleh parti-parti politik di samping oleh badan-badan bahasa dan kesusasteraan di seluruh tanahair kerana mendesak supaya Dewan Undangan Persekutuan Tanah Melayu meluluskan undang-undang tentang bahasa Kebangsaan, saya ikut berkempen dengan Sophiee dan Azhari Taib. Kami menghadiri rapat-rapat umum di Seberang Perai dan Selatan Kedah bahkan sampai ke Perak Utara, sampai ke

Kuala Kangsar kerana kempen bahasa kebangsaan itu. Saya juga ikut hadir menubuhkan LEPAS di Kuala Kangsar.

(Cadangan tentang menjadikan bahasa Melayu bahasa kebangsaan itu akhirnya dikemukakan dalam Dewan Undangan Persekutuan pada bulan Mei, kalau saya tidak salah, tahun 1955, oleh wakil Partai Negara pimpinan Datuk Onn. Wakil yang mengemukakan itu ialah YB Encik Abdul Rashid Ahmad. Cadangan itu telah diterima dan diluluskan).

Usaha saya meneliti diri sendiri memang memberikan hasil yang agak baik. Saya mula melihat kembali betapa masih banyak pengalaman dan pengetahuan yang belum saya capai, di samping betapa banyak pengalaman dan pengetahuan yang saya peroleh dalam masa hampir sepuluh tahun yang lalu yang kurang saya pergunakan dengan baik. Saya terdidik dengan ajaran-ajaran Islam tetapi saya tidak berjaya mengamalkan ajaran itu dengan sepenuhnya kerana saya hampir tidak sedar membiarkan sifat takbur dan riak berkembang dalam jiwa saya. Beberapa tahun yang akhir sebelum ke Pulau Pinang itu saya sebenarnya mulai diserang penyakit riak dan takbur. Keupayaan saya dalam lapangan kewartawanan dan kesusasteraan saya rasa sudah benar-benar merupakan kejayaan sehingga saya bersikap megah dan sombong. Kemegahan dan kesombongan itu mungkin belum kelihatan pada mata kasar khalayak ramai tetapi kebanyakan keputusan dan tindakan yang saya lakukan sering dipengaruhi oleh sifat riak dan takbur itu, sifat mengakui bahawa diri sendiri selalu benar, sifat meyakini bahawa khalayak ramai di pihak menerima saja. Memang benar saya belum lagi melakukan sesuatu yang merugikan atau merosakkan orang lain, peribadi mahupun masyarakat umum, tetapi saya selalu merasa bahawa saya adalah benar, saya berjaya, saya terkenal. Inilah bibit riak dan takbur yang saya insafi selama mendapat ketenangan untuk berfikir waktu menyendiri di Pulau Pinang.

Saya tahu bahawa dalam lapangan kesusasteraan saya telah meningkat maju. Cerita-cerita pendek saya sudah meningkat dari alam romantik ke alam yang lebih realistik, dari penonjolan idea secara bombastik kepada cara yang lebih lunak dan halus. Ini menjadikan saya menganggap diri sudah berjaya. Anggapan ini adalah bibit riak dan takbur. Waktu di Pulau Pinang saya mengetahui bahawa semua itu baru satu langkah kepada kemajuan. Saya masih jauh dari pencapaian cipta seni yang baik. Teknik saya masih terlalu kasar. Di Pulau Pinang saya menginsafi bahawa bagi

orang yang malang hidupnya, bantuan orang lain, nasihat dan kritik orang lain memainkan peranan yang penting untuk mencari jalan kemajuan. Tetapi bagi orang yang mujur yang berjaya dan terkenal, terutama yang mencapai kejayaan dan menjadi terkenal oleh sebab usaha yang gigih menegakkan kebenaran dan memajukan diri, maka bantuan, nasihat dan kritik perlu datang dari dalam diri sendiri. Nasihat dan kritik orang lain sering bersifat pura-pura.

Demikianlah di Pulau Pinang saya lebih banyak meneruskan pembacaan dan meneliti diri sendiri dari menulis. Saya tidak melibatkan diri dengan ruangan kesusasteraan *Warta Minggu*, iaitu mingguan *Warta Negara* yang memuat cerita pendek dan sajak. *Warta Minggu* dijaga oleh rakan sejawat saya, Ahmadi Asmara, dan pada suatu waktu oleh Ibrahim Leguri. *Warta Negara* saya dapati adalah sebuah perusahaan akhbar yang agak baik organisasi pentadbiran dan juga kewangannya. Pengarang-pengarangnya yang juga menjadi ahli pemegang saham dalam perusahaan itu, iaitu A. Wahab Zain dan Zaki Isa dan juga Pengurusnya, Tuan Jailani, bersetuju dengan usul saya supaya perusahaan itu dimajukan menjadi akhbar bersifat nasional. Satu kertas kerja telah saya tulis untuk menggambarkan garis-garis dasar termasuk kewangan, tenaga, dan pentadbirannya. Tetapi usul ini yang dibawa oleh ketiga-tiga pemegang saham yang bertugas itu ditolak oleh ahli-ahli saham yang lain, yang tidak ramai jumlahnya. Mereka lebih suka *Warta Negara* berjalan seperti biasa, kerana dengan cara itu modal mereka terjamin dan senantiasa dapat membahagikan keuntungan yang lumayan tiap tahun. Satu percubaan untuk memajukan perusahaan tersebut sudah tentu menghadapi risiko yang besar yang belum terjamin keuntungannya.

Setelah hampir dua tahun saya di Pulau Pinang saya rasa kesihatan saya telah pulih, malah terasa lebih baik dari masa sebelum masuk hospital dahulu. Fikiran dan perasaan saya sudah semakin tenang. Timbul perasaan hendak mencari pangkalan yang sesuai untuk memajukan bakat dan mengamalkan apa yang saya dapati dalam permenungan terhadap diri sendiri, memperbaiki segala kelemahan dan memajukan lagi apa yang sudah tercapai. Perasaan itu sama seperti perasaan saya masa di Temerloh dahulu. Saya sekarang sudah putus asa untuk mencuba mengubah fikiran pihak berkuasa *Warta Negara* supaya meningkatkan kegiatan akhbar itu menjadi akhbar bertaraf nasional. Saya sudah merasa pasti Pulau Pinang dan *Warta Negara* dalam keadaannya yang ada itu tidak dapat menjadi pangkalan yang sesuai untuk saya memajukan

bakat lebih lanjut, tidak dapat untuk menjadi pangkalan perjuangan bahasa dan sastera yang berkesan.

Perhubungan saya dengan kawan-kawan di Singapura berjalan terus melalui surat menyurat. Saya pernah menulis kepada Tongkat Warrant menyatakan kepadanya betapa pentingnya kawan-kawan jangan membiarkan pertelingkahan tentang teori kesusasteraan menimbulkan pertelingkahan peribadi. Saya tegaskan kepadanya bahawa saya tidak melihat adanya para penulis muda, terutama anggota ASAS 50 yang menulis di luar konsep "Seni Untuk Masyarakat". Hal itu amat menggembirakan. Pertelingkahan tentang "Seni Untuk Masyarakat" dan "Seni Untuk Seni" itu ada baiknya untuk meluaskan horison pemikiran tentang sastera. Pada saya masing-masing boleh memegang konsepnya asalkan sastera masih berfungsi menurut cita-cita ASAS 50. Saya juga menyarankan kepada Tongkat secara peribadi supaya dia menulis novel. Sastera suratkhbar seharusnya dimajukan menjadi sastera buku.

Waktu saya ikut ke Medan menghadiri Kongres Bahasa Indonesia sebagai salah seorang wakil Kongres Bahasa dan Per-suratan Melayu Malaya pada akhir Oktober 1954, saya banyak mendapat berita-berita yang menggirangkan dan membimbangkan dari kawan-kawan para wakil dari Singapura tentang pergolakan dan kegiatan kawan-kawan sasterawan di Singapura. Di antara mereka ada yang menanyakan bila saya akan kembali ke Singapura. Di antara yang bertanya itu termasuk Mahmud Ahmad dan Harun Aminurrashid. Barangkali pertanyaan itu hanya pemanis saja atau mungkin juga sebagai sindiran bahawa saya selama di Pulau Pinang sudah tenggelam, tidak berbuat apa-apa, tetapi saya menerimanya dengan satu pemikiran yang sering melantun kembali dalam kepala saya; bilakah aku akan kembali ke Singapura. A. Samad Ismail yang juga ikut dalam rombongan perwakilan Malaya itu mengatakan saya "bodoh kerana meninggalkan Utusan Melayu. Lebih bodoh lagi kerana pindah ke Pulau Pinang". Saya menerima komennya itu. Samad memang tidak pernah berlindung-lindung bila bercakap. Ia selalu tegas saja dan saya sudah biasa dengan tingkah laku dan sikapnya itu. Sesungguhnya saya rasa memang bodoh untuk orang seperti saya meninggalkan Singapura dan pindah ke Pulau Pinang. Tetapi saya katakan kepadanya bahawa dia tidak tahu sebenarnya suasana yang menyebabkan saya berhenti dari Utusan Melayu (waktu itu dia dalam tahanan). Walaupun memang benar Utusan Melayu adalah tempat yang paling baik dan sesuai bagi saya untuk memajukan bakat dan meneruskan perjuangan bahasa dan sastera

tetapi kalau dalam suasana yang saya hadapi dengan Yusuf Ishak waktu itu Samad Ismail sendiri pun akan mengambil keputusan berhenti atau kalau ia cukup kuat melawan dan mengalahkan Yusuf. Bagi saya jalan kedua itu sudah pasti tidak ada. Saya berhenti dari Utusan Melayu bukan kerana tempat itu kurang baik tetapi kerana pertelingkahan faham dengan Yusuf Ishak.

Tidak lama lepas kembali dari Medan saya bercuti ke Singapura kerana melihat anak dan isteri, yang memang sudah beberapa bulan tinggal dengan keluarga di Singapura. Isteri saya waktu itu sedang menunggu masa melahirkan anak kami yang kedua. Masa bercuti inilah saya menerima jemputan Yusuf Ishak untuk makan tengah hari dengannya serta beberapa orang kawan lama di Utusan Melayu. Saya menerima jemputan tersebut yang bertempat di sebuah restoran terkemuka di High Street.

Itulah langkah pertama dari Yusuf Ishak untuk melupakan perselisihan faham kami lebih dua tahun yang lalu. Tidak lama kemudian saya menerima anjuran kawan-kawan untuk kembali ke Singapura dan bekerja semula dengan Utusan Melayu. Pokok perselisihan faham itu sebenarnya tidak ada. Yusuf Ishak bukannya bermaksud hendak membesarkan imej General Templer lebih dari pemimpin-pemimpin Melayu. Saya bukan bermaksud hendak menjadikan Utusan Melayu alat politik saya. Semuanya disebabkan oleh salah faham yang berpunca kerana tekanan ketegangan suasana politik masa itu.

Perkembangan di Singapura

Saya sudah lupa tarikhnya tetapi pastilah pada suku tahun keempat atau akhir tahun 1955 saya berhenti dengan baik dari *Warta Negara* dan kembali ke Singapura bekerja semula dengan Utusan Melayu.

Betapa banyaknya kegiatan yang telah dijalankan oleh kawan-kawan dalam ASAS 50 dan betapa berkembangnya penulisan-penulisan sastera dalam majalah dan akhbar di Singapura telah berlangsung dalam masa kira-kira dua tahun semenjak saya berpindah ke Pulau Pinang. Pertama-tama saya melihat kesan dari perdebatan tentang "Seni Untuk Masyarakat" dan "Seni Untuk Seni" telah menimbulkan tuduhan-tuduhan peribadi kepada seorang berdua anggota ASAS 50, dalam bentuk tuduhan sebagai menjadi alat anti Islam, sebagai pemimpin yang bersifat diktator dan sebagainya. Hamzah dengan beberapa orang kawan telah

meninggalkan ASAS 50 dan telah menubuhkan persatuannya sendiri. Tetapi persatuan yang ditubuhkan oleh Hamzah itu tidak berpengaruh dan tidak menunjukkan hasil kegiatan atau penulisan yang berkesan. Sebaliknya kegiatan bahasa dan sastera semakin menunjukkan sifat yang lebih kritikal dan maju. Demikian juga hasil penulisan sastera. Penulis-penulis semakin banyak berfikir. Zaman romantik idealistik melulu telah mulai hendak berakhir dan zaman realistik yang lebih kritikal mulai terbayang dalam karya-karya cerita pendek dan sajak. Golongan "Seni Untuk Seni" seperti Hamzah sendiri banyak juga menulis cerita pendek dalam *Mastika* yang saya rasa masih berdasarkan "Seni Untuk Masyarakat", tetapi tekniknya sudah lebih baik dan halus. Penulis-penulis lain seperti Tongkat Warrant, Awam-il-Sarkam, Masuri S.N. dan lain-lain sudah tidak terlalu bombastik lagi. *Mastika* sudah kembali menjadi majalah umum kebudayaan dan ilmu pengetahuan ringan. Asraf telah berjaya menghidupkan kembali usaha penterjemahan karya-karya Barat dalam *Mastika*.

Yang paling menggembirakan hati saya waktu baru kembali dari Pulau Pinang itu ialah melihat ASAS 50 masih dapat bertahan dan terus berjuang atas dasar menjadi *pressure group* terhadap perjuangan politik bahasa dan kesusasteraan Melayu serta meneruskan perkembangan sastera berdasarkan faham "Seni Untuk Masyarakat". Ketabahan dan keutuhan ASAS 50 ini menghilangkan rasa kecewa yang disebabkan oleh adanya perpecahan Hamzah dan beberapa orang penulis muda yang dahulunya mengambil peranan penting menubuhkan ASAS 50. Arif Ahmad yang menjadi Ketua Satu ASAS 50 selama dua tahun berturut dalam saat krisis itu, iaitu 1953-54 dan 1954-55, bersama-sama dengan kawan-kawan yang lain seperti Masuri S.N., Jymy Asmara, Abu Zaki Fadzil, Asraf, Tongkat Warrant, Awam-il-Sarkam bukan saja berjaya mengatasi krisis itu tetapi juga berjaya menjalankan kegiatan-kegiatan yang bererti. Dalam masa dua tahun itu ASAS 50 telah berjaya menyusun laporan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Pertama untuk dibentangkan dalam Kongres Kedua yang diadakan di Seremban pada 28 Disember 1953 hingga 2 Januari 1954; berjaya menyokong Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura dalam Kongres tersebut yang mengusulkan penerimaan tulisan rumi menjadi tulisan rasmi kebangsaan dengan tidak menghapuskan tulisan jawi; berjaya pula menyusun sebuah tulisan yang berupa memorandum umum mengupas dan memberikan alasan-alasan yang agak lengkap untuk menjelaskan mengapa ASAS 50 menyokong Kesatuan Guru-Guru

Melayu Singapura dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Kedua yang mengambil keputusan menerima tulisan rumi sebagai tulisan rasmi dengan tidak menghapuskan tulisan Jawi itu. Memorandum itu yang drafnya ditulis oleh Asraf dan Usman Awang (Tongkat Warrant) secara rasional dan berdasarkan hujah yang *ma'qul* berserta dengan latar penyelidikan yang boleh dikatakan agak ilmiah dapat menunjukkan dengan jelas bahawa ASAS 50 bukan menjadi alat untuk mengurangkan pengaruh agama Islam seperti tuduhan-tuduhan setengah pihak, tetapi sebaliknya bertujuan semata-mata untuk membuktikan bahawa dengan tulisan rumi potensi bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, bahasa pentadbiran dan bahasa ilmu pengetahuan akan menjadi lebih mudah tercapai. ASAS 50 semenjak Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Kedua di Seremban itu lagi bahkan semenjak mula-mula mengemukakan gagasan menjadikan tulisan rumi sebagai tulisan rasmi itu dalam Kongres Pertama 1952 di Singapura, telah tegas pendiriannya bahawa ia tidak menentang tulisan Jawi dari sudut yang lain dari potensi memudahkan perkembangan bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, bahasa rasmi pentadbiran, dan bahasa ilmu pengetahuan. ASAS 50 dari masa itu lagi bersetuju bahawa tulisan Jawi tidak mesti dihapuskan, sebaliknya mengemukakan kelemahan-kelemahannya supaya dapat diperbaiki dan dengan demikian supaya hidupnya terjamin dan memberi erti.

Seterusnya semasa saya di Pulau Pinang juga Kerajaan Inggeris telah menubuhkan sebuah Suruhanjaya untuk membentuk Perlembagaan Baru bagi Singapura. Suruhanjaya Perlembagaan Singapura itu diketuai oleh Sir George Rendel dan terkenal dengan panggilan Suruhanjaya Rendel. ASAS 50 pada bulan Disember 1953 telah menghantar sebuah memorandum kepada Suruhanjaya tersebut dengan penekanan mengenai soal bahasa. Di antara lain dalam memorandum itu diajukan supaya

"Bahasa Melayu hendaklah diakui sebagai bahasa perantaraan rakyat dan syarat-syarat tertentu dan tegas hendaklah dibuat untuk bahasa Melayu diajarkan dalam semua pusat-pusat pengajaran. Bahasa Melayu hendaklah

(Oleh kerana buku ini disusun sebagai *memoir* dengan tidak membuat nota kaki tentang buku-buku rujukan dan sebagainya maka jika ada para pembaca yang ingin mengikuti sepenuhnya isi memorandum ASAS 50 mengenai tulisan rumi yang disebut di atas atau lain-lain memorandum yang akan tersebut kemudian, bolehlah membaca buku *Memoranda Angkatan Sasterawan '50* terbitan Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1962).

diajarkan sebagai bahasa kedua dalam sekolah-sekolah Inggeris, dalam sekolah-sekolah Tionghua dan dalam sekolah-sekolah Tamil. Langkah-langkah hendaklah diambil untuk mengadakan dan memajukan pengajaran sekolah menengah dalam bahasa Melayu di tiap-tiap sekolah Melayu. Kerusi Bahasa Melayu yang ada sekarang di Universiti Malaya hendaklah ditukar menjadi satu Jabatan Pengajaran Bahasa Melayu yang hidup (aktif), yang ditugaskan untuk memajukan bahasa Melayu sebagai satu bahasa pelajaran dalam semua tingkatan sekolah-sekolah di negeri ini."

Sungguhpun ASAS 50 menghadapi krisis yang ditimbulkan oleh golongan "Seni Untuk Seni" itu namun ia masih mendapat penghormatan dan mendapat kepercayaan yang penuh sebagai sebuah badan persuratan yang utuh dalam sidang Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Kedua di Seremban. Dalam Kongres tersebut ASAS 50 telah diberi tugas untuk mewakili Kongres menghubungi badan-badan bahasa di Indonesia untuk mengadakan usaha bersama menyamakan ejaan Malaya-Indonesia. Ketua Satu, Arif Ahmad, telah menulis dalam majalah *Medan Bahasa* di Jakarta untuk menyampaikan hasrat kerjasama bahasa Malaya-Indonesia itu kepada rakyat Indonesia. Hasilnya Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu telah diundang untuk menghantarkan wakil ke Kongres Bahasa Indonesia yang akan diadakan di Medan bulan Oktober 1954. Dan seterusnya ASAS 50 telah ditugaskan oleh Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya untuk mengadakan satu persidangan perwakilan kecil Kerabat Kongres untuk memilih wakil dan mencari wang untuk perwakilan tersebut. Wakil yang dipilih terdiri dari Harun Aminurrashid sebagai ketua, Ramli Abdul Hadi, Mahmud Ahmad, Mohd. Asri Haji Muda dan saya sendiri sebagai setiausaha. Penerbit-penerbit di Singapura juga menghantar wakil. Utusan Melayu diwakili oleh A. Samad Ismail. Beberapa badan bahasa dan persuratan juga menghantar wakil berasingan termasuk M. Noor Azam dari Kedah, Bakhtiar Jamili dari Pulau Pinang, Yusuf Harun dari Melaka dan ramai lagi. Pendeknya Kongres Bahasa Indonesia di Medan itu telah menjadi titik permulaan hubungan perkenalan dan kerjasama antara rakyat kedua negara dalam lapangan bahasa dan sastera. Kertas pandangan umum Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang dibacakan oleh ketua perwakilan kami, Harun Aminurrashid, yang antara lain menganjurkan kerjasama untuk mencapai kesamaan ejaan dan pemakaian bahasa umumnya di kedua negara telah mendapat perhatian yang baik sehingga mempengaruhi debat Kongres tentang definisi bahasa Indonesia. Kebanyakan peserta bersetuju bahawa bahasa Indonesia itu adalah bahasa yang asal dan

asasnya bahasa Melayu. Definisi ini membukakan jalan yang luas untuk kerjasama menyamakan pemakaian kedua bahasa dalam segala jurusannya. Sungguhpun ada golongan kecil yang berpendapat bahawa bahasa Indonesia adalah bahasa Indonesia yang telah berkembang dan sudah jauh bezanya dengan bahasa Melayu tetapi pendapat tersebut adalah pendapat golongan kecil yang tidak menjejaskan cita-cita kerjasama kedua pihak.

Selain dari itu ada beberapa lagi kegiatan bahasa dan sastera yang melibatkan ASAS 50 serta anggota-anggota Jawatankuasanya. Salah satu daripadanya yang agak penting ialah penubuhan Majlis Pelajaran Melayu dalam mana lebih dari lima puluh pertubuhan Melayu dan Islam di Singapura bergabung untuk memperjuangkan nasib pelajaran Melayu di Singapura. ASAS 50 pada akhir tahun 1953 telah pun menyampaikan memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Singapura yang terkenal dengan panggilan Suruhanjaya Rendel itu khusus menyentuh soal kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar umum dan bahasa yang mesti dijadikan bahasa pengantar dari sekolah rendah hingga ke Universiti. Dan apabila akhirnya soal pelajaran dan bahasa Melayu itu tidak mendapat perhatian dari Suruhanjaya tersebut maka seluruh badan-badan dan pertubuhan Melayu dan Islam bersatu memperjuangkan nasib pelajaran Melayu di Pulau itu. ASAS 50 dengan sendirinya meletakkan dirinya dalam barisan perjuangan tersebut. Arif Ahmad, Ketua Satu ASAS 50 waktu itu menjadi setiausaha dua Majlis tersebut.

Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya

Waktu saya tiba kembali dari Pulau Pinang itu Kerabat Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu di Selatan Malaya baru saja selesai membentuk jawatankuasa Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga. ASAS 50 ikut terlibat dan Ketua Satunya, Arif Ahmad duduk dalam jawatankuasa itu sebagai Setiausaha Dua. Jawatankuasa tersebut berpusat di Universiti Malaya dengan Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) sebagai pusat organisasinya.

PBMUM baru saja ditubuhkan kira-kira dalam bulan Januari 1955 dengan bimbingan semangat dari Ungku Aziz yang pada masa itu menjadi pensyarah ekonomi di Universiti tersebut, dan dengan nasihat-nasihat oleh Pak Za'ba yang menjadi Ketua Jabatan Pengajian Melayu. Penubuhan Jabatan Pengajian Melayu di

Universiti tersebut dalam tahun 1953, menjadi titik permulaan bagi anak-anak Melayu yang berpelajaran tinggi mendekati diri kepada masyarakat Melayu. Sebelum itu kebanyakan siswa-siswa Melayu terasing sekali dari masyarakat Melayu, kecuali beberapa orang, seperti Aminuddin Baki. Kebanyakan penuntut tidak menunjukkan perhatian kepada masyarakat bangsanya, setengahnya masih berfikiran seperti kebanyakan orang Melayu yang mendapat pendidikan Inggeris yang bersikap keinggerisan dan memandang rendah terhadap bangsanya sendiri. Sekarang ini saya merasa agak sukar juga menggambarkan sikap sebahagian besar para siswa masa awal-awal Universiti itu. Pada masa saya mencuba merapati mereka pada awal-awal tahun lima-puluhan melalui persahabatan dengan Aminuddin Baki dan seorang dua lagi yang lain, saya sering berada di kampus Bukit Timah itu. Waktu itu dapat saya rasakan betapa pandangan mereka terhadap seorang wartawan atau sasterawan seperti saya yang suka bercakap Melayu, kalau berbahasa Inggeris pun kasar pula. Bagi mereka orang seperti saya, wartawan, sasterawan, guru Melayu dan barangkali juga pemimpin-pemimpin politik Melayu yang banyak bercakap, menulis dan mengadakan macam-macam pergerakan itu adalah orang-orang yang tidak berkelayakan yang cuba memandai-mandai. Mereka tidak pernah percaya bahawa orang Melayu boleh berbuat sesuatu seperti yang dapat dibuat oleh orang Inggeris. Jika mereka dibawa bersama bergerak, mereka hanya mahu kalau orang semuanya menganggap mereka besar, penting dan pintar. Sikap inilah yang menjauhkan mereka dari masyarakat Melayu. Pada suatu masa setelah mahasiswa itu semakin terdedah kepada masyarakat maka timbul kemarahan hebat dari kalangan orang Melayu, khasnya guru-guru Melayu, bila dalam satu forum di radio mereka mengatakan pelajaran Melayu tidak berguna, lebih baik dihapuskan saja sekolah-sekolah Melayu dan digantikan dengan sekolah Inggeris.

Saya sendiri tidak begitu setuju dengan sikap pihak yang mencabar siswa-siswa itu berbahas tentang sekolah Melayu. Saya rasa siswa-siswa itu bermaksud hendak menyatakan pendapat mereka bahawa dasar pelajaran Melayu seharusnya diubah supaya sekolah Melayu tidak hanya sampai setakat sekolah rendah saja. Saya rasa siswa-siswa itu sudah mempunyai semangat kebangsaan tetapi sikap menganggap diri lebih pandai dan lebih berkelayakan itulah yang menyebabkan mereka bercakap agak keras dan tidak sedar menyinggung perasaan orang lain yang sudah bertahun-tahun

berhempas pulas berjuang untuk memperbaiki pelajaran Melayu. Adat orang Melayu, budak-budak tidak boleh bercakap kasar kepada orang dewasa. Malangnya di manakah ada orang muda yang bijaksana. Orang tualah sepatutnya menunjukkan kebijaksanaan-nya. Lama juga ketegangan antara siswa dan guru-guru Melayu itu menjadi perbincangan dalam akhbar. Saya kira Ungku Aziz dan Pak Za'ba akhirnya ikut mendinginkan suasana tersebut. Saya masa itu masih di Pulau Pinang, tidak dapat mengikuti perkembangan tersebut dengan jelas.

Tertubuhnya Jabatan Pengajian Melayu dengan pimpinan Pak Za'ba dan bantuan Ungku Aziz dapatlah sedikit demi sedikit para siswa Melayu di Universiti Malaya memahami riuh rendah perjuangan kebangsaan orang Melayu. Dan suara yang semakin lantang menuntut bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan yang dibangkitkan dengan hebat dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Kedua di Seremban telah menimbulkan suasana yang masak untuk siswa-siswa itu bertindak ikut serta dalam perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu itu. Akhirnya berdirilah PBMUM. Dan dari mula tertubuhnya awal tahun 1955, bahkan semenjak berakhirnya peristiwa ketegangan dengan pihak guru-guru Melayu sampai bergemanya tuntutan mendaulatkan bahasa Melayu di Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu di Seremban awal tahun 1954, siswa-siswa Melayu di Universiti Malaya, terutama yang dari Jabatan Pengajian Melayu mulai banyak mendampingi masyarakat Melayu di Singapura. Waktu saya tiba kembali dari Pulau Pinang beberapa orang pemimpin siswa Melayu sering saya temui di Utusan Melayu. Beberapa orang dari mereka mempunyai hubungan rapat dengan penulis-penulis seperti Tongkat Warrant, Asraf, Masuri S.N. dan lain-lain. Penulis-penulis ini sering pula diundang memberi ceramah oleh PBMUM. Saya merasa amat optimis tentang kemasukan kaum terpelajar Melayu ke dalam arena perjuangan bahasa dan sastera. Saya segera menghubungkan diri dengan siswa-siswa tersebut. Saya merasa apa yang diharapkan oleh Aminuddin Baki beberapa tahun yang lalu tentang akan lahirnya pemimpin-pemimpin Melayu golongan terpelajar dari Universiti itu sudah mula memperlihatkan benihnya. Malah saya mempunyai keyakinan bahawa apa yang pernah saya harapkan untuk melihat lahirnya sasterawan dari kalangan kaum terpelajar tinggi seperti yang saya nyatakan kepada Aminuddin Baki dahulu itu pun sudah memperlihatkan tanda-tanda akan berhasil. Saya sudah melihat beberapa siswa yang amat bersungguh-sungguh mengikuti

perkembangan sastera dewasa itu. Perkenalan saya dengan C. Skinner, seorang pensyarah sastera di Jabatan Pengajian Melayu itu dan juga dengan Dr. de Jong juga pensyarah di Jabatan tersebut menambahkan keyakinan saya. Kedua-dua ahli ini membayangkan betapa besarnya harapan mereka untuk melahirkan bukan saja orang terpelajar tetapi juga kaum intelek Melayu yang cenderung kepada kesusasteraan dari Universiti tersebut.

Tetapi bukanlah satu usaha yang mudah untuk mendekati siswa-siswa ini. Kebanyakan mereka masih tidak dapat memahami betapa pentingnya kaum intelek yang berpelajaran tinggi memasuki lapangan kesusasteraan, betapa pentingnya pemikiran orang Melayu dimajukan taraf intelegnya menerusi sastera di samping kemajuan semangat yang telah dapat dicapai melalui slogan-slogan dan karya-karya yang bombastik sifatnya yang telah diusahakan oleh para penulis golongan rakyat biasa semenjak beberapa tahun yang lalu. Banyak para siswa itu masih mewarisi sifat bongkak aristokratik yang mahu selalu dianggap di atas saja sedangkan pada hakikatnya mereka masih anak-anak muda yang memerlukan banyak pengalaman interaksi dengan masyarakat yang dianggapnya rendah itu. *Snob* kaum intelek yang tidak pada tempatnya selalu menghalang interaksi antara mereka dengan masyarakat umum. Tetapi halangan-halangan ini semakin hari semakin berkurang dengan usaha PBMUM. Saya sendiri ikut merangkak ke dalam kampus Universiti untuk menjadi korban para snobis. Saya tidak pernah jemu dalam usaha saya baik peribadi mahupun melalui ASAS 50 atau Utusan Melayu untuk melahirkan interaksi antara golongan penulis, wartawan dan sasterawan dengan para terpelajar itu.

Bagaimanapun, usaha itu memberikan saya rasa yang amat menyenangkan. Sekarang ini apabila saya melihat beberapa orang bekas pemimpin PBMUM yang awal-awal di Singapura dahulu itu saya merasa amat megah. Mereka sekarang telah menjadi pegawai, pendidik, ahli politik dan sebagainya yang penuh simpati terhadap rakyat umum. Pegawai-pegawai tinggi yang tidak bongkak, tidak aristokratik dan tidak *snob*. Bila sekali sekala saya berjumpa Noh Abdullah, misalnya, kami dapat mengingat betapa dia menggunakan saya untuk memaksa beberapa orang *freshy* terjun ke dalam kolam di kampus Universiti tersebut. *Freshy* itu percaya saya seorang *senior* kerana saya tidak pakai tali leher seperti yang diwajibkan kepada *freshy* dalam masa *raging* sedang berjalan. Ada di antara graduan lama itu baru beberapa tahun yang akhir ini sedar

bahawa saya bukannya siswa Universiti Malaya. Kadang kala bila kebetulan saya dan Tongkat Warrant (Usman Awang) bertemu dengan Datuk Lukman Musa, kami dapat menikmati kembali peristiwa terkejut dan gempar yang kami alami tatkala berceramah kepada anggota-anggota PBMUM di salah sebuah bilik kuliah Universiti Malaya di mana Datuk Lukman menjadi pengerusinya. Sedang majlis ceramah itu rancak berjalan tiba-tiba Adnan Esa dari Radio Malaya yang merakamkan ceramah tersebut memberitahu Datuk Lukman dengan secarik kertas kecil bahawa dia mendapat maklumat dari pejabatnya (Radio Malaya) tentang rusuhan sedang berlaku di kampus Sekolah Tinggi Cina tidak jauh dari kampus Universiti Malaya. Rusuhan pelajar Cina itu sudah mula merebak ke jalan raya dan sudah mendekati Jalan Bukit Timah dan Dunean Road di depan kampus Universiti Malaya.

Banyak cerita berlaku, yang manis dan yang pahit, waktu kami dari ASAS 50 khasnya dan para penulis amnya menjalankan kerjasama mengadakan interaksi antara kampus dengan rakyat itu. Sehingga PBMUM menjadi cukup kuat dan bersedia untuk membuktikan kepada masyarakat akan hasil interaksi tersebut PBMUM menjadi pusat organisasi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga.

Kongres

Sementara itu pada bulan April 1956 ASAS 50 mengadakan mesyuarat agung. Jawatankuasa yang sudah bertungkus lumus bekerja selama dua tahun berturut-turut itu telah merasa lelah. Mereka telah menghadapi krisis yang ditimbulkan oleh Hamzah dan rakan-rakannya serta menyelesaikan beberapa tugas menghadapi saat pergolakan yang amat penting masa seluruh umat Melayu menuntut bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan yang berakhir dengan lulusnya usul dalam Dewan Undangan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Mei 1955 itu. Mesyuarat Agung kali ini sedang menghadapi pula peranan ASAS 50 dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga.

Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga ini saya kira boleh menjadi satu detik perjuangan politik bahasa yang amat penting, yang mungkin menentukan asas yang kukuh atau lemah bagi perjuangan seterusnya. Keadaan politik masa itu telah tiba pada peringkat yang amat penting. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu secara berkerajaan sendiri telah tertubuh setelah selesai

pilihanraya untuk Dewan Undangan Persekutuan Tanah Melayu pada 27 Julai 1955 dan Kerajaan Sendiri itu telah ditubuhkan oleh Perikatan UMNO, MCA dan MIC di bawah pimpinan Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman. Kerajaan Sendiri Perikatan ini telah berjaya mendesak British untuk segera melaksanakan janji memberikan kemerdekaan penuh dan dalam bulan Mac 1956, kalau saya tidak silap. Suruhanjaya Perlembagaan Tanah Melayu Merdeka telah dilantik dengan dipengerusikan oleh Lord Reid dan dianggotai oleh pakar undang-undang dari Inggeris, India, Pakistan dan Australia. Sementara itu Menteri Pelajaran kerajaan sendiri Persekutuan telah menyusun sebuah dasar pelajaran yang kelak akan diperlukan bagi menyatukan rakyat berbilang kaum di negeri ini. Di samping itu usaha telah disusun pula untuk menjamin peningkatan pengajaran bahasa Melayu di sekolah-sekolah penubuhan *Language Institute* (Maktab Perguruan Bahasa) serta terancangnya penubuhan Balai Pustaka. Semua ini lahir dari inisiatif Menteri Pelajaran Almarhum Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein (masa itu Datuk).

Keadaan politik yang menempuh detik-detik amat penting ini menarik perhatian kami dalam ASAS 50 dan juga kebanyakan para penulis dan golongan-golongan yang selama ini memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu. Saya sering membincangkan arus politik ini dengan kawan-kawan, terutama kawan-kawan di Utusan Melayu yang terlibat dalam ASAS 50 seperti Tongkat Warrant, Asraf dan Awam-il-Sarkam. Masa itu jawatankuasa yang sudah bertugas dua tahun berturut-turut itu sangat menginginkan supaya mesyuarat agung diadakan segera untuk mengemaskan organisasi serta menentukan garis perjuangan dan kegiatan selanjutnya. Ketua Satu, Arif Ahmad, serta ahli-ahli jawatankuasa lainnya hampir-hampir merajuk kerana telah terlalu lama dibiarkan memikul tugas yang begitu banyak dan berat dalam masa pimpinan mereka. Saya menegaskan pendirian saya bahawa sekiranya ASAS 50 hendak disusun kembali dengan rapi maka suasana politik masa itu dan kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku dalam masa tidak lama lagi mestilah diperhitungkan. ASAS 50 mestilah menentukan sikapnya dan menerangkan sikap itu kepada umum mengenai langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan dalam segala aspek yang berhubung dengan bahasa dan kesusasteraan. Sebenarnya saya khuatir penerimaan bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan itu hanya merupakan tolak ansur politik perkauman saja. Tolak ansur kaum Cina, misalnya, untuk mendapat hak kerakyatan *Jus Soli*. Jika

ini benar maka kemungkinan kelak apa yang dikatakan bahasa kebangsaan itu hanyalah simbol belaka. Saya membincangkan perasaan saya itu dengan kawan-kawan dengan menekankan bahawa sudah tiba masanya ASAS 50 menegaskan sikapnya tentang erti bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Sebenarnya sikap yang jelas memang sudah ada dalam jiwa masing-masing pejuang bahasa dan kesusasteraan bahawa bahasa kebangsaan itu mestilah bererti alat komunikasi yang berkesan dalam kehidupan nasional, yakni kehidupan politik, kehidupan ekonomi, kehidupan sosial, kehidupan ilmu pengetahuan dan kehidupan kebudayaan.

Bila mesyuarat agung ASAS 50 pada bulan April 1956 itu diadakan maka soal ini telah dibincangkan dengan serius. Konsep politik bahasa ini bagi saya harus jelas dan tegas dipegang dan diperjuangkan oleh ASAS 50 kalau tidak maka perjuangan selanjutnya akan terumbang-ambing kerana sudahlah pasti soal bahasa bukan soal sosial dan kebudayaan saja lagi tetapi sudah menjadi soal politik yang pokok yang kelak akan menentukan corak perpaduan kebangsaan dalam sebuah negara merdeka yang rakyatnya berbilang kaum dan berbilang kebudayaan serta berbilang agama. Ada juga dikhuatirkan oleh setengah-setengah anggota ASAS 50 yang hadir dalam mesyuarat agung itu bahawa dengan menegaskan konsep itu maka ASAS 50 mungkin akan dicap sebagai sebuah badan politik, tetapi fakta yang lebih tegas tidak dapat dinafikan bahawa siapa saja yang berjuang untuk bahasa kebangsaan tidak mungkin memejamkan mata dari faktor-faktor politik yang sedang berjalan masa itu.

Maka lahirlah usul Tongkat Warrant yang bersejarah dalam mesyuarat tersebut yang kira-kira berbunyi "Bahawa mesyuarat agung ASAS 50 ini mengambil keputusan mengekalkan pertubuhannya dengan cita-cita yang penuh untuk mempertinggi bahasa dan kesusasteraan Melayu khasnya dan kebudayaan Melayu seluruhnya sebagai alat perjuangan ke arah keamanan, kemakmuran, keadilan dan perdamaian." Dengan sokongan dari Awam-il-Sarkam, usul itu diterima sepenuhnya. Rangkaikata "alat perjuangan ke arah keamanan, kemakmuran, keadilan dan perdamaian" dalam usul itu memanglah berbau politik tetapi ia memberikan pengertian yang amat jelas bahawa politik itu bukanlah politik parti, bukan politik kaum tetapi politik kebangsaan dan kemanusiaan. Jika parti-parti politik dan rakyat umum menerima konsep ini maka akan lahirlah jaminan bahawa pendaulatan bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan tidak akan menjadi simbol sahaja, tidak menjadi

kartu tawar-menawar kepentingan perkauman yang kelak mengakibatkan simbol itu menjadi semacam tabir sutera yang melindungi kemahkotaan bahasa Inggeris di negeri ini.

Oleh sebab dorongan emosi yang kuat yang dicetuskan oleh suasana mesyuarat agung yang serius itu maka saya telah menerima pemilihan untuk menjadi Ketua Satu ASAS 50 bagi tahun 1956-1957. Tetapi setelah emosi itu reda beberapa hari lamanya selepas itu saya merasa seperti telah menerima amanah yang amat berat, seperti memikul lemgang panas, makanan berharga yang tidak boleh dibuangkan dan tidak boleh pula dikisar-kisar untuk mengurangkan panas buluh lemgang yang seluruh bulatannya itu panas. Sebenarnya saya yakin akan dapat menjalankan tugas dan memikul amanah itu kerana jawatankuasa yang akan bekerja dengan saya terdiri dari tenaga-tenaga waja yang berpengalaman dan tenaga-tenaga baru yang penuh stamina. Mereka itu terdiri dari Arif Ahmad (Ketua Dua, nadi ASAS 50 yang tidak pernah berhenti berdenyut), Usman Awang, (Setiausaha Satu), Asraf (Setiausaha Dua), Abu Zaki Fadhil, Masuri S.N., Awam-il-Sarkam dan tenaga-tenaga muda yang dinamik A. Samad Said, Kadir Ahmad serta Fatimah Murad. Tetapi yang menjadikan saya merasa seperti memikul lemgang panas itu ialah kerana saya sudah pasti untuk sementara waktu mengurangkan aktiviti menulis cerpen yang sudah saya rancangan semenjak dari Pulau Pinang lagi dan sudah saya mulakan dengan "Kedai Sederet di Kampung Kami" dan "Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan" yang saya kira telah agak sesuai dengan teknik baru yang saya inginkan dalam masa permenungan di Pulau Pinang.

Bagaimanapun dengan semangat baru dan dengan konsep baru yang hendak dikemukakan kepada masyarakat, yang tercapai dalam mesyuarat agung itu, kami jawatankuasa segera mengadakan mesyuarat demi mesyuarat untuk menentukan langkah dan rancangan yang akan kami lancarkan. Muktmatlah akhirnya bahawa kami akan mengirim memorandum kepada Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu mengenai Dasar Pelajaran yang baru dikemukakannya. Di samping itu kami mengesahkan penerimaan tanggungjawab yang diberikan oleh Jawatankuasa Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga untuk menulis beberapa buah kertas kerja. Tetapi kami tidak saja akan menulis kertas kerja itu, bahkan akan memajukan semacam memorandum kepada Kongres tersebut.

Kebanyakan mesyuarat kami berlangsung di rumah Asraf, kebetulan di rumah itu ada dua orang anggota jawatankuasa, iaitu Fatimah Murad yang telah menjadi Fatimah Asraf. Dengan Fati-

mah Asraf dalam jawatankuasa itu kami memperoleh kehalusan perasaan kaum wanita dalam perbincangan-perbincangan kami, di samping tidak pernah kekurangan minuman untuk menyempurnakan nikmat bubur, kolak atau goreng-gorengan. Kadang-kadang kami malah berjamu mee atau gado-gado. Demikianlah setelah menyatukan kepala untuk beberapa waktu lahiriah memorandum kami kepada Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu mengenai Dasar Pelajaran.

Waktu mengkaji dan meneliti Dasar Pelajaran itu kami tidak lagi pemuda-pemuda radikal yang marah-marah yang seperti dikatakan orang "orang muda jolong berkeris", tetapi kami berfikir dengan tenang dan berniat dengan jujur hendak membantu pihak yang berkuasa mencapai maksudnya yang juga maksud dan cita-cita kami. Kami hanya menyentuh bahagian yang mengenai bahasa kebangsaan dari Dasar Pelajaran tersebut. Kami tidak mempersoalkan apakah seharusnya pelaksanaan mencapai tujuan bahasa kebangsaan itu mesti sepuluh tahun seperti yang dikemukakan, sebaliknya kami menghujah bahawa dengan sistem persekolahan dan pengajaran bahasa Melayu yang dianjurkan oleh Dasar Pelajaran itu tujuan-tujuan yang penting dan *vital* dari bahasa kebangsaan tidak akan tercapai dalam masa sepuluh tahun seperti yang dikehendaki oleh Dasar Pelajaran tersebut. Hujah kami itu berdasarkan analisa kami terhadap Dasar Pelajaran itu yang masih mengekalkan peranan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar yang utama di sekolah-sekolah yang kami anggap dengan pasti akan membunuh kesempatan bahasa Melayu untuk meningkat maju sebagai bahasa ilmu pengetahuan. Kedua, bahasa Inggeris masih menjadi syarat untuk seseorang pelajar mendapat pekerjaan dan melanjutkan pelajaran di luar negeri atau dalam negeri ini sendiri. Ini akan membunuh kesungguhan pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu dan membunuh semangat menghargai bahasa kebangsaannya sendiri dalam jiwa para pelajar. Ketiga, setinggi-tinggi pelajaran bahasa Melayu yang akan dipelajari oleh pelajar kita ialah setakat pelajaran rendah saja. Ini menimbulkan kepastian bahawa bahasa Melayu tidak dirancang untuk menggantikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kebangsaan yang menjadi alat penyatuan kebangsaan menerusi pelajaran.

Berdasarkan hujah-hujah itu kami mengemukakan beberapa perubahan kepada Dasar Pelajaran itu mengenai sistem persekolahan dan kedudukan pengajaran serta penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dari sekolah rendah hingga ke

maktab-maktab dan universiti. Saranan kami itu bertujuan, dalam masa sepuluh tahun, akan mencapai taraf bahasa kebangsaan yang sebenarnya dapat dipergunakan dan mengambil peranan sepenuhnya sebagai bahasa perpaduan kebangsaan. Dalam masa sepuluh tahun semua pelajar-pelajar kita yang lulus sekolah menengah telah dapat menguasai dan menggunakan bahasa kebangsaan itu dalam segala lapangan hidup. Seterusnya saranan kami itu akan dapat menimbulkan penghargaan pelajar kepada bahasa kebangsaannya dan menimbulkan kesungguhan hendak mempelajarinya. Selain dari itu saranan kami itu bertujuan untuk menghilangkan pengaruh bahasa Inggeris yang menekan dan menghalang kesempatan untuk maju bagi bahasa Melayu melalui sekolah, tetapi tidak menghilangkan kesempatan pelajar untuk mempelajari bahasa tersebut untuk dijadikan alat mencari ilmu pengetahuan yang lebih tinggi. Kami juga memasukkan unsur yang penting bahawa saranan kami itu tidak sama sekali membunuh kehidupan bahasa Cina dan Tamil, sebaliknya membuka jalan bagi tumbuhnya perasaan dan semangat kebangsaan yang tunggal melalui perkembangan bahasa kebangsaan dan pelajaran kebangsaan yang sama bagi semua pelajar.

Memorandum kami itu selesai dan dikemukakan kepada pihak yang berkuasa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam bulan Jun 1956. Kami mulai pula dengan tugas menyediakan tujuh kertas kerja untuk Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga yang akan berlangsung dalam bulan September 1956 itu.

Berpegang kepada konsep yang diputuskan dalam mesyuarat agung yang baru lepas, melihat dan menyedari perkembangan politik ke arah kemerdekaan penuh yang telah dijanjikan, meneliti usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, khasnya Kementerian Pelajaran, yang berupa Dasar Pelajaran 1956 yang telah kami ulas dalam memorandum kami, serta ura-ura Kementerian Pelajaran menubuhkan Balai Pustaka dalam Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu itu maka kami memutuskan untuk menyusun memorandum kepada Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga untuk mendapat sokongan taktik perjuangan kami yang berdasarkan konsep mesyuarat agung tersebut.

Untuk orang-orang yang bukan ahli politik, menyusun sebuah memorandum yang menyentuh soal politik kebangsaan yang amat penting iaitu soal hidup matinya cita-cita perpaduan dan kehor-matan kebangsaan melalui bahasa kebangsaan, bukanlah satu

pekerjaan yang mudah. Kami terkial-kial menenangkan fikiran, mententeramkan perasaan dan menajamkan perhatian kami. Kami ingin mengemukakan kepada Kongres yang mendukung cita-cita seluruh umat Melayu yang cintakan bahasa dan kesusasteraan Melayu itu bahawa perjuangan bahasa dan kesusasteraan Melayu adalah perjuangan politik kebangsaan yang harus dihadapi dengan taktik dan kebijaksanaan politik, dengan semangat politik yang bernyala tetapi dengan kepala dan fikiran yang dingin. Maka kami memutuskan bahawa yang akan kami majukan dalam memorandum kepada Kongres itu ialah mengenai

1. pengenalan konsep kami yang berbau politik dalam perjuangan bahasa dan kesusasteraan Melayu untuk menarik dan memujuk seluruh Kerabat Kongres supaya berkonsep seperti konsep kami itu;
2. menyatakan fikiran kami tentang Balai Pustaka yang sedang dibentuk oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan tujuan menarik perhatian Kongres untuk menerima gagasan kami dan sama-sama memajukannya kepada pihak yang berkuasa;
3. menjelaskan sikap kami tentang penyatuan bahasa Melayu Malaya dan Indonesia yang kami harap dapat dimengerti sepenuhnya oleh Kerabat Kongres dan bersama-sama memajukannya kepada pihak berkuasa;
4. menyatakan gagasan kami tentang perkembangan bahasa Melayu masa itu dan akan datang dengan meninjau aspek ekonomi, sosial, kebudayaan dan politiknya, untuk menjadi asas pemikiran Kerabat Kongres memajukan gagasan-gagasan kepada pihak yang berkuasa
5. peranan bahasa Melayu di sekolah rendah dan sekolah menengah untuk menggambarkan keadaan yang sedang dihadapi oleh bidang pelajaran dengan maksud menarik perhatian Kongres membuat keputusan yang kelak akan cocok dengan memorandum Dasar Pelajaran yang telah kami hantar kepada pihak berkuasa.

Ini semua adalah perkara-perkara penting di antara beberapa perkara lain yang kami tahu akan dibincangkan dalam Kongres melalui berpuluh-puluh kertas kerja yang di antaranya telah ditugaskan kepada kami Angkatan Sasterawan 50 untuk menuliskannya.

Kami telah membuat keputusan bahawa ASAS 50 akan mengelakkan diri dari menerima tugas-tugas organisasi Kongres yang sudah tentu memerlukan banyak tenaga bagi berbagai jawatankuasa kecil. Kami bertekad untuk bekerja keras menyusun memorandum dan menulis kertas kerja sebanyak tujuh buah yang telah ditugaskan kepada kami. Kami berusaha dengan sungguh-sungguh dan dengan jujur untuk mengisi Kongres sekali ini, yang kami anggap akan menjadi sebuah Kongres penting dalam sejarah perjuangan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Kami ingin fikiran kami yang selama ini diperjuangkan dengan slogan-slogan yang menaikkan semangat itu akan sekarang dimaktubkan dalam bentuk isi yang konkrit.

Secara peribadi saya merasa inilah kali pertama saya memikul tanggungjawab yang paling berat dalam perjuangan yang pernah saya lalui. Masa dalam politik dahulu saya tidak menjadi orang penting yang memikul tanggungjawab besar tetapi sekarang ini saya menjadi Ketua Satu yang menjadi pusat pemikiran dan organisasi ASAS 50 untuk melahirkan isi kepada Kongres yang sedang kami hadapi. Sekurang-kurangnya rasa tanggungjawab dan rasa memikul tugas penting itu menjadi perasaan saya yang tidak kelihatan oleh kawan-kawan yang lain yang saya rasa tentu memikirkan bahawa mereka juga memikul tanggungjawab yang sama. Dan dengan niat yang ikhlas dan jujur dari tiap-tiap kami untuk mendukung konsep baru ASAS 50 itu maka segalanya berjalan dengan baik. Kami telah melupakan pedihnya persengketaan dengan beberapa orang kawan yang telah memecahkan ASAS 50 dua tahun yang lalu. Kami telah melupakan rajuk jawatankuasa yang menanggung beban memelihara hidupnya ASAS 50 selama dua tahun berturut-turut yang lalu. Kami semua bersatu dan gembira kembali seperti mula-mula ASAS 50 ditubuhkan enam tahun yang lalu — minus Hamzah dan kawannya. Inilah masanya saya mula mendalami segala masalah bahasa dan sastera dari segala aspeknya, politik, sosial, ekonomi, kebudayaan dan pelajaran, kerana segala aspek itu terpaksa dikaji bersama-sama dengan sungguh-sungguh sebelum masing-masing penulis kertas kerja atau memorandum bekerja menuliskannya. Semua kertas kerja atau memorandum yang sudah ditulis dikaji semula bersama-sama. Saya secara peribadi mendapat banyak pengetahuan dan pengalaman melalui fikiran dan ilmu kawan-kawan yang lain dalam aspek-aspek yang saya sendiri kurang mendalam.

Apabila memorandum kami itu diserahkan kepada

jawatankuasa Kongres ada seorang berdua kawan melepaskan "tembakan" kononnya "ASAS 50 bukan menyerahkan kertas kerja tetapi sebuah manuskrip untuk sebuah buku besar." Memang benarlah memorandum kami itu tebal, mengandungi empat tajuk sebagai memorandum tambah pembuka kata dan tujuh tajuk kertas kerja. Tetapi kalau kata-kata itu bermaksud menyindir ASAS 50 hendak menunjukkan pandainya maka "tembakan" itu tidak mengena. Di dalam sidang Kongres akhirnya ternyata banyak perbincangan berkisar pada konsep dan pendapat yang dikemukakan dalam Memorandum dan Kertas-kertas Kerja tersebut. Di dalam sidang Kongres "manuskrip" ASAS 50 itu tidak tebal lagi tapi menjadi tipis, dibagi-bagikan kepada seksi-seksi yang berkenaan. Apabila sidang seksi selesai, dan sidang penuh (peleno) mengesahkan rumusan dari sidang-sidang seksi itu maka terlihatlah konsep dan gagasan yang dikemukakan oleh ASAS 50 dalam "manuskrip" tadi bersatu kembali dalam bentuk rumusan kecil-kecil padat yang merupakan inti dari pendapat dan gagasan Kongres. ASAS 50 tenggelamlah di situ. Konsep dan gagasannya berpadu dengan konsep dan gagasan golongan terbanyak yang menjadi induk ASAS 50 iaitu Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu. Konsep dan gagasan ASAS 50 bersebuti dengan konsep dan gagasan berpuluh penulis kertas kerja dari berpuluh Kerabat Kongres dan beratus para peserta. ASAS 50 tidak mengaku rumusan Kongres itu rumusan dari memorandum atau kertas kerjanya. Bagaimanapun saya merasa amat puas. Kawan-kawan dalam ASAS 50 yang bertungkus lumus beberapa bulan mengolah fikiran untuk mengisi Kongres itu pun merasa amat puas, seluruh Kerabat Kongres merasa puas. Khususnya PBMUM layak sekali merasa puas kerana merekalah yang menjadi nadi Kongres tersebut.

Pada suatu malam sambil menunggu kawan yang masih dalam sidang seksi yang belum selesai, kami beberapa orang termasuk Masuri S.N. duduk di padang rumput kampus yang hijau. Bulan terang memandikan alam. Kami tidak berkata-kata. Barangkali seperti sepatah ucapan Prof. Priono: bila bahagia telah memuncak kata-kata tidak perlu lagi. Memang kami merasa bahagia setelah menyelesaikan salah satu dari kegiatan kami yang kami anggap penting dan kami tahu pendapat kami mendapat perhatian dalam beberapa sidang seksi.

Melihat Masuri S.N. memandang jauh ke bulan, seorang kawan bertanya: apa yang direnungkan? Masuri seperti biasa tersenyum dulu baru menjawab: "Bulan di Atas Kampus." Kami semua tertawa

kerana masing-masing teringat sajak Sitor Situmorang "Malam Lebaran" yang hanya sebaris: Bulan di Atas Kuburan. Entah ada pertalian "Bulan di Atas Kampus" yang direnung oleh Masuri S.N. ketika itu dengan sajak Sitor "Bulan di Atas Kuburan" tiada siapa pun yang tahu dan tiada siapa pun ingin tahu. Yang kami tahu Masuri kadang-kadang menyatakan kepuasan hatinya dengan cara yang ganjil sekali.

Bila rumusan-rumusan Kongres diserahkan kepada Menteri Pelajaran Almarhum Tun Abdul Razak saya merasa fikiran dan gagasan kami ikut bersama dengan seluruh fikiran rakyat yang diwakili dalam Kongres telah sampai ke pangkuan pihak yang kami harap dapat melaksanakannya. Bila songkok Pendita di sarungkan ke kepala Pak Za'ba (almarhum) hati saya bergoncang dalam doa moga-moga bahasa Melayu telah duduk di takhta kedaulatannya. Bila wakil pemerhati dari Indonesia, Prof. Dr. Priono (almarhum) menyampaikan kata hatinya "kalau bahagia telah memuncak kata-kata tidak berguna lagi," saya melihat sirih telah pulang ke tampuknya, biduk lalu kiambang bertaup. Saya tidak tahu mengapa, tetapi sepanjang masa Kongres berlangsung hati saya terlalu lapang, harapan terlalu besar. Saya menjadi romantik seperti masa mula-mula menulis cerita pendek dahulu.

Ke Dewan Bahasa dan Pustaka

Pada awal November 1956 itu, iaitu kira-kira sebulan selepas Kongres, Ungku Aziz bertanya kalau saya mahu menjadi Pengarang di Dewan Bahasa dan Pustaka. Walaupun sebelum itu sudah dua tiga kali beliau membayangkan kepada saya tentang susahnyanya untuk menyelesaikan masalah kakitangan bagi Dewan Bahasa dan Pustaka namun tidak pernah terasa pada saya yang beliau akan mencuba saya. Saya tahu kesusahan yang dihadapi oleh Ungku Aziz mengenai pengambilan kakitangan itu. Pertamanya kerana soal peruntukan dan pentadbiran kewangan Dewan tersebut dan keduanya kerana peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan dan ketiganya menentukan calon yang sesuai untuk jawatan-jawatan tertentu seperti pengarang, penyunting dan sebagainya serta kelayakan bagi jawatan-jawatan tersebut yang sesuai dengan peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan kerajaan. Saya tidak pernah terfikir bahawa Ungku Aziz telah bekerja dan berusaha begitu keras untuk membolehkannya mengambil kakitangan yang tidak punya kelayakan seperti dikehendaki oleh syarat-syarat perkhidmatan kerajaan.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) masa itu masih merupakan sebuah Jabatan Kerajaan dalam Kementerian Pelajaran. Bila dia bertanya kalau saya mahu menjadi Pengarang DBP itu, pastilah dia telah memperoleh jalan yang membolehkannya mengambil kaki-tangan yang tidak mempunyai kelayakan sesuai dengan syarat-syarat perkhidmatan kerajaan.

Oleh kerana saya tidak pernah memikirkan untuk keluar lagi dari Utusan Melayu maka saya tidak dapat menjawab pertanyaannya itu. Saya minta tempoh beberapa waktu. Ungku Aziz barangkali hairan juga atau mungkin dia menyangka saya jual mahal, tetapi dia setuju memberi saya tempoh dua hari kerana katanya dia akan berangkat ke Indonesia seminggu lagi bersama Pendita Za'ba menghadiri suatu persidangan dan dia ingin menyelesaikan urusan mencari pengarang DBP itu sebelum berangkat.

Sesungguhnya waktu Ungku Aziz bertanya itu saya tidak tahu sama ada saya suka atau tidak menjadi pengarang DBP. Kalau saya suka pun saya masih ragu adakah saya mempunyai kebolehan. Kalau saya mempunyai kebolehan saya masih ragu adakah saya akan dapat menyesuaikan diri dengan iklim perkhidmatan kerajaan. Dan masuk juga dalam kepala saya soal meninggalkan Utusan Melayu, saya rasa perbuatan itu kurang baik kerana saya mempunyai obligasi terhadap Utusan Melayu yang telah memberi saya peluang pertama untuk memajukan bakat dalam lapangan penulisan cerita pendek, lapangan kewartawanan dan juga menerusi Utusan Melayu saya telah menambah banyak kawan seperjuangan dan sahabat handai. Tambahan lagi saya punya obligasi terhadap Yusuf Ishak dan banyak kawan yang berusaha mengembalikan saya ke Utusan Melayu setelah dua tahun meninggalkannya.

Saya minta fikiran isteri saya. Dia akhirnya menyerahkan saja kepada saya kerana dari segi penghidupan kekeluargaan, kami tidak mempunyai sebab untuk berhenti dari Utusan Melayu waktu itu. Pendapatan saya telah mencapai hampir tujuh ratus ringgit sebulan. Di Singapura kami tinggal dalam kalangan keluarga kami sendiri (keluarga isteri saya) dan anak kami kedua-duanya lahir di Singapura. Masa depan kami sekeluarga pada adatnya, kecuali ditakdirkan Tuhan sebaliknya, tidaklah buruk untuk bekerja terus dengan Utusan Melayu dan tinggal terus di Singapura.

Saya minta fikiran kawan-kawan dalam Utusan sendiri dan dalam ASAS 50 serta kawan-kawan seperti Mahmud Ahmad dan dua tiga orang lagi. Pendapat kebanyakan mereka, yang saya anggap

pendapat umum, menunjukkan bahawa menjadi pengarang DBP itu adalah satu penghormatan dan kemuliaan yang tidak patut dilepaskan. Pendapat kedua yang agak umum juga, di samping mengakui baiknya menjadi Pengarang DBP itu menekankan bahawa tugas itu adalah penting dari segi perjuangan bahasa dan sastera. A. Samad Ismail mengatakan, kalau saya sanggup menerima dan mematuhi peraturan perkhidmatan kerajaan lima puluh peratus saja sudah bagus, bolehlah saya terima jawatan itu. Saya faham kebebasan yang saya nikmati dalam pekerjaan di suratkhbar, khasnya Utusan Melayu selama sepuluh tahun itu, tidak akan ada dalam perkhidmatan kerajaan. Fikiran yang amat berkesan dan menjadikan saya benar-benar serba salah datang dari almarhum Mahmud Ahmad. Katanya, kalau saya ingin menjadi penulis yang baik dan berjaya jangan bekerja dengan kerajaan, walau menjadi pengarang DBP sekalipun. Nanti saya, katanya, kalau berkebolehan akan naik pangkat. Tiap-tiap tingkat kenaikan itu akan menambah tanggungjawab dan kewajipan pentadbiran. Kalau sudah menjadi pentadbir, walau pentadbir karang mengarang sekali pun bakat saya akan tumpul, kesempatan untuk berfikir sebagai penulis atau sebagai sasterawan akan berkurang, katanya.

Dua hari kemudian saya pergi ke Universiti berjumpa Ungku Aziz. Saya tidak punya jawapan yang benar-benar tepat untuk disampaikan kepadanya. Saya masih belum tahu mahu atau tidak menerima pelawaannya itu. Tetapi saya katakan kepadanya saya susah hendak meninggalkan Utusan Melayu kerana obligasi saya terhadap akhbar tersebut, khasnya terhadap Yusuf Ishak yang dengan ikhlas mencari perdamaian dan membawa saya kembali bekerja dengannya. Peristiwa itu baru saja berlaku setahun dan masih terasa baru kelmarin saja. Ungku Aziz mengatakan perkara itu bukan perkara pokok. Dia sendiri akan merundingkan dengan Yusuf Ishak. Besoknya pukul sepuluh pagi waktu saya tiba di pejabat, saya terus disuruh masuk ke bilik Yusuf Ishak. Di dalam sudah menunggu Yusuf Ishak, A. Samad Ismail dan Ungku Aziz. Saya disambut dengan senyum keliling dan Yusuf Ishak mengucapkan tahniah kepada saya. Katanya, semua sudah selesai. Dia menasihatkan saya, cubalah bekerja dengan Ungku Aziz. Kalau nanti tidak sesuai pintu Utusan Melayu sentiasa terbuka untuk menerima saya kembali. Ungku Aziz menerangkan bahawa saya akan menghadapi temuduga. Jika berjaya dan diterima oleh Lembaga Temuduga itu saya akan bekerja dengan kontrak satu tahun atau dua tahun mengikut persetujuan saya sendiri dan akan

diberi gaji 900 ringgit sebulan. Kemudian saya disuruh mengisi dan menandatangani borang permohonan yang dibawa oleh Ungku Aziz. Semuanya berlangsung sebagai mimpi. Mimpi yang kemudiannya akan merubah cara kerja, cara perjuangan dan sedikit sebanyak cara hidup saya.

Bukit Timbalan

Pada 1 Disember 1956 saya mula bertugas dengan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Pengarang. Saya menandatangani kontrak untuk satu tahun saja. Sebelum itu saya telah menghadapi temuduga di hadapan lima orang tokoh yang terdiri dari Pendita Za'ba (almarhum) sebagai Pengerusi, Tuan S.M. Zainal Abidin B.A. (almarhum), Tuan S.O.K. Ubaidullah, seorang bangsa Cina yang saya tidak kenal dan Ungku Aziz sebagai Pengarah DBP.

Ungku Aziz tidak memajukan apa-apa pertanyaan pun kepada saya sepanjang temuduga itu. Yang banyak bertanya ialah tiga orang anggota tersebut. Mereka bertanya dalam bahasa Inggeris dan saya jawab dengan bahasa Melayu. Akhirnya bila telah banyak bahasa Inggeris dijawab dengan bahasa Melayu salah seorang daripada mereka bertanya mengapa saya menjawab dengan bahasa Melayu akan pertanyaan yang dikemukakan dalam bahasa Inggeris. Sebelum saya menjawab, Pengerusi, Pak Za'ba, mencelah "Tak apalah" katanya dengan gaya acuh tak acuh akan maksud pertanyaan tersebut. Syukurlah. Sekiranya Pak Za'ba tidak mencelah sudah tentu saya akan memberi jawapan yang saya rasa tidak akan menyenangkan tokoh yang amat keinggerisan itu. Pak Za'ba dengan gaya berkelakar berkata, "Dia ini pengarang Melayu, jawatan yang kita tawarkan kepadanya pun pengarang Melayu juga, Dewan ini kelak akan mengeluarkan buku-buku Melayu. Jadi eloklah dia bercakap Melayu, dapat kita mengecam kebolehannya tentang karang mengarang bahasa Melayu itu." Anggota yang bertanya itu tersenyum saja. Dan Pak Za'ba terus memajukan pertanyaannya sendiri: "Mengapa ada pengarang-pengarang Melayu sekarang tidak menggunakan 'bahasa dalam' dengan betul. Sekarang semua orang 'berangkat', semua orang 'tiba' dan ada pula yang mem-bahasakan dirinya 'saya' saja bila bercakap atau menulis kepada orang-orang keturunan raja."

Saya melihat muka Pak Za'ba dahulu dan kemudian melihat pula muka Ungku Aziz. Tiba-tiba saya teringat bahawa saya masa itu sedang menghadapi temuduga, bukannya sedang bertukar-

tukar fikiran seperti yang sering berlaku antara saya dengan Pak Za'ba atau antara saya dengan Ungku Aziz. Saya menjawab bahawa keadaan itu berlaku oleh beberapa sebab. Pertama kerana pengaruh sosial dan kebudayaan dalam mana orang Melayu telah terdedah kepada sosial dan kebudayaan cara Barat dan telah amat kurang memahami aspek-aspek kebudayaan Melayu, kecuali dalam urusan-urusan istiadat dan upacara-upacara saja yang kebanyakannya sudah lebih merupakan temasya dari menghormati adat istiadat itu sendiri. Kedua, kerana pengarang-pengarang, penulis-penulis dan wartawan-wartawan Melayu, kecuali yang berkelulusan Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim kurang memahami *Pelita Bahasa Melayu* atau *Ilmu Mengarang Melayu* dan tidak pula banyak membaca buku-buku hikayat atau buku-buku sastera Melayu lama yang sememangnya penuh dengan cerita raja-raja itu. Dan yang ketiganya kerana setengah-setengah pengarang Melayu yang muda-muda tidak mahu berpura-pura dan ini disebabkan oleh perhubungan mereka dengan banyak keturunan raja yang muda-muda yang juga tidak mahu berpura-pura.

Waktu menyatakan sebab kedua itu saya memandang muka Pak Za'ba, ingin melihat kesannya kerana kedua-dua buku yang saya sebut itu adalah karangan beliau sendiri dan satu-satunya buku tatabahasa dan ilmu karang mengarang Melayu. Saya tidak dapat menangkap kesannya dengan serta-merta. Tatkala menyatakan sebab ketiga itu saya melihat muka Ungku Aziz kerana beliau adalah keturunan raja. Saya lihat mukanya cerah dan tersenyum. Saya merasa lapang kerana saya sendiri tidak pernah membahaskan diri "patik" bila bercakap dengan beliau dan saya tahu dia pun tidak mengendahkan sangat perbahaasan seperti itu dari orang ramai. Sama ada orang berpatik atau bersaya tidak menjadi masalah baginya. Saya sudah bersedia, sekiranya Pak Za'ba melanjutkan pertanyaannya dalam hal ini, untuk mengingatkannya kepada berita-berita besar dalam akhbar tentang seorang anak raja di Kelantan, almarhum Tengku Mahmud Mahyuddin, yang telah mengisytiharkan kepada umum supaya gelaran Tengku di pangkal namanya itu dihapuskan saja, kalau dipakai pun biarlah sekadar nama saja, bukan sebagai gelaran tanda perbezaan status kemasyarakatan. Tetapi Pak Za'ba tersenyum saja, tidak melanjutkan pertanyaannya. Sebaliknya dia bertanya anggota-anggota yang lain kalau ada apa-apa pertanyaan lagi.

Setelah saya diterima dan menandatangani kontrak untuk bekerja sebagai pengarang DBP mulalah saya berulang alik ke Johor

Baharu dengan bas dari Singapura. Untuk permulaannya hal ini menyusahkan saya kerana saya sudah biasa bertolak dari rumah pukul sembilan pagi, sekarang terpaksa keluar rumah pukul enam setengah untuk menangkap bas pukul tujuh dari Rochor Road ke Johor Baharu. Perjalanan bas ekspres Singapura—Johor Baharu ialah empat puluh lima minit. Dan saya mesti mengikut peraturan pejabat kerajaan, pukul lapan sudah mesti ada di pejabat. Pejabat DBP waktu itu ialah di tingkat tujuh Bangunan Pejabat Kerajaan Johor yang terletak di atas puncak Bukit Timbalan. Dari perhentian bas ke puncak bukit itu mengah juga berjalan selama kira-kira sepuluh atau lima belas minit. Dalam masa beberapa hari membiasakan diri dalam perjalanan yang membosankan itu saya melengah fikiran dengan mengingat-ingat peristiwa temuduga yang saya hadapi itu. Temuduga bagi saya adalah perkara yang amat asing. Saya tidak tahu peraturan dan tata-tertibnya. Geli juga hati saya mengenangkan bahawa saya datang menghadapi Lembaga Temuduga itu dengan pakaian biasa saja. Maksud saya pakai kemeja tangan pendek dan tidak bertali leher. Saya lihat Muhammad Hanif, yang juga datang temuduga untuk jawatan Pegawai Perkamusan, memakai pakaian lengkap dengan baju, tali leher dan songkok. Ahli-ahli Lembaga Temuduga itu juga berpakaian lengkap, kecuali Ungku Aziz. Syukurlah peraturan itu tidak menyebabkan saya gagal.

Apa yang benar-benar mengisi fikiran saya sepanjang perjalanan dalam bas dan mendaki bukit ke pejabat itu ialah sikap setengah ahli Lembaga Temuduga yang amat keinggerisan. Saya rasa Pak Za'ba dan Ungku Aziz pun tidak berapa senang dengan sikap itu. Saya menggambarkan betapa besar dan sukarnya masalah yang dihadapi oleh DBP memandang kepada begitu kuatnya pengaruh bahasa Inggeris di kalangan orang-orang penting di negeri ini. Orang-orang seperti ini saya kira bukannya menentang bahasa Melayu dan kemajuannya bahkan memang ingin melihat bahasa Melayu itu maju dan memang menjadi penyokong dasar kerajaan, kalau pun bukan terbit dari kesedaran politik kebudayaan. Tetapi masih mereka itu kuat dipengaruhi oleh zaman lampau, zaman pengaruh dan kuasa yang ditekankan kepada mereka oleh penjajah. Orang-orang seperti ini mungkin tidak akan menjadi penghalang yang besar. Tetapi kalau dalam kalangan orang-orang kuat dan bertanggungjawab sebagai penyokong dasar kerajaan pun ada orang-orang yang masih belum dapat menghilangkan pengaruh zaman lampau dari jiwa dan sikapnya maka sikap dan jiwa orang-

orang yang sama sekali tidak membiasakan diri dengan pergolakan politik kebangsaan, orang-orang yang semata-mata berjiwa pegawai atau pedagang sudah tentu lebih gelap lagi. Soal ini digabungkan dengan pendirian dan sikap perkauman setengah-setengah golongan bukan Melayu bagi saya menjadi soal yang besar yang akan menjadi salah satu penghalang tugas-tugas yang akan dijalankan oleh DBP.

Tetapi apakah tugas-tugas yang akan dijalankan oleh DBP. Ini juga menjadi bahan renungan saya dalam perjalanan bas yang membosankan beberapa hari permulaan saya menerima jawatan pengarang Dewan itu. Apa yang ada dalam fikiran saya cuma garis-garis kasar dari rumusan Kongres. Apakah garis-garis kasar itu sudah dikaji oleh kerajaan atau diserahkan bulat-bulat begitu saja kepada Pengarah Ungku Aziz untuk menganalisa dan merencanakannya ke dalam satu organisasi pelaksanaan. Saya masih belum tahu dan masih belum diberitahu oleh Ungku Aziz. Beliau datang ke pejabat tidak tetap kerana tugasnya sebagai pensyarah di Universiti Malaya pun sibuk juga.

Birokrasi dan Redtip

Setelah seminggu kemudian barulah agak jelas apa yang akan saya kerjakan. Rupanya Ungku Aziz sibuk mengurus dengan Kuala Lumpur tentang mendapatkan peruntukan wang bagi membeli peralatan pejabat. Pada suatu malam di rumah Ungku Aziz saya mendengar dan memahami lebih banyak tentang apa yang dikatakan *bureaucracy* dan *redtape*. Dan saya merasa betapa sukarnya bagi beliau untuk mengatasi soal tersebut dalam usahanya untuk melaksanakan cita-cita Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu. Walaupun rumusan-rumusan Kongres tersebut telah diterima oleh kerajaan untuk dilaksanakan melalui DBP dan melalui pengajaran di sekolah, namun Ungku Aziz merasa tangannya agak terikat dan langkahnya tertahan-tahan oleh sistem yang burokratik yang penuh pula dengan amalan redtip di Kementerian Pelajaran khasnya dan jabatan-jabatan lain yang terpaksa dihadapinya. Ungku Aziz adalah seorang intelektual yang bertugas sebagai pensyarah di Universiti. Di samping itu beliau adalah seorang pejuang kebangsaan yang ingin melihat terlaksananya projek-projek kepentingan kebangsaan berjalan dengan pesat dan lancar. Kepesatan dan kelancaran inilah yang sukar dicapainya sebagai Pengarah DBP terbit dari amalan redtip dan burokrasi itu. Saya dapat merasakan kesukaran yang

dihadapinya manakala sistem pertadbiran kerajaan hanya dapat diubah melalui kuasa politik sedangkan beliau bukanlah seorang politik. Beliau hanyalah seorang pegawai kerajaan yang dipinjam dari Universiti Malaya.

Dalam keadaan yang seperti itu Ungku Aziz hanya dapat membuat rancangan kerja jangka pendek sambil menunggu perubahan-perubahan yang mungkin berlaku yang akan membolehkan DBP melaksanakan tugas-tugasnya secara yang lebih terhindar dari cengkaman burokrasi dan redtip itu. Saya tidak tahu apakah ikhtiar Ungku Aziz untuk melonggarkan redtip dan burokrasi itu tetapi untuk jangka pendek beliau telah mengarahkan saya supaya menyusun sebuah *Risalah Ejaan Baru Menurut Keputusan Kongres* berdasarkan keputusan-keputusan Kongres atas kertas kerja PBMUM dan kertas kerja ASAS 50. Tugas yang kedua ialah merancang penerbitan sebuah majalah bulanan yang isinya kira-kira khusus bahasa dan sastera dan hal-hal yang bersangkutan dengannya. Tugas yang ketiga ialah penerbitan sebuah buku terjemahan Pendita Za'ba *Anak Raja dan Anak Papa* dari buku Inggeris *The Prince and the Pauper* karangan Mark Twain. Selain dari itu saya tidak punya tugas yang penting, kecuali kadang-kadang membantu Ungku Aziz dalam kerjanya melengkapkan alat perkakas pejabat. Di samping saya, Ungku Aziz mempunyai seorang Pegawai Perkamusan, Muhammad Hanif, yang diberinya tugas merancang penyusunan sebuah Kamus Kebangsaan Bahasa Melayu dan mengelolakan sebuah Jawatankuasa Istilah. Apabila almarhum Cikgu Sulaiman Hamzah, seorang pegawai dari Jabatan Karang Mengarang Kementerian Pelajaran dari Kuala Lumpur, meninggal dunia, Ungku Aziz meminjam seorang Pegawai Kewangan dari Kerajaan Johor untuk mengelolakan hal kewangan dan pertadbiran pejabat DBP. Sementara itu kami mulai mengambil beberapa orang kakitangan pejabat, iaitu kerani dan jurutaip, dan termasuk seorang penyunting, Wijaya Mala.

Saya belum memperoleh sesuatu yang dapat meyakinkan bahawa dengan cara yang ada itu DBP akan mencapai tujuannya. Amanat yang diberikan oleh rakyat melalui Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga terlalu besar untuk dilaksanakan dengan cara dan keadaan DBP dewasa itu. Amanah yang dipegang oleh kerajaan yang memperjuangkan cita-cita perpaduan kebangsaan melalui bahasa kebangsaan juga tidak akan tercapai melalui pelaksanaan oleh DBP seperti yang ada itu. Tetapi saya yakin akan

kegigihan Ungku Aziz menghadapi masalah-masalah yang ada dalam tangannya. Saya menunggu, sekurang-kurangnya hingga kontrak saya tamat pada akhir tahun.

Risalah Ejaan Menurut Keputusan Kongres telah selesai saya kerjakan dan telah diterbitkan dalam bentuk yang amat sederhana kerana tiada cukup peruntukan wang untuk percetakan. Kertas kerja rancangan penerbitan sebuah majalah bulanan bahasa dan sastera juga telah selesai saya susun. Perancangan majalah ini menuntut kesabaran yang amat besar kerana pada mulanya saya ingin meneruskan cita-cita menerbitkan sebuah majalah khusus sastera yang telah saya idam-idamkan semenjak percubaan mengubah *Mastika* kepada majalah cerita pendek tahun 1948 dahulu. Masa itu saya memang tahu bahawa majalah seperti itu tidak akan berkekalan selagi ia diterbitkan atas dasar kepentingan perniagaan. Pembaca pada umumnya memang gemar membaca cerita pendek, terutama dalam zaman banyak orang muda idealis dan romantik yang berjuang untuk kemerdekaan maka cerita-cerita romantik idealis perjuangan memang popular. Tetapi karangan-karangan kritik sastera, teori sastera, esei yang berhubung dengan kesusasteraan khasnya dan kebudayaan amnya belum akan menarik hati pembaca dan kerana itu tidak akan memenuhi hajat penerbit yang ingin selalu melihat jumlah jualan yang banyak. DBP bukanlah sebuah penerbit yang mempunyai kepentingan atau tujuan perniagaan dan kerana itu patutnya bolehlah menerbitkan majalah seperti yang saya cita-citakan itu tetapi dalam perincian terakhir saya setuju dengan Ungku Aziz bahawa masalah bahasa adalah masalah pokok yang dihadapi oleh kerajaan dan rakyat Malaya masa itu sedangkan perkembangan kesusasteraan bergantung kepada penyelesaian beberapa masalah pengembangan dan kemajuan bahasa. Penerbitan majalah bulanan DBP haruslah menjadi alat di belakang dasar bahasa kebangsaan yang diperjuangkan oleh kerajaan dan rakyat. Saya menangguhkan lagi cita-cita saya untuk menerbitkan majalah khusus sastera, dan yang dirancangkan ialah penerbitan sebuah majalah yang lebih memberatkan masalah bahasa dengan tidak meninggalkan aspek-aspek kesusasteraan atas dasar pendidikan dan bukannya khusus kesenian dan ilmu pengetahuan. Penerbitan buku terjemahan Pak Za'ba juga sudah saya uruskan dan naskhah terjemahan yang disimpan oleh Pak Za'ba bertahun-tahun itu telah dijumpai dan telah disemaknaya kembali.

Semua kerja ini saya selesaikan dalam masa kira-kira empat

bulan iaitu semenjak Januari 1957. Tiba-tiba pada bulan Mei, Ungku Aziz menyatakan bahawa ia akan berhenti, tidak akan menyambung kontraknya sebagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya menjadi panik juga kerana bila keputusan Ungku Aziz itu diumumkan banyaklah orang-orang perseorangan dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam perjuangan bahasa kebangsaan terus terang menyatakan kekecewaan. Malah Pak Za'ba sendiri menyatakan pendapatnya bahawa masa depan DBP mungkin menghadapi kesukaran kerana pada pandangannya tidak ada orang yang lebih layak dan lebih berkebolehan dari Ungku Aziz untuk memimpin Dewan tersebut. Pendapat Pak Za'ba ini mungkin kerana ia ingin mempengaruhi Ungku Aziz supaya mengubah keputusannya tetapi mungkin juga memang kerana dia tidak nampak seorang yang cergas, tabah, berani dan berilmu pengetahuan tinggi seperti Ungku Aziz yang sesuai untuk menggantikannya. Dan saya menjadi panik bukan kerana tidak boleh berbuat seperti Ungku Aziz juga iaitu tidak meneruskan kontrak apabila tiba bulan Disember kelak. Tetapi semata-mata memikirkan bahawa Ungku Aziz saya rasa memang amat sesuai untuk meletakkan asas yang kukuh bagi masa depan DBP. Sedang pada masa itu dia baru saja bekerja lebih kurang sepuluh bulan. Beliau belum lagi sempat mengemukakan rancangan jangka panjang Dewan tersebut berserta dengan langkah-langkah pelaksanaannya yang sudah tentu amat rumit dan sukar.

Sebenarnya semenjak kira-kira dua bulan sebelum itu saya mula merasa amat yakin dengan DBP. Keyakinan yang penuh ini timbul bila mendengar perkataan Almarhum Tun Razak di meja makan di rumah Ungku Aziz. Hari itu Almarhum datang melawat dan melihat Pejabat DBP serta berkenalan dengan kakitangannya. Lepas itu Almarhum berkenan makan tengah hari di rumah Ungku Aziz di Singapura. Saya diundang untuk ikut sama oleh Ungku Aziz. Waktu makan itulah saya mendengar dari mulut Almarhum Tun sendiri betapa besar minatnya untuk melihat DBP mencapai tujuan mengembangkan pengaruh bahasa Melayu dan sasteranya. Beliau, mengikut hemat saya, memang berusaha sungguh-sungguh untuk merealisasikan cita-cita perpaduan kebangsaan melalui bahasa kebangsaan seperti yang telah dikemukakannya dalam Dasar Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu itu. Beliau sedar akan kesukaran yang dihadapi oleh Ungku Aziz, terutama mengenai pentadbiran dan kewangan tetapi beliau meminta kesabaran untuk sementara waktu. Kita akan mencapai

kemerdekaan penuh beberapa bulan lagi, katanya, lepas itu kita mempunyai kemungkinan mengadakan perubahan-perubahan yang penting.

Semenjak itu saya memang mempunyai keyakinan dan rasanya sudah berjanji dalam hati akan memberikan segala yang ada dalam kesanggupan saya untuk menghidupkan dan mendukung perjuangan DBP. Tiba-tiba Ungku Aziz menyatakan untuk tidak meneruskan kontraknya lagi. Dengan keputusan Ungku Aziz itu saya merasa sedikit goyang. Saya baru saja dapat mengerti sedikit-sedikit cara Ungku Aziz bekerja, jalan fikiran serta sikapnya. Tetapi bila saya fikirkan panjang-panjang dan dalam-dalam rasanya dapat juga saya memahami tindakan beliau itu. Di samping penentangannya dan ketidaksenangannya terhadap birokrasi dan redtip dan di samping kesibukannya sebagai seorang yang mengajar di Universiti, Ungku Aziz adalah seorang anak Melayu yang kepalanya, dadanya dan hatinya dipenuhi oleh keinginan untuk mengangkat taraf kehidupan orang Melayu. Ia bercita-cita, berfikir dan bekerja, bahkan belajar dengan sungguh-sungguh untuk menghapuskan kemiskinan dari masyarakat orang Melayu. Ini adalah kesan yang saya peroleh tiap-tiap kali bercakap dan berbincang dengannya. Pada suatu masa waktu itu saya dan Ramli Abdul Hadi sering diajak oleh Ungku Aziz ke rumahnya malam-malam. Kami dimintanya menolong membetulkan terjemahan karangannya tentang "Kebuluran Yang Tak Ketara". Waktu-waktu beginilah saya memperoleh kesan tentang cita-cita, fikiran, dan perjuangan Ungku Aziz yang sebenarnya. Saya rasa salah satu dari sebab mengapa ia tidak mahu meneruskan kontraknya sebagai Pengarah DBP ialah cita-cita perjuangannya itu. Saya kira dia tidak mahu momentum pelaksanaan cita-citanya itu terganggu.

Sekian banyak fikiran telah saya gunakan untuk menilai dan memahami tindakan Ungku Aziz berhenti dari menjadi Pengarah itu. Saya kembali kepada diri saya sendiri. Tidak ada jalan lain melainkan menunggu DBP akan memperoleh seorang Pengarah yang tidak kurang berkaliber dari Ungku Aziz. Hati kecil saya sudah berjanji semenjak bertemu dengan Almarhum Tun Razak di meja makan di rumah Ungku Aziz sebelum itu, untuk memberikan segala kesanggupan yang ada pada diri saya bagi menghidupkan dan mendukung perjuangan DBP. Tambahan pula, saya tidak dapat berbuat apa-apa sebelum tiba tempohnya kontrak saya tamat.

Bila Tan Sri Syed Nasir bin Ismail datang menggantikan Ungku Aziz, saya meletakkan diri saya tidak lebih dan tidak kurang seba-

gai seorang pegawai. Saya memberikan waktu baginya untuk menilai dan menentukan peranan saya selanjutnya. Saya pernah mendengar nama beliau sebagai pejuang UMNO, seorang nasionalis dan seorang pejuang pelajaran Melayu. Tetapi ia seorang pegawai kerajaan dan seorang kuat P.Bm.P.B. Diraja Johor. Latar belakang perjuangan saya berlainan dengan latar belakang perjuangannya. Apa yang saya inginkan ialah sekiranya Tan Sri Syed Nasir (masa itu masih Tuan Syed Nasir) menganggap saya masih diperlukan dalam DBP, maka anggapan itu mestilah berdasarkan kepercayaan dan persefahaman. Saya tidak akan dapat bekerja di bawah seorang ketua yang tidak menaruh kepercayaan kepada kebolehan, maruah dan tujuan atau cita-cita saya. Dari segi bahasa dan kesusasteraan faktor yang penting ialah saya dari golongan ASAS 50 yang sering dicap radikal manakala Syed Nasir sebagai orang kuat Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa Diraja Johor (P.Bm.P.B.) pastilah masuk golongan lama yang banyak pertentangannya dengan konsep bahasa dan sastera golongan baru. Tetapi sebagai seorang politik Syed Nasir terkenal bersikap tegas menentang penjajahan termasuk penjajahan kebudayaan. Saya sendiri mempunyai keyakinan sekiranya konsep politik kebudayaan ini dipegang teguh maka tidak akan ada apa-apa sebab saya tidak boleh bekerja di bawah Syed Nasir. Sebagai pegawai dalam Kementerian Pelajaran saya yakin beliau mempunyai hubungan yang amat rapat dan memahami sepenuhnya aspirasi Menteri Pelajaran yang bertugas melaksanakan Dasar Pelajaran dan DBP. Asas politik kebudayaan ini, khususnya mengenai bahasa dan sastera, adalah penting bagi saya kerana di luar asas itu saya tidak berfungsi sama sekali sebagai Pengarang atau sebagai sebarang pegawai di DBP.

Saya tidak tahu adakah Tan Sri Syed Nasir menggunakan waktu untuk menilai saya tetapi kira-kira seminggu setelah beliau mengambil alih tugas dari Ungku Aziz beliau telah meminta laporan tentang rancangan yang telah disusun dan tentang kerja yang sudah dan sedang dijalankan. Dalam masa seminggu sebelumnya beliau sibuk membuat kenyataan-kenyataan akhbar dan ucapan radio. Beliau kelihatan berkecil hati mendengar banyak komen tentang pertukaran Pengarah DBP itu. Beliau ingin meyakinkan orang ramai bahawa beliau sedar betapa penting dan beratnya tugas yang diberikan kepadanya itu, betapa hebatnya gelombang yang memukul bahtera DBP dan, secara sindiran, beliau menyatakan bahawa sebagai nakhoda baru beliau merasakan percikan gelombang itu. Cara Syed Nasir menyatakan perasaannya dalam siaran

akhbar dan dalam ucapan radio itu meyakinkan saya bahawa beliau adalah seorang yang berani, jujur dan pintar. Saya berharap akan menjadi kelasi yang baik dan berani di bawah nakhoda baru ini.

Dalam bentuk fikiran dan perasaan seperti itulah kami pindah ke Kuala Lumpur pada 12 Julai 1957. Sebulan setengah kemudian Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan merdeka dan DBP menerbitkan majalahnya *Dewan Bahasa* dengan motto "Mendukung Cita-cita Bahasa Jiwa Bangsa".

SASTERA DI KUALA LUMPUR

HARI-hari permulaan Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur adalah hari-hari perjuangan bahasa kebangsaan, memperbanyak buku-buku sekolah rendah dan menengah dan berkempen mempertahankan fasal 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Untuk sepuluh tahun, semenjak dari pejabat tumpangan DBP di bekas Ward Hospital Tanglin, Jalan Young sampai ke bangunan baru yang ada sekarang, semenjak dari sebuah Jabatan di Kementerian Pelajaran sehingga menjadi sebuah Badan Berkanun, semenjak kakitangan sejumlah tidak lebih dari tiga puluh orang, termasuk kakitangan yang dipindahkan dari Jabatan Karang Mengarang Kementerian Pelajaran hingga mencapai jumlah hampir tiga ratus orang, DBP bertungkus lumus menghadapi dan melaksanakan dua tugas besar itu.

Tan Sri Syed Nasir membuktikan dirinya sebagai seorang nakhoda yang cekap, jujur, berani dan pintar. Ia telah menjadikan DBP sebuah markas perjuangan bagi seluruh umat Melayu khususnya dan bangsa Tanah Melayu dan kemudiannya bangsa Malaysia amnya yang menegakkan bendera bahasa kebangsaan sebagai alat perpaduan kebangsaan. Tiga ratus kakitangan dan pekerja DBP padu dan teguh di belakangnya mengibarkan slogan "Bahasa Jiwa Bangsa". Tiada perbezaan semangat antara pegawai dan penyelenggara pejabat, semuanya bekerja dan berdisiplin, penuh dedikasi dan aspirasi untuk mempertahankan dan mencapai tujuan fasal 152 Perlembagaan Persekutuan. Tidak ada sistem atau kaedah pengurusan moden digembar-gemburkan oleh Syed Nasir bahkan ia kadang-kadang melanggar Peraturan Am pertadbiran kerajaan sehingga ia mendapat nama yang kurang baik sebagai pegawai

kerajaan. Tidak ada diplomasi dan sikap tolak ansur baginya dengan pihak-pihak yang menentang dasar bahasa kebangsaan sehingga ia menerima ancaman terhadap keselamatan jiwanya. Tetapi kerjanya berhasil. DBP tegak sebagai benteng bahasa kebangsaan. Buku-buku untuk sekolah rendah lengkap untuk segala mata pelajaran dalam bahasa kebangsaan. Buku-buku untuk sekolah menengah yang tidak pernah ada sebelumnya juga lengkap untuk semua mata pelajaran dalam bahasa kebangsaan.

Banyak sekali yang harus dituliskan tentang DBP selama pimpinan Tan Sri Syed Nasir itu tetapi ia memerlukan satu kajian dan peninjauan khas yang banyak cabangnya, tidak sesuai hanya dicatat sebagai ingatan-ingatan dalam buku ini. Apa yang selanjutnya akan saya ceritakan ialah betapa halnya perkembangan sastera Melayu berjalan dalam kesibukan perjuangan merealisasikan tujuan fasal 152 Perlembagaan Persekutuan itu.

Dalam gelombang mengibarkan bendera dan semangat fasal 152 Perlembagaan Persekutuan itu, saya sendiri yang menjadi sebahagian dari sekeru-sekeru jentera DBP tidaklah ingin terletak pada *nut* yang tidak sesuai. Hal yang demikian akan merosakkan perjalanan jentera besar tersebut. Sebagaimana pegawai dan pengarang-pengarang yang lain saya terlibat seratus peratus dengan urusan menerbitkan buku-buku sekolah, dengan penyelenggaraan ceramah ke sana ke mari di seluruh tanah air, dengan perbincangan dan taklimat dan dengan kerja-kerja mengisi taktik dan strategi Pengarah dalam menghadapi golongan-golongan yang menentang dasar bahasa kebangsaan atau, baik saya katakan, yang menganut dan memperjuangkan dasar berbagai bahasa.

Priority penerbitan DBP masa itu ialah mengisi sebanyak mungkin buku-buku pelajaran sekolah rendah dan menengah sesuai dengan kehendak Dasar Pelajaran untuk mewujudkan satu sistem pelajaran kebangsaan melalui bahasa kebangsaan bagi mencapai tujuan perpaduan kebangsaan. Dan oleh kerana cara yang segera bagi melaksanakan tugas ini ialah dengan menterjemahkan buku-buku pelajaran dari bahasa Inggeris maka pengarang dan penyunting menghadapi suatu kesukaran yang tidak mudah diatasi untuk menyesuaikan bahasa terjemahan, yang sememangnya terpaksa agak tegang, menjadi mudah dan sesuai bagi umur kanak-kanak yang akan memakai buku-buku tersebut, di samping menjaga isinya tidak boleh silap dan salah.

Saya telah menyambung kontrak lagi dan apabila DBP dijadikan Badan Berkanun di bawah Akta Parlimen dalam tahun

1959 saya telah diterima menjadi pegawai tetap dan kemudiannya dijadikan Ketua Pengarang. Pada suatu masa dalam suasana kemuncak tahun-tahun kempen bahasa kebangsaan saya dapati diri saya "ditimbuni" oleh manuskrip asal dan manuskrip suntingan sehingga tidak dapat difailkan lagi, penuh bertumpuk di atas meja. Kawan-kawan penulis yang sering datang menemui saya untuk mengetahui kedudukan manuskrip yang dihantarnya, terutama penulis-penulis karya kreatif, jarang benar mendapat jawapan yang memuaskan dari saya. Macam-macam alasan saya berikan untuk meyakinkan mereka bahawa DBP tidak sengaja melambatkan proses manuskrip mereka. Di antara manuskrip itu ada yang sudah berumur dua tahun masih belum dapat diputuskan sama ada akan diterbitkan atau tidak. Mana yang sudah dapat kelulusan tidak pula dapat diproses kerana desakan manuskrip-manuskrip buku sekolah yang begitu banyak. Di luar, saya mulai tidak disegani, malah ada kawan-kawan yang mulai menganggap saya sudah menyeleweng dari dunia sastera, tidak lagi berjuang untuk perkembangan sastera yang dahulu saya johani. Saya mendengar sindiran-sindiran yang ngilu: "Jangan jumpa Keris. Dia bukan Keris dahulu lagi. Dia menyembunyikan diri dalam bilik sejuk di bawah timbunan manuskrip yang tidak diuruskannya."

Saya sama sekali tidak menyalahkan sikap para sasterawan ini kerana memang benar perkembangan sastera tidak digarap dengan baik sebagaimana mestinya di DBP waktu itu. Saya menangis dalam hati saja. Seperti kata orang tua-tua romantik zaman dahulu "air mata jatuh ke dalam". Saya bukan menangis kerana disalahkan oleh kawan-kawan para penulis tetapi kerana tidak dapat berbuat apa-apa untuk melaksanakan tugas saya, untuk merealisasikan cita-cita asal saya dalam perjuangan memodenkan dan menyuburkan kehidupan kesusasteraan. Saya juga tidak dapat menyalahkan DBP kerana saya sendiri terlibat dengan perjuangan menegakkan bendera kedaulatan bahasa kebangsaan dengan kempen-kempen yang hebat dan penerbitan buku-buku sekolah yang kolosal.

Pada awal-awal perpindahan DBP ke Kuala Lumpur saya masih dapat menulis cerita pendek, karangan dan rencana pengarang untuk majalah *Dewan Bahasa*. Tetapi selain dari cerita pendek itu, rencana pengarang dan karangan lainnya boleh dikatakan mengenai bahasa saja. Dan makalah-makalah tentang bahasa ini hanya berlegar pada dua aspek, iaitu mengarahkan fikiran umum kepada perjuangan menegakkan kedaulatan bahasa kebangsaan dan

meluaskan pemahaman bahasa secara bimbingan atau pengajaran tidak akademik. Dalam skop *priority* kegiatan DBP dewasa itu, isi majalah tersebut memanglah tepat dan mendapat sambutan yang baik. Tetapi dari sudut perkembangan sastera tidak banyak kemajuan yang dapat ditampungnya atau diberikannya.

Apabila *Utusan Melayu* dan *Berita Harian* pindah pula ke Kuala Lumpur maka nafas sastera berdenyutlah lebih kuat di pusat politik dan kebudayaan yang baru ini. Hampir semua penulis-penulis yang berpengaruh di Singapura pindah ke Kuala Lumpur mengikuti perpindahan dua buah suratkhbar itu. Perbincangan-perbincangan sastera mulai rancak, terutama mengenai sajak-sajak baru yang dilahirkan oleh beberapa orang penulis di Singapura semenjak beberapa tahun lalu makin mendapat perhatian. Dan dengan perpindahan Universiti Malaya ke Kuala Lumpur, PBMUM dengan pimpinan para siswa yang dahulunya pernah aktif di Singapura makin banyak dan makin sungguh-sungguh berinteraksi dengan masyarakat bahasa dan sastera di luar kampus. Pegawai-pegawai muda lepasan Universiti yang dahulunya pernah aktif dalam PBMUM di Singapura ikut serta menjadi katalis dalam interaksi ini.

Saya merasa suasana sastera, atau lebih tegas saya katakan suasana pergolakan pemikiran sastera dewasa itu, dewasa permulaan tercapainya kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan berpindahanya pusat kegiatan politik dan kebudayaan ke Kuala Lumpur, sama hangatnya dengan suasana menjelang lahirnya Angkatan Sasterawan 50 dan Lembaga Bahasa Melayu di Singapura di tahun-tahun akhir empat-puluhan dan awal lima-puluhan dahulu. Tetapi yang sama itu hanyalah kehangatannya saja sedang pergolakan pemikiran itu sendiri sudah mulai berbeza kerana latar belakang yang membentuk pemikiran itu sudah berbeza. Kelahiran pemikiran sastera tahun lima-puluhan bertujuan memantapkan pemikiran politik dan sosial bangsa terjajah yang menuntut kemerdekaan manakala pemikiran sastera yang bergolak di Kuala Lumpur menjelang dan awal tahun enam-puluhan berkisar pada pematangan sikap bangsa yang baru merdeka untuk menegakkan dan mengisi kemerdekaan itu.

Saya mempunyai perasaan dewasa itu bahawa isi dan bentuk karya kreatif kita agak ketinggalan di belakang perkembangan politik dan sosial yang telah dicapai, kerana perkembangan dan pematangan pemikiran rakyat dan pemimpin belum cukup radikal dilakukan dalam masa perjuangan kemerdekaan itu sendiri. Saya mula melihat hasil revolusi mental selama sepuluh tahun perjuangan

kemerdekaan tidak seimbang dengan pencapaian perjuangan fizikal politik. Dalam banyak hal saya rasa rakyat dan juga para pemimpin dan pentadbir mulai merasa lega bahawa kemerdekaan telah tercapai. Orang mulai memikirkan yang indah-indah dan mewah-mewah. Saya kira sudah ada gejala-gejala bahawa golongan yang punya kekuatan, wang mahupun kekuasaan, mula memikirkan kedudukan hidup lahir yang lebih bermartabat dan mewah manakala pihak rakyat yang masih miskin berharap-harap akan pertolongan dan pemberian yang akan datang menggolek. Itulah erti merdeka dalam pemikiran kebanyakan orang. Pengaruh pemikiran feodal yang bercampur aduk dengan pengaruh ajaran-ajaran kolot dan khurafat yang disalahertikan sebagai ajaran Islam berserta dengan pengaruh penindasan fikiran oleh pihak penjajah yang semenjak semula saya memasuki lapangan penulisan dan sastera amat saya perhatikan, masih lagi belum dapat dikikis dari jiwa orang Melayu segala golongan dan peringkat hidup.

Cerpen-cerpen seperti "Menjelang Merdeka", "Runtuh", "Salah Pimpin" dan sebagainya yang saya tulis dewasa itu adalah berlatarkan pemikiran ini, yakni pembentukan fikiran baru bagi bangsa yang sepatutnya mendukung kemerdekaan dengan kesedaran tanggungjawab dan kewajipan. Aliran ini segera menjadi popular. Hampir semua penulis menyedari hakikat ini dan penulis-penulis yang dinamik dan lebih mempunyai kelayakan ilmu pengetahuan seperti A. Samad Said, Anis Sabirin, Adibah Amin, Kassim Ahmad — sekadar menyebut beberapa nama — muncul dengan cerpen dan sajak yang kuat-kuat dan indah-indah. Inilah permulaan satu era penulisan yang lebih maju dan lebih sesuai dengan zaman selepas perjuangan kemerdekaan.

Bila saya diberi kebenaran oleh pihak berkuasa DBP untuk menolong *Berita Harian* dalam rancangan pemilihan cerita pendek mingguannya dan pemberian hadiah kepada cerpen yang terpilih maka saya menggunakan kesempatan itu untuk menekankan aliran pemikiran baru ini kepada para penulis yang mengikuti dan menyertai pertandingan untuk dapat terpilih. Karya-karya yang saya pilih dan disiarkan oleh *Berita Harian* saya ulas sekali sebulan. Ada orang yang tidak merasa puas dengan ulasan-ulasan saya itu kerana saya sering juga secara menyeluruh mengatakan bahawa pencapaian para penulis itu, baik dari segi bentuk mahupun dari segi isi, masih memerlukan kemajuan yang lebih baik. Sebenarnya saya sudah merasa optimis dengan kemajuan setengah-setengah penulis muda yang dinamik fikiran dan hidup gaya penulisannya.

Mereka sudah menampakkan selangkah maju dari hasil-hasil tahun lima puluhan. Mereka memahami era yang mereka dukung yakni zaman mengisi kemerdekaan dan bukannya zaman menuntut kemerdekaan. Tetapi kebanyakan penulis itu, baik yang lama mahupun yang baru muncul, masih agak terikat oleh pemikiran romantik dan idealis zaman lima-puluhan juga. Realiti kehidupan dan pemikiran yang sepatutnya mendukung sastera zaman baru merdeka kurang diperhatikan. Bagaimanapun, dari zaman ini, sama ada melalui rancangan cerpen pilihan *Berita Harian* mahupun melalui *Utusan Zaman* dan *Utusan Pemuda* ataupun melalui majalah *Mastika* dan *Dewan Bahasa* lahirlah jago-jago penulis baru yang bertambah matang dan penulis lama yang dengan amat hati-hati dan sedar memasuki era baru ini secara yang harmonis sekali. Tetapi banyak penulis lama dari tahun-tahun lima-puluhan yang hilang ke belakang kerana tidak cukup kuat untuk memasuki pemikiran dan teknik yang lebih sesuai dengan zaman baru itu. A. Samad Said yang bermula dari tahun-tahun pertengahan lima-puluhan itu muncul bersama yang lain-lain seperti Shahnnon Ahmad, Arena Wati, Usman Awang, Abdullah Hussain dan lain-lain sebagai rantai kukuh yang menghubungkan kehidupan sastera lama dan baru yang berterusan. Mereka, seperti Ishak Haji Muhammad dan A. Samad Ismail yang menjadi penghubung kehidupan sastera Melayu moden dari zaman sebelum perang kepada zaman perjuangan kemerdekaan. Dari pengalaman memilih cerita-cerita pendek untuk cerita pilihan mingguan *Berita Harian* dan juga di majalah *Dewan Bahasa* sendiri saya melihat nama-nama baru yang amat memberi harapan seperti Alias Ali, Anis Sabirin, Kassim Ahmad, Malungun, Nora, Rashid Muhammad dan lain-lain.

Pada pendapat saya, akhirnya A. Samad Said dan Kassim Ahmad muncul sebagai tokoh yang terpenting dari golongan baru ini. Bukan saja kerana melihat hasil karya mereka yang tidak saja terbatas pada cerpen tetapi juga pada sajak yang bernafas serta berteknik baru, dan juga pemikiran-pemikiran yang mereka lahirkan dalam bentuk esei dan kritik. A. Samad Said kemudiannya muncul dengan *Salina* yang bagi saya merupakan titik permulaan penovelen Melayu moden yang terbesar selepas zaman Ishak dan zaman lima-puluhan. Dari segi kelincahan bahasa dan ketegasan ekspresinya, dari segi mekanisme pengolahannya dan dari segi isinya, *Salina* serta merta memberikan corak baru yang amat hidup dan indah, sekaligus membawa banyak perubahan dari hasil-hasil tokoh-tokoh

sebelum perang dan zaman lima-puluhan. Ia melewati bentuk dan isi romantik idealisme terus ke suasana baru berbentuk dan berisi realisme yang tidak sekuat itu sebelumnya.

Tetapi kelahiran *Salina* tidak semudah yang biasanya difikirkan oleh kebanyakan orang. Seperti kelahiran sajak-sajak baru Masuri S.N. dan cerpen-cerpen awal Angkatan Sasterawan 50, *Salina* juga lahir melalui perjuangan yang hebat sekali. Betapa A. Samad Said menciptanya tidaklah dapat saya ceritakan. Barangkali ini lebih baik dan lebih benar kalau kita membaca bukunya sendiri yang berjudul *Dari Salina ke Langit Petang (Proses Mencipta Novel)*. Tetapi bagaimana *Salina* itu muncul dari satu kekalahan dalam peraduan mengarang novel DBP barangkali molek saya ceritakan. Saya menjadi pegawai yang bertanggungjawab mengelolakan peraduan tersebut.

Di antara kira-kira empat puluh buah skrip novel (saya lupa jumlah sebenarnya) yang saya terima untuk peraduan novel DBP tahun 1958 saya tertarik sekali membaca "Gerhana" yang kebetulan begitu tebal sekali, terkumpul dalam dua buah fail tebal kerana nampaknya tidak muat diikat dalam satu fail. Pengarang skrip ini ialah A. Samad Said, nama yang memang sedang mengembang dalam taman sastera Melayu dewasa itu. Saya menjangka bahawa novel ini akan terpilih apabila dibaca oleh para anggota Jemaah Pengadil kelak. Untuk beberapa bulan setelah peraduan tersebut ditutup "Gerhana" dan skrip yang lain itu saya edarkan kepada lima orang para pengadil berganti-ganti. Mereka tidak tahu siapa pengarang tiap-tiap naskhah tersebut kerana memang nama penulisnya tidak dibenarkan, mengikut peraturan dan syarat peraduan, ditulis pada manuskrip. Nama penulis hanya tertulis dalam borang dan borang-borang itu saya failkan dalam sebuah fail rahsia dan saya simpan dalam kabinet berkunci di pejabat. Para pengadil masing-masing perlu mengemukakan sepuluh novel untuk bacaan dan pertimbangan terakhir bagi memilih yang menang. Apabila masing-masing telah mengemukakan sepuluh pilihan masing-masing terdapatlah lima belas novel semuanya. Ini kerana kelima-lima pengadil itu mengemukakan banyak novel yang serupa. "Gerhana" termasuk salah satu daripadanya. Tetapi novel ini hanya dikemukakan oleh dua orang.

Bila para pengadil berkumpul selama satu minggu di sebuah banglo di Port Dickson membincangkan satu persatu dari lima belas buah skrip novel itu, "Gerhana" mengambil masa perbincangan yang paling panjang dibandingkan dengan skrip-skrip lain. Seperti

saya jangkakan para pengadil agak terkejut tetapi bersetuju bahawa novel itu membawa nafas baru yang amat segar dan amat realistik, dengan tema kemasyarakatan yang jarang sekali dikupas begitu jelas, tegas, rasional dan berdasarkan hukum-hukum logik yang kuat. Namun persetujuan tersebut tidak pula membolehkan novel itu mendapat tempat dalam senarai pemenang kerana banyak mengandungi babak yang bersifat mendorong atau memberangsang terhadap peluapan nafsu berahi yang mengejutkan para pengadil itu. Malah seorang pengadil terus terang mengatakan bahawa beberapa tempat dalam novel itu terang-terang menghampiri sifat porno. Para pengadil pada perhatian saya bukan menolak novel itu kerana semata-mata sifatnya yang agak porno tetapi kerana kebanyakan mereka sudah mempunyai kriteria sendiri, mempunyai *preconceive* untuk mencari bahan bacaan sastera yang sesuai untuk golongan pelajar. Dan kriteria tersembunyi ini nyata sekali dilanggar oleh "Gerhana". Setelah berulang kali para pengadil menenangkan fikiran, berehat sehari dua dengan membincangkan novel lain pula, maka pada perbincangan yang terakhir sekali lagi barulah didapati kata sepakat untuk memberikan hadiah sagu hati atau dinamakan hadiah penghargaan saja dan dengan komen bahawa mereka tidak merekomenkan novel itu dicetak untuk bacaan pelajar. Keputusan ini tidak memuaskan dua orang dari lima orang pengadil kerana mereka ingin melihat novel itu diterbitkan dipandang dari segi kemajuannya dalam perkembangan sastera yang menggambarkan pemikiran dan sikap baru. Sebuah laporan khusus ditulis oleh dua orang pengadil ini kepada pihak penganjur, iaitu DBP, menyatakan pendapat mereka bahawa DBP patut menerbitkan novel tersebut untuk kepentingan perkembangan dan kemajuan pemikiran dan bentuk novel moden dalam bahasa Melayu. Mereka juga menganjurkan supaya beberapa tempat yang nyata agak menyolok sifat kepornoannya disunting semula.

Peraduan mengarang novel dan peraduan mengarang cerpen diadakan tiap-tiap tahun oleh DBP ialah untuk mengisi sedikit kekosongan penggarapan karya kreatif yang sebagaimana saya katakan terdahulu dari ini agak tergendala oleh kerana pemusatan perhatian dan kegiatan terhadap kempen menegakkan Fasal 152 Perlembagaan mengenai bahasa kebangsaan dan mengisi kekosongan buku-buku teks sekolah rendah dan menengah bagi semua mata pelajaran bagi memenuhi kehendak Dasar Pelajaran. Tetapi malangnya para pengadil seperti juga kebanyakan cerdik

pandai dewasa itu amat obses, terpesona oleh semangat hendak membanyakkan buku bacaan bagi para pelajar. Dalam menimbangkan hasil peraduan novel ini saya lihat pemikiran inilah yang sangat mempengaruhi mereka sehingga kelayakan sesebuah karya novel yang mereka timbangkan itu dipandang juga, bahkan lebih diperinci, dari segi sesuai atau tidaknya untuk bacaan para pelajar. Sudut perkembangan dan mutu sasteranya agak terlindung oleh bayang-bayang fikiran tersebut.

Bila keputusan para pengadil saya sampaikan kepada pengarah, Tuan Syed Nasir, beliau bersetuju "Gerhana" diterbitkan tetapi pihak Jawatankuasa Penerbitan Lembaga Pengelola DBP yang memberi kata putus tentang segala penerbitan DBP tidak bersetuju. Alasannya samalah dengan alasan tiga orang pengadil yang memandang dari segi kesan moralnya terhadap para pelajar kerana mereka berpendirian bahawa prioriti penerbitan DBP haruslah kepada bahan bacaan untuk pelajar. Maka terjadilah semacam pertentangan yang agak lama dan tajam juga. Sebenarnya saya dapat mengesan bahawa penolakan terhadap "Gerhana" bukanlah kerana unsur-unsur kepornoannya saja tetapi lebih dari itu ialah kerana kemodenannya. Ia jauh meninggalkan tradisi penulisan cerita atau novel Melayu, baik dari segi gaya bahasa dan gaya berceritanya mahupun dari segi tema dan pemikirannya. Pada saat-saat "memperjuangkan" penerbitan "Gerhana" ini saya lebih memahami lagi hakikat perkembangan sastera Melayu moden yang dimulakan semenjak akhir tahun empat-puluhan dan kemudiannya dijuarakan oleh penulis-penulis tahun lima-puluhan masih lagi mendapat tantangan. Dalam kalangan rasmi, kalangan *establishment*, golongan tradisional konservatif masih kuat menentang aliran baru itu. Bagi saya jika "Gerhana" terbit akan bererti penerimaan aliran baru secara rasmi oleh pihak tradisional. Kemenangan inilah saya perjuangkan semenjak Asas 50 dahulu.

Akhirnya Pengarah, Tuan Syed Nasir, berjaya meyakinkan pihak Jawatankuasa Penerbitan Lembaga Pengelola DBP dan "Gerhana" akan diterbitkan selepas *Musafir* yang mendapat hadiah kedua dalam peraduan tersebut (hadiah pertama tidak ada kerana menurut Jemaah Pengadil tidak ada yang layak). Waktu saya membaca semula naskhah skrip "Gerhana" sebagai seorang editor, saya mendapati bahawa keseluruhan cerita itu seolah-olah membenarkan atau tidak menentang pelacuran sebagai satu profesi (heran para pengadil tidak melihat ini). Pada hal tidak masuk akal saya bahawa A. Samad Said, yang saya kenal, mempunyai fahaman

seperti itu. Cerita itu pasti hanya dimaksudkan untuk menunjukkan bahawa Salina sebagai korban peperangan telah terpaksa menjadi pelacur dan dalam dunia yang kotor itu Salina sebagai manusia yang mempunyai tradisi pendidikan moral yang baik berjuang dengan dirinya sendiri dan dengan keadaan kelilingnya untuk tetap menjadi seorang yang berbudi tinggi. Saya perkatakan ini dengan A. Samad Said dan seperti yang saya sangkakan beliau terkejut dan amat khuatir kesan seperti itu akan terlihat nanti setelah buku itu diterbitkan. Samad membaca semula naskhahnya lalu membuat koreksi yang amat minima menegaskan sikap ibu Nahidah tidak menyetujui perbuatan Salina bersekedudukan dengan Abdul Fakar dan memberi nasihat supaya mencari jalan keluar. Samad juga mengaburkan sedikit bau porno yang terdapat di sana sini. Akhir sekali Samad setuju nama "Gerhana" ditukar menjadi *Salina*.

Sampai sekarang saya masih berpendapat bahawa *Salina* adalah sebuah novel besar, moden dan bertaraf universal yang pertama dihasilkan oleh pengarang Melayu. Ini bukan bererti bahawa *Salina* tidak mempunyai cacatnya, tetapi dari segi manapun dikaji dan dirasakan cacat itu adalah sifat biasa saja bagi segala yang baru, bagi segala ciptaan manusia. Mengapa saya menceritakan hal penerbitan *Salina* agak panjang di sini pada hal banyak lagi novel, sajak dan cerpen yang bermutu tidak saya sentuh. Jawabnya ialah kerana saya menganggap *Salina* telah memegang dua peranan penting. Pertama ia telah menjadi dalil yang sah tentang adanya golongan tradisional yang punya pengaruh, bahkan kuasa dan suara yang kuat dalam pengadilan dan pentadbiran perkembangan sastera. Penerimaan dan penerbitan *Salina* oleh DBP di mana pengaruh-pengaruh lama itu menggantungkan harapannya untuk menyekat perkembangan baru yang dulunya bermula dalam tahun-tahun awal lima-puluhan itu, bagi saya merupakan satu kemenangan "rasmi" pihak angkatan baru. Kedua, *Salina* adalah sebuah novel yang menyempurnakan dan melengkapkan apa yang selama ini, semenjak lepas perang, diperjuangkan dan diusahakan oleh sekian banyak penulis. Dalam kata lain, *Salina* adalah kemuncak dari aliran baru lepas perang dan permulaan bagi kemajuan seterusnya selepas itu.

Persatuan Penulis Nasional

Seperti telah saya sentuh sebelum ini, suasana yang mengelilingi kehidupan sastera pada awal-awal penghijrahan

penulis, penerbit, DBP dan Universiti Malaya ke Kuala Lumpur, tahun 1957 dan tahun-tahun berikutnya, ialah tahun-tahun demam menyambut kemerdekaan, sama iklimnya dengan iklim suasana menjelang lahirnya Angkatan Sasterawan 50 dan Lembaga Bahasa Melayu di Singapura tahun-tahun akhir empat-puluhan dan awal-awal lima-puluhan dahulu. Para penulis muncul di sana sini, karangannya memenuhi meja pengarang di Utusan Melayu, Berita Harian dan DBP. Para editor dan aktivis sastera yang pernah bergerak di Singapura, pemimpin-pemimpin PBMUM yang pindah dari Singapura meneruskan studi mereka di kampus Universiti Malaya Lembah Pantai dan para pegawai muda yang dulunya pernah terlibat dalam PBMUM di Singapura sekarang tidak putus-putus membincangkan kegiatan para penulis, kegiatan mereka sendiri sebenarnya. Mereka bertemu di Utusan Melayu, di Berita Harian, di DBP, di kampus universiti dan kadang-kadang sambil menghadapi minuman ringan di rumah-rumah para pensyarah muda Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya. Dalam akhbar dan majalah mereka menulis atau membaca berbagai fikiran tentang hubungan sastera dengan zaman yang sedang mereka hadapi.

Nasionalisme Malaya sebenarnya belum wujud. Kemerdekaan bukan hasil dari nasionalisme tetapi dari perpaduan kaum-kaum yang untuk sementara waktu dapat membekukan kepentingan kaum masing-masing untuk kepentingan mencapai kemerdekaan. Para pemikir politik Melayu, Cina dan India yang bergabung dalam Perikatan UMNO, MCA dan MIC sudah tentu mempunyai keyakinan bahawa perpaduan perkauman akan dapat dipertahankan dan diperkembang selangkah demi selangkah dalam perjuangan mewujudkan sebuah negara aman, makmur dan damai. Musuh dari pihak komunis masih menjadi 'musuh bersama' seperti kemiskinan, kemunduran sosial dan ekonomi yang mesti dihapuskan. Asas-asas perpaduan ini telah disetujui bersama dan telah diterapkan dalam Perlembagaan dan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Tetapi cita-cita nasionalisme Malaya yang lebih kukuh yang tumbuh dari nilai-nilai kebudayaan di samping nilai-nilai kehidupan lahir masih menjadi harapan yang murni untuk dapat dilahirkan. Bahasa kebangsaan, misalnya, telah diterima untuk menjadi salah satu asas kebudayaan nasional dan telah dimaktubkan dalam Perlembagaan serta telah diletakkan dalam Dasar Pelajaran sebagai alat ke arah perpaduan kebangsaan. Tetapi penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan itu pada dasarnya adalah penerimaan tolak ansur dalam semangat

memberi dan menerima antara kaum Melayu dan bukan Melayu untuk mencapai perpaduan politik. Sekurang-kurangnya demikianlah perasaan Melayu, Cina dan India pada masa itu. Penulis-penulis yang dahulunya memperjuangkan bahasa Melayu dalam rangka politik kebudayaan untuk mencapai keutuhan kebangsaan merasa ransangan untuk meneruskan perjuangan itu dalam lapangan kesusasteraan di samping kempen-kempen bahasa kebangsaan yang berpusat di DBP. Bahawa kesusasteraan harus membimbing dan membentuk fikiran dan perasaan umum ke arah perpaduan kebangsaan dirasakan sebagai fungsi yang penting seperti fungsi sastera tahun lima-puluhan untuk membentuk fikiran umum ke arah kemerdekaan.

Ini merupakan salah satu desakan yang mendorong para penulis dan aktivis-aktivis sastera itu ingin bersatu dalam sebuah persatuan. Unsur lain yang mendorong juga ialah kesedaran profesional dan maruah yang meminta pengiktirafan umum. Jika pada zaman ASAS 50 dahulu sudah dimulakan perjuangan menuntut bayaran bagi karangan-karangan yang disiarkan maka sekarang telah dirasakan pula bahawa pengiktirafan terhadap hak profesi penulis mestilah dipelihara. Sudah ada penerbit yang memperoleh keuntungan material dari penerbitan kumpulan cerpen misalnya, di mana penulis tidak diperlindungi oleh sebarang perjanjian hak-cipta. Hal-hal seperti ini akan mudah diperjuangkan bersama melalui sebuah persatuan terutama kerana memang ada pula penulis sendiri yang belum menyedari kemungkinan masa akan datang di mana maruah profesi mereka dan juga nilai materialnya tidak diendahkan atau malah ditindas sewenang-wenang oleh pihak-pihak lain yang bersangkutan. Di samping itu timbul juga keinginan untuk mempertinggi dan memperluas pengetahuan kesusasteraan dan mempertajam rasa cipta para penulis melalui pencapaian ilmu pengetahuan teori di samping pengalaman fikiran dan perasaan yang dicapai melalui intuisi jiwa seni semata-mata. Ini juga seharusnya dapat diatur dan digerakkan melalui sebuah organisasi persatuan.

Penulis-penulis serta aktivis-aktivis sastera yang berkumpul di Kuala Lumpur waktu itu ramai dari golongan penulis yang sudah mempunyai pengalaman perjuangan semenjak sepuluh tahun yang lalu dan ramai pula yang sudah melalui kursus pengajian tinggi ilmu kesusasteraan di universiti. Tidak seperti di Singapura akhir-akhir tahun empat-puluhan dan awal-awal lima-puluhan para penulis dan aktivis sastera boleh dikatakan terdiri dari dua

golongan, wartawan dan guru-guru sahaja. Demikianlah ura-ura penubuhan sebuah organisasi atau persatuan penulis semakin rancak diperbincangkan. Ada di antara penulis yang dahulunya aktif di Singapura menganjurkan supaya ASAS 50 didaftarkan di Kuala Lumpur. Tetapi keadaan politik dan sosial Singapura dan Kuala Lumpur waktu itu sudah agak berbeza dan para penulis dan aktivis sastera yang berkumpul di Kuala Lumpur terdiri dari berbagai latar belakang, bukan golongan wartawan dan guru sahaja lagi. Di antara mereka ada orang-orang yang aktif dalam perjuangan parti politik dan banyak pula kaum terpelajar tinggi yang menjadi pegawai kerajaan atau pensyarah dan mahasiswa.

Akhirnya beberapa orang telah ditunjuk secara spontan oleh kebanyakan mereka yang sering memperkatakan cita-cita hendak menubuhkan persatuan itu untuk menyatukan asas-asas fikiran ramai ke dalam sebuah kertas kerja. Mereka yang ditunjuk itu ialah Ali Haji Ahmad (almarhum), Syed Hussein Ali (sekarang dalam tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri). Mereka ini mewakili golongan terpelajar tinggi. Dari wartawan ialah A. Samad Ismail (sekarang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri), Said Zahari (sekarang dalam tahanan di Singapura). Dari penerbit ialah Asraf Haji Wahab (Oxford University Press) dan saya sendiri (dari Dewan Bahasa dan Pustaka).

Setelah berbincang beberapa kali maka sebuah kertas kerja ringkas telah kami siapkan. Kertas kerja itu kemudian diserahkan kepada sebuah jawatankuasa penubuhan yang kalau saya tidak salah dipengerusikan oleh Yusuf Hitam (mahasiswa Universiti Malaya, sekarang bertugas dengan Wisma Putera menjadi salah seorang duta Malaysia di negara sahabat). Satu sidang untuk membincangkan kertas kerja itu dan seterusnya menubuhkan sebuah persatuan telah diadakan di sebuah dewan kuliah di Universiti Malaya dalam bulan Februari 1961. Sidang ini direstui oleh tokoh politik kerajaan, iaitu YB Abdul Rahman Talib (almarhum) yang waktu itu menjadi Menteri Pelajaran. Oleh kerana kertas kerja itu menggambarkan keadaan pemikiran sastera dewasa itu dan juga menggambarkan hasrat para penulis untuk bersatu maka saya rasa ada baiknya saya catatkan di sini cebis-cebisan ingatan saya tentang apa yang dibincangkan untuk menulis kertas kerja tersebut.

Jika ingatan saya tidak silap, soal-soal yang banyak diperbincangkan untuk menyusun kertas kerja itu ialah kebebasan penulis menyatakan pendapat dan fikirannya supaya dapat diper tahankan dengan berkesan bila ada persatuan. Penulis jangan jadi

korban atau alat politik parti-parti tertentu dan kerana itu Persatuan janganlah melibatkan diri dalam kegiatan politik parti, sebaliknya hendaklah teguh memperjuangkan politik kebangsaan yang mengatasi kepentingan kepartian mana-mana parti politik. Istilah kata *penulis* itu sendiri diperkatakan juga kerana dikhuatiri kalau pengertiannya terlalu liberal maka ia boleh menjadi sebuah pertubuhan para peminat sastera yang belum membuktikan apa-apa dalam lapangan penulisan yang bererti dan bermutu. Sebaliknya kalau pengertian istilah *penulis* itu terlalu sempit maka dikhuatirkan pula pertubuhan itu akan menjadi sebuah organisasi segelintir penulis-penulis terkenal saja dan ini akan melahirkan dan menghidupkan segolongan penulis elit yang tidak berjejak dan tidak berakar tunjang pada kehidupan masyarakat umum. Ini semua, saya rasa, sebahagian dari fikiran yang dikumpulkan selain dari soal menjaga kepentingan profesi dan maruah penulis serta berusaha menambah ilmu pengetahuan, kemahiran dan kematangan para penulis.

Saya masih ingat dengan terang dewasa menulis *memoir* ini bahawa persatuan penulis itu telah ditubuhkan di Universiti Malaya oleh hampir seratus orang penulis dari berbagai kalangan politik, wartawan, kaum terpelajar, guru, editor dan juga penerbit; tokoh-tokoh seperti YB Datuk Wan Kadir Ismail (almarhum), YB Datuk Ali Haji Ahmad (almarhum), YB Datin Paduka Aishah Ghani, YB Datuk Embong Yahya, Yang Berbahagia Tan Sri Ibu Hajjah Zain turut hadir dan memberikan fikiran. Juga termasuk tokoh-tokoh yang pada masa menulis ini berada dalam tahanan politik seperti Syed Hussain Ali, Kasim Ahmad dan A. Samad Ismail. Masih saya ingat betapa sidang penubuhan itu berjalan dengan rancak sekali, mendengar berbagai fikiran dari tokoh-tokoh yang kemudiannya akan menjadi tokoh-tokoh nasional dalam lapangan politik, kemasyarakatan dan pendidikan, pegawai-pegawai tinggi kerajaan, diplomat, ahli-ahli akademik universiti serta penulis-penulis dan aktivis-aktivis sastera yang kebanyakannya masih aktif.

Sesungguhnya sidang penubuhan persatuan penulis itu merupakan satu peristiwa kebangsaan dan telah melahirkan sebuah pertubuhan penulis yang dimaksudkan akan menjadi sebuah pertubuhan kebangsaan dengan nama Persatuan Penulis Nasional dengan singkatan PENA.

Beberapa rancangan kegiatan PENA sejak mula ditubuhkan itu menampakkan corak nasionalnya. Pembelaan terhadap pengarang-pengarang *Mekar dan Segar* menuntut pembayaran

royalti dan pengakuan hakcipta dari Oxford University Press bukan saja telah memberikan faedah peribadi kepada pengarang-pengarang berkenaan tetapi telah menerbitkan kesan yang luas yang memulakan tradisi memuliakan dan mengakui hakcipta penulis di seluruh negeri ini. Apa yang diperjuangkan oleh GAPENA sekarang adalah lanjutan dari apa yang telah dimulakan oleh PENA itu. Demikian juga rancangan kursus penulisan di Radio yang dianjurkan oleh PENA mulai hujung tahun 1962 telah menerima pengikut berdaftar seramai 550 orang penulis dari seluruh tanahair. Salah satu dari rancangan kebangsaan yang dikemukakan oleh PENA semenjak awal-awal pertubuhannya ialah mengadakan semacam Hadiah Sastera kepada penulis terbaik tiap-tiap tahun. Tetapi oleh kerana beberapa sebab maka rancangan itu tidak berhasil. Salah satu sebabnya saya kira ialah kerana ia melibatkan badan-badan lain untuk menjadikannya bercorak benar-benar nasional dan badan-badan ini tidak mempunyai kesempatan untuk memberikan kerjasamanya. Dan bila almarhum Perdana Menteri Tun Razak menganjurkan Hadiah Sastera Kebangsaan tahun 1971 maka dapat dilihat dan dirasakan bahawa apa yang dahulu dikemukakan oleh PENA itu akhirnya telah mendapat sambutan kerajaan. Dan saya kira bentuk pemberian hadiah yang dirancangan oleh PENA dahulu lebih representatif sifatnya. Rancangan PENA itu melibatkan penyertaan Kementerian Pelajaran, Universiti Malaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Maktab Perguruan Bahasa dan Lembaga Tetap Kongres Bahasa dan Peruratan Melayu (masa itu masih ada apa yang dinamakan Lembaga Tetap Kongres tersebut). Badan-badan ini merupakan pentadbir dan pemilih para anggota panel.

Gabungan Persatuan Penulis Nasional

Saya tidak bermaksud hendak memanjangkan atau menceritakan kegiatan PENA secara terperinci kerana pemimpin-pemimpin dan anggota-anggota PENA serta golongan sasterawan umumnya masih meneruskan perjuangan PENA itu sehingga sekarang. Tetapi beberapa perkara telah timbul yang menyebabkan beberapa gagasan PENA tidak dapat dilancarkan secara nasional. Gagasan hubungan dengan luar negeri, maksud saya hubungan kesusasteraan dan kegiatan internasionalnya, sukar dijalankan kerana PENA kekurangan wang. Bantuan dari kerajaan dalam hal ini sukar diperolehi kerana ternyata kerajaan belum sepenuhnya

mengakui PENA sebagai sebuah badan nasional. Ini pula disebabkan badan-badan penulis di negeri-negeri yang memang telah wujud semenjak tahun lima-puluhan lagi telah mulai bergerak kembali. Kerana adanya badan-badan negeri ini yang juga sering memerlukan bantuan kerajaan maka kerajaan tidak dapat menerima PENA sebagai badan nasional selagi ia tidak menunjukkan kewibawaan dan wewenangnya terhadap badan-badan negeri itu.

Sebenarnya sepanjang yang saya perhatikan dan saya fahamkan dari perhubungan yang rapat dengan rakan-rakan yang memimpin PENA dewasa itu soal bantuan kerajaan itu bukanlah soal pokok. Yang menjadi pokok dari perhitungan pemimpin-pemimpin PENA ialah maksud dan tujuan hendak menyatupadukan para penulis setanahair. Walaupun kegiatan-kegiatan PENA kebanyakannya bersifat dan meliputi kepentingan penulis umum setanahair tetapi sikap badan-badan negeri mencuba pula menjalankan kegiatan-kegiatan yang serupa menyebabkan pihak-pihak yang berkenaan, yang diperlukan untuk membantu kegiatan dan tujuan PENA, keberatan mengakui kewibawaan nasional PENA. Hal-hal seperti ini adalah salah satu sebab mengapa PENA mulai memikirkan jalan lain untuk menyatupadukan kegiatan dan perjuangan penulis-penulis setanahair. PENA tidak berupaya secara perlembagaan menarik badan-badan negeri itu ke dalam lipatan kewibawaannya maka itu timbullah inisiatif untuk menubuhkan semacam gabungan yang sesuai di mana badan-badan penulis negeri-negeri itu berjalan terus dengan kewibawaan masing-masing tetapi mempunyai semacam obligasi kebangsaan melalui sebuah gabungan.

Dalam tahun 1969 sebuah jawatankuasa kecil telah ditubuhkan oleh PENA untuk mengkaji soal menubuhkan gabungan tersebut dengan dipengerusikan oleh A. Bakar Hamid dan Baharuddin Zainal, Hassan Ibrahim dan Sulaiman Alias sebagai anggotanya.

Pada 20 September 1969 PENA mengundang badan-badan penulis negeri-negeri untuk membincangkan cadangannya menubuhkan gabungan itu. Tiga belas badan yang menghadiri perjumpaan yang bersejarah itu bersetuju sebuah gabungan ditubuhkan untuk menyelaraskan kegiatan penulis secara nasional seluruh tanahair. Juga disetujui PENA menjadi badan yang menguruskan penubuhannya. Apabila keputusan itu dibawa ke dalam mesyuarat agung PENA hari esoknya, iaitu 21 September

1969, satu perbahasan hangat telah berlaku. Walaupun kebanyakan pemimpin dan anggota PENA yang penting menyetujui keputusan pertemuan badan-badan penulis untuk menubuhkan gabungan itu namun ramai anggota yang melihat peristiwa tersebut sebagai satu kelemahan di mana PENA menurunkan darjatnya menjadi sebuah badan yang bertaraf negeri saja, pada hal seluruh tanahair telah mengetahui bahawa PENA selamanya bergerak mengenai isu-isu penulis dalam hubungan nasional. Bagaimanapun pada akhirnya semua dapat melihat betapa pentingnya untuk PENA mengorbankan sedikit prestasinya untuk kepentingan penulis setanahair. Dan bagi memenuhi tugas yang dipercayakan oleh tiga belas badan penulis dalam pertemuan kelmarinnya maka PENA telah membentuk sebuah jawatankuasa khas untuk menggubal sebuah perlembagaan. Dalam catatan saya jawatankuasa tersebut terdiri dari Hassan Ibrahim (pengerusi), A. Bakar Hamid, Baharuddin Zainal, Prof. Mohd. Taib Osman, A. Samad Ismail, Mustafa Kamil Yasin, Ismail Dahaman dan saya sendiri.

Saya masih ingat semasa bekerja menggubal perlembagaan untuk badan gabungan itu kami banyak sekali meminta fikiran dari badan-badan penulis negeri-negeri dan orang-orang perseorangan yang kelihatan menumpukan minat terhadap cita-cita menyatukan para penulis. Tetapi kami tidak dapat menghasilkan satu rumusan yang berbeza banyak dari yang telah dirumuskan dalam Perlembagaan PENA sendiri. Sebenarnya badan gabungan yang disetujui untuk ditubuhkan itu tidak banyak bezanya dari PENA dipandang dari segi tujuan dan matlamatnya. Kedua-duanya ditubuhkan untuk kepentingan penulis setanahair. Kedua-duanya bersifat nasional. Jadi yang membezakannya dari PENA hanya soal keanggotaan yang mencakup kedudukan hak dan kewajiban serta kedudukan perwakilan badan-badan yang menjadi anggota di dalam jawatankuasa penuh dan jawatankuasa kerjanya. Apa yang menjadi perhatian utama kami ialah untuk menghasilkan sebuah perlembagaan di mana cita-cita PENA menganjurkan penubuhan badan gabungan ini akan mudah dapat direalisasikan. Dalam erti sebenarnya ialah untuk melahirkan sebuah badan gabungan yang tidak mengganggu keotonomian badan-badan anggotanya di samping dapat pula menyelaraskan tindakan dan gagasan badan-badan itu yang bersifat nasional.

GAPENA atau nama penuhnya Gabungan Persatuan Penulis Nasional selamat ditubuhkan dalam bulan Oktober 1970 dengan kebanyakan ahli-ahli jawatankuasa kerjanya terdiri dari orang-

orang PENA sendiri. Prof. Ismail Hussein dan saya sendiri yang menghadiri mesyuarat penubuhan itu sebagai wakil PENA telah dipilih menjadi Ketua Satu dan Ketua Dua. Pengalaman saya dalam perkhidmatan sebagai Ketua Dua pada awal-awal tertubuhnya GAPENA memberikan satu macam pendapat dan perasaan bahawa pimpinan PENA amat terasa dalam badan gabungan tersebut dan ini secara tidak disedari mungkin menimbulkan kesan yang kurang senang pada setengah-setengah anggota badan gabungan. Saya kemudiannya mengundurkan diri dari menjadi Ketua Dua dan akhirnya terus mengundurkan diri dari menjadi anggota jawatankuasa penuh. Saya tidak menyatakan sebab yang sebenarnya pengunduran diri itu. Alasan saya cuma alasan remeh saja iaitu menyatakan kepada mesyuarat agung keengganan untuk dilantik menjadi anggota jawatankuasa kerana terlalu banyak tugas lain.

Beberapa ketegangan yang berlaku dalam pimpinan GAPENA kemudiannya saya rasa sedikit sebanyak timbul dari aspek yang saya bimbangkan itu. Walaupun tidak ada kritik yang tegas tetapi ada usaha untuk melunakkan pengaruh pimpinan PENA terhadap beban gabungan tersebut. Usaha ini agak kurang licin dan menimbulkan sedikit ketegangan, menyinggung perasaan beberapa orang. Tetapi kematangan berfikir pihak yang tersinggung dan pihak yang disangkakan sengaja menyinggung dapat diselesaikan dengan sihat dan menyenangkan segala pihak.

Sehingga ke saat menulis *memoir* ini saya merasa bahawa PENA telah berjasa dan berjaya mencapai cita-citanya untuk menyatukan kegiatan para penulis setanahair dengan menubuhkan GAPENA. Banyak pengorbanan dialami oleh PENA untuk mencapai tujuan tersebut. GAPENA sendiri telah makin lama makin dewasa, matang dan bijaksana sehingga bukan saja telah melaksanakan banyak cita-cita PENA yang melahirkannya itu, tetapi juga hingga sekarang masih dapat memperoleh dukungan dan menerima khidmat dari pemimpin-pemimpin PENA; dapat memelihara keutuhan perpaduan dari sekian banyak badan-badan penulis negeri yang mempunyai rencana kegiatan masing-masing. Yang penting sekali pada hemat saya GAPENA telah berjaya menimbulkan suasana di mana segala pihak rasmi dan tidak rasmi, di dalam dan di luar negeri mengakui statusnya sebagai badan nasional yang mewakili penulis di Malaysia. Melalui GAPENA badan-badan penulis sekarang telah mendapat sokongan dan galakan dari kerajaan-kerajaan negeri dan Persekutuan. Inilah yang membuka jalan bertambah luasnya usaha mengenalkan dan

merapatkan kerjasama penulis Malaysia dengan penulis-penulis dan pihak-pihak yang bersangkutan di luar negeri, terutama negara-negara ASEAN.

Sastera Berancang

Kesibukan kempen bahasa kebangsaan mencapai puncaknya bila Dewan Rakyat didesak untuk meluluskan tempoh sepuluh tahun untuk bahasa Kebangsaan menjadi bahasa rasmi di samping bahasa Inggeris ditamatkan dan bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal. Waktu itu kempen besar diambil alih oleh satu golongan pemuda-pemuda radikal. DBP yang selama hampir sepuluh tahun mengendalikan kempen itu secara teratur dan cukup meriah tidak dapat menahan gelombang semangat para pemuda yang menamakan diri mereka itu sebagai "Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan". Pemuda-pemuda ini bertindak sendiri menyapu cat pada papan-papan tanda, papan-papan nama jalan dan sebagainya yang menggunakan bahasa Inggeris. Beberapa orang telah ditahan oleh polis atas tuduhan melakukan kenakalan. Barisan ini juga mengirim orang-orang kuatnya menjelajah ke seluruh negeri memberangsangkan semangat rakyat menuntut kerajaan bertindak lebih tegas mengenai bahasa kebangsaan. Pada akhirnya semangat rakyat itu sudah mendidih hingga ada ura-ura hendak mengadakan tunjuk perasaan dan sebagainya. Syed Nasir saya kira merasa dirinya agak terjepit. Pemuda-pemuda radikal ini adalah anak buahnya, kebanyakan pemimpinnya adalah pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja DBP. Dalam hati kecilnya saya kira beliau merasa amat bahagia mempunyai penyokong yang begitu ghairah dan begitu berkobar-kobar semangatnya. Tetapi pada lapis atas dari hati dan juga kepalanya nyata beliau agak serba salah kerana saya tahu pihak pimpinan UMNO dan juga kerajaan sudah ada yang cuba menyalahkan beliau sebagai punca meluapnya semangat pemuda-pemuda radikal itu dan beliau seperti disalahkan kerana tidak berupaya menahan gelombang semangat tersebut. Kebetulan pula masa itu Indonesia melancarkan konfrantasi "mengganyang" Malaysia. Pihak kerajaan sudah tentu menginginkan semua perhatian rakyat ditumpukan untuk menentang konfrantasi tersebut. Sebaliknya perhatian rakyat lebih tertumpu kepada masalah mendaulatkan bahasa kebangsaan.

Pada satu upacara penutup kempen bahasa kebangsaan, DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong berkenan

menyampaikan amanat. Malangnya titah Baginda itu dimuat sebagai berita kaki saja pada muka dalam mingguan *The Sunday Times*. Ini menimbulkan kemarahan "Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan" yang sudah memang lama mengawasi dasar pro bahasa Inggeris yang diamalkan oleh akhbar tersebut yang pada masa itu masih dikendalikan oleh London. "Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan" segera mengambil keputusan untuk mengadakan tunjuk perasaan menuntut supaya akhbar itu meminta maaf kepada Seri Paduka Baginda dan kepada rakyat seluruhnya. Malangnya (mujurnya?) pada hari itu juga undang-undang darurat diisytiharkan kerana tentera Indonesia dalam kempen konfrantasi mengganyang Malaysia telah mendarat di Labis, Johor. Maka rancangan tunjuk perasaan itu terpaksa dibatalkan. Hanya satu perwakilan yang terdiri dari lima orang pemimpin-pemimpin Barisan ini saja yang pergi ke *Straits Times* menemui ketua pengarang akhbar tersebut. Besoknya akhbar itu memajukan permohonan maaf melalui rencana pengarangnya dan seminggu kemudian akhbar itu mengadakan ruangan belajar bahasa kebangsaan untuk pembaca-pembacanya.

Ketegangan memuncak bila Barisan Bertindak mengadakan rapat umum raksasa di Balai Budaya DBP yang melimpah ruah memenuhi perkarangan Dewan tersebut. Saya duduk di bilik Pembantu Khas Tan Sri Syed Nasir menantikan beliau keluar kerana beliau dikehendaki oleh pemimpin-pemimpin Barisan Bertindak memberikan ucapan pada rapat raksasa tersebut. Saya menjadi gelisah kerana di bawah suara riuh rendah semakin kuat menyebut-nyebut nama Syed Nasir. Saya masuk ke dalam bilik beliau memberitahu. Ternyata beliau sedang menunggu telefon dari kediaman Perdana Menteri atau dari ibu pejabat UMNO, di mana khabarnya Majlis Tertinggi UMNO sedang bersidang. Bila Tan Sri Syed Nasir keluar dan saya mengiringinya turun ke Balai Budaya, beliau sendiri saja yang dapat masuk dan naik ke pentas. Saya tersekat oleh rimba manusia yang berpusu-pusu, bersorak-sorak dan ada yang sedang membakar sesuatu di perkarangan depan foyer bawah Balai Budaya itu. Rapat umum ini diakhiri dengan perarakan mengusung "Keranda 152" ke kediaman Perdana Menteri untuk menarik perhatian Majlis Tertinggi UMNO yang dikatakan sedang bersidang di situ.

Tidak lama kemudian Parlimen mengambil keputusan menetapkan bahasa kebangsaan menjadi bahasa rasmi yang tunggal, setahun sebelum cukup sepuluh tahun selepas hari

merdeka seperti yang dicatatkan dalam Perlembagaan fasal 152.

Selesailah kempen bahasa kebangsaan yang telah sekian banyak memakan masa, tenaga dan fikiran. Saya dibenarkan mengambil cuti tiga minggu. Sepanjang sepuluh tahun yang lalu, terutama semenjak kempen bahasa kebangsaan dijalankan saya tidak pernah mengambil cuti lebih dari dua tiga hari. Saya menggunakan kesempatan itu untuk berehat ke Pulau Pinang dengan anak dan isteri. Tetapi saya membawa mesin taip dengan maksud hendak mengerjakan sebuah novel yang telah lama saya pendam dalam kepala saya. Anak saya, Noorhayati dan Amir masih kecil, memang gembira sekali dengan percutian itu. Mereka pertama kali dapat merasa nikmat berkumpul dengan ayah dan ibu mereka di tepi pantai, di Bukit Bendera dan sebagainya. Saya dan isteri buat pertama kali merasa betapa nikmatnya bercuti. Kami tinggal menyewa sebuah *chalet* kerajaan di bawah bukit di Jalan Jesselton, dekat padang lumba kuda. Nyaman sekali tempat itu, teduh, tenang dan damai. Saya menulis siang malam bila ada masa terluang. Dan waktu pulang ke Kuala Lumpur saya membawa sebuah manuskrip yang saya namakan *Anak Titi Wangsa*. Itulah kali akhir saya menulis karya kreatif. Waktu saya bersara sepuluh tahun kemudian saya ingin menangis di hadapan kawan-kawan sekerja yang mengadakan majlis perpisahan untuk saya. Saya katakan kepada mereka saya telah gagal memelihara bakat saya sebagai seorang penulis. Pujian yang mereka berikan dalam majlis itu kepada saya sebagai seorang pentadbir dan sebagai ketua yang berjaya amat mengecutkan hati saya kerana kejayaan menjadi pentadbir dan ketua itu bukanlah niat saya yang asal. Waktu itu saya teringat pesan Cikgu Mahmud Ahmad semasa saya minta fikirannya hendak masuk bekerja sebagai pengarang Dewan Bahasa dan Pustaka dua puluh tahun yang lalu.

Sebenarnya semenjak beberapa tahun yang akhir-akhir itu saya sudah amat gelisah memikirkan diri saya sendiri sebagai penulis. Saya tidak menulis sebaris pun karya kreatif selama sepuluh tahun. Saya pernah ditanya oleh Adibah Amin, Yahya Ismail dan kawan-kawan yang lain mengapa saya tidak menulis lagi. Mereka sudah tentu berniat baik untuk melihat saya jangan sampai terjebak dalam kesibukan kerja pejabat hingga membunuh bakat saya sendiri. Jawapan saya sudah tentu tidak meyakinkan mereka kerana saya menjadikan kesibukan kerja dan tanggungjawab pejabat sebagai alasannya. Saya sendiri tidak yakin dengan jawapan saya itu. Tetapi saya dapat menyedari kelemahan

diri saya sendiri, iaitu tidak dapat menjelmakan konsentrasi dua arah sekali serentak, konsentrasi penulisan kreatif dan konsentrasi menghadapi pekerjaan yang tidak kecil tanggungjawabnya. Bagi saya konsentrasi yang diperlukan untuk penulisan kreatif memakan tiap detik kehidupan fikiran dan imaginasi. Demikian juga konsentrasi memikul tanggungjawab dan menjalankan tugas pejabat bagi saya memenuhi setiap detik kehidupan. Saya tidak dapat menjalankannya serentak sekaligus. Kelemahan ini saya saja yang menyedarinya. Kawan-kawan lain tidak dapat merasakannya dan kurang pula logiknya kerana amat banyak contoh dapat dikemukakan di mana orang yang memikul tanggungjawab pekerjaan seperti saya malah lebih besar dari itu masih dapat menulis karya kreatif. Saya kadang-kadang menghibur hati sendiri dengan mengatakan "Itulah kelemahan saya, tiap-tiap orang ada kelemahannya."

Sekarang ini saya masih merasa kecut di dalam hati kerana kehilangan bakat untuk berkreatif itu, walaupun saya pernah juga menghiburkan hati sendiri dengan mengatakan bahawa saya akan belajar kembali menulis cerpen. Memang saya akan belajar kembali. Sepuluh tahun tidak menulis sebaris pun karya kreatif bukanlah kecil ertinya dalam proses pembunuhan bakat. Adakah dalam masa setahun dua saya akan sanggup menghidupkannya kembali. Allah saja yang maha mengetahui. Pada waktu saya menulis *Anak Titi Wangsa* tahun 1966 di Pulau Pinang saya tidak sedar bahawa waktu itulah sebenarnya saya membuat rancangan membunuh bakat kreatif saya. Waktu itu saya bukan saja menulis *Anak Titi Wangsa* tetapi juga mula merenungkan satu gagasan yang hendak saya kemukakan kepada Pengarah, Tan Sri Syed Nasir, bila saya bertugas kembali lepas cuti itu. Saya memikirkan bahawa setelah selesai kempen bahasa kebangsaan yang menelan banyak masa, fikiran dan tenaga itu tidaklah boleh dimaafkan lagi kalau penggarapan sastera tidak berjalan dengan lancar di DBP.

Gagasan yang saya fikirkan itu ialah mengadakan satu bahagian khusus di DBP yang dinamakan Bahagian Perkembangan Sastera yang bertugas hanya untuk menggarap perkembangan dan kemajuan kesusasteraan. Saya membahagikan tugas itu kepada tiga bahagian, iaitu bahagian penerbitan buku-buku dan majalah sastera, bahagian penyelidikan dan penerbitan kesusasteraan lama dan moden dan bahagian kegiatan kesusasteraan. Saya telah bercadang untuk meminta dipindahkan ke Bahagian Perkembangan

Sastera itu dan mengosongkan jawatan saya sebagai Ketua Pengarang.

Bila gagasan ini saya kemukakan kepada Pengarah, Syed Nasir, beliau amat tertarik. Kebetulan rupanya beliau sedang memikirkan perkara yang sama tetapi lebih besar. Beliau sedang memikirkan pemecahan Bahagian-Bahagian di DBP dengan memberikan kebebasan kepada tiap-tiap Bahagian membuat perancangan sendiri dan menentukan peruntukan kewangan sendiri. Dengan demikian kata beliau kecergasan pelaksanaan akan lebih lancar, kemahiran tenaga kakitangan akan dapat dipermaju dan beban tanggungjawab dapat dibahagi-bahagikan tidak semuanya tertumpu kepada seorang berdua. Beliau malah menyebut betapa kesihatannya beliau melihat segala rupa manuskrip harus melalui seorang Ketua Pengarang seperti saya. Dan sambil ketawa saya mengatakan kepadanya saya memang sudah lelah menjadi "superman".

Saya merasa amat gembira sambil mencuba menyusun gagasan saya itu ke dalam satu rancangan yang terperinci dan komprehensif. Tetapi untuk beberapa lama gagasan itu tidak mendapat momentum yang sesuai untuk dimulakan. Banyak hal-hal lain yang memerlukan perhatian Pengarah dan Lembaga Pengelola. Akhirnya tibalah masanya Tan Sri Syed Nasir terpaksa mohon bersara. Kesihatan beliau ternyata sekali amat terganggu. Beberapa kali beliau pitam dalam pejabat. Pada suatu ketika beliau terpaksa dihantar ke hospital untuk mendapat rawatan segera. Beliau, agak saya, diserang penyakit darah tinggi. Tan Sri Syed Nasir kemudiannya bertanding untuk kerusi parlimen dalam pilihanraya tahun 1969.

Ali Haji Ahmad (almarhum YB Datuk Ali Haji Ahmad) yang mengambil tempat Tan Sri Syed Nasir juga berhenti untuk masuk bertanding kerusi parlimen. Hassan Ahmad (sekarang Datuk) salah seorang Pegawai Penyelidik DBP yang dilantik memangku jawatan Pengarah pun sudah lama mengikuti fikiran Tan Sri Syed Nasir untuk merombak susunan pentadbiran DBP kepada Bahagian-bahagian itu. Tetapi dalam masa awal-awal beliau menjadi Pemangku Pengarah itu banyak pula masalah lain timbul. Yang besar dan rumit sekali ialah masalah menterjemahkan buku-buku untuk universiti.

Saya tidak akan menceritakan hal-hal pergolakan dan kesukaran yang dihadapi oleh DBP dalam masa peralihan demi peralihan terbit dari pertukaran demi pertukaran ketua itu. Tetapi

yang hendak saya jelaskan ialah cita-cita untuk menyusun semula penggarapan dan pengendalian perkembangan dan pembinaan sastera secara terancang tidak dapat dilakukan dengan baik hinggalah kedatangan Tuan Haji Sujak Rahiman (sekarang Datuk). Beliau ialah Ketua Pengarah yang pertama di Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebelum itu cuma ada jawatan Pengarah saja. Manakala Datuk Haji Sujak menjadi Ketua Pengarah, perubahan pentadbiran terus berjalan sehingga kemudian Tuan Haji Hassan dijadikan Pengarah. Waktu Datuk Haji Sujak mula-mula datang ke Dewan dia telah menghabiskan masa tiga minggu, dua puluh satu hari penuh, berbincang dengan pegawai-pegawai kanan. Mula-mula dia berbincang seorang demi seorang dengan pegawai-pegawai kanan itu. Kemudian diadakannya perbincangan penuh dengan semua sekali pegawai yang telah ditemuinya seorang demi seorang itu. Dasar utama yang ditekankan oleh Datuk Haji Sujak ialah melicinkan komunikasi antara Bahagian-bahagian dan antara tiap seorang pegawai dan kakitangan. Ini beliau namakan perhubungan silaturrahim. Sistem komunikasi Datuk Haji Sujak kelihatan agak kuno tetapi tidak ada siapa dapat menyangkal bahawa intisari atau pokok dari segala komunikasi manusia ialah silaturrahim. Sistem komunikasi moden untuk melahirkan hubungan manusia yang teratur sebenarnya harus berakar pada jiwa yang bersih yang disebut oleh Datuk Haji Sujak sebagai hubungan silaturrahim.

Saya telah mengemukakan kembali gagasan sastera berancang kepada Datuk Haji Sujak dan mengemukakan juga satu kertas kerja bagaimana rancangan itu harus dijalankan melalui sebuah Bahagian khas yang dinamakan Bahagian Perkembangan Sastera. Tetapi rancangan saya itu seperti telah difahami sejak dari mulanya tidak boleh menyelesaikan masalah seluruh organisasi DBP. Seperti Tan Sri Syed Nasir, Datuk Haji Sujak bersetuju bahawa satu rombakan sistem pertadbiran yang bersifat desentralisasi harus diwujudkan. Bahagian-bahagian harus ditubuhkan dengan tanggungjawab dan kuasa pelaksanaan yang lebih luas untuk bidang-bidang tertentu yang menjadi dasar fungsi kewujudan DBP. Tetapi Datuk Haji Sujak maju selangkah dengan menyetujui saranan saya supaya Bahagian yang sudah bersiap sedia ditubuhkan dulu dengan tidak usah menunggu satu rombakan besar-besaran yang sudah tentu akan menghadapi risiko yang terlalu besar sekaligus. Maka atas dasar itu beliau bersetuju membenarkan saya meninggalkan jawatan Ketua Pengarah dan mengambil tugas baru sebagai Ketua Bahagian Perkembangan Sastera dan bertindak

terus menguruskan penubuhan Bahagian baru itu.

Kata setengah kawan yang tujuan hidupnya mengejar pangkat, saya telah diturunkan pangkat dari Ketua Pengarang yang begitu besar dan luas kuasanya kepada hanya Ketua sebuah Bahagian kecil. Saya tidak peduli cakap-cakap seperti itu kerana sudah nyata tempat berdiri masing-masing tidak serupa. Saya ingin merealisasikan cita-cita asal saya melalui DBP, iaitu berusaha memajukan dan meluaskan pengaruh sastera Melayu moden, mengasah dan menimbulkan bakat-bakat baru yang lebih maju cara berfikir dan lebih moden tekniknya. Saya ingin melihat kehidupan sastera kebangsaan yang sihat, maju dan berguna kepada masyarakat, dan tidak putus dari rantai kehidupan sastera Melayu yang telah berabad umurnya. Prinsip yang memimpin saya ialah pemodenan fikiran dengan tidak menghilangkan identiti kebangsaan Melayu. Jika kita akan menjadi bangsa baru yang dinamakan bangsa Malaysia dan jika kita akan menjadi pewaris tamadun dunia baru yang berdasar sains dan teknologi, kita mesti tetap beridentiti Melayu: orang Malaysia moden yang cergas, yang sopan, yang beriman dan beramal saleh.

Terlalu besar bunyinya cakap-cakap berfalsafah seperti itu. Tetapi saya sudah terlalu lama dalam dunia sastera, dalam perkhidmatan untuk golongan pemikir dan golongan seni budaya. Saya yakin, dan sesuai dengan dasar pendidikan dan pengalaman awal hidup saya masa muda-muda dahulu, bahawa kemajuan dan kebahagiaan sebuah masyarakat tidak bergantung kepada sistem politik dan ekonomi saja tetapi juga mesti ada asas-asas kebudayaan, asas-asas kejiwaan manusia yang mendukung sistem politik dan ekonomi itu. Apakah Bahagian Perkembangan Sastera yang baru diwujudkan oleh DBP dalam tahun 1971 itu akan dapat melahirkan kesusasteraan nasional sebagai penyubur asas-asas kejiwaan, penyubur kehalusan budi dan kesopanan, penyubur daya fikiran yang bebas dan rasional, penyubur inisiatif untuk hidup cergas dan dinamik. Semuanya bergantung kepada kesanggupan kita menghadapi berbagai cabaran. Saya sendiri tidak pernah memikirkan apakah saya sanggup atau tidak. Yang saya fikirkan ialah betapa untuk mendapatkan sebanyak mungkin ahli sastera dan kebudayaan menyedari dan mengamalkan falsafah itu. Kepada rakan-rakan sejawat yang meraikan saya waktu majlis perpisahan persaraan baru-baru ini saya tegaskan kepada mereka bahawa kerja orang-orang sastera di DBP dan di mana-mana saja ialah kerja

seumur hidup. Kerja keras dengan sikap yang tegas sepanjang zaman.

Bahagian Perkembangan Sastera telah memulakan tugasnya dengan memisahkan diri dari Bahagian Pengarang. Sebahagian besar kakitangan dari Bahagian itu ikut ke Bahagian Sastera. Sebahagian lagi tinggal menjadi Bahagian baru pula yang khusus mengendalikan buku-buku teks. Bahagian itu dinamakan Bahagian Buku-Buku Pelajaran. Dua tahun kemudian sebuah Bahagian baru ditubuhkan, yakni dipecahkan dari Bahagian Sastera menjadi Bahagian Penerbitan Umum yang menyelenggarakan buku bacaan umum dan kanak-kanak. Dan dalam rencananya Bahagian ini kelak akan dipecah lagi untuk melahirkan sebuah Bahagian yang khusus menyelenggarakan bahan bacaan untuk Kanak-Kanak. Proses ini berjalan terus dan menjadi lebih rancak dengan kedatangan Hassan Ibrahim menjadi Timbalan Ketua Pengarah. Tidak lama selepas saya bersara Hassan Ibrahim dipindahkan pula ke jabatan lain dan DBP mendapat Timbalan Ketua Pengarah yang baru, Haji Jumaat bin Haji Mohd. Noor. Tetapi Tuan Haji Hassan Ahmad masih di DBP sebagai Ketua Pengarah.

Bagi saya DBP masih menjadi darah daging saya sendiri. Saya sangat ghairah dan menumpukan harapan kepada Dewan ini untuk tidak kelak menjadi sebuah agensi pengeluaran buku-buku teks rendah dan tinggi saja, tetapi yang pentingnya ialah sentiasa jangan hilang hubungan dengan gagasan awal yang dilancarkan oleh Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga dan oleh gagasan Almarhum Tun Abdul Razak bahawa DBP pertama-tamanya diwujudkan untuk memajukan dan mengembangkan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Dari pengalaman, saya sedar bahawa DBP tidak mudah dapat diceraikan dari kepentingan menghasilkan buku-buku teks dan kerana itu ia tetap di bawah potfolio Kementerian Pelajaran. Dan saya faham kepentingan perjuangan pejuang pelajaran, baik politik mahupun kepakarannya, sama besar dan sama berat dengan kepentingan perjuangan orang-orang kebudayaan, khususnya bahasa dan kesusasteraan.

Ada orang bertanya kepada saya; setelah lebih kurang tujuh tahun Bahagian Perkembangan Sastera (sekarang Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera) ditubuhkan, sejauh manakah sumbangan yang telah dihasilkannya kepada masyarakat sastera negara ini. Saya tidak dapat menjawab pertanyaan serupa itu. Yang perlu ditinjau sekarang ialah sejauh manakah Bahagian itu mendapat sokongan dan galakan baik dari dalam mahupun dari

luar Dewan. Bagi saya masih menjadi pertanyaan adakah penubuhan Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera itu sudah difahami betul-betul fungsi dan falsafahnya. Inilah yang saya pesankan kepada rakan sejawat waktu majlis perpisahan persaraan itu bahawa kerja orang-orang sastera di DBP dan di mana-mana saja adalah kerja seumur hidup. Kerja keras dengan sikap yang tegas sepanjang zaman.

Hadiah Sastera Kebangsaan

Waktu saya mula memegang jawatan sebagai Ketua Bahagian Perkembangan Sastera saya mula teringat kembali salah satu dari rencana usaha yang dirancang oleh PENA pada tahun-tahun awal tertubuhnya dahulu ialah hendak menganjurkan pemberian Hadiah Sastera Nasional, semacam penghargaan tinggi kepada sasterawan yang mencapai pencapaian cipta sastera kreatif tertinggi sekali setahun atau sekali beberapa tahun bila ada calon yang sesuai. Rancangan itu tidak dapat dijayakan oleh sebab ia melibatkan beberapa institusi dan jabatan-jabatan kerajaan yang belum bersedia untuk bekerjasama.

Saya memikir-mikirkan dan meminta fikiran ramai orang yang saya rasa dapat memberikan sokongan kiranya DBP dapat melaksanakan cita-cita lama itu dengan Bahagian Perkembangan Sastera menjadi urusetia atau pusat penyelarasannya. Dalam masa memikir-mikirkan soal tersebut pada suatu hari saya dipelawa untuk ikut dalam satu perkelahan besar yang diadakan oleh Tan Sri Ghazali Shafie sebagai tanda perpisahan beliau dengan anak-anak buahnya di Wisma Putera kerana beliau akan memasuki lapangan politik. Saya merasa agak serba salah untuk memenuhi pelawaan itu kerana pertama-tama saya bukan anak buah King Guz (panggilan orang-orang Wisma Putera terhadap Tan Sri Ghazali) dalam erti saya bukan kakitangan atau pegawai Wisma Putera. Tetapi tidak dapat dinafikan Tan Sri Ghazali adalah salah seorang pemimpin yang bukan saja seorang diplomat tetapi juga seorang intelek, mempunyai cita rasa dan perhatian yang luas terhadap cabang-cabang kebudayaan dan kesenian. Dalam hubungan inilah saya dan satu dua orang lagi sasterawan dan juga pelukis ikut menikmati perkelahan di "retreat" King Guz di pinggir Sungai Gombak batu dua belas itu. Di luar sangkaan saya Tan Sri Ghazali Shafie mengemukakan satu gagasan tentang apa yang dinamakan *Akademi Sastera*. Saya serta merta menjadi amat tertawan dengan

gagasannya itu. Bila saya mengatakan kepadanya tentang apa yang saya lakukan dan sedang saya fikir-fikirkan dalam merealisasikan cita-cita dan matlamat penubuhan Bahagian Perkembangan Sastera DBP yang saya ketuai, beliau menegaskan dan mengharapkan Akademi Sastera haruslah sebuah badan bebas yang didukung oleh sasterawan dan para intelek kebudayaan. Konklusi percakapan yang singkat itu saya faham bahawa beliau menyetujui pemberian anugerah sastera tertinggi harus diberikan kepada sasterawan tetapi ia mestilah dari penilaian Akademi Sastera itu dan bukan oleh mana-mana badan kerajaan walaupun soal kewangannya barangkali boleh dibantu oleh kerajaan. Beliau menekankan bahawa *Academie Francaise* yang terkenal itu dulunya bermula dari kelompok kecil sasterawan Perancis sahaja. Ini ditekankannya bila saya mengatakan susah hendak mengumpulkan intelek dan budayawan serta sasterawan yang betul-betul mahu bekerja keras secara sukarela untuk menghidupkan sebuah akademi dalam erti yang sebenarnya, di samping akan sukar pula akademi seperti itu untuk mendapat pengakuan umum.

Tan Sri Ghazali akhirnya menyebut pula gagasan Akademi Sasteranya itu dalam ucapannya menerima gelar kehormat Doktor Falsafah dari Universiti Malaya. Saya sendiri tidak pernah membincangkan soal itu dengan siapa pun. Tetapi saya menulis satu nota kepada pengarah DBP tentang pendapat tersebut dengan tujuan menarik perhatiannya sehubungan dengan gagasan saya menjadikan DBP pusat penyelaras kegiatan sastera termasuk Hadiah Sastera Kebangsaan. Bagaimanapun akhirnya saya menulis dalam *Dewan Sastera* dan dikutip oleh surat-surat khabar tentang idea menubuhkan Akademi Sastera itu yang agak berlainan sedikit dari apa yang disarankan kepada saya oleh Tan Sri Ghazali. Saya masih berpendapat bahawa Akademi itu mestilah dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan walaupun ia mesti ditadbir dan dikelolakan secara bebas oleh Majlis atau Lembaga Akademi itu sendiri. Macam-macam sambutan terbit dari tulisan saya itu. Ada yang menyokong tetapi tidak kurang pula yang memberi nasihat supaya jangan jadi belalang hendak mengajar helang. Akhirnya sehubungan dengan tuntutan minta kerajaan (Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya) membangunkan Kompleks Kebudayaan dan Panggung Negara maka soal Akademik Sastera itu timbul lagi dalam bentuk salah satu dari akademi kesenian yang harus ditampung oleh Kompleks Kebudayaan tersebut.

Pada suatu hari saya menerima berita bahawa Perdana Men-

teri (Almarhum) Tun Abdul Razak ingin melancarkan semacam Hadiah Sastera Kebangsaan. Saya menyangka akan ada satu perjumpaan besar dengan para penulis. Tetapi rupanya Perdana Menteri mengundang beberapa orang ke kediamannya di Sri Taman lalu mengumumkan hasratnya itu. Beliau meminta DBP menjadi sekretariat mengelolakan hadiah tersebut yang melibatkan pengurusan dan perbelanjaan membayar hadiah. Beliau meminta persetujuan dari Menteri Pelajaran Datuk Hussein Onn (sekarang Perdana Menteri) dan pihak pentadbir DBP yang diwakili oleh Pengarahnya Datuk Hassan Ahmad. Ketua Pengarah Datuk Haji Sujak tidak hadir. Kemudian beliau melantik Tan Sri Ghazali Shafie sebagai pengerusi Panel dan saya sendiri selaku setiausaha kerana kebetulan saya menjadi Ketua Bahagian Perkembangan Sastera di mana Sekretariat Panel tersebut akan ditempatkan. Almarhum juga melantik sebuah Panel Penasihat Sastera yang diberi tugas menasihati beliau mengenai perkembangan sastera pada umumnya. Almarhum menghendaki supaya nama-nama yang dicalonkan ditunjukkan kepada beliau untuk dipilih sendiri sebagai anggota Panel Hadiah Sastera. Pada pertemuan itu juga banyak nama telah dikemukakan meliputi tokoh-tokoh pengkritik, penyarah sastera dan kebudayaan dari Universiti-universiti serta tokoh-tokoh sasterawan sendiri. Tidak lama kemudian beberapa orang dari nama-nama yang dikemukakan dalam perjumpaan tersebut telah menerima pelawaan dan akhirnya menerima lantikan terus dari Perdana Menteri. Berdasarkan saranan beliau bahawa Hadiah Sastera Kebangsaan itu pada peringkat awalnya hendaklah berupa penggalak di samping menunjukkan penerimaan dan penghargaan kerajaan terhadap peranan kesusasteraan dalam pembentukan moral dan daya fikir kebangsaan, maka mesyuarat Panel yang pertama kali telah memutuskan bahawa segala karya sastera yang ditulis dalam bahasa kebangsaan oleh warga negara Malaysia yang diterbitkan dalam satu-satu tahun dalam apa jua penerbitan di negeri ini mestilah dibaca, ditimbang dan dinilai.

Demikianlah bermulanya Hadiah Sastera Kebangsaan yang bersejarah itu. Anugerah Sastera kepada seseorang penulis teragung seperti yang saya fikir-fikirkan selama ini nampaknya, menurut timbangan Perdana Menteri belum sesuai untuk dilaksanakan. Beliau pernah mengatakan bahawa kita sedang membangun dalam semua lapangan, termasuk lapangan kesusasteraan dan kesenian, maka seperti dalam pembangunan,

lapangan-lapangan yang lain lapangan sastera juga harus dijalankan secara beransur-ansur.

Malangnya, atau mungkin juga kebetulan saja, sepanjang masa berjalannya Hadiah Sastera Kebangsaan itu pihak Panellah yang menjadi tumpuan kritik. Panel dituduh memilih karya-karya yang bercorak dan bertema pembangunan saja. Panel tidak mengandungi orang-orang yang benar-benar kompeten dan berkelayakan dan macam-macam lagi. Malah ada juga yang memberikan pandangan bahawa pemilihan panel tidak demokratik. Tetapi pada dasarnya boleh dikatakan tidak ada pihak yang tidak menyetujui langkah Perdana Menteri mengambil inisiatif melahirkan Hadiah Sastera Kebangsaan itu. Kritik-kritik itu ada yang benar dan konkrit dan tidak pula kurang, bahkan lebih banyak, yang penuh dengan emosi dan sentimen melulu. Anggota-anggota Panel patuh kepada dasar yang boleh dikatakan amat liberal yang diberikan oleh Perdana Menteri terus menjalankan tugas mereka dengan dedikasi dan hati-hati. Saya sendiri sebagai setiausaha Panel menghadapi banyak sekali tekanan batin terbit dari kritik-kritik luar dan dalam Panel sendiri. Tetapi memikirkan bahawa inilah satu kesempatan yang sukar didapati dan belum pernah diperoleh sebelumnya untuk menarik perhatian umum dan pihak berkuasa terhadap kesusasteraan dan peranannya dalam kehidupan kebangsaan maka saya tidak merasa terganggu sedikit pun menjalankan tugas saya. Lebih-lebih lagi secara langsung pelaksanaan tugas sekretariat Panel itu telah menghasilkan pendokumentasian yang sangat tersusun baik dan menyeluruh mengenai penulis dan karya. Bagi pertama kalinya dalam sejarah, semua penulis dan semua karya sastera yang terbit dalam berbagai penerbitan dapat dikumpulkan dan didokumentasikan secara ber-sistem.

Penderitaan batin para anggota Panel mencapai puncaknya bila salah seorang anggotanya, A. Samad Ismail, ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Tiap-tiap seorang anggota Panel merasa benar-benar terhina bila dikatakan mereka dipengaruhi oleh fikiran A. Samad Ismail dalam pemilihan dan penilaian mereka. Walaupun pengerusi Panel yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah memberikan penjelasan dengan mengemukakan apa yang sebenarnya berlaku dan sistem yang jelas tidak memungkinkan siapa saja dalam Panel untuk menekankan pendapatnya sendiri namun anggota-anggota masih merasa pedihnya tuduhan yang liar itu. Tidak seorang pun dari mereka

yang ingin lagi meneruskan tugas tersebut. Mereka serentak meminta dibenarkan meletak jawatan. Tetapi dengan kebijaksanaan dan sifat terus terang dan barangkali kemahiran diplomasi pengerusi maka anggota Panel akhirnya dapat meneruskan pekerjaan mereka untuk tahun terakhir kerana sebenarnya lantikan mereka ialah untuk lima tahun sahaja. Pada tahun itu sebenarnya peringkat pertama Hadiah Sastera Kebangsaan itu sepatutnya diulangkaji semula oleh Perdana Menteri untuk menimbangakan janjinya pada suatu masa kelak, akan mengadakan pula Anugerah Sastera kepada penulis yang mencapai pencapaian tertinggi dalam kesusasteraan. Seperti dimaklumi almarhum Perdana Menteri Tun Abdul Razak telah berpulang ke rahmatullah tidak lama sebelum itu. Saya kira Perdana Menteri baru, Datuk Hussein Onn, telah menimbangakan juga hal tersebut dan telah berkenan untuk menyampaikan Hadiah Pejuang Sastera kepada beberapa orang sebelum mengambil keputusan memulakan satu era penghargaan baru dengan melancarkan Anugerah Sastera itu. Demikianlah berakhirnya Hadiah Sastera Kebangsaan yang sempat berjalan selama enam tahun. Sampai sekarang saya sendiri masih menunggu dan saya fikir semua orang, terutama kalangan sasterawan, masih menunggu langkah kerajaan selanjutnya. Pihak GAPENA sudah pun memulakan langkah untuk mengingatkan kerajaan akan hal tersebut dengan mengadakan satu perbincangan khas di Teluk Kemang Negeri Sembilan pada 7 Februari 1978 dan telah menyampaikan fikirannya kepada Jabatan Perdana Menteri.

Sesungguhnya bagi diri saya peribadi, dengan tidak menolak atau menerima seluruhnya kritik-kritik tajam yang dilemparkan kepada Panel Hadiah Sastera Kebangsaan selama enam tahun itu, saya masih berpegang dengan cita-cita saya yang awal yang sudah saya fikirkan semenjak belum lahirnya Hadiah Sastera itu lagi. Semacam Hadiah atau Anugerah Sastera mestilah diadakan.

Semangat Anti-Establiment

Saya ingin menamatkan catatan-catatan *memoir* ini sehingga ini saja. Mulanya saya bermaksud juga hendak memuatkan catatan-catatan tentang penglibatan dan juga pengalaman saya dalam kegiatan-kegiatan bahasa seperti kegiatan peristilahan yang banyak sekali memberi saya pengalaman dan memberi saya peluang berdampingan dengan pakar-pakar bahasa, linguistik, dan pakar-

pakar berbagai ilmu sains, teknologi dan kemasyarakatan di Malaysia dan Indonesia. Tetapi jurusan tersebut terlalu rumit dan panjang ceritanya. Saya batalkan saja. Mudah-mudahan pada kesempatan lain akan saya coba.

Saya tidak punya penyesalan apa-apa kalau catatan *memoir* yang kebanyakannya menyentuh perkembangan kesusasteraan ini tidak cocok dengan pengalaman atau pengetahuan orang lain. Saya tidak mengharapkan apa-apa dari pencatatan *memoir* ini selain dari mengingat kembali sebahagian dari peristiwa-peristiwa yang sudah kita lalui untuk kalau mungkin berguna dalam usaha kita meninjau ke masa depan. Pengalaman peribadi dan pengalaman umum sama pentingnya untuk dijadikan cermin perbandingan dalam usaha mengkoreksi kesilapan-kesilapan.

Sebagai penutupnya ingin saya mencatatkan di sini bahawa untuk beberapa waktu dalam jangka masa tiga puluh tahun yang lalu itu orang muda Malaysia, seperti juga orang muda di seluruh dunia umumnya dan di dunia yang sedang membangun khususnya, diserang oleh semacam sikap tidak menerima segala yang berbau lama. *Establishment* politik, ekonomi, kebudayaan dan kemasyarakatan hampir semuanya mendapat tentangan dari kalangan muda. Kaum pelajar khususnya menunjuk perasaan di seluruh jalan raya dunia menuntut keadilan demokrasi dan menentang segala yang dikemukakan oleh *establishment*. *Establishment* yang hidup di atas landasan demokrasi itu sendiri tidak cukup untuk golongan muda ini. Segalanya bagi mereka tidak ada yang baru yang dapat memuaskan. Sebaliknya segala suatu dirasakan masih berbau lama. Dalam dilema ini anak-anak muda kita juga tidak ketinggalan. Rasionalisme tinggal menjadi kajian dan perdebatan teori saja manakala tindakan banyak yang lahir dari sikap yang tidak lagi benar-benar rasional. Dan dunia kesusasteraan kita juga tidak ketinggalan. Tidak sebenarnya pada kesusasteraan itu sendiri tetapi pada sikap kritik yang bersimpang-siur yang belum memperoleh tapak yang kukuh kelihatan serangan-serangan terhadap tokoh-tokoh atau golongan-golongan. Penulis-penulis digambarkan sama ada terlalu jauh ke depan atau terlalu tertinggal di belakang. Penulis dari golongan lama tidak berguna langsung. Sebaris hasil karya penulis baru meluluhkan seluruh karya berpuluh-puluh penulis dari berpuluh-puluh tahun yang lalu. Penulis muda sama ada terlalu hijau atau terlalu jauh ke dalam diri masing-masing. Kemudian penulis sendiri menjadi pengkritik, sesama sendiri atau terhadap pengkritik. Malah timbul kecenderungan cerpen atau

sajak berisi kritik terhadap penulis cerpen atau penulis sajak lainnya.

Gejala seperti itu memuncak untuk beberapa waktu hingga tiap pengkritik dianggap doktor bedah sastera yang bijak menceraiberaikan karya kreatif sehingga tidak dapat dikenal. Tiap penulis dianggap tukang ngelamun atau tukang hampu sesuatu. Tiap pengarang atau editor pemilih kasih untuk kawan-kawannya. Tiap Panel terdiri dari orang-orang bodoh dan seterusnya. Saya merasa amat bimbang hidup dalam dunia sastera pada saat-saat jiwa muda bangsa kita dijangkiti penyakit anti-*establishment* itu. Tetapi seperti di lain-lain bahagian dunia demikian juga di Malaysia masanya tiba juga untuk dilema itu menjadi kehabisan momentum. Dan bila Panel Hadiah Sastera Kebangsaan dibubarkan banyak benar orang menangis berhiba-hiba. Kebanyakannya orang-orang yang dahulunya mengatakan Hadiah Sastera itu hanya untuk kepentingan mengobar-ngobarkan semangat pembangunan anjuran kerajaan saja.

Dalam golongan histeria anti-*establishment* itu saya sendiri sebagai saki baki penulis Angkatan 50, sebagai editor penerbitan buku dan majalah sastera DBP, sebagai anggota dan setiausaha Panel Hadiah Sastera Kebangsaan dan sebagai aktivis sastera, menerima serangan dari segala penjuru. Saya anti intelektual, anti penulis-penulis angkatan baru, menekan penulis-penulis muda, mendirikan komplot untuk memusnahkan bakat penulis-penulis muda, menghampu kerajaan, angkuh mempertahankan mahkota Angkatan Sasterawan 50 pada institusi penerbitan dan atau pertubuhan-pertubuhan.

Saya tidak mengendahkan semua itu. Saya sedar apa yang dialami oleh seluruh masyarakat muda bangsa Malaysia dewasa itu. Bukan dunia sastera saja yang dilanda histeria, dunia politik juga demikian. Bahkan kebanyakan rumahtangga orang pun kena langgar histeria orang muda. Tetapi ini bukan bererti saya tidak merasa sakit dan pedihnya, seorang yang saya kagumi tulisannya dan saya cuba menolongnya untuk lebih maju dan terkenal dengan menyiarkan karya-karyanya, termasuk yang menghina saya sendiri, menulis sepucuk kad selamat hari raya yang aneh kepada saya dengan nota: *Sekali lancung keujian selama hidup orang tak percaya*. Tiap-tiap orang yang berketurunan Melayu yang mengalir dalam darahnya kebudayaan Melayu dapat merasakan titisan darah pilu dan pedih dalam hati nubarinya bila dituduh *lancung keujian* tanpa tahu apa sebabnya. Hari raya saya tahun yang ma-

lang itu binasa oleh nota selamat hari raya yang aneh tersebut. Apakah sebenarnya lancung saya yang telah dibuktikan itu. Saya rasa tidak ada manusia di dunia ini dapat membuktikannya dengan jujur kerana saya tidak pernah menipu, tidak pernah berniat jahat, tidak pernah menindas sesiapa, menghina sesiapa untuk membanggakan diri sendiri atau yang sebagainya. Dalam dunia sastera saya rasa telah banyak juga bekerja untuk menghidupkan bakat orang lain.

Mengapa saya menceritakan hal ini semua, yang nampaknya terlalu personal. Sebenarnya peluru *lancung keujian* itu meletup dengan amat dahsyat sekali dalam diri saya. Barangkali lebih hebat dari peluru yang diterima oleh Tan Sri Syed Nasir waktu kami hebat-hebatnya menentang golongan berbagai bahasa dahulu. Peluru itu tidak kunjung meletup. Pengalaman ini sebenarnya dialami oleh banyak orang. Kesimpulan saya ialah kita semua manusia menempuh zaman muda dan zaman tua. Sifat muda marah-marah. Itu sudah menjadi adat hidup, sama ada benar atau tidak dari segi kajian psikologi *human behaviour* tidaklah saya tahu. Bila tiba musim *orang muda marah-marah* awasilah supaya jangan menimbulkan *orang tua melatah-latah*. Jika tidak ada orang melatah insya Allah tidak ada dendam kesumat akan timbul, segalanya mudah-mudahan akan selamat. Cerita saya tentang kad selamat hari raya yang mengandungi nota *lancung keujian* itu bukanlah tanda melatah dan kerana itu alhamdulillah tidak ada dendam kesumat. Kejadian itu bagi saya amat aneh, bertentangan dengan semangat hari raya. Itulah saja. Keanehan seperti itu hanya boleh lahir dari histeria. Dan dalam hal ini histeria *anti-establishment*.

Apa yang saya ceritakan di atas itu hanyalah satu dari perkara-perkara aneh yang menyedihkan yang berlaku dalam masa mula-mula rancaknya kegiatan kritik sastera awal-awal tahun tujuh-puluhan yang lalu. Perkembangan kritik sastera kita akhirnya bertambah baik dan lebih rasional. Lahirlah tokoh-tokoh yang tidak marah-marah, walaupun sebenarnya muda-muda juga. Kita mempunyai A. Bakar Hamid, Hashim Awang, Baharuddin Zainal, Dr. Ali Ahmad (Alis Murni), Ilias Zaidi, Yahaya Ismail, Mohd. Affandi Hassan sekadar menyebut beberapa nama di samping ber-puluh-puluh yang lain.

Pada masa mulai beberapa tahun yang lalu, akhir-akhir enam puluhan dan terus ke tahun-tahun tujuh-puluhan ini taman sastera kita dikembangki oleh seribu bunga. Zaman ini ialah zaman ber-

temunya yang lama dengan yang baru dalam rapsody yang amat indah. Kematangan pengalaman bakat lama berharmoni dengan kejernihan intelek golongan muda. Usman Awang, A. Samad Said, Shahnnon Ahmad, Arena Wati, S. Othman, Abdullah Hussain, Suhaimi Haji Muhammad, Adibah Amin bergandingan dengan Kemala, Baha Zain, Muhammad Haji Salleh, Latif Mohidin, Abdul Talib Hassan, Zaid Ahmad, Anwar Ridhwan, Johan Jaaffar, Fatimah Busu, Zurinah Hassan, Noorhisham Mustaffa, Abdullah Tahir, Darmala N.S., Dharmawijaya, Ali Majod, Azizi Abdullah, Mana Sikana, Dinsman dan lain-lain sekadar menyebut beberapa nama yang bukan sedikit jumlahnya yang sedang menguntum atau sudah mengembang dalam taman sastera kita. Dua puluh tahun yang lalu apa yang kita punyai hari ini adalah satu harapan yang terlalu ideal. Saya terkenang akan almarhum Aminuddin Baki, akan doa dan aspirasinya yang saya aminkan di sebuah bilik di Orchard Road Singapura tahun 1949. Doa dan aspirasi yang mendorong saya *merangkak* ke kampus Universiti Malaya dewasa itu dan tahun-tahun kemudiannya untuk bersama kawan-kawan yang lain melahirkan interaksi kaum terpelajar dengan masyarakat kesusasteraan dan kebudayaan Melayu. Para sarjana dan aktivis sastera hari ini seperti Prof. Ismail Hussein, A. Bakar Hamid, Prof. Mohd. Taib Osman, Wahab Ali dan banyak lagi tidak akan pernah dilupakan oleh sejarah perkembangan kesusasteraan kita. Mereka datang mengisi suatu vakum yang berpuluh tahun tinggal kosong dalam perkembangan pendewasaan sastera kita. Saya tidak akan pernah merasa menyesal walaupun pada umur lima puluh lima tahun saya bersara dari Dewan Bahasa dan Pustaka dengan bakat yang telah pudar. Tiga puluh tahun yang bergolak telah saya sertai dengan cita-cita hendak melihat apa yang saya lihat hari ini.

Langkah-langkah panjang dari perajurit sastera Malaysia akan maju terus menghadapi masa depan dengan kelengkapan yang lebih sempurna. Dan pada saat akhir-akhir ini kita sedang memasuki pula era baru, era sastera berunsur Islam. Saya berdoa, supaya golongan sasterawan bangsa saya dihindarkan Allah dari serangan histeria dalam perutusan suci ini. Moga-moga kita akan melahirkan sastera yang mencerminkan dan menegakkan kebenaran Islam. Sekuntum lagi bunga yang indah dan suci dalam taman kesusasteraan Melayu.



INDEKS

- Abah Hayme Abdullah bin Alang Ghani, 100
- A. Bakar Hamid, 200, 201, 218, 219
- Abdullah Hussain, 190, 219
- Abdullah Kamil, 18, 48
- Abdullah Sidik, 62, 73
- Abdullah Tahir, 219
- Abdullah Zawawi, 57
- Abdul Aziz Ishak, 123
- Abdul Hamid Abdul, 38, 39, 42, 57, 147
- Abdul Jalil Haji Nor (Merayu Rawan) 102, 126, 142
- Abdul Rahim Kajai, 5, 6
- Abdul Rahman Muhammad Said, 56
- Abdul Rahman Talib, 197
- Abdul Rashid Ahmad, 152
- Abdul Razak b. Datuk Hussein, Tun, 164, 172, 181, 182, 199, 210, 213, 215
- Abdul Talib Hassan, 219
- Abu Yazid Abidin (Wijaya Mala), 74, 87, 104, 126, 132, 138, 139, 142, 179
- Abu Zaki Fadzil, 156, 166
- Adibah Amin, 189, 205, 219
- Adnan Esa, 163
- Akta Keselamatan Dalam Negeri, 197, 214
- Ahad*, 151
- Ahmad Boestamam, Datuk, 5, 34, 141
- Ahmad Bakhtiar, 62, 73
- Ahmad Lutfi, 62, 73
- Ahmad Murad, 62, 73
- Ahmadi Asmara, 153
- Ahmadiyah Press, 55, 89
- Aishah Ghani, Datin Paduka, Hajah, 198
- Akademi Sastera, 211, 212
- Academic Francaise, 212
- Alberto Moravia, 65
- Algemeene Midel baar School (AMS), 4
- Alimin, 140
- Ali Majod, 219
- Alias Ali, 190
- Ali Ahmad (Alis Murni), 218
- Ali Haji Ahmad, Datuk, 197, 198, 207
- AMCJA, 47, 67
- Aminuddin Baki, 75, 81, 160, 161
- Amir, 205
- Amir Haji Omar, 76
- Amir Hamzah, 77
- Anak Raja dan Anak Papa*, 179
- Anak Titi Wangsa*, 205, 206
- Angkatan '45, 70, 77, 78, 100, 101
- Angkatan Pemuda Insaf (API), 34, 35, 60, 61, 71, 77, 110, 125, 141
- Angkatan Sasterawan 50 (Asas 50) 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 109, 124, 126, 127, 128, 129, 130, 131, 132, 133, 135, 136, 139, 145, 147, 154, 155, 156, 157, 158, 159, 162, 163, 164, 165, 166, 169, 170, 171, 179, 183, 188, 191, 193, 195, 196, 197, 217
- Angkatan Sasterawan Negeri Sembilan (ASAS Negeri), 124
- Angkatan Sasterawan Utara Malaya (ASAS UTAMA), 124
- Anis Sabirin, 189, 190

- Anton Chekov, 65
 Anugerah Sastera, 215
 Anwar Ridhwan, 219
 Arenawati, 190, 219
 A. Samad Ismail, 18, 35, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 48, 49, 63, 65, 70, 79, 80, 82, 83, 84, 93, 102, 103, 109, 123, 124, 132, 135, 146, 147, 154, 158, 174, 190, 197, 198, 201, 214
 A. Samad Said, 166, 189, 190, 191, 193, 194
 ASEAN, 203,
 Asia Timur Raya, 17, 48
 Asraf, 87, 88, 89, 93, 99, 100, 102, 103, 104, 107, 109, 110, 126, 130, 135, 139, 142, 145, 147, 156, 157, 161, 164, 166, 197
 A. Wahab Zain, 153
 Awam-il-Sarkam, 87, 102, 126, 132, 139, 142, 143, 145, 156, 164, 166
 AWAS, 110
 Azahari Taib, 149, 151
 Azizi Abdullah, 219
 Bahagian Perkembangan Sastera, 206, 208, 209, 210, 211, 212, 213
 Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera, 210, 211
 Baharuddin Zainal, 200, 201, 218, 219
 Bahasa Jiwa Bangsa, 184, 185
 Bakhtiar Jamili, 158
 Balai Pustaka, 164, 168, 169
 Balai Pustaka, 9, 36, 70
 Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan, 203, 204
Berita Harian, 188, 189, 190, 195
Berita Malai, 17, 18
 Bukit Timbalan, 175, 177
 Bung Karim, 140
 Bung Keris, 28
 Burhanuddin Al Hilmy, Dr. 31, 105, 108, 141
 Buyong Adil, 55, 56, 102, 105, 108
Canai Bacaan, 70
 Chairil Anwar, 77
 Chan, 40
 Chiang Kai Shek, 122
 C. Skinner, 162
 Dahari Ali, 39, 43, 44, 83, 109, 146
 Dahlan Mas'ud, 39
 Dai Nipon Insatsu, 14
Dari Ave Maria ke Jalan Lain ke Roma, 79
Dori Salina ke Langit Petang, 191
de facto, 23
 de Jong, Dr, 162
Dewan Bahasa, 184, 187, 190
Dewan Sastera, 212
 Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 172, 173, 174, 175, 176, 177, 178, 179, 180, 181, 182, 183, 185, 186, 187, 188, 189, 191, 192, 193, 194, 195, 196, 197, 199, 203, 204, 205, 206, 207, 208, 209, 210, 211, 212, 213, 217, 219
 Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP), 124
 Dewan Undangan Persekutuan Tanah Melayu, 163, 164
 Darmala N.S., 219
 Dharmawijaya, 219
 Dinsman, 219
Dian Yang Tak Kunjung Padam, 70
 Donald Macgillivray, Sir, 121
 DKA, 91
 DKK, 91
 Edrus, 41, 42, 63
 Embong Yahya, Datuk, 198
 Fadhlullah Suhaimi, Haji, 123
 Fatimah Murad, 166
Fajar Asia, 17, 22, 48, 89, 99, 110
 Fasal 152, 185, 187, 192, 205
 Fatimah Busu, 219
 Fujiwara, 13
 Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA), 199, 201, 202, 215
 George Rendel, Sir, 157
 George Thompson, 58
 Gerald Templer, Sir, General, 75, 121, 122, 123, 146, 154
 Ghazali Shafie, Tan Sri, 211, 212, 213
 Gorky, 109
 Hadiah Sastera Kebangsaan, 199, 211, 212, 213, 214, 215, 217
 Hamdam, 63
 Hamzah, 54, 74, 87, 89, 95, 99, 100,

- 101, 102, 103, 104, 125, 132, 134,
139, 142, 155, 156
- Hantu Raya, 36
- Harmy, 95, 125
- Harun Aminurrashid (Harun Mohd.
Amin), 54, 55, 56, 62, 73, 102,
105, 142, 154, 158
- Hashim Awang, 218
- Hashim Hassan, 146
- Hassan Ahmad, Datuk, 207, 208, 210,
213
- Hassan Ibrahim, 200, 201, 210
- Hatta, 36, 37
- Henry Gurney, Sir, 121
- Hiburan*, 54, 55, 88, 89, 138
- Hikayat Abdullah*, 70
- Himpunan Pelajar Kolej Islam, 8
- Himpunan Pelajar Training Kolej Islam,
8, 9
- Hussein Onn, Datuk, 213, 215
- Ibn Khaldun, 37
- Ibrahim Hj. Yaacob (IBHY), 9, 10, 11,
13, 16, 18
- Ibrahim Leguri, 153
- Ibu Zain, Tan Sri, Hajah, 198
- Idris L.L.B., 4, 5
- Idrus, 77, 79
- Ikatan Penulis Melaka (IPM), 124, 139
- Ilmu Mengarang Melayu*, 176
- Ilias Zaidi, 218
- Indonesia Raya, 67
- Ishak Hj. Muhammad, 5, 10, 31, 36,
38, 39, 49, 57, 70, 71, 79, 86, 190
- Ismail Dahaman, 201
- Ismail Hussein, Prof, 52, 202, 219.
- Jaafar Muhammad, 56
- Jailani, 153
- Jamaluddin Afghanistan, 16
- Jamiyah Dahwatul Islamiyah
Singapura, 41
- Jamil Sulong, 86, 87, 104, 126, 140,
141, 142
- Johan Jaaffar, 219
- Jong Java, 7
- Jong Sumatera, 7
- Jumaat Hj. Mohd. Noor, Haji, 210
- Jus Soli, 61, 164
- Jymy Asmara, 54, 55, 87, 88, 89, 95,
96, 97, 99, 100, 102, 103, 104,
125, 137, 138, 139, 140, 141,
142, 143, 156
- Kadir Ahmad, 166
- Kamal, 45
- Kasma Bonty, 64
- Kassim Ahmad, 189, 190, 198
- Kemala, 219
- Kencana*, 34, 48, 54, 55
- Keris Mas, 33, 74, 87, 100, 103, 187
- Kerabat Kongres, 158, 159, 169
- Kesatuan Guru-Guru Melayu Singa-
pura (KGMS), 56, 89, 92, 93, 94,
95, 96, 97, 99, 100, 105, 107,
127, 131, 156
- Kesatuan Melayu Muda (KMM), 13,
14
- Khaidir Khatib, 25
- Ki Hadjar Dewantoro, 9, 36
- King Edward College of Medicine,
81
- Kongres Bahasa dan Persuratan Mela-
yu, 127, 128, 129, 130, 144,
154, 156, 157, 158, 159, 161,
163, 166, 168, 171, 178, 179,
210
- Kongres Bahasa Indonesia, 154, 158
- Korban Kesuciannya*, 74, 75
- Kumasi Haji Dainuri, 102
- Kuo Min Tang, 122
- Kurosawa, 14, 15, 16
- Latiff Mohidin, 219
- Layar Terkembang*, 9, 70
- Lembaga Bahasa Melayu (LBM), 100,
104, 105, 106, 107, 108, 124,
125, 126, 127, 131, 145, 188,
195
- LEPAS, 152
- Lukman Musa, Datuk, 163
- Lord Reid, 164
- M. Noor Azam, 158
- Madung Lubis, 70
- Mahmud Ahmad, 55, 56, 92, 93, 94,
95, 96, 99, 102, 104, 105, 106,
107, 154, 158, 173, 174, 205
- Majlis*, 9, 62, 138, 150
- Majlis Pelajaran Melayu, 159
- Maktab Perguruan Bahasa, 164
- Malayan Auxiliary Service (MAS), 11
- Malaya Publishing House (MPH), 14
- Malayan Union, 23, 61, 62, 67, 68,
121
- Malungun, 190
- Mana Sikana, 219
- Marheanisme Sukarno, 37

- Mark Twin, 179
 Mashur Malaya, 73
Mastika, 39, 42, 44, 47, 48, 49, 50,
 54, 63, 64, 65, 66, 71, 72, 75, 76,
 77, 78, 79, 80, 88, 91, 103, 124,
 129, 132, 140, 145, 156, 180,
 190
 Masuri S.N., 50, 70, 71, 77, 88, 89,
 99, 102, 103, 104, 132, 139,
 142, 156, 161, 166, 171, 191
Mata Intan, 139
 Maupassant, Guy de, 109
 Mazlan Nordin, 143
Medan Bahasa, 158
Mekar dan Segar, 198
 Melan Abdullah, 39, 57, 148
 Melayu Raya, 130
 Melayu Raya (Penerbit), 67, 89, 126,
 147, 148, 151
Melayu Raya, 87, 89, 95, 97, 98, 99,
 103, 123, 139, 140, 142, 143,
 148, 159
Memoranda Angkatan Sasterawan
 '50, 157
 MCA, 164, 195
 MIBS, 55, 76, 89
 MIC, 164, 195
Mimbar Indonesia, 77
 Mohamed Amin bin Rasimon, 100
 Mohd. Affandi Hassan, 218
 Mohd. Arif Ahmad (MAS), 54, 55,
 88, 89, 92, 93, 94, 96, 97, 98,
 99, 100, 102, 103, 104, 105,
 126, 142, 156, 158, 159, 164,
 166
 Mohd. Asri bin Haji Muda, 25, 158
 Mohd. Natsir, 36
 Mohd. Nor Ahmad, 151
 Mohd. Salleh Daud, 39, 43, 44, 57,
 83, 109, 146
 Mohd. Taib Osman, Prof., 201, 219
 Mohd. Taib Saleh, 86
 Mohd. Yusuf Saleh, 86
 Mr. X, 65
Muda Tak Sudah, 139
 Muhammad Abduh, 16, 37
 Muhammad Haniff, 177, 179
 Muhammad Hj. Salleh, 219
Musafir, 193
 Mustafa Kamil Yasin, 201
 Nero, 135
 Noh Abdullah, 162
 Norhisham Mustafa, 219
 Nora, 190
 Omar Rojek, 142
 Onn, Datuk, 61, 125, 146, 152
 Ordinansi Sekolah Liar, 14
 Othman Kalam, 108
 Othman Wok, 39, 109, 123, 146
 Oxford University Press, 197, 199
 P. Ramlee, 86
Pahlawan Rimba Malaya, 20, 21, 24,
 25, 26, 27, 28
 Pak M, 13, 14, 16, 17, 18
 Pak Sako, 17, 18
 Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan
 Bahasa (P.Bm. P.B.), 183
Panji Islam, 8, 17, 36
 Partai Kebangsaan Melayu Malaya
 (PKMM), 23, 26, 28, 29, 30, 32,
 34, 43, 45, 46, 47, 49, 52, 53, 54,
 56, 57, 58, 59, 60, 61, 71, 75, 77,
 85, 86, 105, 110, 125, 141.
 Parti Komunis Malaya, 58, 59, 60
 Partai Nasional Indonesia, 7, 37
 Partai Negara, 152
 Pasentre, 9, 36
Pedoman Masyarakat, 8, 36
Pelbagai Ceritera Melayu, 70
Pelita Bahasa Melayu, 176
Pelita Malaya, 29, 36
 Pendidikan Nasional Indonesia, 37
Penimba Akal, 70
Penyedar, 25, 28
 Perlembagaan Rakyat, 47
 Persatuan Melayu Pahang, 13
 Persatuan Muslim Indonesia (PERMI),
 7
 Persatuan Penulis Nasional (PENA),
 194, 198, 199, 200, 201, 202,
 211
 Persatuan Trengkas Melayu Institut,
 127
 Persaudaraan Malaya Indonesia (Per-
 mai), 25, 26, 28
 Persekutuan Bahasa Melayu Univer-
 sity Malaya (PBMUM), 159, 161,
 162, 163, 171, 179, 188, 195
 Persetiaan Melayu Kelantan, 25
 Pertama, 38, 39
 Piagam Kongres Bahasa dan Per-
 suratan Melayu, 128
 Priono, Prof. 171, 172
 Pujangga Baru, 9, 36, 37, 50, 70, 71,
 77

Pujangga Baru, 9, 36
 PUTRA, 47, 61
Putera Gunung Tahan, 9, 27, 70

Qalam, 73, 127

 R. A. F., 87, 143
 Raffles College, 75, 81
 Ramli Abdul Hadi, 95, 104, 107, 158,
 182
 Rashid Muhammad, 190,
 Rashid Redha, 37
Raya, 8
 Rayuan Sukma, 139

 Rechtshe Hogeschool, 7
 REME, 139
*Risalah Ejaan Baru Menurut Keputusan
 an Kongres*, 179, 180
 Romai Noor, 85, 86
 Rosmera, 54, 74, 95, 99, 100, 102,
 103, 104, 132, 139, 142
 Rosewita Haji Ali, 109
 Royal Press, 55, 56, 89
 Rohaizad, 85, 86, 142
 Rusuhan Natrah, 103, 108, 140, 142

 S. Othman, 219
 Sahabat Pena, 89, 96, 97, 100, 104,
 137, 139
 Said Zahari, 143, 197
Saka Kampung Gergasi, 139
Salina, 190, 191, 194
 Salleh Haji Ali, 147
Semangat Asia, 16, 17, 22, 48
 Seni Untuk Masyarakat, 129, 132,
 134, 135, 136, 144, 145, 154,
 155, 156
 Seni Untuk Seni, 135, 136, 144,
 145, 154, 155, 156, 158
 Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan
 Agong, 203, 204
Serita, 8
 Shahnnon Ahmad, 190, 219
 Shamsiah Fakhir, 141,
 Sheikh Tahir Jalaluddin, 45,
 Sitor Situmorang, 172
 Sophiee bin Sheikh Ibrahim, 151.
Status Quo, 23, 68
 Suhaimi Hj. Muhammad, 219
 Sujak Rahiman, Datuk, Haji, 208, 213
 Sukarno, 36, 37
 Sulaiman Alias, 200.
 Sulaiman Hamzah, 179

Sulong Haji Baiduzawi, 99
Suluh Malaya, 29, 34, 48, 49
 Sumpah Pemuda, 67
 Suruhanjaya Randel, 157, 159
 Sutan Muhammad Zain, Prof., 99, 100,
 101
 Syed Abdul Hamid Edrus, 41, 127
 Syed Edrus, 72, 73
 Syed Hussain Ali, Dr, 52, 197, 198
 Syed Jaafar Albar, 127
 Syed Nasir Ismail, Tan Sri, 182, 183,
 185, 186, 193, 203, 204, 206,
 207, 208, 218
 Syed Omar Al Habshy, 141
 Syed Omar Almashhur, 150
 Syed Sheikh Alhadi, 45

 Taha Kalu, 105, 108
 Tengku Mahmud Mahyuddin, 176
 Tunku Abdul Rahman, 164
The Prince and the Pauper, 179
The Sunday Times, 204,

 Ubaidulla, S.O.K., Tan Sri, 175
 UMNO, 45, 46, 60, 61, 62, 67, 83,
 124, 125, 127, 164, 195, 203,
 204
 Ungku Aziz, 159, 161, 172, 173,
 174, 175, 176, 177, 178, 179,
 180, 181, 182, 183
 Ungku Hassan, 40, 41, 42, 63, 64,
 65, 141, 48
Universal Humanisme, 78
 Universiti Malaya, 52, 80, 81, 158,
 161, 163, 179, 188, 195, 197,
 198, 199, 212, 219
 Usman Awang (Tongkat Warrant),
 74, 75, 103, 132, 139, 140, 142,
 143, 145, 154, 156, 157, 161,
 163, 164, 165, 190, 219
 Utusan Melayu, 7, 35, 36, 38, 39, 40,
 42, 43, 46, 53, 54, 55, 62, 63,
 64, 65, 66, 71, 72, 73, 76, 80,
 82, 83, 84, 86, 87, 88, 89, 91,
 92, 93, 96
Utusan Melayu, 22, 29, 41, 62, 63
 75, 76, 91, 99, 123, 124, 132,
 141, 146, 188
Utusan Zaman, 9, 35, 36, 38, 39, 44,
 47, 48, 49, 50, 62, 63, 65, 71, 75,
 76, 77, 78, 79, 84, 87, 88, 91, 92,
 103, 129, 132, 145, 190
Utusan Pemuda, 190

Wahi Anwar, 141
Wan Kadir Ismail, Datuk, 198
Warta Malaya, 9, 10, 73
Warta Minggu, 153
Warta Negara, 148, 149, 150, 151,
153, 155
Wataniah, 20
Westerehe bescheving, 9, 36

Yahaya Ismail, 205, 218
Yusuf Harun, 158
Yusuf Hitam, 141, 197
Yusuf Ishak, 39, 40, 42, 44, 63, 64,
65, 73, 76, 123, 146, 147, 148,
155, 173, 174
Yusuf Lana, 56

Za'ba, 70, 110, 159, 161, 172, 173,
175, 176, 177, 180, 181
Zaid Ahmad, 219
Zainal Abidin Ahmad, 17, 48
Zainal Abidin Hj. Alias (ZABHA),
5, 65
Zainal Abidin, S.M., 175
Zakaria Salleh, 151
Zaki Mohd. Isa, 149, 153
Zubir Salam, 18
Zurinah Hassan, 219

